DR. MAHATHIR

menghadapi cabaran

PENERBITAN PUSTAKA ANTARA

X 7.50.

CABARAN!

CABARAN!

PUSTAKA PERINGATAN TUN ABDUL RAZAK
Rujukan Kuiz Perdana
MALAYSIA

Oleh:
Dr. Mahathir Mohamad



1982

Penerbitan Pustaka Antara
Kuala Lumpur.

Access No: 354 · 595 MAH
Class. No: 4729 46/87

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
MALAYSIA

Penerbitan Pustaka Antara
399–A, Jalan Tuanku Abdul Rahman,
Kuala Lumpur.

– hak pengarang terpelihara –

Cetakan pertama *1976*
Cetakan kedua *1980*
Cetakan ketiga *1982*

Dicetak oleh:
Percetakan Polygraphic Sdn. Bhd.,
No. 2, Jalan 202, Petaling Jaya,
Selangor.

Bagi mengingati didikan
dan bimbingan Bapak dan
Mak juga guru-guru di
sekolah serta di rumah

15 hb. Jun 1976

KANDUNGAN

KATA PENGANTAR	
PENDAHULUAN	1
PENDAHULUAN KEPADA CETAKAN KEDUA	6
BERPOLEMIK	8
YANG MISKIN BERTAMBAH MISKIN YANG KAYA BERTAMBAH KAYA	12
"DILEMA" PELAJARAN	28
BARAT DAN TIMUR	59
MATERIALISME DAN KEROHANIAN	73
ORANG-ORANG MELAYU DAN PENGARUH KOMUNIS	104
SISTEM NILAIAN DAN ORANG MELAYU	112
ROHANIAH DAN CABARAN MODEN	128
PRESSURE GROUP DALAM DEMOKRASI	143
MEMILIK NEGARA PERUSAHAAN ASING	148
ORGANISASI DAN DISIPLIN	158
RASUAH	170
UMNO DAN PERPADUAN	187
KE MANA MALAYSIA	193

KANDUNGAN

KATA PENGANTAR

Saya beruntung dapat membaca naskah-asli buku ini sebelum diterbitkan. Diminta pula kepada saya menulis kata pengantar ini.

Saya gembira pula melihat penulis buku ini berminat besar memahami Islam. Memang sepatutnya demikian. Islam bukanlah 'wakaf' buat segolongan kaum Muslimin saja. Tetapi tiap-tiap Muslim wajib mempelajarinya dan memahamkannya dengan sebaik-baiknya.

Ilmu-ilmu yang dianggap *secular* pun bukan pula 'wakaf' buat segolongan lain. Bibit-bibit ilmu itu, sebagaimana dinyatakan penulis buku ini, adalah berasal dari kaum Muslimin. Menurut Imam Al Ghazali ada yang Fardu Kifayah mempelajarinya, seperti Ilmu Perubatan, Mathematik dan sebagainya. Segala ilmu yang dapat mengawal kaum Muslimin dari keruntuhan dan kelemahan Fardu Kifayah mempelajarinya. Begitu menurut beliau [M. Ghazali].

Ulama-ulama Islam di zaman dahulu mengetahui kedua jenis ilmu itu. Imam Al Ghazali sendiri pun demikian. Cuma masing-masing mempunyai 'ikhtisas'.

Ketika datang penjajah ke negeri kita, sebagai yang dinyatakan penulis, bangsa Melayu belum sempat memperdalam ilmu-ilmu lain dari yang bersangkut-paut dengan 'Aqidah dan 'ibadat langsung kepada Allah. Tiba-tiba Sains yang berasal dari kaum Muslimin itu dibawanya ke mari. Banyak bangsa kita menyangka bahawa itu adalah ilmu kafir. Sekolah pun terbahagi dua. Ada sekolah yang didirikan bangsa sendiri, pada umumnya hanya mempelajari soal-soal 'Aqidah dan 'ibadat secara langsung kepada Allah. Ada pula sekolah yang didirikan penjajah itu, yang hanya mengajarkan ilmu-ilmu yang dianggap *secular* itu saja. Jadi

kaum terpelajar dari bangsa Melayu terbahagi dua pula. Ada yang menguasai ilmu-ilmu yang dianggap ilmu-ilmu agama saja dan ada pula yang menguasai Sains sahaja. Tetapi gerakan untuk menyatukan kedua jenis pengetahuan itu sudah lama gerakannya berjalan di rantau ini. Haji Agus Salim, Muhammad Natsir, Prof. Dr. Haji Ali Akbar dan lain-lain di Indonesia, pada mulanya belajar pada sekolah-sekolah yang dianggap *secular* itu. Tetapi mereka masing-masing merasa berkewajipan mempelajari Islam. Di samping mereka mengetahui beberapa bahasa Eropah mereka mempelajari bahasa Arab. Sehingga tidak kurang pengetahuan Islamnya dari Ulama-ulama yang ada. Prof. Haji Ali Akbar menjadi Prof. di Fakulti Perubatan, Universitas Indonesia. Di samping itu beliau selalu membaca khutbah pada hari-hari Jumaat, menjadi imam sembahyang Tarawih pada bulan Ramadan dan memberi ceramah-ceramah agama.

Di Malaysia juga orang-orang yang berminat seperti itu tidak kurang. Kita kenal Datuk Patinggi (Dr) Haji Abdul Rahman Yaakub dan penulis buku ini. Mudah-mudahan minat yang besar itu dirahmati Allah.

Saya tertarik pula kepada soal Melayu tidak terpisah dengan Islam, sebagai yang dinyatakan penulis dalam buku ini. Memang demikian. Tidak ada satu bangsa yang terikat benar 'identitinya' dengan Islam, sebagai bangsa Melayu.

Ikatan itu sudah sejak dahulu. Kesultanan Kota Pinang di Sumatera, sungguhpun Sultan berasal dari suku Mandailing dan kebanyakan rakyat berasal dari Mandailing dan Batak, namun Kesultanan itu digolongkan kepada Kesultanan Melayu. Orang tidak ingat lagi suku asalnya. Diriwayatkan kepada saya oleh K.H. Abdul Mu'ti, Ulama tua dari Jawa, bahawa Kerajaan Demak dahulu, sungguhpun berada di pulau Jawa, namun bahasa resminya adalah bahasa Melayu. Bahasa Melayu adalah bahasa Islam di rantau ini. Tulisan yang disebut tulisan Jawi di Semenanjung Malaysia, di Indonesia disebut tulisan Melayu. Orang tidak faham kalau disebut tulisan Jawi. Mungkin hanya di pondok-pondok diketahui nama itu. Jadi bangsa Melayu, bahasa Melayu dan tulisan Melayu berikat erat dengan Agama Islam.

Seorang yang asalnya Melayu, tetapi sudah keluar dari agama Islam bangsa apakah dia?

China bukan. India pun bukan. Apa lagi Jerman, Perancis atau Portugis.

Dengan terbitnya buku ini kita mengharap supaya kesedaran ini makin mendalam kepada kita. Mudah-mudahan penulis buku ini pun, begitu pula kita semua, kiranya selamanya mendapat pertolongan Allah, petunjuknya dan selamanya pula diliputi kasih sayangnya.

Mudah-mudahan.

Petaling Jaya, 1hb. Julai 1976.

Muchtar Lintang
Pensyarah Fakulti Pengajian
Islam, Universiti Kebangsaan
Malaysia.

PENDAHULUAN

Buku ini bertujuan untuk mengumpul berbagai pendapat dan analisa yang biasa dibincang dan diutarakan oleh penulis dalam beberapa ucapan, mesyuarat, rundingan dan dialog. Perbincangan dan mesyuarat-mesyuarat ini diadakan bukan sahaja dengan orang Melayu atau ahli politik tetapi juga dengan penuntut, pakar ekonomi, diplomat asing dan lain-lain orang dari dalam dan luar negeri. Oleh demikian tajuk rencana tidaklah tertumpu kepada satu bidang sahaja, tetapi meliputi berbagai bidang.

Namun begitu, pada umumnya bidang-bidang yang ditempuh tertumpu kepada tiga perkara yang mempunyai kaitan yang rapat; iaitu orang Melayu, agama mereka dan politik mereka. Lebih umum lagi tajuk-tajuk rencana adalah tertumpu kepada nasionalisme, agama dan fahaman politik; tiga kuasa utama yang menggerak masyarakat manusia.

Tumpuan kepada tiga kuasa penggerak ini adalah disengajakan kerana bangsa Melayu menghadapi cabaran yang besar di zaman moden ini. Sama ada mereka berjaya mengatasi cabaran-cabaran yang mereka hadapi atau pun tidak, bergantung kepada pengertian mereka tentang peranan dan kesan kuasa-kuasa ini. Tidaklah keterlaluan jika dikatakan kesalahan dalam memahami atau mengguna kuasa-kuasa ini boleh melemah, bahkan menghancurkan bangsa mereka. Sejarah telah membuktikan bagaimana bangsa seperti Babylonia, Assyria, Macedonia, Carthagenia yang begitu kuat dan maju-jaya telah hilang dari muka bumi ini. Sudah tentu bangsa yang lemah seperti orang Melayu akan lebih mudah hapus jika mereka kurang faham tentang kuasa-kuasa yang ada pada mereka dan, kerana terdorong oleh nafsu, menyalahgunakan kuasa itu.

Oleh kerana rencana-rencana ini ditulis berasingan dan tidak sebagai satu siri maka terdapat kekurangan continuity atau perhubungan yang tepat di antara beberapa bab dengan bab yang berikutan dengannya. Tetapi ini tidak bermakna tidak ada continuity of ideas atau perhubungan yang tepat dari segi pemikiran.

Rencana berkenaan dengan UMNO umpamanya membicarakan satu sistem nilaian yang penting yang mendorong bukan sahaja UMNO tetapi sekalian orang Melayu. Sistem nilaian ini ialah yang bersabit dengan perasaan kebangsaan (nasionalisme) yang mana perpaduan adalah sebahagian daripadanya. Oleh itu perbincangan berkenaan dengan UMNO dan perpaduan bukan sahaja membincang politik parti UMNO tetapi juga UMNO sebagai alat kebangsaan Melayu yang membentuk perpaduan.

Orang-orang Melayu adalah satu bangsa yang unik dari segi agama. Tidak ada satu bangsa lain yang ditafsir oleh undang-undang mengikut agama. Seorang itu Melayu bukan kerana ethnicity atau rumpun bangsa, tetapi kerana dianya berbahasa Melayu, beradat istiadat Melayu dan beragama Islam. Bangsa-bangsa lain yang terkenal kerana menganut agama Islam tidak mensyaratkan Islam untuk menentukan bangsa mereka. Adalah jelas daripada ini bahawa antara Islam dengan orang Melayu hubungan yang tetap dan rapat wujud.

Hubungan yang rapat ini tidak terputus walaupun orang Melayu diancam dan dijajah oleh bangsa-bangsa bukan Islam beberapa abad. Agama lain dan godaan cara hidup barat tidak berjaya memisahkan orang Melayu daripada agama mereka. Sebaliknya apabila sahaja orang Melayu mencapai kemerdekaan dan berkuasa mereka lantas menetapkan pegangan mereka kepada Islam melalui perlembagaan yang mereka gubal.

Oleh kerana Melayu tidak boleh dipisahkan daripada Islam dan Islam pula menguasai seluruh gerak-geri hidup mati penganutnya, maka perbincangan berkenaan dengan orang Melayu mestilah melibatkan juga perbincangan berkenaan dengan agama Islam. Perbincangan ini menjadi lebih penting oleh kerana ada tanda-tanda penyalah-gunaan agama Islam secara terancang di kalangan orang Melayu sekarang.

Baru-baru ini di dalam satu majlis, seorang pensyarah telah dengan beraninya menyebut ayat-ayat Quran, Hadis dan sejarah Islam untuk menyokong pendapatnya bahawa orang Melayu, iaitu orang Islam patut bertindak supaya pemimpin sebangsa dan seagama dengan mereka dapat dibunuh dengan mudah oleh musuh Islam, iaitu Komunis. Syarahan ini secara langsung menjadikan Islam sebagai alat musuh Islam dan musuh orang Melayu.

Begitu juga dalam sebuah buku yang disebar dengan luasnya di kalangan orang Melayu suatu Hadis disalah-tafsirkan dengan tujuan mengelirukan orang Islam.

Hadis ini berbunyi:—

لَاطَاعَةَ لِمَخْلُوْقٍ فِىْ مَعْصِيَةِ الْخَالِقِ

Tafsiran penulis buku ini berbunyi: *"Jangan ditaati kepada seorang makhluk yang bergelumang dengan maksiat terhadap khaliq (Allah)"*

Jika tafsiran ini diterima maka bermaknalah apa yang diutarakan ialah peribadi orang yang memimpin dan bukan pimpinannya. Ini bermakna jika pemimpin itu buruk, walaupun ianya menyuruh pengikutnya buat baik, maka pengikut tidak harus menurut arahan ini, iaitu tidak harus buat baik. Dengan lebih jelas lagi jika pemimpin yang minum arak melarang pengikutnya daripada minum arak, ini tidak harus diturut. Ataupun jika ia menyuruh pengikut buat baik dan patuh kepada hukum-hukum Islam, ini juga tidak boleh diturut kerana pemimpin itu kononnya "bergelumang dalam maksiat."

Sebenarnya terjemahan ayat ini ialah:-

"Janganlah *(tidak boleh)* taat kepada makhluk dalam membuat maksiat kepada Tuhan."

Dengan ini adalah jelas bahawa hadis nabi mengutarakan arahan atau pimpinan yang diberi. Jika pemimpin menyuruh pengikutnya membuat "maksiat kepada Tuhan" ini tidak harus diikut. Umpamanya pemimpin yang saleh sekalipun, jika ia menyuruh minum arak, atau jangan sembahyang, arahan pemimpin ini tidak harus diturut kerana bertentangan dengan ajaran Islam dan tidak baik. Tetapi ayat ini tidak melarang pengikut daripada menurut arahan yang baik. Umpamanya kalau pemimpin yang biasa buat yang salah tetapi menyuruh umat Islam sembahyang dan taqwa kepada Tuhan, ini sudah tentu mesti diturut. Fahaman

ini penting kerana tidak ada pemimpin di dunia ini yang tidak pernah salah dan tidak berdosa. Penulis buku ini, jika boleh dianggap sebagai pemimpin tidak terkecuali.

Oleh kerana terjemahan dan tafsiran yang salah seperti ini begitu menjadi-jadi maka penulis ingin menjelaskan bagaimana agama Islam disentuh dalam buku ini. Dalam beberapa rencana, penulis memberi pendapat tentang perkara-perkara yang melibatkan hukum-hukum agama. Pendapat ini, walaupun tidak berasas kepada pelajaran secara formal dalam bidang-bidang tertentu, tetapi sebagai seorang Islam penulis telah mempelajari hukum-hukum Islam sedalam-dalamnya yang boleh melalui perbincangan, bahasan, buku-buku tafsiran dan rujukan, soalan-soalan kepada alim ulama dan bacaan Quran dengan terjemahan serta tafsiran. Selain daripada agama Islam, agama lain juga diselidik untuk bandingan dan rujukan.

Namun demikian pendapat dan ayat-ayat Quran dan Hadis yang terdapat dalam rencana-rencana ini dibincang dan dibahas khusus terlebih dahulu dengan beberapa orang yang berpengetahuan dalam bidang-bidang yang berkenaan. Di antara mereka yang membantu penulis secara langsung ialah Y.B. Senator Ustaz Othman Abdullah dan Yang Bahagia Ustaz Syed Hassan Al-Attas. Semua ayat-ayat yang disebutkan telah dibincang dan ditentukan terjemahan dan tafsiran dengan mereka atau seorang daripada mereka serta lain-lain orang dan dibanding pula dengan terjemahan dan tafsiran yang terdapat dalam "The Holy Quran" yang ditulis oleh M. Yusof Ali, dan beberapa buku lagi. Mungkin ada alim ulama yang tidak bersetuju dengan pendapat, terjemahan atau tafsiran yang terdapat dalam rencana-rencana berikutan. Mungkin juga pendapat penulis tidak betul. Tetapi penulis ingin menegaskan bahawa dalam semua yang ditulis, tidak ada tujuan atau niat untuk sengaja mengelirukan. Mereka yang lebih cekap bolehlah terang-terang mengulas dan menentang apa yang telah diperkatakan asalkan mereka juga tidak ada niat untuk sengaja membahas atau mengelirukan. Harapan penulis ialah sesuatu yang baik dan positif akan wujud dengan penulisan dan pendedahan pendapat yang terkandung dalam buku ini.

Buku ini ditulis khusus berkenaan orang Melayu dan untuk orang Melayu. Tujuannya mudah-mudahan ialah supaya orang Melayu di zaman moden dan dalam masyarakat majmuk di Malaysia ini dapat menyesuaikan diri dan bersaing sesama sendiri dan

dengan orang lain. Masalah orang Melayu dalam negara ini adalah masalah nasional, dan bukan masalah kaum orang Melayu sahaja. Kejayaan mereka atau kegagalan mereka akan melibatkan semua kaum lain. Oleh itu penulis tidak menganggap dirinya sebagai pelampau Melayu kerana menulis rencana-rencana ini. Tidak akan ada ketenangan dan ketenteraman dalam masyarakat majmuk tanpa pembangunan yang seimbang.

Akhirnya penulis mengucap terima kasih bukan sahaja kepada Y.B.Senator Othman Abdullah dan Ustaz Hassan Al-Attas, tetapi juga kepada ramai orang-orang lain yang telah menolong secara langsung dan tidak langsung menjayakan penulisan buku ini. Beberapa orang akan sedar apabila membaca buku ini bahawa pendapat dan tafsiran yang terdapat dalam rencana-rencana yang berikut telah pun dibincang dengan mereka dahulu. Penulis tidak menerangkan tujuan menulis buku ini di waktu membincang dengan mereka. Penulis terhutang budi kepada mereka dan di samping mengucap terima kasih, memohon maaf kerana tidak menyatakan hasrat penulis awal-awal lagi.

Penulis juga ingin rakamkan penghargaan yang tinggi dan mengucap terimakasih kepada Cik Mynoon Hussein dan jurutaip-jurutaip yang telah menyediakan manuscript untuk buku ini.

Kepada Syarikat Pustaka Antara dan Datuk A. Aziz bin Ahmad penulis mengucap terima kasih kerana sanggup bersabar dan melayan semua teguran dan kehendak penulis.

"Tak akan Melayu hilang di Dunia," kata Hàng Tuah.

Sama ada harapan ini menjadi kenyataan atau tidak, tidak bergantung kepada mengulangi kata-kata hikmat ini. Ianya bergantung kepada apa yang dilakukan oleh orang Melayu sendiri.

Mahathir b. Mohamad.
Jun 1976.

PENDAHULUAN KEPADA CETAKAN KEDUA

Penulisan sesebuah buku atau rencana berasas kepada pengalaman dan pengetahuan penulis. Tidak mungkin pengalaman dan pengetahuan ini sama seratus peratus dengan yang dipunyai oleh pembaca. Sebenarnya perbezaan ini amat jauh sekali.

Oleh sebab ini dua perkara biasanya berlaku. Yang pertama penulis biasanya membuat anggapan bahawa apa yang di perkatakan sudah jelas kerana pembaca memang tahu latarbelakang perkara yang dibincangkan. Sebaliknya kenyataan adalah berbeza sekali. Pembaca bukan sahaja tidak mempunyai latarbelakang yang sama tetapi mungkin bertentangan. Kesannya ialah pembaca tidak tahu dengan jelasnya apa yang hendak diperkatakan oleh penulis atau maksud penulis yang sebenar.

Menyedari hakikat ini, dalam menyemak buku ini penulis telah cuba mencari apa-apa yang mungkin tidak jelas atau mempunyai makna yang mungkin berbeza-beza kepada pembaca-pembaca. Percubaan dibuat untuk menulis semula beberapa ayat supaya maksudnya tidak bergantung kepada latarbelakang penulis. Dalam pada itu penulis masih sedar bahawa setelah dibetulkan, salahfaham dan salahtafsir masih boleh berlaku. Sudah tentu bagi mereka yang ingin berbuat demikian, salahtafsir masih boleh dibuat. Sebagai seorang ahli politik risiko ini adalah perkara biasa.

Perkara yang kedua yang biasanya berlaku apabila semakan dibuat ialah penambahan kepada apa yang telah ditulis. Penambahan ini bukan sahaja kerana ingin menjelas dengan lebih terang dan tepat apa yang telah ada dalam buku tetapi untuk menokok kepada hujjah-hujjah yang telah dibuat dahulu. Dalam pada itu ada pula tulisan-tulisan lama yang perlu dikeluarkan. Perbuatan ini tidak mengubah makna dan maksud tulisan lama. Pengeluaran dibuat kerana tulisan yang lama mungkin mengeliru dan mempunyai tafsiran yang tidak begitu tepat.

Dengan dilakukan kedua-dua perkara dalam semakan ini,

adalah diharap edisi ini menjadi lebih baik dari edisi pertama. Tidak ada perbezaan pendapat oleh penulis antara buku pertama dan yang kedua ini.

Dalam cetakan yang kedua buku ini satu bab lagi telah ditambah. Tajuk bab baru ini ialah "Yang Miskan Bertambah Miskin, Yang Kaya Bertambah Kaya!" Bab ini ditulis kerana sejak dikeluarkan cetakan pertama, pengaruh materialisma Barat nampaknya semakin kuat. Di samping itu reaksi setengah anggota masyarakat terhadap materialisma ialah penolakannya yang menyeluruh. Kedua-dua perbuatan iaitu menerima sepenuh atau menolak terus, tidak menyerupakan tindakan yang wajar dan waras.

menilai tindakan-tindakan yang terlampau ini dan menggambarkan apakah sikap yang patut diambil. Sekali lagi panduan dicari dari firman Tuhan.

Kesederhanaan mudah diperkatakan tetapi tidak mudah ditentukan. Di antara masyarakat manusia tafsiran terhadap perbuatan yang dikatakan melampaui batas tidaklah sama. Apa yang terlampau dalam satu masyarakat pada satu ketika, biasanya tidak terlampau dalam masyarakat yang lain pada ketika yang sama. Di dalam masyarakat yang sama pula anggotanya tidak sependapat tentang apa yang terlampau dan apa yang tidak.

Akibat dari perbezaan pendapat antara masyarakat dan di antara anggota sesuatu masyarakat, penentuan tidak dapat dibuat tentang apa dianya kesederhanaan. Sebab itu bab yang baru ini mengulang bahasan yang sama berkali-kali. Dianya juga mengulang bahasan yang terdapat dalam lain-lain bab, umpamanya "Kebendaan dan Kerohanian".

Sepertimana penulis telah menjelaskan, buku ini bukan untuk memulakan saru siri polemik. Namun begitu, penulis telah membaca teguran-teguran yang dibuat oleh berbagai pengkritik. Malangnya penulis tidak menjumpai teguran yang berasas kepada kajian. Hampir semua teguran didapati berasas kepada sikap pengkritik yang dari awal lagi tidak secocok dengan pendapat penulis. Teguran yang membena dan mempunyai lojik tidak banyak didapati. Di samping itu ada juga yang melihat sesuatu yang baik dari penulisan buku "Menghadapi Cabaran" ini.

Kepada semua pihak penulis mengucap ribuan terimakasih.

BERPOLEMIK

Berpolemik sudah menjadi satu tradisi bagi orang Melayu sehingga tidak ada satu pendapat yang tidak dibahas dengan panjang lebar. Dari perbahasan yang berlaku bukan sahaja sesuatu pendapat itu tidak dapat diterima kerana beberapa keburukan yang didedahkan oleh pihak-pihak yang mengkiritik, tetapi pendapat-pendapat semua pengkritik juga dibahas dan kelemahan masing-masing didedahkan. Keputusan atau hasil dari tiap-tiap siri polemik ialah bukan sahaja pendapat yang asal tidak dapat diterima atau diamalkan, tetapi semua pendapat lain yang dikemukakan dalam perbahasaan yang berlaku juga tidak boleh diterima.

Oleh kerana tidak ada satupun yang boleh diterima maka tidak satupun yang akan diturut. Dengan ini keadaan asal dikekalkan walaupun jelas keadaan asal itu tidak sempurna dan perlu ditukar. Yang lebih buruk lagi ialah pendapat-pendapat yang bertentangan yang disuarakan di waktu membahas menambah kekeliruan di kalangan anggota masyarat. Apabila dikaji teguran dan polemik itu bukan sahaja tidak memberi apa-apa faedah tetapi menambah masaalah dan kerumitan dalam mengatasi cabaran terhadap masyarakan Melayu khususnya.

Dalam sejarah Melayu banyaklah pendapat yang bernas telah mengalami nasib seperti ini. Tiap-tiap kali sesuatu pendapat dianjurkan, tenaga dan fikiran ditumpukan bukan kepada perlaksanaannya tetapi kepada perbahasan yang tidak putus-putus. Tabiat berpolemik ini sudah begitu sebati dengan orang Melayu sehingga ada yang menulis buku dengan tujuan melancarkan satu siri polemik. Pendapat penulis ini ialah kononnya berpolemik menajamkan fikiran dan adalah satu intellectual exercise. Apakah orang Melayu perlu menghabiskan masa dengan intellectual exercise ataupun mereka perlu bertindak untuk mengatasi seribu-satu masalah yang mengancam mereka?

Rencana-rencana yang berikut tidak bertujuan untuk melancarkan satu lagi siri plemik. Rencana-rencana ini adalah

pendapat penulis berkenaan dengan cara-cara mengubah sikap dan membetulkan sistem nilaian yang dianggap penting dalam menghadapi cabaran-cabaran zaman ini. Pembaca boleh menerima atau menolak pendapat-pendapat ini mengikut kehendak dirinya. Yang penting bukanlah meneliti pendapat yang di kemukakan untuk mencari kelemahan yang sudah tentu mudah dikenalkan apabila itu yang dicari tetapi menerima apa yang boleh diterima. Jika cuma satu sahaja dari beberapa pendapat yang dikemukakan di sini di terima oleh seseorang, penulisan buku ini sudah mencapai matlamatnya.

bena ialah sikap menunggu sehingga pihak lain mengambil langkah pertama dahulu. Sikap ini lebih mudah difaham melalui contoh bagaimana kembangnya penyalah-gunaan dadah di kalangan belia Melayu.

Di waktu penyakit menyalah-gunakan dadah mula merebak, seorang peminpin belia yang terkenal telah berkata, 'Apakah sangat perkara hisap dadah di kalangan belia ini sedangkan begitu banyak orang dewasa dan pemimpin yang minum arak'. Pendapat ini diulang oleh beberapa tokoh, termasuklah beberapa orang 'ulama'.

Minum arak memang salah dan tidak patut dibuat.

Tetapi apakah oleh kerana orang lain minum arak maka pandangan yang berat tidak harus diberi kepada penyalah-gunaan dadah.

Sesuatu yang tidak baik, tidak boleh jadi baik. Apa yang tidak baik patut disingkir kerana ianya tidak baik. Jika perbuatan yang tidak baik cuma akan disingkir setelah perbuatan-perbuatan yang lain yang tidak baik sudah dihapuskan, maka yang manakah yang hendak dihapuskan dahulu. OLeh kerana semua pihak menunggu pihak yang lain, tiada siapa pun yang akan mengambil langkah pertama. Akibatnya ialah semuanya yang tidak baik akan berkekalan. Pendapat seperti yang disuarakan oleh pemimpin belia tadi bermakna sehingga orang dewasa berhenti minum arak belia tidak boleh disalahkan kerana menghisap dadah. Oleh kerana kemungkinan semua orahg dewasa berhenti minum arak tidak boleh diharapkan, maka penyalah-gunaan dadah juga akan kekal. Apakah ini yang kita suka lihat? Tidakkah kita ingat bahawa pada satu masa dahulu walaupun ada orang dewasa yang minum arak, tidak ada penyalah-gunaan dadah berlaku dikalangan belia. Belia tahun

limapuluhan tidak menyalah-gunakan dadah walaupun orang dewasa dimasa itu suka minum arak?

Pendapat seperti inilah yang menolong mengembangkan penyalah-gunaan dadah dan keruntuhan akhlak yang menyertainya.

Dalam rencana-rencana yang berikut terdapat beberapa pendapat dan cadangan. Mungkin ada di antara yang banyak ini, satu dua yang boleh diterima oleh akal seorang pembaca. Jika ianya menunggu sehingga orang lain menerima atau mengamalkan apa yang diterimanya dahulu, penerimaannya tidak berbeza daripada penolakan. Dengan itu maka penulisan buku ini juga merupakan satu pembaziran.

Buku ini ditulis dengan tujuan yang tertentu. Kata Hang Tuah, 'Tak akan Melayu hilang di dunia'. Maksudnya bukan supaya pepatah ini disuarakan dalam sajak dan pidato untuk melegakan hati tetapi lebih merupakan satu harapan. Samada harapan Hang Tuah akan menjadi kebenaran atau tidak bergantung kepada orang Melayu sendiri. Tujuan buku ini ialah menganalisa dan menentukan sebab sesuatu itu terjadi dengan kepercayaan bahawa mengenal sebab merupakan langkah pertama ke arah pemulihan. Dengan ini mungkin harapan Hang Tuah tidak akan tinggal harapan sahaja.

Sejarah mana-mana golongan manusia memang ada zaman yang gelap dan zaman yang cerah. Sesuatu bangsa tidak akan mundur selama-lamanya. Juga sesuatu bangsa tidak akan maju selama-lamanya. Empayar Greece, Rom, Parsi, Sri Vijaya, Melaka, British, semuanya mengalami nasib yang sama. Pada satu ketika maju dan kuat sehingga tidak dapat difikir yang empayar itu boleh lenyap. Tetapi semuanya akhirnya lemah dan hancur.

Kejadian cycle lemah-maju-lemah ini, jika dikaji ada kaitan yang tetap dengan sistem nilaian sesuatu bangsa. Apabila kerajinan, kecekapan, kebenaran dan ketertipan dan nilai lain yang baik dijunjung tinggi dan diamalkan, kemajuan tetap tercapai. Tetapi apabila nilai-nilai ini dipandang rendah, atau jika dipandang tinggi sekalipun tetapi tidak diamalkan, maka lambat-laun bangsa itu akan menjadi mundur.

Orang Melayu di saat ini menghargakan nilai yang tinggi tadi, tetapi masing-masing mengharap orang yang lain di antara mereka yang mengamalkan nilai itu. Kerajinan umpamanya dianggap sebagai sesuatu sikap yang baik. Tetapi sekarang bukan

sahaja ahli-ahli masyarakat Melayu yang memperakui kerajinan itu baik tidak rajin, tetapi ramai yang memperolok-olokan orang yang rajin belajar, atau rajin bekerja atau rajin mencari kejayaan. Hakikat ini adalah jelas. Selagi mereka tidak sanggup mengakui hakikat ini selama itulah mereka akan tinggal dalam keadaan yang terdapat sekarang. Nasib mereka ditangan mereka. Kesalahan mungkin ada di tangan orang lain tetapi orang Melayu sahajalah yang boleh nementukan nasib diri mereka sendiri.

Tuhan tidak akan mengubah nasib sesuatu bangsa itu melainkan bangsa itu sendiri mencuba memperbaikinya. Untuk memperbaiki sesuatu, yang penting bukan mempamirkan kehandalan berbahas dan berpolemik, tetapi menerima apa yang boleh diterima dan mengamalkannya. Jika terdapat apa-apa pendapat yang baik yang patut diturut dalam rencana-rencana yang berikut, turutkanlah sahaja. Yang lain boleh diketepikan. Sebarang percubaan untuk mencabar penulis supaya pengkritik dapat menonjolkan kecekapannya tidak akan dilayan. Pengkritik jika ingin bolehlah menulis rencana atau bukunya sendiri untuk mempengaruhi masyarakat dengan fikirannya yang orginal. Pepatah berkata, "Those who can, do; those who can't, teach," dan terjemahan secara bebas berbunyi, "Mereka yang tahu membuat; mereka yang tidak, mengajar (atau mengkritik)."

YANG MISKIN BERTAMBAH MISKIN, YANG KAYA BERTAMBAH KAYA!

Di masa-masa yang lampau ini fahaman-fahaman dan lojik materialisme mudah mempengaruhi masyarakat manusia. Secara langsung ini adalah kesan pemikiran serta sistem nilai Barat yang begitu tertaksuf dengan kebendaan sebagai asas hidup. Nilai yang berasas kepada rohaniah, ketenangan jiwa dan kepercayaan kepada perasaan yang lebih tinggi dari nafsu tidak ada tempat dalam hati sanubari orang Barat

Di kalangan orang Islam di Malaysia, khususnya orang Melayu, nilai materialisme Barat ini sudah berkembang dan menjadi begitu kuat sehingga mereka yang menyeru agar kerohanian dan bukan kebendaan mempengaruhi jiwa, mereka juga mengukur penghargaan terhadap kerohaniah dengan imbuhan material, iaitu nilai material yang diberi kepada usaha menyeru ke arah kerohaniah atau kegiatan yang berunsur rohani.

Dalam keadaan yang mana materialisme begitu kuat pengaruhnya, maka tidak hairanlah jika nilai-nilai material diguna untuk membendung dan menguasai gerak dan tindak-tanduk masyarakat.

Masyarakat materialis memandang kepada pemilihan harta kekayaan sebagai asas suka-duka manusia. Lebih banyak harta atau perolehan, lebih gembiralah, kononnya manusia. Dan sebaliknya, pemilikan harta atau punca kekayaan yang kurang, bermakna kecelakaan, kehinaan dan penderitaan.

Berasas kepada fahaman dan nilai materialis inilah maka satu cogankata digubah untuk mempengaruhi fikiran dan emosi masyarakat. Cogankata inilah "yang kaya menjadi lebih kaya, dan yang miskin, lebih miskin." Digubal dan dilaungkan oleh orang-orang sosialis di Barat, cogankata ini sudah menular ke seluruh dunia, dan, di antara orang-orang dan masyarakat yang terperangkap dengan cogankata ini ialah orang Melayu di Malaysia.

Dalam ideologi Komunis soal kekayaan dan kemiskinan menguasai fikiran dan jiwa sepenuhnya. Agama, yang memberi nilai kepada kerohanian di samping penerimaan kesan kebendaan di dunia, dianggap oleh Komunis sebagai candu. Maksud Komunis agama mengakui ada nilai yang lebih tinggi dari materialisme yang boleh memberi ketenangan dan kebahagiaan kepada manusia. Nilai ini yang dikenalkan sebagai nilai kerohaniah, memesungkan penumpuan manusia yang beragama daripada soal miskin dan kaya material yang menjadi asas falsafah Komunis. Oleh kerana agama menenangkan jiwa melalui penghargaan kepada kerohaniah, maka persengketaan antara yang miskin dan yang kaya tidak begitu ketara. Bagi Komunis ketenangan yang wujud kerana agama adalah sama dengan ketenangan dari candu. Komunis tidak suka kerana keamanan ini akan menjejas rebutan kuasa dan penindasan yang menjadi asas perjuangan mereka.

Tetapi Komunis, kerana berterus-terang mengecam agama dan menafikan Tuhan tidak mudah dikembangkan di kalangan masyarakat yang beragama, terutama masyarakat Islam. Walaupun mereka berusaha untuk membuktikan bahawa Islam dengan Komunis tidak begitu bertentangan dan ada unsur-unsur yang sama, orang Islam tidak dapat dipengaruhi dan terus menolak komunisme sebagai ideologi atau sistem politik.

Tetapi lain pula dengan sosialisme. Sosialisme tidak secara langsung menentang agama dan adakalanya didapati seolah-olah secocok dengan agama, termasuklah agama Islam. Persaudaraan dan persamaan antara manusia dengan manusia bukan sahaja tidak bertentangan dengan Islam tetapi sebenarnya adalah sebahagian dari asas Islam. Tetapi asas persaudaraan dan persamaan sosialis ialah kebendaan yang tidak menitik-beratkan kerohanian. Dan ini amat berbeza dari asas persaudaraan dan persamaan dalam Islam.

Dalam fahaman sosialis tidak cukup manusia dilahirkan sama tetapi persamaan material secara tepat mesti wujud sebelum keadilan dianggap tercapai. Oleh kerana persamaan material menjadi tumpuan mereka, maka setiap masa mereka mengukur dan membanding pemilikan harta kekayaan yang ada pada tiap-tiap seorang ahli masyarakat. Dan tiap-tiap kali mereka banding, akan terjumpalah mereka dengan kepincangan dan perbezaan yang tidak dapat tidak mesti wujud dalam apa juga masyarakat

manusia. Oleh sebab perbezaan ini maka masyarakat sosialis tidak boleh sunyi dari rebutan dan rampasan harta sepanjang masa.

Satu alat untuk menyamakan kekayaan yang dipercayai oleh sosialis ialah pemilikan negara. Kononnya jika perdagangan dan perusahaan dimilik negarakan maka pembandingan keuntungan akan menambah pendapatan pekerja kerana negara sebagai majikan tidak akan membolot semua keuntungan untuknya. Selain daripada ini perbezaan antara pendapatan berbagai jenis pekerja, tinggi dan rendah akan dapat dikurangkan dan mungkin dihapuskan.

Tetapi semua ini adalah khayalan. Yang pertamanya jika negara (Kerajaan) mendapat untung daripada satu-satu perusahaan, ianya tidak dapat membahagikan keuntungan itu kepada pekerja dalam perusahaan itu sahaja. Negara (kerajaan) bertanggungjawab kepada semua pekerja dan juga semua rakyat. Jika semua orang mesti mendapat pendapatan yang sama dalam masyarakat sosialis maka keuntungan daripada sesuatu perusahaan mestilah dijumlah kepada kerugian di lain-lain perusahaan dan perniagaan milik negara dan kepada lain-lain perolehan Kerajaan dan selepas itu dibahagikan.

Malangnya pekerja dalam sesuatu perusahaan yang mendapat keuntungan tidak pula sanggup keuntungan ini dijadikan sebahagian dari perolehan negara. Perbuatan ini, pada mereka, adalah sama dengan cukai ke atas keuntungan (pendapatan) yang dahulu dikenakan kepada majikan swasta. Mereka mahu keuntungan ini untuk mereka sendiri dan bukan untuk pekerja dari perusahaan yang rugi dan untuk rakyat lain.

Sebaliknya pekerja dalam perusahaan negara yang rugi menuntut supaya negara sebagai majikan menampung kerugian itu dari punca yang lain. Jika semua perusahaan sudah dimilik-negara, cukai pendapatan syarikat tidak ada lagi. Untuk menampung kerugian Kerajaan tentulah bergantung kepada perusahaan yang untung tadi, yang pekerjanya tidak suka keuntungan diberi kepada orang lain.

Sementara masalah ini mencabar pentadbiran, soal perbezaan pendapatan terus mengancam negara sosialis dengan nilai materialnya. Semua pekerja mahu pendapatan yang sama atau hampir sama. Malangnya tugas dan tanggungjawab pekerja tidak sama dan tidak boleh disamakan. Sementara golongan rendah mahu mengurangkan atau menghapuskan jurang perbezaan antara mereka

dengan yang berpendapatan tinggi, golongan atasan mahu nilai ekonomi (material) diberi kepada tugas, tanggungjawab dan kecekapan yang lebih diperlukan dari mereka. Jika pendapatan disamakan juga, minat bekerja golongan atasan akan hilang. Sebaliknya selagi persamaan pendapatan tidak tercapai golongan bergaji rendah akan kecewa dan mengancam kestabilan negara.

Pihak pentadbiran pula memerlukan wang untuk pembangunan negara. Pendapatan rakyat yang tinggi dan sama tidak bermakna selagi kemudahan hidup tidak ada. Jikalau semua perusahaan dimilik negarakan, pentadbiran (kerajaan) sendiri mesti menyediakan jalan, rumah, sekolah, hospital, air, api dan seribu jenis keperluan hidup masyarakat. Untuk semua ini, sepatutnya keuntungan dari perusahaan negara akan menampung. Tetapi keuntungan ini dituntut oleh pekerja di dalam perusahaan masing-masing dan juga perusahaan yang lain yang rugi. Jika pentadbiran bergantung kepada keuntungan ini untuk membiayai keperluan tadi, pekerja tidak dapat membahagikan semua keuntungan antara mereka supaya mendapat tambahan perolehan hasil dari khidmat mereka. Kerajaan (pentadbiran) terpaksa mengambil sebahagian dari perolehan perusahaan untuk membiayai khidmat-khidmat lain.

Berhadapan dengan masalah pembiayaan khidmat awam Kerajaan terpaksa mengutip cukai dari pendapatan rakyat walau apa pun punca pendapatan mereka. Sungguhpun di negara sosialis pendapatan pekerja mungkin tinggi tetapi hampir semua mereka termasuk yang bergaji rendah sekali terpaksa membayar cukai atas pendapatan mereka. Ini menjadikan pendapatan mereka yang sebenar (real income) rendah dan tidak mencukupi. Di beberapa buah negeri sosialis pendapatan pekerja, selepas dibayar cukai menjadi lebih rendah daripada pendapatan orang-orang yang tidak bekerja yang diberi elaun pengangguran (dole) oleh Kerajaan. Dengan ini ramai yang tidak ingin bekerja lagi dan ini menjejaskan pembangunan ekonomi negara.

Selain daripada masalah-masalah yang disebutkan di atas dan kegagalan sistem sosialis menyamakan pendapatan rakyat, dua perkara yang penting berlaku dalam masyarakat sosialis. Yang pertamanya ialah nilai kebendaan menguasai fikiran secara langsung dan mempengaruhi semua gerak-geri masyarakat dan individu. Nilai-nilai lain seperti kerohaniah termusnah akibat penghargaan terhadap kebendaan yang menyeluruh. Yang keduanya, pendekat-

an kepada ideologi komunisma menjadi lebih mudah dan ketara.

Dalam masyarakat yang terpengaruh dengan fahaman sosialis, ukuran kebendaan menakluk semua yang dilakukan. Ukuran ini dibuat sepanjang masa dan dalam semua bidang. Sepanjang masa soal miskin dan kaya menjadi tumpuan perhatian. Kekayaan dituntut oleh semua pihak tetapi walaupun kekayaan dicapai, perbandingan yang biasanya dibuat dengan mereka yang lebih kaya sahaja (tidak pernah dengan yang lebih miskin) menimbulkan kekecewaan. Untuk menentukan perbandingan ini dibuat sepanjang masa cogankata seperti "yang miskin lebih miskin, dan yang kaya lebih kaya" dilaungkan. Dengan ini maka masyarakat tidak dapat mencapai ketenteraman.

Ukuran ini menjadi lebih aneh dan buruk apabila dikaitkan secara langsung dan tepat dengan suka-duka manusia. Mengikut masyarakat materialis pendapatan yang lebih bermakna kebahagiaan dan kesukaan, dan pendapatan yang kurang bermakna kedukaan yang sama tahapnya dengan tahap kekurangan itu. Dengan perkataan lain suka-duka manusia berasas dan boleh diukur dengan harta dan pendapatannya.

Oleh sebab ini, pemimpin yang terpengaruh dengan fahaman sosialis tidak boleh melihat orang yang kurang pendapatan bersukaria. Tiap kali mereka ini bersukaria, pemimpin sosialis membuat bandingan antara mereka dengan orang yang berpendapatan lebih. Jikalau jarak perbezaan didapati sudah kurang, mereka tidak senang dan terus membuat perhitungan lain untuk menunjuk bahawa sebenarnya "real income" dan sebagainya sudah kurang. Walau apa sekalipun kenaikan pendapatan, mereka akan membuktikan bahawa "yang miskin adalah lebih miskin, dan yang kaya lebih kaya". Dan dengan itu yang bersukaria tadi perlu sedih dan kecewa dengan keadaan mereka.

Sebenarnya kejadian yang mana yang miskin menjadi lebih miskin secara "absolute" dalam sebuah negara yang membangun seperti Malaysia tidak mudah berlaku. Lebih tepat lagi pendapatan seorang yang miskin tidak mudah menjadi kurang dari dahulu, melainkan ia berhenti kerja terus dan menganggur. Pendapatannya akan bertambah walau apa pun punca pendapatannya (gaji, hasil pertanian, hasil penternakan, untung perniagaan dan lain-lain) kerana nilai punca pendapatan meningkat sepanjang masa. Yang menjadi masalah ialah keinginan dan keperluannya bertambah lebih cepat dari pendapatannya. Umpamanya kalau dahulu seorang

petani pergi ke bandar dua atau tiga bulan sekali, sekarang kerana perjalanan lebih mudah (dan murah) ia ke bandar seminggu sekali. Kalau dahulu ia puashati dengan lampu minyak tanah, sekarang ia mahu lampu letrik, radio dan lain-lain. Inilah yang dikatakan "revolution of rising expectation" dan ini menjadikan pendapatan selalu tidak mencukupi. Keadaannya menjadi lebih sulit kerana ada orang yang sengaja menarik perhatian kepada jarak antara yang diperolehinya dengan apa yang diminatinya (expectation). Jika dibanding antara kehendak hati dengan keupayaan memenuhinya, maka tentulah semua orang miskin. Tetapi jika dibanding antara pendapatan dahulu dan sekarang ia kaya. Sudah tentu kalau dibanding dengan orang yang kaya, melalui proses yang sama, sudah menjadi lebih kaya, si miskin nampaknya lebih miskin.

Mereka yang berkepentingan suka menunjuk kepada kemiskinan dan bukan kepada kekayaan. Yang tidak ditekankan ialah, dalam masyarakat moden, yang kaya dikenakan cukai yang tinggi untuk membiayai sara hidup orang yang miskin. Jika "real income" (iaitu selepas cukai dibayar) dibanding, perbezaan pendapatan antara miskin dan kaya tidak begitu ketara. Juga tanpa yang kaya, yang miskin akan menjadi lebih miskin kerana tenaga dan hasil usaha mereka tidak akan dapat pasaran yang tinggi.

Untuk memahami dengan jelas bagaimana yang kaya diperalatkan oleh masyarakat untuk membiayai orang miskin kita boleh membuat analisa terhadap pendapatan seorang yang mendapat katakanlah setengah juta ringgit pada satu tahun. Cukai pendapatan yang dikenakan meningkat 50 peratus ke atas sebahagian besar daripada pendapatan ini. Perkiraan kasar cukai pendapatan yang mesti dibayar olehnya ialah $200,000/-. Dari baki sebanyak $300,000/- ia mungkin membayar gaji pekerja peribadi seperti pemandu kereta, tukang kebun, penjaga rumah, tukang masak, pelayan rumah dan lain-lain. Ini bermakna bahawa pendapatan orang kaya ini memberi peluang kerja kepada orang yang mungkin menganggur jika tidak mendapat peluang ini.

Dari baki pendapatannya banyak barang-barang perlu dan barang mewah akan dibeli pada tiap-tiap bulan. Hampir semua barang ini dikenakan cukai. Cukai yang tertinggi ialah ke atas barang mewah yang begitu digemari oleh orang kaya. Pembelian barang-barang perlu dan mewah bermakna cukai terdapat oleh Kerajaan, keuntungan akan terdapat oleh pekedai (dan keuntungan ini akan dikenakan cukai lagi oleh Kerajaan) peluang kerja di kedai

akan wujud bagi beberapa orang dan lain-lain peluang kerja juga wujud yang terlibat dalam perusahaan membuat, mengimpot atau membahagi barang-barang yang dibeli oleh orang kaya tadi.

Katakanlah setelah dibelinya semua barang yang hendak dibeli olehnya, si kaya masih mempunyai wang baki, apakah kesan wang ini kepada masyarakat? Jika ia menyimpan dalam bank, selain daripada menambah wang yang boleh diberi pinjam oleh bank, faedah simpanan ini akan dikenakan cukai lagi. Jika ia melabur dalam perusahaan, peluang kerja akan bertambah bagi yang menganggur, dan keuntungan dari pelaburan akan dikenakan cukai lagi. Jika ia membeli harta, keuntungan yang terdapat oleh penjual harta akan dikenakan cukai oleh Kerajaan. Jika ia simpan dan kumpul di rumah semua baki pendapatan, akhirnya ia akan mati dan selain daripada cukai harta si mati, semua yang dikumpul akan dibelanjakan oleh zuriatnya. Dan tiap-tiap kali perbelanjaan ini dibuat, cukai akan dikutip oleh Kerajaan, peluang kerja akan wujud, peniaga lain dapat mencari keuntungan dan ramai lain yang dapat mencari nafkah.

Hakikat yang sebenar ialah dalam sebuah negara yang ditadbir secara adil dan mengenakan cukai mengikut taraf kekayaan, mereka yang kaya dipaksa membiayai yang miskin secara langsung dan tidak langsung. Peluang kerja yang mereka adakan dan keuntungan yang didapati oleh peniaga daripada perbelanjaan orang kaya membiayai secara langsung orang lain. Cukai yang mereka bayar secara tidak langsung membiayai orang yang kurang bernasib baik melalui kemudahan seperti hospital, sekolah, jalan dan lain-lain khidmat dan kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan.

Di Malaysia, dari penduduk yang berjumlah 12,000,000 cuma 500,000 sahaja (atau seorang daripada 12 orang dewasa) yang membayar cukai pendapatan. Jumlah cukai yang dibayar oleh mereka ialah $2,500 juta pada satu tahun. Bilangan yang kecil yang membayar cukai disebabkan oleh pengecualian yang diberi kepada lebih kurang 2,500,000 orang pekerja yang pendapatan mereka dianggap rendah. Di negara yang mirip kepada sosialisma seperti Britain, semua orang yang bekerja dan mempunyai pendapatan yang tetap dikenakan cukai. Ini bermakna yang gaji rendah juga dikenakan cukai. Dengan ini hasil negara memang bertambah tetapi beban yang ditanggung oleh pekerja gaji rendah adalah begitu berat sehingga mereka sering menuntut gaji tambahan. Tetapi di Malaysia oleh kerana mereka yang berpendapatan rendah tidak dikenakan

cukai, beban mereka tidaklah begitu berat. Juga perbezaan pendapatan antara mereka dengan yang kaya tidak bertambah kerana potongan cukai.

Polisi mengenakan cukai cuma ke atas mereka yang berpendapatan tinggi sahaja adalah wajar dan adil. Dengan polisi ini yang pintar mencari kekayaan terpaksa menyumbangkan kepintaran kepada masyarakat, khususnya kepada mereka yang tidak begitu cekap atau bernasib baik. Kesannya bukan sahaja perbezaan pendapatan dikurangkan antara miskin dan kaya, tetapi semua pihak dapat merasai nikmat daripada hidup bermasyarakat, dan nikmat daripada sumber alam dan akal-fikiran manusia; iaitu daripada semua kurniaan Tuhan. Semakin kaya sebahagian ahli masyarakat semakin banyak nikmat yang dirasai oleh bahagian-bahagian yang lain yang tidak atau kurang bernasib baik.

Mungkin ada yang berkata bahawa kalaulah mereka kaya mereka juga sanggup membayar cukai yang tinggi. Oleh itu jika semua orang menjadi kaya maka bukan sahaja kutipan cukai akan bertambah tetapi beban Kerajaan membantu yang miskin akan berkurangan.

Malangnya jika semua orang menjadi kaya, mereka tidak sebenarnya kaya. Ini disebabkan oleh kenaikan yang keterlaluan nilai pasaran semua tenaga manusia. Kerana pekerja mesti dibayar gaji yang tinggi untuk menjadikannya setaraf dengan orang kaya, hasil pengeluarannya mestilah tinggi harganya. Orang yang 'kaya' yang akan membeli barang ini terpaksa membayar harga yang begitu tinggi sehingga baki pendapatan yang tinggal kepadanya tidak boleh membeli lain-lain barang. Jika orang yang kaya tidak dapat membeli barang-barang yang banyak mengikut sesuka hatinya, ia sebenarnya tidak kaya. Dan pekerja yang dibayar gaji yang begitu tinggi juga tidak akan dapat membeli semua yang mereka ingin membeli kerana harga barang yang terlalu tinggi. Jika tidak siapa pun boleh belanja sesuka hati mereka, kekayaan tidak mempunyai makna. Keadaan yang wujud adalah sama seperti keadaan dalam inflasi di mana pendapatan bertambah tetapi keupayaan membeli-belah merosot kerana harga yang tinggi. Hakikat yang sebenar ialah dalam keadaan yang semua orang mendapat pendapatan yang tinggi, mereka tidak menjadi kaya tetapi sebaliknya menjadi miskin.

Tuntutan kepada kekayaan yang sama bagi semua manusia seperti dibuat oleh orang sosialis dan komunis berasas kepada

khayalan yang didorong oleh nafsu yang tamak dan perasaan hasad dengki. Hasil dari percubaan ini bukan sebenarnya kekayaan yang sama tetapi kemiskinan yang sama. Hakikat ini dapat dilihat di negara-negara komunis dan sosialis di mana pekerjanya dan lain-lain golongan semuanya miskin. Yang kaya adalah mereka yang menyebarkan fahaman sosialis dan komunis yang telah mendapat tempat sebagai pemimpin (tempatan dan negara). Mereka ini hidup senang-lenang, berjalan ke sana ke sini dan dapat memenuhi jika tidak semua dari kehendak mereka, sekurang-kurangnya sebahagian yang lebih besar daripada yang diperolehi oleh rakyat biasa.

Miskin dan kaya adalah keadaan yang relatif. Kekayaan bermakna pemilikan harta atau pendapatan yang lebih daripada yang lain. Jarak perbezaan antara kedua golongan ini mesti wujud sebelum ada kekayaan. Jika jarak ini terlalu jauh dan kegelisahan berlaku, masyarakat boleh mengurangkannya. Di sini terdapat dua sikap yang berlainan yang mempengaruhi masyarakat. Satu pendapat ialah kekayaan orang yang kaya mesti dirampas dan diberi kepada yang miskin supaya tidak lagi ada perbezaan antara miskin dan kaya. Hasil dari tindakan ini ialah semua akan jadi miskin. Buktinya ialah di mana saja ini dicuba kesan sebenar ialah rakyat akan menjadi miskin dan menjadi hamba kepada Kerajaan. Di samping itu negara akan menjadi miskin kerana daya pengeluarannya akan terjejas.

Pendapat yang kedua ialah kekayaan orang yang kaya tidak perlu dirampas sekaligus tetapi dikenakan cukai yang tinggi. Ini tidak menjejas usahanya untuk mencari kekayaan, tetapi sebahagian dari kekayaan yang didapati olehnya dimiliki secara tidak langsung oleh rakyat yang miskin melalui cukai. Lebih banyak harta kekayaan yang ia mencari, lebih banyak nikmat akan dirasai oleh rakyat lain.

Oleh kerana minat kepada kekayaan adalah perkara semulajadi dan minat ini tidak dihapuskan, mereka yang pintar mencari kekayaan dapat diperalatkan oleh masyarakat. Mereka akan mengadakan kilang-kilang perusahaan dan perniagaan yang besar yang bukan sahaja akan menambah cukai yang boleh dikutip tetapi mengujudkan peluang kerja yang banyak.

Sungguhpun orang yang pintar mencari kekayaan boleh diperalatkan oleh masyarakat, nisbah cukai pendapatan yang dikenakan mestilah ditetapkan pada paras yang tidak mematikan minatnya untuk berusaha lagi untuk menambah kekayaannya. Di Britan

di mana cukai sebanyak 95%dikenakan, usaha mencari kekayaan terhenti. Mereka yang tidak dapat elak daripada mendapat pendapatan yang tinggi berhijrah ke negara lain di mana cukai tidak begitu tinggi.

Orang yang kaya dalam konteks ini samalah dengan angsa yang bertelur emas. Jika disembelih semua telur yang ada padanya boleh didapati sekaligus tetapi tentulah lebih wajar dan menguntungkan jika ia dipelihara. Logik cerita dongeng ini jelas sekali tetapi apabila manusia dipengaruhi oleh nafsu tamak dan irihati, tidak ada logik yang dapat menahan. Sebab itu kita sering melihat rampasan harta kekayaan berlaku dan ideology sosialis dan komunis dianuti, dan diamalkan. Kerana tamak kepada kekayaan material, hasilnya bukan kemewahan tetapi pengabdian rakyat kepada negara.

Hakikat ini jelas terdapat di mana-mana negara yang tidak mempunyai orang kaya. Tiada siapa dalam negara-negara ini yang akan mendapat hasil yang tinggi dari usaha dan khidmat mereka. Semuanya menjadi lebih miskin. Di negara komunis semua menjadi hamba kepada negara dengan pendapatan dan cara hidup yang tidak berbeza dari hamba abdi di zaman purba. Di negara sosialis walaupun tuntutan pendapatan yang lebih dilayan berpuluh kali, keluhan tentang kemiskinan tidak pernah berhenti barang sesaat pun.

Demikianlah kesan materialisma yang tidak terhad dalam masyarakat manusia. Seluruh anggota masyarakat akan diserang dan dipengaruhi sepanjang masa oleh perasaan benci, dengki dan irihati dan ketenangan jiwa serta keamanan masyarakat tidak akan tercapai selama-lamanya. Jika ada suatu usaha membakar hati anggota masyarakat untuk menentang pihak yang kononnya menyebabkan "kemiskinan" mereka, maka dengan mudahnya mereka akan bangun memberontak. Dan inilah yang dikehendaki sangat oleh mereka-mereka yang sering menyebut cogankata "yang miskin menjadi lebih miskin dan yang kaya menjadi lebih kaya." Mereka yang menggunakan cogankata ini bukan berniat memperbaiki kedudukan di miskin tetapi semata-mata ingin memperalatkan si miskin. Jika mereka berjaya dalam perjuangan yang mereka laungkan, hasilnya ialah seperti dijelaskan tadi, iaitu masyarakat materialis jenis sosialis atau komunis yang penuh dengan kemiskinan dan pengabdian.

Oleh kerana sosialisma mengutamakan kebendaan dan mengaitkan suka-duka manusia dengan pemilikan harta maka masyarakat yang sudah terima nilai ini lebih mudah menerima ideologi komunis yang lebih tepat mengabdikan kepada nilai-nilai material. Sementara sosialis membenar nilai dan kepercayaan lain, komunis tidak memberi tempat langsung kepada nilai yang tidak material. Bagi komunis kebahagiaan manusia cuma boleh dicapai jika semua harta kekayaan negara dirampas dan dimiliki oleh negara dan dibahagikan "sama rata" oleh negara kepada rakyatnya.

Memandang bahawa cara sosialis tidak berjaya (dan tidak mungkin berjaya) menyamakan pemilikan harta benda dan perolehan tiap-tiap individu dalam masyarakat, ramai dari penganut sosialis bersedia menerima ideologi dan sistem komunis. Dalam ideologi komunis individu tidak wujud sebagai individu tetapi semata-mata sebagai seorang ahli masyarakat negara (state). Persamaan berlaku apabila semua ahli masyarakat mengabdikan diri kepada state. Dengan perkataan lain persamaan adalah persamaan antara hamba abdi. Walau apa pun jurusan dan bidang yang disertai oleh semua hamba-hamba ini mereka diberi saraan yang sama. Oleh kerana negara memerlukan peruntukan wang yang banyak untuk alat dan kemudahan pentadbiran dan alatan perang, maka upahan kepada rakyat sebagai hamba abdi negara tidak dapat ditinggikan. Mereka cuma boleh diberi perbelanjaan yang cukup untuk keperluan hidup sahaja.

Miskin dan kaya tidak bermakna dalam masyarakat komunis, kerana kononnya tidak ada yang mendapat lebih atau kurang daripada yang lain. Bahawa sebenarnya semua menjadi miskin kerana kehidupan di taraf yang rendah tidak diambil-kira. Bagi komunis yang diutamakan ialah persamaan pendapatan yang kononnya menghapuskan perasaan irihati di antara manusia. Oleh itu masyarakat komunis didakwa oleh mereka menjadi tenang dan bahagia.

Tetapi kenyataan amatlah berlainan daripada teori-teori ini. Tidak ada bukti masyarakat komunis adalah lebih bahagia. Taraf hidup sebagai hamba kepada negara, yang sebenarnya bermakna pengabdian kepada beberapa kerat manusia yang mempunyai kuasa, tidak mungkin membawa kebahagiaan. Ketenangan tidak wujud secara sepontan dan benar. Ketenteraman yang terdapat dalam negara komunis adalah akibat pemerintahan kuku besi yang mengguna polis dan tentera untuk menindas rakyat.

Kajian terhadap sistem dan ideologi sosialis dan komunis menunjuk bahawa materialisma dengan sendirinya tidak dapat memberi kebahagiaan kepada manusia dan masyarakatnya. Memang benar pemilikan harta boleh memuaskan hati, tetapi kepuasan hati ini cuma tercapai jika harta yang dimiliki adalah lebih daripada yang dimiliki oleh orang lain. Inipun buat sementara sahaja. Bandingan akan dibuat pula dengan orang lain dan ada saja kelebihan orang lain. Dengan ini kekecewaan wujud semula. Jika komunis atau sosialis berjaya menyamakan pendapatan semua rakyat di paras yang tinggi, kepuasan hati tidak akan tercapai juga. Jika mereka gagal dan pendapatan serta harta terus berbeza maka irihati antara satu sama lain berterusan. Dengan perkataan lain masyarakat yang berpegang semata-mata kepada materialisma tidak akan capai kebahagian.

Oleh itu, sementara pemilikan harta kekayaan tidak boleh diketepikan terus dalam susunan nilai masyarakat manusia, nilai-nilai lain yang tidak berasas material perlu diberi tempat dan dihargai oleh masyarakat manusia. Nilai-nilai rohaniah boleh mematah terus desakan alam material di keliling seseorang. Orang-orang yang betapa di atas gunung misalnya boleh mengatasi tekanan material. Tetapi sekali lagi penghargaan yang secara total kepada nilai rohaniah tidak mungkin diamalkan oleh semua ahli masyarakat . Juga pegangan kepada nilai rohaniah semata-mata tidak akan dapat menghapuskan masalah kehidupan manusia bermasyarakat.

Sebabnya tentulah jelas. Jika semua ahli masyarakat melupakan dunia secara terus dan langsung dan betapa di atas gunung, hidup berkeluarga tidak akan wujud dan manusia akan hilang dari muka bumi ini dalam satu generasi. Perbuatan ini adalah lebih buruk dari pembunuhan diri seseorang. Ia sebenarnya menjadi satu jenis "genocide". Jika pembunuhan diri seseorang dilarang bagi orang Islam perbuatan genocide ini adalah sama dengan menghancurkan agama Islam.

Jika cuma sebahagian sahaja yang bertapa dan yang lainnya bekerja untuk memelihara orang yang bertapa dan juga untuk diri sendiri, ini bermakna bahawa kegiatan dunia dengan nilai-nilai keduniaan adalah perlu, walaupun untuk orang yang bertapa. Amatlah tidak adil jika agama memberi "pahala" yang banyak kepada orang yang bertapa sedang "ibadat" itu bergantung kepa-

da "kegiatan keduniaan" orang lain. Ketiadaan amalan bertapa dalam agama Islam tentulah mudah difaham dari ini.

Sebenarnya keadaan yang mana sebahagian meninggal terus keduniaan dan sebahagian lagi memelihara masyarakat melalui "kegiatan keduniaan" tidak mungkin berlaku. Dunia dan kehidupan adalah penuh dengan pancaroba dan ancaman. Di zaman Nabi Muhamad s.a.w. sekalipun berbagai ancaman menyerang mereka yang kepercayaannya kepada nilai-nilai rohaniah amatlah kukuh. Untuk mengatasi serangan ini, semua umat Islam pada masa itu, termasuk Nabi Besar kita sendiri memberi perhatian kepada berbagai kegiatan keduniaan. Kekayaan harta benda, kecekapan berperang dan susunan pentadbiran yang tertib adalah di antara kegiatan yang penting yang diusahakan oleh semua penganut Islam untuk mempertahan nilai-nilai rohaniah serta agama Islam. Tentulah tidak wajar memikir bahawa kegiatan untuk dunia dan akhirat dapat dibahagi-bahagikan dalam masyarakat manusia sekarang jika ia tidak boleh dibahagikan di zaman Nabi.

Daripada perbincangan ini yang nyata ialah nilai rohaniah ataupun nilai material dengan sendirinya tidak boleh memelihara dan memberi kebahagiaan kepada kehidupan manusia. Untuk kesempurnaan dan kesejahteraan masyarakat manusia samada kecil atau besar, satu imbangan antara nilai material dan nilai rohaniah adalah perlu. Yang menjadi masalah ialah apakah nisbah kedua-dua sistem nilaian ini yang boleh menghasilkan kebahagian yang diidamkan.

Trend di zaman ini adalah ke arah materialisma lebih dari kerohaniah. Memang benar ramai juga yang menyeru ke arah kerohaniah, tetapi, seperti yang disebutkan tadi mereka yang menyeru kepada kerohaniah sendiri terkongkong oleh kebendaan sehingga nilai rohaniah ditafsir mengikut nilai material. Sebab itu zaman ini terpaksa dianggap sebagai zaman materialisma.

Ramai pula yang mempertahankan pengaruh material kononnya kerana ini berasas kepada keadaan semula jadi manusia, sebahagian dari "human nature". Tetapi manusia tidak seharusnya terkongkong dengan keadaan semula jadi. Bezanya antara insan dengan haiwan ialah keupayaan nisan membendung perasaan semula jadi. Manusia dapat mengenal dan mengkaji sesuatu yang melibatkannya untuk menentu baik buruk perkara itu. Hasil dari kajian ini, samada secara ilmiah atau tidak, manusia membentuk

sikap dan sistem nilaiannya. Manusia, khususnya masyarakat manusia, biasanya membuang yang buruk dan mengamalkan yang baik.

Trend ke arah materialisma di zaman ini jelas memburukkan masyarakat manusia. Menangkis trend ini dengan seruan ke arah amalan nilai rohaniah 100 peratus tanpa mengambil kira nilai material bukan sahaja tidak mungkin berjaya tetapi tidak akan membawa kebahagiaan kepada kehidupan manusia. Oleh itu mereka yang berpengetahuan dan yang sedar perlulah seru dan menunjuk tauladan bahawa penyembahan nilai material seperti terdapat sekarang dikurangkan bukan diganti sepenuh oleh nilai rohaniah yang keterlaluan tetapi dengan perimbangan antara nilai material dan rohaniah. Sebagai contoh kerja patut dijalankan bukan semata-mata kerana pendapatan darinya tetapi kerana tugas yang dibuat itu adalah baik dan berfaedah kepada diri dan masyarakat. Oleh sebab itu kerja patut membangga dan menggembira hati dan menangkis perasaan yang sekarang dikenal sebagai "frast" kerana tidak mendapat imbuhan mengikut kehendak hati (nafsu).

Bagi orang Islam jalan tengah ini ialah jalan yang baik yang dituntut seperti dalam firman Tuhan yang berikut:

وَاقْصِدْ فِي مَشْيِكَ وَاغْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ
إِنَّ أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ لَصَوْتُ الْحَمِيرِ.

- سورة لقمان، اية: ١٩

(*Surah Lukman - Ayat 19*)

Tafsirannya:

> *"Dan sederhanalah kamu dalam berjalan dan lunakkanlah suara kamu. Sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keledai."*

Sejarah Islam menunjuk dengan jelas kesederhanaan dalam semua tindak-tanduk penganutnya. Kekayaan tidak ditentang dan sudah tentu tidak diharamkan. Apa yang dikehendaki oleh agama ialah yang kaya menolong yang miskin dengan sukarela iaitu dengan bersedekah dan juga melalui pembayaran zakat dan fit-

rah. Dengan ini masyarakat tidak akan menghadapi masalah kepincangan yang keterlaluan.

Oleh kerana pembayaran zakat adalah sebahagian daripada tanggungjawab orang yang kaya, dianya tidak boleh sombong dan merasai seolah-olah orang yang miskin sepatutnya terhutang budi kepadanya. Tetapi jika ia bersedekah, iaitu mengeluar lebih daripada yang diwajibkan, maka penghargaan terhadap budi baiknya tetap akan wujud dalam masyarakat. Ini akan memperbaiki lagi suasana dalam masyarakat dan menjadinya lebih tenteram dan bahagia.

Berhubung dengan kemiskinan pula, agama Islam memandang berat terhadapnya sehingga kemiskinan dianggap sebagai hampir kepada kekufuran. Sementara masyarakat bertanggungjawab terhadap pemiliharaan ahlinya yang miskin, tidak ada bukti bahawa kemiskinan dan mengemis dianggap mulia seperti dalam beberapa agama lain. Perbuatan mengemis dengan membaca Quran di tepi-tepi jalan tidak ada tempat dalam agama Islam seperti ternyata dalam ayat:-

وَآمِنُوا بِمَا أَنْزَلْتُ مُصَدِّقًا لِمَا مَعَكُمْ وَلَا تَكُونُوا أَوَّلَ كَافِرٍ بِهِ وَلَا تَشْتَرُوا بِآيَاتِي ثَمَنًا قَلِيلًا وَإِيَّايَ فَاتَّقُونِ. - سورة البقرة، اية: ٤١

(Surah Al-Baqarah, Ayat: 41)

Tafsirannya:

"Dan berimanlah kamu kepada apa yang telah Aku turunkan (Quran) yang membenarkan apa yang ada padamu (taurat) dan janganlah kamu menjadi orang yang pertama kafir kepadanya, dan janganlah kamu menukarkan (menjual) ayat-ayatKu dengan harga yang rendah dan hanya kepada Allah kamu harus bertaqwa."

Diperhatikan dari apa sudut sekalipun agama Islam jelas tidak menjunjung tinggi kemiskinan atau menentang kekayaan. Sebaliknya kesederhanaan dalam semua kegiatan diutamakan dan di

samping itu masyarakat bertanggungjawab mengurangkan kepincangan di dalamnya.

Kesederhanaan bergantung kepada penguasaan fikiran yang waras ke atas nilai dan sikap yang terlampau, samada nilai-nilai ini berasas kepada kebendaan atau kerohanian. Nilai dan cogan-kata-cogankata penganut sosialis dan komunis yang tertumpu kepada kebendaan semata-mata tidak ada tempat dalam masyarakat Islam, bahkan dalam apa juga masyarakat. Oleh itu adalah penting cogankata yang berasas kebendaan tidak dilaung dan di sambut tanpa menyedari tentang tujuan dan kesannya. Lebih-lebih lagi, janganlah cogankata "yang miskin menjadi lebih miskin dan yang kaya lebih kaya" disebutkan dengan tidak menghiraukan kebenaran.

"DILEMA" PELAJARAN

..... akhirnya turunlah Malaikat Jibril ..... (lalu) memeluk baginda sekuat-kuatnya, kemudian dilepaskannya: lalu berkata: "Bacalah!" Jawab baginda: "Saya tidak pandai membaca." Sekali lagi Jibril memeluknya, kemudian dilepaskannya seraya berkata: "Bacalah!" Tubuh baginda terasa sakit dan takutnya bukan kepalang lagi, baginda terus menjawab: "Saya tidak pandai membaca." Barulah Jibril baca:

اِقْرَاْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِىْ خَلَقَ. خَلَقَ الْاِنْسَانَ
مِنْ عَلَقٍ. اِقْرَاْ وَرَبُّكَ الْاَكْرَمُ الَّذِىْ عَلَّمَ
بِالْقَلَمِ. عَلَّمَ الْاِنْسَانَ مَالَمْ يَعْلَمْ.

- سورة العلق، الاية: ١-٥

"Bacalah dengan nama Tuhanmu yang menciptakan. Dia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmu itu Maha Pemurah. Yang mengajarkan dengan pena (tulis baca) *Mengajar manusia apa yang belum diketahuinya." Surah, Al-'Alaq: 1-5)*

Inilah ayat-ayat al-Quran al-Karim yang mula-mula sekali diturunkan. Baginda disuruh baca. Perkataan "baca" ialah perkataan pertama dalam ayat yang pertama diturunkan dalam al-Quran al-Karim.

Peranan membaca dalam mengembangkan agama Islam adalah jelas dan tepat. Begitu juga peranan membaca dalam bidang pelajaran dan perkembangan ilmu pengetahuan.

Dalam nota kepada ayat 4 surah al 'Alaq *(Iqraa')*, A. Yusuf Ali, penterjemah al-Quran berkata, *"The symbol of a permanent revolution is the mystic Pen and the mystic Record.*

"The Arabic words for "teach" and "knowledge" are from the same root. It is impossible to produce in a translation the complete orchestral harmony of the words for "read", "teach", "pen" (which implies reading, writing, books, study, research), "knowledge" (including science, self knowledge, spiritual understanding), and "proclaim" an alternative meaning of the word "to read" (Iqraa') ....."

"Baca", arahan pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w., memainkan peranan yang terpenting sekali dalam perkembangan agama Islam. Tanpa kebolehan membaca ajaran-ajaran Quran dan Hadis Nabi tidak akan dapat dikembangkan. Orang yang boleh "baca" adalah orang yang terpelajar dalam mana-mana masyarakat. Pelajaran dan keupayaan membaca adalah hampir "synonymous" iaitu hampir sama tafsirannya. Oleh kerana Islam menggalak "baca" maka pelajaran dengan sendirinya berkembang di mana juga Islam berkembang. Sejarah Islam membuktikan kenyataan ini dan mana-mana saja orang memeluk agama Islam, membaca dan ilmu pengetahuan turut mencerahkan alam penganut-penganut Islam ini.

Desakan orang Melayu supaya lebih banyak peluang pelajaran diberi kepada anak-anak mereka memang sesuai dengan ke-Islaman mereka dan memberi gambaran bahawa pendirian mereka terhadap pelajaran adalah positif dan tegas. Sebenarnya, jika dikaji dan diteliti, orang Melayu masih belum dapat mempastikan apakah peranan yang boleh dimainkan oleh Pelajaran dan apakah sikap yang patut mereka amalkan terhadapnya.

Mereka masih khuatir pelajaran seperti yang diberi di sekolah dan institusi pelajaran tinggi mungkin membentuk nilai-nilai baharu yang tidak sesuai bagi orang Melayu. Di sebaliknya pula mereka takut tanpa pelajaran mereka akan ditinggal zaman dan tidak akan hidup sempurna. "Dilemma" ini menjadi lebih rumit kepada orang Melayu kerana mereka berada di sebuah negara berbilang kaum. Sesuatu langkah yang silap mungkin melipat-gandakan jurang perbezaan antara mereka dengan kaum-kaum yang lain.

Kekhuatiran orang Melayu tentang kemungkinan nilai-nilai baharu yang berunsur materialisme menggantikan nilai-nilai ke-

rohanian kerana menuntut pelajaran yang dikenali oleh mereka sebagai *secular* atau "*Pelajaran* Barat" (Western Education) berasal daripada sejarah perkembangan pelajaran secara tersusun dan meluas di negara ini. Sungguhpun ada bukti bahawa orang Melayu boleh menulis dan membaca sebelum kedatangan Islam; tetapi tidaklah dapat dinafikan bahawa 'pelajaran' secara meluas dan tersusun cuma bermula apabila mereka memeluk agama Islam.

'Pelajaran' yang disampaikan kepada orang Melayu oleh orang-orang Arab dan India Islam di waktu orang Melayu mula memeluk Agama Islam ialah pelajaran khusus berkenaan dengan aqidah (keyakinan atau kepercayaan) dan ibadah. Ini memang wajar kerana agama yang mereka baru anuti ini bukan sahaja patut difaham dengan sedalam-dalamnya tetapi kepercayaan mereka yang sebelumnya mestilah dikikis seberapa yang boleh.

Agama Hindu dan kepercayaan *animist*, iaitu kepercayaan kepada berbagai roh yang terdapat pada semua makhluk, tumbuhan, tempat dan benda yang terdapat di kalangan orang Melayu sebelum datangnya Islam membentuk dan menguasai peribadi mereka. Kepercayaan ini amatlah tebal dan kuat, dan tidak sekocok dengan Agama Islam sama sekali. Jika orang Melayu hendak diIslamkan maka kepercayaan lama ini mesti dikikis dan digantikan dengan fahaman Islam yang kukuh dan jelas. Sebab itu pelajaran berkenaan aqidah dan ibadah dalam Islam adalah penting bagi orang Melayu, bukan sahaja pada permulaan penerimaan Agama Islam oleh mereka tetapi buat selama-lamanya. Ada bukti yang menunjukkan bahawa jika pelajaran dalam bidang-bidang Islam ini diabaikan, kepercayaan animisme yang lama mudah menguasai balik jiwa orang Melayu.

Pembentukan tulisan Jawi untuk Bahasa Melayu juga bertujuan mengembang dan memudahkan fahaman Agama Islam. Tulisan Jawi yang digunakan untuk menterjemah, mentafsir dan menerangkan ajaran dan hukum-hukum Agama Islam, digunakan juga untuk mengembangkan sastera Melayu atau mencatit sesuatu peristiwa ataupun untuk mengarang buku atau rencana lainnya. Tetapi penggunaan tulisan Jawi umumnya lebih tertumpu kepada perkembangan pengetahuan dalam aqidah, ibadah, syariah dan lain-lain bidang yang ada kaitan secara rapat dengan mengamalkan hukum-hukum Islam.

Oleh kerana pelajaran orang Melayu setelah mereka memeluk Agama Islam lebih ditumpukan khusus ke bidang aqidah, ibadah, akhlak dan sepertinya, ilmu-ilmu lain yang diteroka dan dirintis oleh pujangga dan ahli sains dan Hisab Islam tidak berkembang dalam masyarakat Melayu. Sebab itu pembangunan yang berlaku dalam masyarakat mereka setelah menganut Islam terhad kepada amalan rukun-rukun Islam dan hukum-hukumnya yang ketara dan sebahagian dari nilai-nilai hidup Islam sahaja. Bahawa Islam adalah agama yang cukup sempurna yang diturunkan oleh Allah s.w.t. melalui baginda Rasulullah s.a.w. untuk disampaikan kepada seluruh umat manusia sampai ke akhir zaman dan di dalamnya terkandung satu sistem hidup dan kehidupan yang luas dan menyeluruh untuk kebahagiaan hidup manusia di dunia dan di akhirat tidak menjadi nyata setelah peng-Islaman orang Melayu. Oleh kerana ke-Islaman orang-orang Melayu terhad kepada bidang-bidang tertentu sahaja, maka keagungan Islam tidak kelihatan dalam pembangunan orang Melayu selepas memeluk agama Islam dan perkembangannya terhad kepada mereka sahaja. Sebaliknya peng-Islaman orang Arab telah membawa kepada pembangunan dan kebesaran yang merebak kepada orang-orang Turki, orang Slav, orang Parsi, orang India dan orang Melayu di sebelah Timur dan orang Berber, orang Egypt dan orang Eropah di sebelah barat.

اَلَّذِيْنَ يَذْكُرُوْنَ اللّٰهَ قِيَامًا وَّقُعُوْدًا وَعَلٰى
جُنُوْبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُوْنَ فِيْ خَلْقِ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضِ
رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هٰذَا بَاطِلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا
عَذَابَ النَّارِ.

- سورة آل عمران، الآية: ١٩١

"Orang-orang yang mengingati Allah ketika berdiri dan duduk, ketika berbaring, dan mereka memikirkan tentang kejadian langit dan bumi sambil berkata, "Wahai Tuhan kami, Tidaklah Engkau menjadikan ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, peliharalah kami dari seksa neraka."

(Surah, al-'Imran: 191)

Orang yang mengingati Allah sepanjang masa serta memikirkan tentang langit dan bumi dan tidak mensia-siakan kurniaan Tuhan tentu akan menjadi bukan sahaja orang yang kukuh imannya tetapi juga orang yang berpengetahuan tentang alam sekelilingnya. Dengan perkataan lain ia akan menjadi orang yang beriman dan terpelajar *(atau berilmu)* dan bukan orang yang semata-mata beriman tetapi tidak memahami pemberian Tuhan serta tidak berpengetahuan.

Ayat ini dan beberapa ayat lagi dalam al-Quran menegaskan pentingnya memerhati dan memikir tentang apa yang dijadikan oleh Tuhan sambil mengingati-Nya.

Seterusnya di dalam al-Quran di samping mengandung hal-hal yang bersifat ibadah kepada Allah seperti shalat, puasa, naik haji, juga mengandung hal-hal yang berkenaan dengan kenegaraan *(politik)*, ekonomi, sains dan teknologi, peperangan jenayah, perkahwinan, akhlak, pendidikan, seni sastera dan sebagainya.

Pembangunan dan kemajuan yang terdapat di Asia Barat, Afrika Utara, Sepanyol, Eropah Timur, Asia Tengah dan Asia Selatan setelah Islam berkembang di sana kurang terdapat di negeri-negeri Melayu. Walaupun mungkin ada sebab-sebab yang lain pembangunan yang lemah ini tentu disebabkan di negeri-negeri Melayu hanya sebahagian sahaja dari ajaran-ajaran Islam yang diambil berat dan yang lainnya, khusus hal-hal yang berkenaan dengan "keduniaan" ditinggalkan. Hal ini bertentangan dengan seruan Allah dalam surah al-Qasas: 77, yang berbunyi:

وَابْتَغِ فِيمَآ اٰتٰىكَ اللّٰهُ الدَّارَ الْاٰخِرَةَ وَلَا تَنْسَ
نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَاَحْسِنْ كَمَآ اَحْسَنَ

اللّٰهُ اِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِي الْاَرْضِ اِنَّ اللّٰهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِيْنَ.

- سورة القصص، اية: ٧٧

"Dan carilah dengan (kekayaan) yang diberikan Tuhan kepada engkau kebahagiaan akhirat, dan jangan engkau lupakan nasibmu di dunia ini dan buatlah kebaikan sebagaimana Allah telah berbuat kebaikan kepadamu, dan janganlah engkau melakukan kebencanaan di muka bumi. Sesungguhnya Tuhanmu tidak mencintai orang-orang yang melakukan kebencanaan."

(*Surat, Al-Qasas, Ayat 77*)

Apabila British mula menjajah negeri-negeri Melayu dan mengadakan sekolah-sekolah untuk melatih kakitangan pemerintahan mereka, pelajaran di kalangan orang Melayu masih terhad kepada pelajaran aqidah, akhlak dan ibadah dalam Islam. Konsep pelajaran sebagai alat pengetahuan umum atau khusus untuk melatih pekerja adalah satu konsep yang baru dan asing kepada mereka. Mereka memandang perkembangan sistem persekolahan yang diperkenalkan oleh British sebagai pelajaran asing dan "secular" dengan perasaan was-was dan curiga, terutama terhadap kesan Agama Islam yang mereka anuti.

Perasaan curiga ini bertambah apabila sebilangan besar daripada sekolah-sekolah di zaman British ditubuh dan diuruskan oleh berbagai pertubuhan mubaligh Kristian. Sekolah-sekolah ini disamping menyampaikan pelajaran "secular" mengadakan juga pelajaran dan dakwah Agama Kristian. Beberapa sekolah pertubuhan mubaligh Kristian dilengkapkan dengan gereja-gereja kecil dan tanda-tanda salib.

Tidaklah hairan kebanyakan orang Melayu menyangka dan berpendapat bahawa semua pelajaran yang diadakan di sekolah-sekolah *Inggeris* adalah pelajaran agama Kristian ataupun berasas kepada agama Kristian. Mereka berpendapat pelajaran *"secular"* ini bukan sahaja tidak berfaedah dan bertentangan de-

ngan Islam tetapi mungkin melemahkan kepercayaan mereka kepada agama Islam. Pendapat ini menyebabkan sikap yang negatif umumnya terhadap pelajaran dan persekolahan secara teratur dan moden yang diadakan oleh penjajah British.

Sikap ini menjadi lebih keras apabila penjajah British memperkenalkan pelajaran di sekolah Inggeris sebagai *Western Education* atau "Pelajaran Barat". Tafsiran pelajaran ilmu-ilmu yang dibawa oleh British sebagai pelajaran "secular" atau "western" adalah begitu berkesan dalam membentuk sikap orang Melayu sehingga sikap ini menjadi sebahagian daripada peribadi mereka. Sehingga sekarang tentangan terhadap apa yang dikatakan "*secular education*" masih terdapat dan perbahasan tentang baik buruknya pelajaran yang dikatakan bukan pelajaran "agama" berlaku sepanjang masa.

Oleh sebab pandangan seperti ini masih terdapat ataupun keraguan masih ada maka minat atau pencapaian orang Melayu dalam berbagai ilmu pengetahuan yang penting amatlah kurang. Tiap-tiap kali dilancarkan usaha untuk meninggikan kecapaian orang Melayu dalam berbagai ilmu, keraguan tentang kesan terhadap keagamaan menghalang kejayaan.

Apakah benar pelajaran-pelajaran yang diperkenalkan oleh penjajah sebagai "*secular*" atau "*western education*" berasal daripada barat dan adakah pelajaran ini bertentangan dengan agama Islam? Untuk menjawab soalan yang begitu merunsingkan fikiran orang Melayu, kita perlu meneliti dan membandingkan sejarah Islam dan sejarah negara-negara Eropah, yang umumnya dikenalkan sebagai Barat.

Dalam zaman Jahiliah, Eropah termasuk Rome dan Greece telah menempuh zaman gelap atau *The Dark Ages*. Ahli sejarah Barat menyebut abad kelima (470 A.D.) Masihi sebagai tarikh permulaan The Dark Ages (juga dikenal sebagai *The Medieval Ages*). Di zaman ini penduduk benua Eropah berada dalam keadaan yang cukup mundur. Sistem feudal menjadikan orang Eropah hamba abdi kepada beberapa raja atau *princes* yang kejam. Raja dan rakyat kebanyakannya buta huruf. Cuma beberapa orang padri sahaja yang boleh menulis dan membaca.

Serangan oleh orang-orang *Barbarians*, satu kumpulan manusia ganas yang tidak berperikemanusiaan, kasar dan suka membunuh dan berperang, telah menghancurkan Empayar Rom dalam abad keempat hingga ketujuh. Orang-orang Barbarians ini mendi-

rikan beberapa negeri kecil yang tidak kukuh atau kekal dan kerap berperang sesama sendiri. Dalam keadaan tidak tenteram dan penindasan petani (peasants) oleh raja-raja feudal pelajaran dan kebudayaan tidak kembang dan tidak maju. Zaman gelap ini terus berada daripada abad kelima sehingga ke abad empat belas apabila Zaman Moden (Modern Civilization) bermula dengan *The Renaissance* (kelahiran semula) disebabkan oleh penyerapan peradaban Islam di Sepanyol (755 / 1492) dan Asia Minor.

Sebaliknya zaman Islam dari permulaan abad ketujuh bukan sahaja membawa cahaya keagamaan yang benar tetapi satu perkembangan pelajaran dan kebudayaan yang pesat dan luas yang tidak boleh ditanding dalam sejarah manusia. Zaman gelap di Eropah berlangsung di waktu abad-abad yang dikenalkan oleh ahli sejarah sebagai zaman keemasan *(Golden Age)* bagi Islam bila seni dan ilmu pengetahuan, tegasnya peradaban Islam merupakan puncak bagi seluruh dunia.

Sementara feudalisme yang bengis menyerang Eropah, Baghdad menjadi pusat kaji-selidik ilmu pengetahuan. Di bawah pemerintahan Abbasiah, terutama Khalifah Harun al-Rashid pada penghujung abad kedelapan dan permulaan abad kesembilan dan anaknya al-Makmum tuntutan ilmu pengetahuan digalakkan dengan pemberian hadiah-hadiah dan persediaan kutubkhanah yang terbesar. Kerja mengarang, menuntut, menterjemah dan menyalin berbagai ilmu dilakukan di kutubkhanah ini.

Apabila orang Islam sampai ke Sepanyol di Eropah Barat, seluruh Semenanjung Iberia (Sepanyol) terus menempuh zaman yang gilang gemilang. Cordova (Qurthubah) di bawah perintah Abdul Rahman Ketiga menjadi lebih besar dan lebih maju dari sekarang. Terdapat di kota ini lebih daripada 600 masjid, berpuluh hospital, sekolah dan kutubkhanah. Orang-orang Islam mengajar orang Kristian Eropah bukan sahaja cara menenun kain dan membuat air wangi, tetapi pelajaran hisab tinggi yang dicipta oleh Islam sendiri. Kebolehan menulis dan membaca terdapat di kalangan petani sama seperti orang yang berada.

Bahasa Arab berkembang menjadi bahasa sastera dan sains dan banyak perkataan ilmiah seperti *algebra, Almanac* dicipta kerana ilmu hisab, astronomi dan Ilmu Alam diasas atau dikembangkan oleh orang Islam.

Di antara tokoh-tokoh berbagai ilmu pengetahuan Islam terdapat Abdullah Ibn Sina (Avicenna 980 - 1037 M) dalam bidang

perubatan dan berbagai ilmu lain, Muhammad Ibn Rushd (Averroes 1126 - 1198 M) dari Cardova, Sepanyol dalam bidang perubatan dan undang-undang; Muhammad Ibn Musa al-Khwarizmi dalam bidang hisab tinggi, dan lain-lain tokoh seperti al-Biruni, Ibn Khaldun, Ibn Batuta, Abu Musa Jabir. Buku-buku yang ditulis oleh ahli sains Islam yang telah pengaruhi fikiran Barat dan apa yang disebutkan sebagai ilmu sains Barat termasuklah "Kitab al-Manazir" oleh Ibn al-Haythan berkenaan dengan "Optics", Al-Ma'sa'il fi at-Tibb" oleh Hunayn bin Ishaq al-Ibadi yang dikenal sebagai "The Vade Mecum of Johanitius" oleh doktor-doktor Eropah, buku rujukan perubatan oleh Abu Bakar Muhammad bin Zakariya ar-Razi yang dinamakan "Kitab al-Mansuri", "Al-Qanun" atau "The Canon of Medicine" oleh Ibu Sina.

Kesan yang terbesar sekali ialah dalam bidang hisab, satu ilmu yang menguasai semua bidang sains yang lain. Sistem perhitungan Barat sekarang berasas kepada "Arabic numerals" iaitu satu sistem yang menggunakan sembilan angka dan satu tanda kosong (zero, sipar, sifar atau *sifr*) yang boleh diguna untuk menunjuk apa juga angka walaupun berapa besar. Angka-angka Roman yang diguna terdahulu dari itu amat menyukar perkembangan ilmu hisab dan kerja-kerja perhitungan. Dengan dibentuknya "Arabic Numerals" maka semua perkiraan dan sukatan yang perlu dalam semua bidang sains bukan sahaja dapat dibuat tetapi menjadi lebih mudah. Sistem "binary" yang digunakan sekarang terutama dalam sains komputer mungkin tidak dapat diwujudkan jika sistem "Arabic numerals" tidak ada terlebih dahulu. Demikianlah kesan Islam dalam bidang pelajaran seluruh dunia sejak abad keempat belas Masihi.

Kedatangan Islam ke mana-mana wilayah di Eropah, Afrika Utara, Asia Barat, Asia Tengah dan India diikuti dengan pembangunan pesat yang mencerminkan kebolehan yang tinggi dalam bidang kejuruteraan, seni bina, ilmu pelayaran, ilmu pertanian, astronomi dan lain-lain ilmu penting. Jalanraya yang panjang dan kukuh, saluran air, bangunan masjid yang besar, tinggi dan indah, jambatan yang melangkah sungai yang luas semuanya membuktikan penguasaan ilmu yang cukup tinggi. Banyak daripada hasil usaha orang-orang Islam ini masih berada sehingga sekarang dan banyak pula yang tidak dapat ditiru atau ditanding walaupun dengan teknik dan alat-alat perkakas yang moden. Istana Alhambra

di Granada, Sepanyol Selatan dan Taj Mahal di Agra, India menakjubkan semua yang melihatnya.

Kita telah sebutkan bagaimana orang-orang Eropah di Sepanyol mempelajari berbagai ilmu dan perusahaan daripada orang-orang Islam yang menakluk negara mereka. Apabila Zaman Gelap Eropah ditamatkan dengan *The Renaissance* pada abad kelima belas usaha menuntut ilmu dari orang Islam telah diperhebat. Buku-buku Ibn Sina, Ibn Rushd dan lain-lain dibaca dan dikaji dengan teliti dan penuntut-penuntut Eropah bukan sahaja berjaya menguasai ilmu-ilmu ini, tetapi buku-buku Arab diterjemahkan ke bahasa Latin dan bahasa-bahasa Eropah. Malangnya nama-nama pengarang dan ilmu-ilmu mereka diubah supaya sesuai dengan lidah Barat tanpa menerangkan usul-asal pengarang atau ilmu. Akhirnya ilmu pengetahuan orang Islam bukan sahaja ditafsir sebagai *Western Education* tetapi nama pencipta dan nama ilmu ditukar sehingga berbunyi dan berbau Barat.

Selepas itu pelajaran yang didapati dari orang Islam dikajiselidik dan ditambah oleh tokoh-tokoh Eropah sehingga mereka dapat mengalahkan orang Islam dalam bidang pengetahuan yang orang Islam sendiri telah mempelopori dan merintis jalan. Di waktu negeri-negeri Melayu dijajah ilmu pengetahuan ini sudah dikuasai oleh Barat dan Barat sudahpun mula merebut balik wilayah-wilayah mereka yang telah ditakluk oleh orang-orang Islam.

The Renaissance (Kelahiran Semula) melancarkan Zaman Moden Eropah. Ilmu-ilmu dipelajari dan dikaji secara sistematis. Hasilnya ialah kemajuan yang luar biasa. Lebih banyak institusi pelajaran diadakan dan daripada bilik kuliah dan makmal Eropah bermacam-macam teknik dan bahan perusahaan dicipta dan dikeluarkan. Tetapi jika diperiksa dengan teliti semua ilmu dan kecekapan berasal daripada ilmu-ulmu yang dipelopori dan dirintis oleh orang Islam. 'Pelajaran Barat' atau 'Pelajaran Secular' sebenarnya bukan Barat dan bukan secular. Pelajaran dan ilmu pengetahuan yang ada di Barat sekarang dan yang telah berkembang di seluruh dunia melalui mereka sebenarnya ialah pelajaran dan ilmu orang-orang Islam. Di waktu orang Islam menguasai ilmu-ilmu ini Islam telah berkembang dengan pesatnya. Tidak keterlaluan jika dikatakan ilmu-ilmu ini menolong perkembangan Islam. Ilmu yang begitu berkesan membantu perkembangan Islam tidak boleh dikatakan sebagai bertentangan dengan Islam.

Dari itu adalah jelas bahawa pelajaran-pelajaran yang disebut oleh orang Barat sebagai *Secular Education* atau *Western Education* tidak sebenarnya berasal dari Eropah atau Barat. Dan sejarah juga tidak membuktikan bahawa ilmu ini bertentangan dengan agama Islam. Yang menentukan baik buruk sesuatu ilmu bukanlah bidangnya tetapi penggunaan ilmu itu. Ramai orang Yahudi mempelajari "agama Islam" tetapi mereka menggunakan pengetahuan mereka untuk memburukkan Islam. Pendapat bahawa ilmu pengetahuan yang terdapat sekarang adalah bertentangan dengan agama Islam cuma menguntungkan musuh Islam. Orang Islam sendiri tidak harus mengembangkan pendapat ini kerana tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa pendapat ini benar dan berasas.

Tetapi di saat ini keraguan tentang kembangnya pelajaran yang dikatakan *secular* ini masih ada dan dibuktikan dengan desakan yang bertalu-talu supaya pelajaran "agama" bukan sahaja tidak diabaikan tetapi ditambah dan disampaikan secara lebih berkesan. Setiap masa desakan dibuat supaya pelajaran "agama", iaitu pelajaran tentang aqidah dan ibadah, ditambah sukatan dan masanya dan di peringkat pelajaran tinggi bilangan penuntut "agama" ditambah lagi.

Apakah kedudukan pelajaran "agama" sekarang dan apakah ianya patut merunsingkan orang Melayu? Di zaman British kurang benar pelajaran aqidah dan ibadah dalam agama Islam yang disampaikan kepada anak-anak orang Melayu. Di sekolah Melayu pelajaran aqidah dan ibadah diasingkan dan diajar pada petang hari sahaja. Di sekolah Inggeris pelajaran aqidah dan ibadah Islam tidak ada sama sekali ataupun diadakan secara tidak rasmi. Bagi kebanyakan anak Melayu apa yang dikenal sebagai pelajaran "agama" disampaikan oleh "Guru Quran" yang mengajar di rumah dengan pembayaran saguhati yang rendah sekali.

Beberapa ibu bapa menghantar anak mereka ke pondok untuk belajar Quran dan belajar "agama" dengan sedikit upah kepada 'Tok Guru'. Cuma sebilangan yang kecil sahaja dapat memasuki sekolah "agama" (sekolah Arab) Kerajaan yang sempurna seperti Maktab Mahmood di Alor Setar. Di kampung-kampung pelajaran agama kadang-kadang tidak ada sama sekali.

Walaupun pelajaran aqidah dan ibadah Islam di masa British tidak tersusun dan tidak diambil berat oleh Kerajaan penjajah, namun orang Melayu tidak terpisah daripada agama islam. Penge-

tahuan agama amatlah kurang dan tidak memuaskan tetapi pegangan kepada agama tidak menjadi lemah. Sifat-sifat Islam jelas terdapat di kalangan orang Melayu. Jenayah, minum arak, penyalah-gunaan dadah, kelakuan tidak sopan seperti tidak menghormati ibu bapa, guru dan orang yang berumur memang ada, tetapi tidak begitu menjadi-jadi. Masyarakat orang Melayu adalah tertib dan tersusun dan kepimpinan agama dalam tiap-tiap masyarakat kecil dan besar tidak pernah tidak ada. Masjid dan surau, walaupun kecil tetap ada dan dilengkapkan dengan semua pegawai yang diwajibkan.

Pegangan agama di kalangan pemimpin Melayu di waktu itu, iaitu Raja-raja Melayu dan penasihat-penasihat mereka juga jelas. Di negeri-negeri Islam lain yang dijajah oleh bangsa Barat, kebebasan mengembangkan agama Kristian tidak dihindarkan. Tetapi di negeri-negeri Melayu, penjajah tidak dibenar mengembangkan agama mereka di kalangan orang Melayu yang sudahpun semuanya Islam.

Apa yang jelas dari keadaan di zaman penjajah ialah orang Melayu tidak mudah dipisah dari agama Islam dan mereka memang sanggup berusaha untuk mengekalkan pegangan mereka kepada Agama ini

وَأَنْ لَيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَىٰ. وَأَنَّ سَعْيَهُ سَوْفَ يُرَىٰ.

- سورة النجم، الاية: ٣٩-٤٠

"Dan bahawasanya seorang manusia tiada memperoleh selain apa yang telah diusahakannya". Dan bahawasanya usahanya itu kelak akan diperlihatkan (kepadanya)."

(Surah An-Najm, Ayat: 39-40)

Keadaan di zaman penjajah, jika dibanding dengan keadaan selepas merdeka berbeza sekali. Sejak merdeka pelajaran aqidah dan ibadah Islam telah mendapat kedudukan rasmi dan istimewa.

Semua sekolah-sekolah, termasuk sekolah kepunyaan mubaligh Kristian, diwajibkan memberi pelajaran "agama Islam" dengan sukatan yang tetap dan rasmi kepada tiap-tiap anak Melayu. Guru-guru yang mengajar "agama" lebih terlatih dan lebih ramai daripada dahulu. Taraf guru-guru "agama" disamakan dengan guru lain dan pelajaran aqidah dan ibadah tidak lagi dipisahkan daripada pelajaran lain. Di samping itu lebih ramai penuntut yang mengkhususkan dalam pelajaran usuluddin, syariah dan lain-lain bidang ibadah sehingga ke peringkat universiti dan post-graduate.

Sesiapa yang biasa hidup di zaman penjajah dan masih berada sekarang tidak boleh menafikan bahawa perhatian yang berat telah diberi kepada pelajaran aqidah dan ibadah Islam dan pelajarannya telah berlipat ganda dari segi sukatan dan peratusan murid yang terlibat. Tetapi keraguan tentang pelajaran *secular* dan pengabaian pelajaran "agama" masih didengar. Apa yang menjadi "dilemma" bagi orang Melayu dan pemimpin-pemimpin mereka ialah dapatkah keraguan ini dihapuskan dengan meninggikan lagi sukatan pelajaran dalam bidang aqidah dan ibadah, menambah masa, dan menambah lagi bilangan penuntut yang mengkhusus dalam bidang ini? Jika dapat, apakah sukatan yang lebih tinggi yang dikehendaki dan berapa ramaikah lagi bilangan penuntut pelajaran tinggi dalam bidang-bidang itu yang mesti ditambahkan? Apakah akan terjadi kepada penguasaan ilmu-ilmu lain oleh orang Islam, yang mana ilmu-ilmu ini juga penting bagi orang Islam dan perkembangan agama.

Pada permulaan rencana ini perbezaan antara agama Islam dengan agama-agama lain telah ditegaskan. Islam tidak sahaja menentukan kepercayaan atau keimanan atau aqidah tetapi menentukan juga serta menyusun semua aspek hidup dan mati penganutnya. Tidak ada sesuatu yang dilakukan oleh orang Islam yang tidak tertakluk kepada hukum-hukum agamanya. Sebab itu tidak ada perpisahan dalam Islam antara yang *religious* dengan yang *secular*. Dan dalam bidang pengetahuan pelajaran *religious* tidak boleh dipisahkan daripada pelajaran *secular*. Semua pelajaran yang berfaedah bagi manusia menjadi sebahagian daripada ilmu pengetahuan yang dituntut oleh agama Islam. Dan orang Islam yang terpelajar dalam apa-apa bidang adalah "orang alim" dalam Islam. Seperti mana Imam Ghazali adalah orang yang "alim", begitu juga Ibn Sina ialah seorang yang alim. Apa yang

membezakan mereka ialah taraf pencapaian dalam bidang masing-masing. Sementara Al-Ghazali mencapai taraf yang tinggi dalam bidang aqidah, syariah, failasuf dan lain-lain ilmu sehingga ke peringkat tasauf, Ibn Sina telah mencapai taraf yang tinggi dalam bidang hisab dan perubatan. Tetapi kelslaman kedua-duanya tidak dapat dipertikai atau dibanding. Kedua-duanya adalah orang Islam dan tidak siapa dapat berkata bahawa KeIslaman Ibn Sina adalah kurang dari KeIslaman Al-Ghazali. Ukuran dan bandingan seperti ini tidak ada makna dan tidak ada tempat dalam Islam.

Hakikat ini patut disedari kerana terlalu ramai orang yang dengan mudahnya membuat nilaian terhadap kelslaman seseorang. Mereka menggunakan pengetahuan dalam bidang aqidah dan lain-lain ilmu yang ada kaitan dengannya sebagai sukatan keislaman. Oleh sebab ini mereka memberikan nilai utama kepada pelajaran aqidah dan cuba menentukan pegangan agama melalui kecapaian dalam pelajaran ini.

Pelajaran aqidah memang disuruh dalam Islam, tetapi pelajaran yang lain juga disuruh. Membelakangkan pelajaran lain tidak bermakna kelslaman menjadi lebih sempurna. Oleh kerana pencapaian seseorang dalam satu-satu bidang tidak dapat disamakan, maka masyarakat Islam tidak dapat tidak akan mempunyai orang yang lebih terlatih dalam bidang-bidang yang berlainan. Seperti mana adanya Al-Ghazali dan Ibn Sina, begitu jugalah masyarakat Islam dalam zaman dan di tempat yang sama atau berlainan akan mengeluarkan orang yang terpelajar dalam berbagai bidang yang berlainan. Asalkan kepercayaan wujud dan ajaran Islam menguasai semua gerak-geri masyarakat itu, Islam akan kekal sebagai agama masyarakat itu.

Oleh itu kekhuatiran bahawa tanpa pelajaran aqidah dengan masa yang tidak terhad maka Islam akan luput, tidak harus ada. Masa belajar mestilah dibahagikan antara pelajaran aqidah dan ilmu-ilmu lain yang sama pentingnya bagi orang Islam. Dengan pembahagian masa seperti ini pengetahuan orang Islam dalam semua bidang akan meningkat dan orang Islam bukan sahaja kekal dalam agamanya tetapi tidak boleh ditewas oleh musuh mereka.

Jika ini dapat difaham maka orang Islam bolehlah membahagikan masa untuk menguasai semua ilmu termasuklah pelajaran aqidah dan ibadah. Berapa banyakkah masa yang patut ditumpukan kepada aqidah dan ibadah bergantunglah kepada kebijaksanaan pemimpin-pemimpin Islam. Apa yang mesti memandukan

mereka ialah nilai terhadap semua ilmu dalam Islam, supaya masa tidak dibolot oleh sesuatu ilmu tanpa menimbang pentingnya ilmu lain. Jika ini dapat dititik-beratkan maka perimbangan akan wujud antara pelajaran aqidah dengan pelajaran ilmu-ilmu lain.

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلٰوةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللّٰهِ وَاذْكُرُوا اللّٰهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

- سورة الجمعة، الآية: ١٠

"Apabila telah selesai mengerjakan syalat, hendaklah kamu bertebaran di muka bumi dan carilah kurnia Allah (rezeki) dan ingatlah kepada Allah berbanyak-banyak, mudah-mudahan mendapat kemenangan."

(Surah, Al-Jamu'ah - ayat 10)

Adalah jelas dari ini bahawa masa tidak sahaja untuk beribadat tetapi juga untuk bekerja, mencari rezeki dan sudah tentu belajar kerana tidak ada kerja yang boleh dibuat dengan sempurna tanpa pengalaman dan pengetahuan yang dituntut.

Dari sejarah yang telah kita sebutkan matapelajaran lain yang diajar di sekolah-sekolah bukan berasal dari Barat dan bukan bertentangan dengan agama Islam. Sebenarnya semua pelajaran lain berasas daripada kajian dan penyelidikan orang Islam sendiri mengikut kehendak agama, dan berkembang bersama-sama dengan perkembangan agama Islam. Sabda Nabi supaya ilmu itu dituntut walaupun ke negeri China jelas menunjukkan penghargaan yang tinggi yang diberi oleh agama Islam kepada ilmu pengetahuan amnya. Desakan ini dibuat sebelum ada agama Islam di benua China, dan sudah tentu ilmu yang dimaksudkan bukanlah aqidah dan ibadah dalam Islam.

قُلْ سِيْرُوْا فِى الْاَرْضِ فَانْظُرُوْا كَيْفَ بَدَاَ الْخَلْقَ
ثُمَّ اللّٰهُ يُنْشِئُ النَّشْاَةَ الْاٰخِرَةَ اِنَّ اللّٰهَ عَلٰى
كُلِّ شَىْءٍ قَدِيْرٌ. - سورة العنكبوت، الآية: ٢٠

"Katakanlah Ya Muhammad, 'Berjalanlah kamu di muka bumi dan perhatikanlah sebagaimana Allah mulai menciptakan. Kemudian Allah membuat sekali lagi, sesungguhnya Allah itu Kuasa atas segala sesuatu."

(Surah Al-Ankabut - ayat 20)

Ayat ini juga jelas menyuruh kita memerhatikan apa yang dicipta oleh Allah, kerana lebih mendalam pemerhatian kita lebih kagum kita dengan ciptaan Allah. Ibn Rushd, seorang doktor Islam dari Cordoba, Spain (1126 - 1198) telah berkata, "sesiapa yang betul mengetahui anatomi dan physiology manusia, kepercayaannya kepada Allah akan bertambah." Dakwaan ini memang benar kerana mereka yang memerhatikan bagaimana kompleksnya tubuh badan manusia dan bagaimana ia hidup dan bergerak tidak dapat tidak akan lebih terpegun dengan kuasa Tuhan. Kita tidak dapat memerhati tanpa mendapat pengalaman dan pelajaran. Oleh itu adalah jelas kita disuruh mempelajari semua yang dicipta oleh Allah. Tidak berbuat demikian tentulah sama dengan perbuatan tidak menghargakan pemberian Tuhan.

Selain daripada Islam tidak menegah, bahkan menggalakkan menuntut semua ilmu pengetahuan, di zaman moden ini mana-mana masyarakat atau golongan manusia yang tidak ada pengetahuan akan ditindas dan dijajah. Sejarah telah membuktikan bagaimana mudahnya golongan yang mundur ditakluk oleh golongan yang maju jaya. Setelah ditakluk, golongan yang mundur dari segi ilmu-ilmu "Dunia" dan berbagai kecekapan, walaupun alim dalam bidang "keagamaan" akhirnya dipisahkan juga dari agama mereka. Jika ini tidak berlaku dalam satu generasi ianya akan berlaku dalam generasi-generasi yang berikut.

Sejarah moden menunjukkan lagi bagaimana mudahnya negara-negara Islam dikalahkan dan umat Islam disiksa oleh pemerintahan orang yang bukan sahaja tidak Islam tetapi berniat untuk menghancurkan Islam. Jika penaklukan secara kekerasan tidak berlaku, penaklukan secara lain masih boleh berlaku. Jika kepintaran ekonomi tidak ada pada orang Islam, mereka akan menerima penjajahan ekonomi yang boleh lemahkan semangat mereka. Jika berbagai kecekapan moden tidak ada pada mereka, mereka akan dijajah melalui kecekapan ini.

وَأَعِدُّوا لَهُمْ مَا اسْتَطَعْتُمْ مِنْ قُوَّةٍ وَمِنْ رِبَاطِ
الْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِ عَدُوَّ اللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَآخَرِينَ
مِنْ دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ اللَّهُ يَعْلَمُهُمْ وَمَا
تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُوَفَّ إِلَيْكُمْ
وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ . - سورة الأنفال، الآية: ٦٠

"Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka kekuatan apasaja yang kamu sanggupi dan dari kuda-kuda yang ditambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggentarkan musuh Allah, musuhmu dan orang-orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Apa saja yang kamu nafkahkan kepada jalan Allah nescaya akan dibalas dengan cukup kepadamu dan kamu tidak akan dianiaya."

(Surat Al-Anfal, Ayat: 60)

Ayat ini yang menegaskan pentingnya menyiapkan kekuatan untuk menghadapi mereka (musuh) bermakna persiapan pedang dan pemanah dan alat melempar batu di zaman Rasulullah. Di zaman ini alat yang dimaksudkan tentulah bukan pedang dan pelempar batu tetapi senapang dan meriam, kapal terbang dan ka-

pal perang dan lain-lain alat perang yang memerlukan pengetahuan bukan sahaja untuk membentuknya tetapi juga untuk menggunakan. Umat Islam yang tidak ada pengetahuan moden ini tentulah salah di sisi ajaran agama. Dan umat Islam yang menghalang penguasaan ilmu yang berkaitan dengan pengeluaran dan penggunaan alat-alat ini kerana kononnya pengetahuan ini adalah pengetahuan secular mungkin lebih dekat kepada mengkhianati agama daripada menjaga keutuhannya.

Penguasaan ilmu pengetahuan diberi kedudukan yang tinggi dalam agama Islam. Ini terbukti dari ayat-ayat berikut:—

يَاَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْٓا اِذَا قِيْلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوْا فِى
الْمَجَالِسِ فَافْسَحُوْا يَفْسَحِ اللّٰهُ لَكُمْ وَاِذَا قِيْلَ
انْشُزُوْا فَانْشُزُوْا يَرْفَعِ اللّٰهُ الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا
مِنْكُمْ وَالَّذِيْنَ اُوْتُوا الْعِلْمَ دَرَجٰتٍ وَاللّٰهُ بِمَا
تَعْمَلُوْنَ خَبِيْرٌ.

– سورة المجادلة، الآية: ١١

"Hai orang-orang yang beriman, apabila dikatakan kepada kamu lapanglah tempat dalam persidangan, maka hendaklah kamu lapangkan, Tuhan akan memberi kelapangan kepada kamu. Dan apabila dikatakan berdirilah kamu, maka hendaklah kamu berdiri.
Tuhan akan mengangkat orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan kepada darjat yang tinggi. Dan Allah mengetahui apa sahaja yang kamu kerjakan."

(Surah Al-Mujadalah, Ayat: 11)

Allah memberi ilmu(pengetahuan) kepada siapa yang dikehendaki-Nya, dan orang yang diberi ilmu (pengetahuan) bererti dia telah diberi kebaikan yang banyak.

أَفَلَا يَنْظُرُوْنَ إِلَى الْإِبِلِ كَيْفَ خُلِقَتْ. وَإِلَى السَّمَآءِ كَيْفَ رُفِعَتْ. وَإِلَى الْجِبَالِ كَيْفَ نُصِبَتْ. وَإِلَى الْأَرْضِ كَيْفَ سُطِحَتْ. - سورة الغاشية، الآية: ١٧-٢٠

"Mengapa mereka tidak memerhatikan unta, bagaimana ia diciptakan? Dan langit, bagaimana ia ditinggikan? Dan gunung-ganang, bagaimana ia ditegakkan? Dan bumi, bagaimana ia dihamparkan."

(Surah Al-Ghasyiyah, Ayat: 17-20)

Ilmu pengetahuan yang dimaksudkan tentulah tidak terhad kepada ilmu-ilmu yang ada kaitan dengan aqidah, ibadah, syariah dan sebagainya sahaja. Jika ini sahaja yang dimaksudkan maka ini tentu dijelaskan dan nabi sendiri akan menegaskannya. Tetapi hadis nabi tidak sekali-kali menyatakan demikian. Sebaliknya desakan dibuat supaya menuntut ilmu walaupun ke Negeri China.

Tidaklah keterlaluan jika dikatakan bahawa orang Islam, khususnya di negara ini tidak dapat membuat ibadat tanpa kemudahan-kemudahan hasil daripada berbagai ilmu pengetahuan. Dianya tidak dapat berkain baju yang ditenun, diedar dan dijahit melalui teknik yang disusun dan diurus mengikut pengetahuan bertenun dan berniaga. Ianya tidak dapat berjamaah kerana semua masjid yang ada sekarang tidak dapat dibiná tanpa menggunakan cara dan bahan yang dibentuk mengikut pengetahuan yang dikatakan *šecular.* Wang yang banyak yang diperlukan untuk pembinaan pun datang dari cukai ke atas perusahaan dan perniagaan yang wujud kerana pemakaian ilmu yang bukan khusus aqidah (keyakinan atau kepercayaan).

Menunaikan fardhu haji bergantung kepada kapal, kapal-terbang dan berbagai kenderaan yang direka dan diusahakan kerana adanya ilmu yang dikatakan "Barat" atau *secular*. Sebelum ada kemudahan ini sedikit benar terdapat mereka yang menunaikan rukun Islam yang kelima ini. Dan jika orang-orang yang miskin bergantung kepada zakat fitrah sahaja, kebanyakan daripadanya mereka akan menderita jika ilmu perniagaan, perdagangan dan perusahaan tidak ada kepada masyarakat itu dan masyarakat itu mengandungi semua yang miskin sahaja dan tidak dapat mengeluarkan zakat.

Apa yang jelas ialah ibadat tidak boleh dilakukan dengan sempurna tanpa "kekayaan" yang berasas kepada lain-lain ilmu.

Satu contoh yang boleh menunjukkan dengan jelasnya kaitan berbagai ilmu dengan ibadat dalam agama Islam di Malaysia ialah Rancangan Perairan Muda. Rancangan ini berasas kepada kajian *sosio-ekonomic* masyarakat petani "jelapang padi" Kedah. Selepas itu satu projek perairan dirancang oleh pakar-pakar kejuruteraan perairan bersama-sama jurutera-jurutera lain.

Pakar kewangan dan bank menyemak rancangan ini dan menyusun cara mengadakan wang sebanyak $340 juta untuk membiayai projek raksaksa ini. Pembinaan projek ini dilaksanakan oleh beratus jurutera, ahli peniaga, pekerja mahir dan tidak mahir, dan pegawai-pegawai dengan menggunakan berbagai jenis jentera dan teknik yang kompleks.

Hasil daripada rancangan ini ialah pengeluaran padi dilipatgandakan dan lebih banyak zakat dapat dikutip. Sementara itu lebih banyak petani dapat menunaikan fardhu haji. Ada lain-lain nikmat yang berunsur agama yang datang dari projek ini. Dan akhirnya petani Islam dapat hidup dan mati dengan lebih sempurna dan lebih bahagia seperti yang dikehendaki oleh agama.

Nyatalah ilmu yang dikatakan "*secular*" tadi bukan sahaja ada kaitan dengan agama tetapi menolong penganut agama Islam dalam melakukan kewajipan mereka sebagai orang Islam dengan lebih berkesan dan sempurna. Tidaklah keterlaluan jika dikatakan ilmu-ilmu ini adalah penting untuk agama Islam. Sebabnya Islam menuntut supaya ilmu-ilmu ini dituntut dan tidak diasingkan tentulah jelas. Perkembangan Islam yang meluas berlaku di zaman yang orang Islam mendahului penganut-penganut agama lain

bukan sahaja dalam taat setia dalam menyembah Allah tetapi juga dalam menuntut berbagai ilmu pengetahuan yang berfaedah dan membena.

Berbalik kepada sukatan pelajaran aqidah dan ibadah yang diperlukan, sungguhpun meninggi sukatan dipercayai boleh mengukuhkan pegangan kepada agama, peruntukan masa untuk matapelajaran-matapelajaran ini sehingga tidak ada masa yang cukup untuk menguasai ilmu pengetahuan lain mungkin melemahkan kedudukan agama. Oleh kerana pelajaran ilmu-ilmu lain adalah mustahak dan kelemahan dalam ilmu-ilmu ini ada kaitan yang rapat dan tepat dengan amalan dan keselamatan agama dan masyarakat orang-orang Islam sendiri, maka penguasaan ilmu-ilmu ini tidak boleh diabaikan dan diringankan seperti mana pelajaran aqidah dan ibadah juga tidak boleh diabaikan dan diringankan.

Oleh itu selain daripada pelajaran aqidah dan ibadah bagi tiap-tiap seorang orang Islam dan pengkhususan dalam bidang-bidang ini oleh sebilangan yang munasabah dari masyarakat, masyarakat juga berkewajipan melatih orang-orang Islam dalam berbagai bidang lain, yang penting bagi kesejahteraan dan kesempurnaan masyarakat itu. Siapakah mereka ini dan bidang apakah yang dianggap penting boleh ditentukan oleh masyarakat itu mengikut cara-cara yang ditentukan dalam agama. Tetapi masyarakat itu tentulah bersalah jika tidak menunaikan kehendak ini kerana ini juga adalah satu daripada apa yang diwajibkan bagi orang Islam.

Peranan pelajaran untuk menyediakan orang-orang yang penting dalam masyarakat Islam tentulah nyata. Umpamanya jika sesuatu masyarakat Islam diancam oleh serangan dari orang yang anti Islam, masyarakat itu tentulah bersalah jika orang-orang yang akan mempertahankan masyarakat Islam itu tidak disediakan dan tidak diberi latihan yang sewajarnya. Begitu juga jika kerana sengaja tidak diadakan latihan bagi ahli ilmu perubatan, maka masyarakat Islam diserang dan dilemahkan oleh berbagai penyakit, masyarakat itu tentulah salah kerana tidak menunaikan kewajipan ini.

Daripada apa yang telah disebutkan, keraguan terhadap pelajaran ilmu yang lain daripada pelajaran ibadah dan aqidah tidak harus ada. Ilmu-ilmu lain ini adalah ilmu Islam yang diteroka oleh orang Islam sendiri. Tidak terdapat larangan terhadap pelajaran-

nya. Keyakinan kepada Allah tidak akan menjadi lemah kerana mempelajari ilmu lain, malah akan lebih menguatkan lagi sekiranya pelajaran aqidah dan ibadah disampaikan dengan cara dan sukatan yang berkesan dalam masa yang secukupnya.

Agama senantiasa menyuruh kita memerhatikan ciptaan Tuhan. Dalam ayat 17-20 surah Al-Ghasyiyah kita disuruh perhatikan bagaimana unta dicipta, langit bagaimana ditinggikan, dan gunung-ganang, bagaimana ia ditegakkan. Dari bumi, bagaimana ia dihamparkan. Dalam ayat 20 Surah Al-Ankabut kita disuruh berjalan di muka bumi dan perhatikan bagaimana Allah menciptakannya. Jika kita memerhati ciptaan Tuhan kita tentu kagum dengan kuasa-Nya. Lebih mendalam kita perhatikan, lebih ta'sub kita dengan halusnya dan kompleksnya ciptaan Tuhan.

Memang benar terjadi keangkuhan di kalangan ahli-ahli sains Barat kerana kononnya mereka sudah menguasai 'nature'. Mereka percaya bahawa mereka telah menyelami rahsia semua kejadian di dunia dan tidak sesuatu yang tidak dapat didedah usul asal kejadiannya. Tetapi ahli-ahli sains ini, walaupun mereka berjaya menghuraikan bagaimana sesuatu itu terjadi atau dijadikan, mereka tidak dapat memberi sebab kenapa sesuatu itu dijadikan begitu.

Sebab itu kita dapati ahli-ahli sains dengan mudah dan lancarnya menerangkan bagaimana gas oksigen diguna oleh tubuh badan manusia supaya manusia itu hidup. Tetapi mereka tidak dapat menjawab soal kenapa oksigen? Kenapa tidak lain-lain gas? Kalau daun-daun kayu mengguna karbon-dioksid, kenapa tidak binatang? Kenapa tidak manusia dilahir dalam telor? Kenapakah yang hidup mesti mati?

Kepada soal-soal ini dan seribu satu soal lain yang bermula dengan kenapa atau mengapa, tidak ada penjelasan yang boleh dibuat oleh ahli sains atau pun sesiapa. Cuma satu jawapan sahaja yang boleh dibuat, dan jawapan ini ialah "Kuasa Tuhan."

Sikap angkuh ahli-ahli sains barat berasas kepada kejahilan mereka. Jika mereka sedar mereka tidak akan terlalu sombong dengan kepandaian mereka. Orang-orang Islam yang telah diberi didikan agama yang cukup tidak akan lupa daratan. Mereka akan sedar tentang had dan kelemahan mereka. Mereka akan sedar bahawa mereka tidak dapat menjawab soalan kenapa ini, melainkan dengan berkata bahawa akhirnya semuanya bergantung ke-

pada kehendak Allah. Dan dengan itu mereka akan lebih yakin dan lebih percaya kepada Allah Subhanahu Wataala.

Sebab itu kita tidak perlu bimbang atau curiga tentang ilmu-ilmu seperti sains dan lain-lain. Keagamaan tidak akan lumpuh, jauh sekali hilang akibat penguasaan ilmu-ilmu ini. Sebaliknya kepercayaan kepada Tuhan akan kukuh. Di samping itu penguasaan ilmu-ilmu ini akan membantu masyarakat Islam dalam persaingannya dengan masyarakat-masyarakat lain dalam apa juga bidang.

Untuk menentukan masyarakat Islam mendapat panduan agama yang sebenar dan tidak akan mudah diselewengkan oleh ilmu-ilmu lain, orang-orang yang mengkhusus dalam bidang ibadah, aqidah *(keyakinan, kepercayaan)* mestilah diadakan. Tujuan mengadakan mereka ini ialah untuk kepentingan masyarakat dan bukan sahaja untuk kepentingan mereka sendiri di dunia atau di akhirat. Mereka ini bukan seperti padri dalam agama Nasrani atau agama lain dan mereka tidak menjadi orang tengah antara penganut Islam dan Tuhan. Sunggupun pengkhususan dalam aqidah (*kepercayaan, keyakinan*) adalah baik bagi orang itu dan bagi masyarakat, pengkhususan ini tidak harus membelakangkan pengkhususan dalam ilmu-ilmu lain yang penting bagi masyarakat Islam. Jika pengkhususan dalam bidang-bidang lain yang penting diabaikan semata-mata kerana ingin ganjaran di dunia atau di akhirat melalui pelajaran aqidah dan ibadah, maka kesannya mungkin tidak seperti yang dikehendaki oleh agama.

Agama wujud jika ada penganutnya. Jika sesuatu masyarakat Islam, dengan kerana ingin dikenal sebagai kumpulan yang kukuh Islamnya, menjadi lemah dalam kononnya ilmu 'dunia' yang dapat memelihara masyarakat itu, dan akhirnya dihancurkan oleh musuh sehingga tidak ada seorang pun yang hidup, maka Islam bagi masyarakat itu tidak wujud lagi. Di Sepanyol umpamanya Islam tidak ada makna lagi. Keturunan orang Islam di Sepanyol sekarang beragama Nasrani dan masjid-masjid nenek moyang mereka sudah dijadikan muzium dan gereja. Begitu juga proses ini sudah bermula di beberapa negara Arab Islam di Asia Barat. Tidaklah keterlaluan jika dikatakan masyarakat Islam yang menolak pelajaran yang bukan khusus aqidah atau ibadah tetapi penting bagi keselamatan dan kesejahteraan masyarakat itu, sebenarnya tidak mengikut hukum-hukum Islam. Tentulah mereka lebih salah lagi jika penyingkiran pelajaran lain ini dibuat supaya masyarakat

itu dikenal sebagai "pejuang agama," iaitu kerana riak dan ingin bermegah-megah dengan "keagamaan" mereka. Untuk menentukan dakwaan ini keterlaluan atau tidak, kajian perlu dibuat terhadap beberapa masyarakat dan negara Islam yang sudah lenyap.

"Dilemma" pelajaran orang Melayu tidaklah setakat pemilihan antara pelajaran "agama" dan pelajaran "bukan agama". Jikalau mereka berjaya menghapuskan keraguan mereka terhadap pelajaran ilmu-ilmu yang dikenalkan oleh Barat sebagai *secular* atau *Western Education*, mereka masih dikehendaki memilih ilmu-ilmu yang mereka patut pelajari dan mengkhususkannya. Apakah yang patut menjadi asas pemilihan ini?

Pelajaran yang lain daripada pelajaran "agama" biasanya dianggap semata-mata sebagai alat untuk mendapat sara hidup di dunia. Penguasaan ilmu ini dituntut kerana apa yang dikatakan nilai ekonominya. Tekanan tentang nilai ekonomi ini sudah menjadi begitu utama sehinggakan pelajaran "agama" pun didesak supaya ditentukan nilai ekonominya. Mungkin kerana nilai ekonominya "agama" dituntut dan pengetahuan agama berkembang, tetapi dengan ini bilangan mereka yang memandang agama semata-mata sebagai alat bagi menjamin ekonomi mereka juga akan bertambah. Orang yang menganggap pengetahuan agama iaitu aqidah dan ibadah sebagai alat ekonomi tidak akan membawa kebahagiaan kepada agama atau masyarakat. Pengetahuan agama ialah untuk pembangunan kerohanian. Jika oleh kerana pengetahuan agamanya seseorang itu dapat mencari nafkah, ini sepatutnya menjadi incidental sahaja. Menganggap pengetahuan agama sebagai satu punca pendapatan semata-mata bermakna nilai kebendaan mendahului nilai rohaniah. Dengan perkataan lain pengetahuan agama tidak berjaya membentuk nilai-nilai rohaniah yang dikehendaki. Walaupun demikian masyarakat perlu menghargai pengetahuan agama yang ada pada seseorang dengan cara yang tidak merendah-rendahkannya. Jika pengetahuan agama yang diberi oleh mereka yang menyampaikannya dapat menegakkan nilai-nilai yang baik di kalangan masyarakat, penghargaan yang sewajarnya akan ada.

Bahawa pelajaran berbagai ilmu dunia boleh memberi kehidupan yang lebih mewah adalah satu kenyataan. Atas sebab ini sahaja pun sudah menasabah mengapa pelajaran ini patut dituntut. Sudah tentu pelajaran yang boleh memberi pendapatan yang lebih tinggi patut menarik minat pelajar. Tetapi biasanya mi-

nat untuk pendapatan yang tinggi tidak sesuai atau secocok dengan minat kepada ilmu itu sendiri. Ilmu yang sukar dikuasai kerapkali menjamin pendapatan yang lebih tinggi. Sebaliknya ilmu yang mudah dikuasai menghasilkan pendapatan yang tidak mewah. Dengan ini pemilihan ilmu menjadi satu masalah atau pun satu "dilemma" juga.

Masalah ini dapat dilihat dalam pemilihan antara aliran sastera dan aliran sains di sekolah. Aliran sastera dipercayai lebih mudah daripada sains. Sebab itu kebanyakan penuntut Melayu memilih sastera. Ini tidak mengapa jika semua mereka berpuashati. Tetapi populariti sastera mengurangkan bilangan penuntut Melayu yang mengambil sains. Di universiti-universiti bilangan penuntut Melayu yang mengambil matapelajaran sains cuma segelintir sahaja.

Melihat keadaan ini seluruh masyarakat Melayu merasa tidak senang. Dan mereka tentu lebih tidak senang jika mereka faham bahawa keadaan ini menyebabkan satu putaran peristiwa yang dikenalkan sebagai *vicious cycle;* iaitu kerana kurang penuntut sains Melayu maka kuranglah guru sains Melayu. Ini menyebabkan kurang kejayaan penuntut sains Melayu. Kerana kejayaan dalam matapelajaran sains sukar dicapai maka penuntut tidak berminat dalam bidang ini dan bilangan mereka menjadi kurang. Kerana kurang penuntut maka kuranglah bilangan mereka yang akan lulus dan menjadi guru. Dan kerana kurang penuntut yang lulus bermakna kurang guru, putaran ini jika berterusan akan mengurangkan kejayaan penuntut sains Melayu.

Oleh kerana kekurangan penuntut sains di kalangan orang Melayu, mereka lalu menyeru supaya bilangan penuntut ini ditambahkan. Mereka menyeru kepada pihak yang berkuasa, kepada masyarakat dan penuntut. Tetapi masing-masing berharap seruan ini disambut oleh orang lain. Mereka yang ingin melihat bertambahnya penuntut sains, mereka sendiri juga tidak mahu anak mereka menuntut ilmu ini kerana khuatir mereka mungkin gagal atau kerana terlalu lama mengambil masa atau lain-lain sebab. Oleh itu bilangan ahli sains Melayu terus berkurangan.

Begitu juga penuntut Melayu yang telah lulus dalam bidang sains. Di samping menyebut bahawa guru yang fasih dalam bahasa Malaysia adalah penting untuk meninggikan bilangan penuntut Melayu dalam bidang sains, mereka sendiri tidak sanggup menjadi guru atau pensyarah kerana berbagai sebab.

Apa yang dihuraikan di sini berkenaan dengan pelajaran sains tidaklah terhad kepada pelajaran ini sahaja. Hampir semua pelajaran yang sukar dikuasai, atau terlalu memakan masa, atau memaksa pertandingan yang hebat dijauhkan dengan berbagai alasan. Sebaliknya desakan dibuat supaya pelajaran yang mudah seperti sastera ditambah dan diterima sebagai sukatan kelayakan walaupun untuk bidang kerja yang tidak ada kaitan samasekali dengan ilmu pengetahuan yang didapati.

Desakan ini dibuat tanpa menghirau kerosakan yang mungkin berlaku kerana orang yang diberi jawatan itu bukannya ahli dalam bidang itu. Umpamanya jawatan-jawatan yang memerlukan kecekapan dalam bidang pentadbiran didesak supaya menerima calon-calon yang tidak terpelajar dalam matapelajaran yang ada kaitan dengan pentadbiran samasekali. Penerimaan desakan ini tentu akan memberi akibat yang buruk.

Di zaman ini, berbagai jawatan dan pekerjaan adalah penting bagi memelihara keamanan dan kesejahteraan negara dan masyarakat. Jawatan dan pekerjaan ini mesti diisi dengan orang yang terlatih dan ahli di dalamnya. Lebih terlatih pegawai atau pekerja, lebih sempurnalah kerja yang dijalankan. Sudah tentu jikalau semua jawatan dipenuhi oleh pakar dan ahli, masyarakat dan negara akan lebih maju dan tenteram.

Memandang kepada keengganan orang Melayu sebagai individu memilih pelajaran dan latihan mengikut kepentingan masyarakat dan negara, dan dengan kesedaran tentang akibat pemilihan yang tidak tepat, masyarakat tidak boleh mengabaikan tanggungjawabnya. Masyarakat sendiri mesti menentukan sekadar yang munasabah, jenis dan jurusan pelajaran yang mesti dituntut oleh tiap-tiap pekerja.

Pengaliran ke aliran sains dan sastera yang telah diamalkan di Malaysia beberapa tahun yang lampau ini adalah satu usaha masyarakat untuk membaiki ketempangan yang terdapat dalam bidang pelajaran dan pekerjaan. Sikap masyarakat seperti yang ditafsirkan oleh Kerajaan yang mewakili mereka memang wajar. Tetapi sementara individu sebagai ahli masyarakat menerima baik dasar ini, individu itu juga sebagai dirinya sendiri, tidak pula sanggup menjadi "mangsa" hasrat masyarakat. Desakan daripada individu yang terlibat akhirnya memaksa masyarakat mengubah dasar. Pengaliran ke jurusan sains yang dianggap penting tidak lagi diamalkan sepenuhnya. Kesannya terhadap masyarakat

Melayu adalah jelas. Bilangan ahli sains Melayu akan kurang lagi dan ini akan menyebabkan mereka tidak puashati.

Dalam masalah ini tanggungjawab dan hak individu sebagai individu, dan individu sebagai ahli masyarakat mesti difaham dan diamalkan. Manusia tidak dapat hidup berasingan. Ianya mesti hidup berkeluarga dan bermasyarakat.

Sebagai individu ianya ada hak tetapi sebagai ahli masyarakat hak itu terbatas. Tidak ada hak secara *absolute* atau tidak terhad bagi individu kerana apabila haknya bertentangan dengan kepentingan masyarakat maka hak itu mesti tunduk kepada "hak" masyarakat.

Dalam masalah pelajaran, hak ini juga tidak *absolute*. Masyarakat menyediakan peluang belajar kerana pelajaran berfaedah bukan sahaja kepada individu tetapi juga kepada masyarakat. Faedah kepada kedua-dua pihak ini jelas terbukti apabila seseorang mendapat pelajaran yang sesuai dengan kerjanya ianya dapat kerja (faedah) dan masyarakat dapat perkhidmatannya (faedah). Jika ia terlatih dalam satu bidang tetapi terpaksa bekerja dalam bidang lain, ianya masih mendapat faedah, tetapi masyarakat tidak mendapat perkhidmatan (faedah) yang sejajar dengan upahannya. Kadangkala kedua-duanya tidak mendapat faedah. Ini berlaku apabila ilmu yang didapati oleh individu tidak dapat digunakan sama sekali. Dalam masyarakat moden orang yang menganggor kerana tidak ada kecekapan yang berguna menjadi beban kepada masyarakat.

Sebab itu masyarakat tidak harus menurut sahaja kehendak individu ataupun sekumpulan daripada ahli-ahlinya. Pelajaran yang patut diberi mestilah mengikut kepentingan masyarakat juga. Dan murid atau pelajar mestilah menerima arahan atau pun sekurang-kurangnya, pedoman dan nasihat yang diberi oleh pemimpin atau perancang masyarakat. Keengganan mengikut arahan akan dibalas dengan keengganan masyarakat menjamin dan memberi pekerjaan kepada pelajar kemudiannya.

Mengutamakan kepentingan masyarakat mungkin akan merugikan sebilangan daripada pelajar. Paksaan dalam pemilihan pelajaran mungkin mengecewakan pelajar dan menyebabkan ianya gagal. Tetapi walaupun dia diberi hak memilih jurusan pelajaran, kejayaannya dalam menguasai pelajaran itu tidak bermakna baginya jika tidak ada jawatan atau kerja untuknya. Sebaliknya walaupun pemilihan jurusan dipaksa masih ada kemung-

kinan dia berjaya dan dapat mengisi jawatan yang menunggunya. Jika ini berlaku pelajar dan masyarakat masih boleh mendapat faedah walaupun kepuasan hati tidak terdapat oleh pelajar.

Selain daripada ini satu jurusan yang baru dan ganjil yang tidak menarik minat akan terus ganjil dan tidak akan menarik sehinggalah ada orang yang sanggup merintis jalan dalam bidang itu. Apabila sesuatu jurusan itu dimasuki oleh bertambah ramai orang, maka ianya tidak akan ganjil lagi dan minat mudah terdapat.

Pada satu ketika memandu kapalterbang kononnya boleh dilakukan oleh orang Barat sahaja. Orang Melayu yang pertama yang berlatih untuk memandu kapalterbang dianggap istimewa. Ibu bapa kurang senang anak mereka memilih pekerjaan ini. Tetapi sekarang sungguhpun masih ramai ibu bapa yang tidak begitu tertarik dengan pekerjaan itu, ia tidak begitu ganjil lagi. Dan pemilihan kerja ini tidak lagi begitu sukar dibuat. Pada satu hari kelak pemilihan menjadi pemandu kapalterbang mungkin menjadi perkara biasa sahaja, sama seperti memandu kereta.

Tiap-tiap satu jurusan atau bidang mesti ada penerokanya. Apabila jurusan atau bidang itu sudah diteroka, walaupun oleh seorang sahaja, dengan mudah sahaja bidang itu akan dimasuki oleh orang lain. Semakin lama bukan sahaja semakin ramai orang lain yang akan menembusi bidang itu, tetapi lebih cepat pula mereka mengikut bersama.

Sekali lagi fenomena *vicious cycle* dapat dilihat. Jika tidak ada siapa memula atau menerokanya, sampai bilapun tidak akan ada sesiapa menyertainya. Tetapi jika sudah seorang mula, maka yang lain bukan sahaja mudah mengikut tetapi bilangan yang mengikut berlipat ganda dengan nisbah yang meningkat tiap-tiap kali. Fenomena ini jelas menunjukkan bahawa bakat memang ada dalam apa juga masyarakat tetapi bakat ini mesti dicungkil. Kadang-kadang bakat ini timbul dengan sendirinya dan memecah *vicious cycle* tadi tetapi masyarakat yang maju tidak dapat menunggu timbulnya sesuatu dengan sendirinya. Masyarakat yang sedar tanggungjawabnya mesti mencungkil bakat dan menyusun penerokaan sesuatu jurusan serta perkembangannya selepas itu.

Tanggungjawab masyarakat adalah jelas dari perbincangan ini. Sementara hak individu patut dihormati, kepentingan masyarakat tidak boleh dibelakangkan semata-mata kerana menghormati hak individu. Dalam bidang pelajaran ini bermakna ma-

syarakat mesti menentukan apakah pelajaran yang penting bagi masyarakat dan mengarah supaya individu menyesuaikan diri mengikut kepentingan ini. Individu ataupun kumpulan kecil yang berjuang untuk kepentingan diri tidak boleh dilayan oleh masyarakat. Ketegasan sikap masyarakat adalah perlu kerana sebenarnya ia bukan sahaja akan memelihara masyarakat tetapi akan memelihara individu atau golongan kecil itu juga.

Bagi masyarakat Melayu masalah ini adalah satu *dilemma* lagi. Apakah mereka patut tegas dalam menentukan jenis pelajaran yang patut diberi kepada generasi yang akan datang walaupun keciciran akan berlaku, ataupun mereka menyampaikan pelajaran yang tidak *relevant* kerana ingin melihat semua anak-anak mereka senang hati dan lulus?

Masalah yang akhir yang merupakan *dilemma* bagi orang Melayu dalam bidang pelajaran ialah masalah bahasa. Di zaman British Bahasa Melayu dibelakangkan sehingga ia hampir hilang. Sesuatu bangsa akan hilang identitinya jika bahasanya sudah tidak ada. Oleh sebab itu bahasa menjadi punca emosi bagi orang Melayu. Mereka ingin melihat bahasa mereka bukan sahaja dikekalkan tetapi juga dikembangkan dari segi penggunaan dan keupayaan sehingga sama setaraf dengan bahasa-bahasa yang terkenal di dunia.

Hasrat ini bukanlah satu khayalan. Bahasa Melayu memang lama menjadi bahasa antarabangsa yang luas penggunaannya. Sebelum ianya diterima menjadi bahasa rasmi negara ini, ianya sudahpun menjadi bahasa kebangsaan negara Indonesia dengan penduduk yang lebih daripada 100 juta. Penggunaan bahasa Indonesia menjamin kedaulatan bahasa Melayu. Sekarang dengan diterima sebagai Bahasa Kebangsaan Malaysia, masa depan Bahasa Melayu menjadi lebih terjamin.

Sejak Malaya/Malaysia merdeka satu kempen besar-besaran telah dilancar dan dijalankan untuk mengembangkan penggunaan Bahasa Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka diberi tugas menyusun penciptaan dan penyerapan perkataan dan istilah baharu. Sekolah-sekolah menggunakan bahasa Melayu (Malaysia) dari peringkat rendah sehingga ke peringkat tinggi. Akhirnya bahasa yang hampir lesap 18 tahun dahulu digunakan di peringkat Universiti sehingga penuntut dapat mengikuti semua kuliah dan mendapat ijazah dengan penggunaan semata-mata Bahasa Melayu.

Tempat bagi Bahasa Melayu sebagai bahasa pelajaran tidak lagi boleh diragu-ragukan. Bukan sahaja Kerajaan tetapi seluruh masyarakat, Melayu atau bukan Melayu, sudah menerima Bahasa Melayu dan sanggup menuntut ilmu dengan menggunakannya. Adalah jelas bahawa perjuangan orang Melayu untuk mengekalkan dan meninggikan taraf bahasa mereka sudah berhasil walaupun masih ada penyelewengan oleh beberapa pihak.

Tetapi walaupun penguasaan Bahasa Melayu sudah meningkat tinggi di zaman moden ini orang yang terpelajar biasanya menguasai lebih daripada satu bahasa. Penguasaan dua atau lebih daripada dua bahasa meluaskan bidang kegiatan tiap-tiap orang. Ianya juga menambah bidang pengetahuan dan punca maklumat. Oleh yang demikian orang yang menguasai dua bahasa mendapat lebih *advantage* daripada orang yang menguasai cuma satu bahasa. Di sini patut ditegaskan masalahnya bukan apa bahasa tetapi beberapa bahasa. Jadi persoalannya bukan keupayaan atau kemampuan bahasa kebangsaan sebagai alat perhubungan atau penyerapan pengetahuan. Walaupun Bahasa Kebangsaan itu cukup lengkap untuk maksud dan tujuan-tujuan ini penguasaannya sahaja tanpa lain bahasa adalah satu kelemahan.

Memandang kepada hakikat ini sikap orang Melayu dan khususnya pelajar Melayu terhadap pelajaran bahasa kedua adalah salah. Oleh kerana penerimaan bahasa kebangsaan tidak boleh dicabar lagi, sikap tidak mahu belajar lain bahasa tidak lagi boleh dianggap sebagai sikap pelopor atau sikap pejuang. Lagak pejuang bahasa yang terdapat di kalangan setengah pelajar Melayu sekarang tidak ada makna sama-sekali, jika lagak ini diiringi dengan keengganan mempelajari bahasa lain. Penyelewengan dalam pelaksanaan bahasa kebangsaan patut ditegur tetapi menolak pelajaran bahasa lain tidak lagi dapat dianggap sebagai simbol jaguh bahasa.

Sikap dan pendapat yang tidak lagi berasas ini, jika tidak dibetulkan akan merugikan orang Melayu. Kebanggaan dengan penggunaan bahasa Inggeris sepanjang masa oleh orang Melayu yang bersekolah di zaman British tidak perlu dihidupkan semula. Tetapi tidak ada satu sebab yang orang Melayu tidak boleh berbangga kerana fasih dalam dua bahasa, walau apa sekalipun bahasa yang kedua itu.

Oleh kerana bahasa Inggeris tidak lagi menjadi bahasa pengantar di kebanyakan sekolah di negara ini penguasaannya

tidak lagi mudah seperti dahulu. Bahasa cuma dapat dikuasai jika ianya digunakan dengan luas. Bahasa yang diajar sebagai satu matapelajaran sukar dikuasai. Walaupun demikian ini tidak boleh dijadikan alasan kenapa kecapaian pelajar Melayu dalam Bahasa Inggeris begitu rendah. Apa yang perlu ialah minat dan kesanggupan mempelajari dan menggunanya sekadar yang berpatutan luar daripada waktu sekolah. Penggunaan seperti ini tidak bermakna membelakangkan Bahasa Kebangsaan. Keengganan menguasai bahasa Inggeris ataupun satu bahasa lain mungkin menyembunyikan peribadi yang lemah yang takut kepada pendedahan.

Perjuangan membela Bahasa mereka memaksa orang Melayu menentang dan menyingkirkan bahasa Inggeris yang telah dikembangkan oleh penjajah dahulu. Bahasa Inggeris dijadikan sebagai simbol penjajahan dan bukan sahaja mempelajarinya ditentang, penggunaannya juga ditentang. Penerimaan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi bermakna Bahasa Inggeris tidak boleh digunakan sebagai bahasa pentadbiran. Ini bermakna bukan sahaja bahasa Melayu membuka pintu ke semua peringkat pelajaran, ianya juga membuka pintu untuk hampir semua jenis kerja dan jawatan, terutama dalam pentadbiran negara.

"Dilemma" pelajaran bagi orang Melayu berkisar di keliling soal agama, pemilihan bidang atau aliran pelajaran dan masalah bahasa. Sebenarnya dilemma-dilemma ini adalah bayangan kerana semuanya berasas kepada salah faham dan tafsiran serta lojik yang tidak berasas. "Dilemma-dilemma" ini akan berkekalan dan akan menghindar kemajuan, bahkan keagamaan orang Melayu jika tidak dianalisa dan dibetulkan usul-asalnya. Selagi orang Melayu tidak sanggup berdepan dan menghadapi hakikat yang sebenar, mereka tidak akan dapat mengatasi "dilemma" yang menyerang pemikiran mereka. Dan sudah tentu selagi ada dilemma rekaan ini, selama itulah mereka akan gagal dan ditinggal zaman dan mungkin mereka lenyap sebagai satu bangsa yang mempunyai peribadi yang tersendiri di dunia ini.

BARAT DAN TIMUR

Sepuluh tahun dahulu kalau seorang pemuda disuruh menyimpan rambut sehingga ke bahu, reaksinya sudah tentu tentangan yang hebat. Ia tentu memikir bahawa orang yang mengarahnya mungkin tidak siuman atau sekurang-kurangnya tidak up-to-date. Ia tidak akan menganggap bahawa orang itu adalah terlalu moden dan telah menduga perubahan yang akan datang.

Tetapi sekarang pemuda berambut seperti wanita adalah perkara biasa. Tidak ada silu atau segan. Di rumah, di pejabat, di universiti, di masjid dan di mana juga, pemuda berambut panjang. Kalau berkopiah, tertenggek di atas rambut bertimbun. Kalau bertopi putih pun demikian juga. Dari belakang perempuan atau lelaki tidak dapat ditentukan.

Fenomena ini adalah bukti dominasi Barat ke atas Timur. Dan Malaysia dengan orang-orang Melayunya, tidak kurang mengabdi dan menunduk kepada dominasi Barat. Apa Barat membuat hari ini, besok dibuat oleh Timur dan lusa oleh orang Melayu. Kalau Barat batalkan perbuatan itu, Timur mengikut besok dan mungkin orang Melayu selepas itu.

Fenomena ini bukanlah satu perkara baru dan bukan berkenaan berambut panjang sahaja. Dahulu oleh kerana orang Barat memakai baju kot dengan necktie, walaupun Malaya tempat yang panas di mana baju Melayu lebih sesuai, kita turut juga memakai kot dan necktie. Dan bukan sahaja pakaian yang ditiru, hampir semua yang dilakukan oleh Barat seberapa daya yang boleh kita meniru.

Meniru bukanlah satu perkara yang mesti dicapkan sebagai buruk. Meniru adalah cara belajar. Kanak-kanak belajar bercakap dan beradat resam dengan cara meniru. Dari satu generasi ke satu generasi tiruan mengekalkan adat resam dan nilai-nilai sesuatu bangsa. Yang menjadi masalah ialah peniruan yang indiscriminate, iaitu tiruan tanpa perhitungan baik-buruknya perkara yang ditiru.

Sejarah perhubungan antara Barat dengan Timur menjelaskan kenapa Timur selalu meniru Barat. Orang-orang Barat datang sebagai conquerors yang kuat dan dapat mengalah dan menakluk negara-negara Timur. Superiority atau kelebihan mereka terbukti dari kejayaan mereka bukan sahaja melanggar dan menewas negara-negara Timur dengan penggunaan tentera-tentera yang kecil tetapi dengan kejayaan mereka mengekalkan penjajahan dan pemerintahan mereka.

Kejayaan bangsa-bangsa Barat telah menguasai fikiran orang Timur. Kalau orang-orang Barat begitu berjaya maka sebabnya tentulah kerana sifat-sifat yang ada pada mereka. Dari fikiran ini kepada fikiran bahawa kejayaan yang sama boleh dicapai kalau sifat-sifat Barat ditiru adalah satu langkah yang lojik. Maka orang Timur pun menirulah orang Barat dalam semua lapangan, daripada susunan politik dan pentadbiran kepada penukaran bahasa, agama, kebudayaan dan lain-lain lagi yang terlalu banyak untuk diperhitungkan.

Bahawa peniruan dibuat tanpa kajian tentang baik-buruknya sesuatu itu, tentang terlibat atau tidak dalam memberi kejayaan kepada Barat adalah jelas. Tetapi yang lebih sedih lagi ialah peniruan dibuat juga walaupun perkara yang ditiru terang-terang membawa kepada kelemahan dan bukan kepada kejayaan Barat.

Satu daripada perkara yang ditiru tanpa kajian dan fikiran ialah pakaian. Orang-orang Barat, khasnya birokrat British dahulu menurut satu peraturan yang keras tentang pakaian. Pakaian siang berlainan daripada pakaian malam, dan pakaian-pakaian untuk berbagai istiadat adalah tetap dan tentu. Siapa yang tidak turut adat pakaian ini dianggap sepi dan disingkir oleh masyarakat mereka.

Susunan peraturan pakaian ini sebenarnya mencerminkan keperibadian satu lapisan orang British yang dahulu begitu tertib dan begitu mengutamakan peraturan. Kalau peraturan-peraturan yang begini kompleks dan menekan dapat dihormati dan diikuti, maka kawalan diri atau disiplin tentu akan wujud. Bagi sebuah negara yang kecil menguasai satu per-empat daripada dunia, disiplin ini penting. Tanpa disiplin, mereka tidak boleh menguasai situasi di mana kadang-kadang dua tiga orang mereka terpaksa mengawal ratusan atau ribuan orang bangsa lain. Peraturan-per-

aturan pakaian boleh disifatkan sebagai satu latihan dan amalan disiplin.

Bagi bangsa-bangsa yang dijajah oleh British, cara-cara pakaian kerap-kali ditiru. Tiruan ini dibuat kerana mereka menghormati dan memandang tinggi penjajah British. Oleh kerana disiplin orang British dahulu ada kaitan yang rapat dengan pakaian mereka, maka secara tidak langsung peniruan pakaian ini menjadi peniruan disiplin dan tata-tertib British. Jadi sungguhpun peniruan pakaian tidak begitu berguna, latihan disiplin yang berasas kepada tata-tertib berpakaian ini mendatangkan faedah kepada peniru.

Kalau kita kaji sejarah bangsa-bangsa yang ditawan dan dijajah oleh Barat, satu perkara yang nyata ialah mereka kurang berdisiplin. Susunan dan tektik tentera Melaka di waktu berperang dengan Portugis dengan jelas menunjuk bahawa disiplin tidak kuat seperti terdapat dalam tentera-tentera Barat. Kekalahan Melaka di tangan Portugis mungkin berasas kepada lain-lain kelemahan tetapi jikalau angkatan perang Melaka cukup berdisiplin kekalahannya tidak akan menjadi begitu mudah dan mungkin ianya tidak dapat dikalahkan.

Jika disiplin berfaedah dan jika peniruan cara pakaian British membawa kepada disiplin, maka peniruan ini bolehlah dipertahankan. Begitu juga dengan peniruan berbagai perkara yang dibuat oleh Timur di zaman imperialisme Barat. Kebanyakan daripada peniruan yang dilakukan adalah berfaedah dan tiada siapa yang boleh menafikan bahawa satu hasil yang terbesar darinya ialah pembebasan tanah-tanah jajahan Timur daripada penjajahan Barat. Kemerdekaan negara-negara yang dijajah direbut melalui susunan dan tektik perjuangan yang ditiru dari Barat. Satu negara yang tidak pernah dijajah tetapi mencapai kejayaan besar kerana meniru Barat dengan cara sistematik ialah Jepun.

Kemerdekaan negara-negara Timur membawa kepada satu chain reaction yang mengakhiri dengan hampir semua daripada tanah-tanah yang dijajah oleh Barat terlepas daripada tangan mereka. Peristiwa ini menjadi lebih aneh lagi kerana sebenarnya Barat baharu sahaja mendapat kemenangan yang besar dalam Perang Dunia Kedua. Kemampuan mereka mempertahan tanah yang dijajah oleh mereka adalah lebih daripada kemampuan mereka sebelum Perang Dunia Kedua.

Kehilangan tanah-tanah jajahan dengan kekayaannya membawa kepada perubahan yang radikal dalam psikologi peribadi orang Barat. Mereka tidak lagi dapat berlagak sebagai manusia yang terpilih yang mesti dihormati dan ditakuti oleh dunia. Anak muda mereka khasnya, tidak lagi boleh dihantar ke tanah-tanah jajahan untuk menjadi pentadbir dan "Tuan" kepada natives.

Perubahan psikologi peribadi yang disebabkan oleh kehilangan tanah-tanah jajahan tidak timbul dengan serta-merta. Pada mulanya perubahan ini berlaku dengan beransur-ansur. Tetapi semakin lama semakin cepat perubahan berlaku. Akhirnya semua nilai-nilai lama ditolak dan digantikan dengan nilai yang tidak tentu.

Kalau pakaian sekali lagi diguna sebagai contoh, penolakan nilai-nilai lama dicerminkan dengan perubahan cara berpakaian. Apa juga peraturan pakaian yang terdapat dahulu dibuangkan sama sekali. Kalau dahulu semua berkot necktie sekarang kot dan necktie dibuang dan apa sahaja boleh dipakai. Kalau dahulu baju yang koyak tidak boleh dipakai, sekarang baju dan seluar sengaja dikoyak sebelum dipakai. Kalau dahulu kasut mestilah sepatu yang baik, sekarang selipar yang buruk digunakan atau kasut tidak dipakai samasekali.

Sepertimana disebutkan di atas Barat mempunyai sebab kenapa mereka menolak nilai-nilai lama. Selain daripada kehilangan tanah takluk mereka dan punca-punca kekayaan mereka, perang di Vietnam memberi kesan yang buruk sekali terhadap kepercayaan Barat kepada diri mereka sendiri. Satu kuasa besar Barat telah dikalahkan oleh satu kaum yang kecil di Timur. Dengan kejadian ini semangat Barat telah lumpuh dan mereka tidak lagi dapat berdiri tegak sebagai tauladan kepada seluruh dunia.

Kejatuhan Barat bermakna kemenangan bagi Timur yang dahulu dijajah oleh Barat. Kalau Barat berasa kesal kerana kehilangan tanah takluk mereka, Timur sepatutnya berasa riang kerana kemerdekaan mereka. Kalau Barat react terhadap kehilangan mereka dengan menolak nilai-nilai lama dan mencipta nilai-nilai baru, Timur sepatutnya memegang terus kepada nilai-nilai yang membawa kepada kejayaan Timur. Kalau tiruan yang dibuat oleh Timur di waktu penjajah, tiruan seperti ketertipan dan disiplin dan susunan masyarakat yang kukuh membawa kepada kejayaan bagi Timur, maka perkara-perkara yang ditiru ini patut dikekalkan. Tidak ada satu sebab yang Timur patut menolak nilai dan cara

yang dibentuk di waktu penjajahan Timur oleh Barat, seperti mana Barat ada sebab merasa kecewa dengan nilai dan cara lama mereka.

Tetapi sungguhpun Timur sudah berjaya dan secara relatif Barat sudah gagal, tabiat meniru dan tabiat mengiktiraf Barat sebagai trend dan pace-setters dalam semua bidang masih kekal. Oleh sebab ini maka tanpa perhitungan, apa sahaja yang diperbuat oleh Barat masih terus ditiru oleh Timur.

Sekali lagi contohnya pakaian. Ketertipan pakaian ditolak oleh generasi baru Barat kerana sebab-sebab yang telah diterangkan. Dan Timur pun mengikut membuangkan aturan-peraturan pakaian dan meniru memakai baju dan seluar yang tidak senonoh, yang koyak, yang bertampung, yang kotor dan buruk. Tabiat meniru telah menguasai fikiran Timur sehingga peniruan dibuat tanpa kesedaran tentang sebabnya Barat mengubah tabiat.

Sepertimana tiruan pakaian yang teratur dahulu memberi nilai-nilai disiplin Barat kepada Timur, peniruan pakaian-pakaian Barat yang tidak teratur juga mengedarkan kepada Timur nilai-nilai yang menyebabkan Barat menukarkan cara pakaian mereka. Nilai-nilai baru ini menolak disiplin dan peraturan-peraturan dan menggantinya dengan kebebasan yang tidak terhad.

Kita telah lihat bagaimana dengan meniru dan mengamalkan nilai dan sistem-sistem asal Barat, Timur telah berjaya merebut balik kemerdekaannya. Kalau nilai dan sistem-sistem ini diteruskan kemungkinan negara-negara yang telah merdeka ini mencapai lebih banyak kejayaan adalah lojik. Sebaliknya kalau sistem yang jelas membawa kepada kejayaan dibuang, kemungkinan kemunduran sekali lagi menyerang negara-negara Timur tentulah lojik juga.

Sebenarnya sudah pun ada tanda-tanda yang jelas menunjuk bahawa Timur, walaupun bebas dan merdeka, telah gagal mencapai kejayaan dan jauh sekali taraf yang sama dengan Barat. Kalau kekayaan dan tenaga manusia serta kecekapan yang ada di negara-negara Timur yang merdeka disusun rapi dan disalurkan ke arah pembangunan melalui sistem-sistem Barat yang jelas telah memberi kejayaan dahulu, Timur sepatutnya sudah menjadi sama kuat atau lebih kuat daripada Barat. Tetapi Timur tidak menjadi kuat dan masih tertinggal jauh di belakang Barat. Mungkin ada berbagai sebab yang ini terjadi tetapi sebahagian daripadanya tentulah berasas kepada pembuangan nilai dan sistem yang

Timur telah meniru dahulu dan penggantiannya dengan cara-cara Barat yang baru yang jelas tidak berfaedah walaupun kepada Barat. Kalau Barat yang kukuh dan kuat dahulu boleh menjadi lemah kerana sikap dan nilai-nilai baru Barat, kesan sikap dan nilai ini akan lebih memburukkan negara-negara Timur yang baru sahaja muncul.

Pertandingan antara Timur dan Barat belum tamat. Sungguhpun Barat tidak lagi menjajah negeri-negeri Timur, Barat tidak ingin lihat Timur menjadi maju dan kukuh sehingga mengancam Barat. Sebab itu sementara Barat membebaskan satu demi satu daripada tanah jajahan mereka, mereka berusaha mempertahankan diri mereka melalui berbagai cara dan alat yang berkesan. Dalam bidang ekonomi mereka menubuhkan E.E.C. atau European Economic Community sebagai satu cara untuk mengawal pasaran dunia supaya Timur tidak dapat bertindak balas terhadap penindasan ekonomi yang dahulu dilakukan oleh Barat terhadap Timur.

Dengan adanya pasar terkawal yang begitu kaya, Barat dapat memaksa Timur menerima apa saja harga yang ditentukan oleh Barat terhadap pengeluaran Timur. Satu jenis imperialisme ekonomi berjalan sekarang kerana penyatuan negara-negara Eropah dalam E.E.C. Melalui cukai, quota dan sekatan import, Barat bukan sahaja dapat menentukan bahawa bahan-bahan mentah dari Timur tidak melambung tinggi harganya tetapi pengeluaran perusahaan-perusahaan moden Timur tidak mengancam pemasaran pengeluaran perusahaan yang sama dari negara-negara Barat. Sebab itu dalam inflasi dunia yang terdapat sekarang, sementara harga timah dan getah naik sekejap dan lepas itu turun balik, harga barang-barang buatan perusahaan Barat telah naik dan terus dengan harga yang tinggi.

Timur sedar bahawa kekuatan ekonomi Barat sekarang berasas kepada perpaduan mereka melalui pasaran terkawal European Economic Community. Timur tahu bahawa kerjasama seperti ini amat berkesan. Tetapi negara-negara Timur tidak sanggup bertindak sepakat untuk meruntuh benteng yang didirikan oleh Barat sehinggalah cetus perang Yom Kipur di Asia Barat dalam tahun 1973.

Sebagai satu cara menghalang bantuan yang biasa diberi kepada Israel dalam peperangan dengan negara Arab, negara-negara Arab yang mengeluarkan minyak telah bertindak bersama

mengurangkan eksport minyak ke negara Barat dan menaikkan harga minyak berkali ganda. Tindakan ini berkesan lebih daripada yang dijangka. Bukan sahaja negara Barat dipaksa berhenti daripada membantu Israel tetapi ekonomi Barat mula menghadapi inflasi dan kemerosotan yang menamatkan zaman kemewahan mereka.

Jelaslah daripada peristiwa ini bahawa kerjasama antara negara-negara Timur akan neutralise atau menindakkan tindakan bersama yang dilakukan oleh Barat. Tetapi selain daripada pengeluaran dan pemasaran minyak, negara-negara Timur masih tidak sanggup bekerjasama. Mereka bertanding sesama sendiri dalam pemasaran berbagai bahan mentah. Jika perjanjian pemasaran dibuat antara mereka, mereka dengan mudah membelakangkan perjanjian.

Dalam usaha mengekalkan Economic Imperialism Barat, penubuhan pasar bersama seperti E.E.C. adalah satu sahaja daripada teknik yang digunakan oleh Barat. Satu daripada kelemahan Barat disebabkan oleh taraf hidup mereka yang terlalu tinggi yang menyebabkan upahan kerja juga menjadi tinggi sehingga kos pengeluaran manufactured goods mereka meningkat terlalu tinggi. Mereka cuba mengatasi masalah ini dengan mengguna jentera dan teknik yang lebih efficient. Tetapi semua teknik ini boleh ditiru oleh Timur.

Oleh kerana upahan kerja adalah rendah dan kesanggupan pekerja-pekerja Timur bekerja adalah lebih daripada pekerja Barat, manufactured goods dari Timur rendah harganya dan dapat bersaing dengan barang yang sama di Barat dan di seluruh dunia dengan jayanya. Jika pemasaran hasil perusahaan Timur dapat mengalahkan barang-barang Barat maka perusahaan dan kehidupan mewah di Barat tentu akan terjejas.

Oleh sebab itu selain daripada mengadakan pasar terkawal, Barat cuba menaikkan kos pengeluaran barang-barang dari Timur. Ini diusahakan oleh Kesatuan-kesatuan Sekerja Barat. Dengan alasan kononnya ingin mempertahankan buruh seluruh dunia daripada dieksploitasi oleh majikan, Kesatuan Sekerja Barat menubuhkan Kesatuan Sekerja Antarabangsa dan menggalakkan Kesatuan Sekerja Timur bergabung dengan badan ini.

Melalui gabungan Kesatuan Sekerja antarabangsa dan lain-lain badan antarabangsa pemimpin-pemimpin pekerja Barat mendesak supaya pekerja-pekerja Timur bukan sahaja menuntut upah-

an yang lebih tinggi dan tidak bekerja kuat, tetapi melakukan berbagai tindakan yang boleh melemahkan perusahaan-perusahaan Timur. Kesan daripada kempen yang dilakukan oleh pemimpin pekerja Barat ialah negara Timur tidak dapat bertanding dengan jayanya dengan negara-negara Barat dalam perdagangan dunia.

Contoh yang jelas sekali ialah berkenaan dengan kain kapas. Lancashire, England, dahulu menjadi pusat pengeluaran kain kapas yang terbesar dan terkenal. Kain ini dijual di tanah jajahan British yang menjadi pasar tertutup, dengan keuntungan yang cukup lumayan. Apabila Hong Kong mula mengeluarkan kain kapas, maka kain Hong Kong dapat bertanding dengan kain Lancashire dengan mudah dan jayanya kerana murah.

Mula-mula pengilang dan pekerja Lancashire cuba mendesak supaya Kerajaan British melarang kemasukan kain ke Britain dari Hong Kong. Tetapi di pasaran dunia kain Lancashire dikalahkan juga oleh kain Hong Kong. Kesan daripada ini ialah ramai pekerja Lancashire menganggur kerana kilang-kilang kain kapas di daerah itu terpaksa ditutup.

Selepas itu Kesatuan Sekerja British bergerak untuk menimbulkan kegelisahan di kalangan pekerja di Hong Kong. Mereka menunjuk kononnya simpati terhadap pekerja kilang di Hong Kong, kerana katanya ditindas oleh majikan. Dahulu di waktu pekerja Lancashire mewah mereka tidak ambil tahu atau ambil berat tentang nasib pekerja di Hong Kong. Tetapi sekarang "air mata buaya" mengalir kerana "penderitaan" pekerja Hong Kong. Jelaslah daripada ini bahawa aktiviti persatuan pekerja Barat, walaupun boleh mendatangkan faedah kepada pekerja-pekerja Timur, tetapi sebenarnya bergerak kerana mempertahankan kedudukan perusahaan Barat di pasaran dunia. Lebih ramai pekerja Timur menerima nasihat mereka, lebih untunglah perusahaan dan pekerja Barat.

Ini tidak bermakna bahawa kesatuan sekerja tidak berfaedah. Seperti biasa apa yang ditiru dari Barat memberi faedah jika peniruan dibuat dengan mata terbuka. Kesatuan sekerja yang berjalan mengikut prinsip dan hasrat penubuhannya memang boleh menjamin keadilan bagi pekerja. Tetapi seperti senjata apa pun, ia boleh disalahguna dan membawa kesan yang buruk. Ikatan dan penerimaan nasihat dari pemimpin kesatuan sekerja Barat yang dipilih oleh pekerja barat kerana kepentingan mereka khususnya

tidak selalunya menjamin bahawa prinsip dan hasrat kesatuan sekerja di Timur akan dipelihara.

Satu daripada perkembangan yang berkesan mengekalkan imperialisme Barat ialah aktiviti media massa dunia. Barat menguasai media massa dunia dengan kerana bahasa Barat, khususnya bahasa Inggeris, difaham di segenap pelusuk dunia. Majallah dan laporan dalam bahasa Inggeris mudah dibaca oleh semua pihak, termasuklah bangsa-bangsa Timur dan rakyat negara-negara yang baru merdeka. Terjemahan laporan-laporan ini ke bahasa tempatan juga mudah dan kerap dilakukan. Oleh sebab itu pemberita Barat dapat mengedar laporan mereka ke seluruh dunia - dan dengan itu membentuk fikiran dan sikap dunia terhadap sesuatu peristiwa dan terhadap mana-mana negara.

Sejak beberapa tahun ini pemberita Barat menumpukan perhatian mereka khasnya kepada perkara-perkara yang buruk yang berlaku di negara-negara membangun terutama negara Timur. Jika ada sahaja kejadian yang buruk berlaku maka dalam sekelip mata sampailah pemberita Barat dengan camera, televisyen, tape-recorder dan buku catitan mereka.

Mengikut pemberita ini tidak satupun yang baik yang berlaku di negara Timur. Timur tidak demokratik, tidak adil, kejam, tidak tersusun pentadbirannya, penuh dengan rasuah, tidak jujur, penipu, tidak ada know-how, tidak boleh membangunkan negara dan seribu satu lagi keburukan. Jika Timur berjaya tidak ada laporan samasekali yang dibuat oleh mereka.

Malaysia umpamanya tidak terkenal seperti Vietnam kerana buat beberapa lama Malaysia maju dan berjaya. Tetapi oleh kerana Vietnam sudah tidak terbuka lagi kepada pemberita-pemberita ini dan Malaysia pula telah mula merasai berbagai kemalangan, maka Malaysia mula menjadi sasaran mereka. Begitu juga kejayaan Pakistan dalam bidang ekonomi selepas dipisah Pakistan Timur tidak pernah mendapat perhatian seperti terhadap penderitaan Bangladesh sejak lahirnya negara itu. Pembangunan pesat di Filipina tidak diberi perhatian seperti yang diberi kepada orang-orang politik dalam tahanan. Di Thailand pemberontakan melawan Kerajaan diberi laporan lengkap, tetapi kalau pemberontak berjaya merebut kuasa seperti berlaku di beberapa negara Asia Tengah dan Afrika, keburukan pemberontak pula didedah.

Sebaliknya Timur tidak ada pemberita sendiri yang merayau seluruh dunia untuk membuat laporan tentang kebaikan Timur

atau keburukan Barat. Jika ada sekalipun pengedaran laporan pemberita Timur adalah terhad kerana soal bahasa. Ajensi berita Timur biasanya terlalu kecil dan tidak mendapat langganan dari akhbar dan majallah Barat. Agensi berita Barat yang terkenal pula tidak mengambil pemberita bangsa Timur untuk membuat laporan walaupun berkenaan dengan negara Timur.

Melalui akhbar dunia Barat dapat membentuk dan menguasai fikiran orang Timur sehingga selalu diserang oleh perasaan kerendahan (inferiority complex) dan tersalah. Orang Timur terpaksa mengukurkan diri mereka mengikut sukatan/nilai Barat dan selalulah mereka dapati bahawa mereka sebaik seperti dikehendaki oleh sistem Barat.

Tekanan Barat terhadap Timur yang berkesan sekali ialah berkenaan dengan sistem politik. Nilai hidup dan cara berfikir sesuatu masyarakat berubah dari satu masa ke satu masa. Sesuatu yang dianggap "baik" atau "adil" pada satu zaman menjadi tidak begitu "baik" atau tidak begitu "adil" di zaman yang lain. Umpamanya dalam zaman kuno, di waktu mana manusia terbahagi kepada kumpulan-kumpulan yang kecil yang selalu berperang antara satu dengan yang lain, pembentukan sistem monarchy yang memberi kuasa hidup/mati kepada seorang raja merupakan satu langkah yang baik kerana rusuhan dalam masyarakat (anarchy) dapat dikurangkan dan masyarakat terpelihara daripada penindasan oleh siapa saja yang ganas selain daripada raja sahaja.

Tetapi setelah sistem absolute monarchy ini berjalan sekian lama maka usul asal dan sebab-sebab sistem beraja dibentuk dilupakan dan yang disedari ialah tindakan buruk oleh raja-raja. Dengan itu masyarakat berpendapat bahawa kuasa raja merupa satu ancaman dan penindasan, dan kuasa ini patut dihapuskan. Semakin lama semakin kuat kepercayaan kepada pendapat baru ini dan akhirnya pendapat ini menjadi pendapat umum. Apabila sampai ke peringkat ini sukatan nilai masyarakat sebenarnya telah berubah.

"Keadilan" yang dahulu bermakna mengadakan raja yang menjatuh hukum mengikut pendapat dirinya sendiri, sekarang ditukar kepada sistem politik constitutional monarchy di mana raja tidak berkuasa menjatuhkan hukum tetapi menjadi figurehead sahaja. Rakyat sahaja yang berhak menentukan apa yang adil dan yang tidak dan rakyat mencipta berbagai cara dan sistem yang membolehkan mereka menentukan supaya kuasa mereka berkesan. Sungguhpun berbagai corak dan nama diberikan kepada

sistem-sistem ini, kesemuanya bolehlah dikenalkan sebagai sistem demokrasi.

Sistem ini digubal di Barat kerana masalah kezaliman raja berlaku di Barat. Mereka mengamal sistem ini pada mulanya untuk diri mereka sahaja. Sistem ini agak kompleks dan jika diguna untuk mentadbir tanah-tanah yang dijajah oleh Barat, akan menimbul banyak kesulitan bagi mereka. Oleh sebab itu pentadbiran dalam tanah takluk mereka dilakukan secara autocratic dengan kuasa dimiliki penuh oleh Gabenor-gabenor dan pegawai-pegawai mereka. Rakyat tempatan tidak ada suara dan terpaksa menerima apa sahaja dasar atau arahan yang dibuat oleh pegawai-pegawai tinggi penjajah Barat. Lain-lain institusi demokrasi seperti kesatuan sekerja dan sebagainya juga tidak dibenar atau jika ada, dikawal rapi dalam colony barat.

Kerajaan otokratik memang lebih mudah mentadbir negara daripada Kerajaan demokratik. Kerajaan otokratik tidak dikehendaki menerima kritik dan menyesuaikan diri dengan seribu satu pendapat rakyat berbagai golongan. Tanggungjawab tentang kebajikan rakyat tidak berat bagi Kerajaan otoktratik. Yang perlu ialah menentukan supaya pentadbiran undang-undang dua pencegahan rusuhan adalah berkesan.

Sebaliknya Kerajaan demokratik tidak pernah sunyi daripada berbagai teguran. Selain daripada mencuba memuaskan kehendak rakyat yang kerapkali tidak secocok, pemilihan umum atau pilihanraya merupa satu ancaman yang besar terhadap kestabilan pemerintahan kerajaan demokratik. Semua pemimpin Kerajaan terpaksa bukan sahaja memimpin dengan cekap dan berkesan tetapi mereka mestilah sanggup diperiksa dan dikritik oleh rakyat. Mereka dikehendaki mengamal dengan terang-terang semua nilai-nilai yang tinggi dan ideal seolah-olah mereka bukan manusia biasa yang ada kelemahan semula jadi. Kegagalan berbuat demikian akan membawa akibat yang buruk kepada mereka dan kepada pemerintahan Kerajaan yang dianggotai oleh mereka.

Penjajah Barat tentu sedar betapa kompleks Kerajaan demokratik. Tetapi mereka meletakkan syarat pemerintahan demokratik kepada tanah jajahan mereka yang menuntut kemerdekaan. Di samping itu satu propaganda tentang kebaikan demokrasi disebarkan sehingga sesiapa yang tidak terima sistem dan nilai-nilai demokrasi merasai mereka tersalah dan tidak berperikemanusiaan. Sebaran am Barat sering menuduh Kerajaan itu dan ini

menyeleweng daripada amalan demokrasi supaya dunia memandang buruk terhadap Kerajaan-kerajaan yang menjadi sasaran mereka. Berbagai pertubuhan diadakan oleh Barat seperti Amnesty International untuk menambah lagi pemburukan imej Kerajaan yang tidak mengikuti nilai-nilai Barat.

Pemimpin-pemimpin negara yang dijajah oleh Barat dan juga negeri-negeri Timur yang tidak pernah dijajah tidak begitu mahir dan berpengetahuan tentang pentadbiran secara demokratik. Kerajaan yang memerintah mereka dahulu ialah Kerajaan otokratik dan Kerajaan jenis ini sahajalah yang mereka faham dan tahu cara-caranya. Selain daripada pemimpin, rakyat juga tidak ada pengalaman tentang demokrasi dan kuasa yang diberi kepada mereka melalui pilihanraya. Mereka tidak juga faham tentang hak-hak yang begitu berkesan seperti kebebasan mengadakan kesatuan sekerja, kebebasan suratkhabar, kebebasan bersuara dan berpolitik dan lain-lain.

Oleh sebab ini apabila negara-negara Timur yang baru merdeka ataupun yang tidak pernah dijajah cuba mengamalkan demokrasi, halangan-halangan dan masalah-masalah yang menyerang mereka tidak dapat diatasi oleh Kerajaan mereka. Keadaan dalam negara-negara mereka semakin lama semakin buruk. Ekonomi negara merosot dan suasana politik menjadi tegang. Percubaan Kerajaan mengatasi masalah ditentang dan disekat oleh berbagai badan yang mendapat kuasa yang hampir sama dengan Kerajaan yang demokratik, iaitu badan seperti dewan undangan dengan ahli pembangkangnya, pegawai-pegawai eksekutif dan badan-badan yang mentafsir dan mentadbirkan undang-undang (judiciary). Akhirnya apabila keadaan dalam negara sudah tidak terkawal lagi Kerajaan pun terpaksa mengambil alih semua kuasa di bawah undang-undang darurat. Ini bermakna demokrasi sudah digantikan dengan otokrasi. Apabila ini berlaku maka semua alat yang ada pada Barat akan diguna untuk menyerang negara yang berkenaan. Negara-negara Timur yang lain juga turut mengecam.

Sepanjang sejarah manusia, Timur dan Barat telah ada perhubungan. Oleh kerana kedua-dua benua ini menjadi pusat tamaddun manusia, perhubungan yang wujud jarangkali tenteram. Masing-masing cuba menguasai yang lain. Persaingan sering diadakan. Kadang-kadang Barat menakluk dan menguasai Timur. Ini berlaku di zaman keagungan Marcedonia di bawah Iskandarshah, Rumawi di bawah beberapa kaisernya dan akhirnya British

dan lain-lain. Kadang-kadang Timur menakluk dan menguasai Barat seperti berlaku di zaman Genghiz Khan dan dalam abad-abad permulaan Islam berkembang.

Tiap-tiap kali Barat atau Timur menguasai wilayah masing-masing, kesan penguasaan ini tidak mudah luput walaupun penjajahan sudah tamat beberapa kurun. Kesan penaklukan Eropah oleh orang-orang Islam umpamanya masih boleh dirasai dan dikenali sehingga sekarang.

Yang penting bukan pengikisan kesan ini habis-habisan tetapi pemilihan antara kesan yang perlu dikekal dan yang tidak. Kesan penaklukan Eropah oleh Islam yang terdapat sekarang ialah dalam bidang ilmu pengetahuan sahaja. Ini tidak meminda atau mengubah peribadi Barat. Barat masih merupakan Barat. Tetapi Barat mencapai kemajuan dan menjadi kukuh dan kuat kerana penyerapan ilmu orang-orang Timur.

Sekarang ini Timur sedang melalui fasa yang mana kemerdekaan secara fizikal sudah dicapai tetapi pengaruh imperialisme Barat masih menyeluruh. Pengaruh ini menjadi lebih berkesan kerana sistem perhubungan moden yang membolehkan tiap-tiap sesuatu yang berlaku atau difikir oleh Barat diketahui dengan serta merta oleh Timur. Jikalau di zaman dahulu cuma golongan atasan sahaja yang terlibat dengan tamaddun dan kebudayaan penjajah, sekarang semua peringkat terlibat dengan pengaruh dari luar. Oleh itu kesan bekas penjajah dirasai oleh semua golongan. Ini menyukarkan penapisan pengaruh bekas penjajah supay cuma yang baik sahaja yang diserapkan.

Tetapi zaman moden ini juga memperkenalkan cara-cara menganalisa dan merancang untuk mengawal pembangunan supaya tertumpu tepat kepada yang dirancang. Tidak ada satu sebab kenapa kesan bekas penjajah, atau dengan lebih tepat lagi kesan Barat tidak boleh dianalisa dan penyerapannya oleh mana-mana bangsa atau golongan dibuat secara tersusun mengikut perhitungan yang tertib.

Tauladan sudah pun ada. Pemodenan Jepun di zaman Meiji memperlihatkan satu peristiwa penyerapan tamaddun asing secara terancang. Penyerapan ilmu-ilmu dan cara atau sistem Barat yang berguna dan baik juga boleh dibuat secara tersusun dan tertib sekarang. Untuk ini Timur sendiri perlu menentukan yang mana satu yang boleh ditiru dan sejauh mana patut diamalkan.

Timur dengan latar belakang tamaddunnya yang tersendiri yang mempunyai nilai-nilai asas yang disanjung tinggi oleh seluruh dunia tetap mampu membuat pemilihan yang waras.

Dalam membuat pemilihan ini pandangan yang sempit yang berasas kepada emosi dan keangkuhan terhadap keperibadian Timur tidak ada tempat. Yang penting ialah sementara peribadi ketimuran mesti dikekal, kejayaan dan kekuatan Barat juga mesti diambil kira. Dengan ini maka Timur akan kekal sebagai Timur tetapi mampu mempertahan dan menguasai keadaan di dunia moden yang begitu rapat perhubungannya.

Malaysia dengan orang Melayunya terlibat secara langsung dalam pergeseran Timur-Barat ini. Sementara yang bukan Melayu mudah menyesuaikan diri dengan tamaddun Barat, orang Melayu nampaknya lebih tertarik dengan rupa-bentuk Barat daripada isi kandungannya. Oleh itu kita dapati sungguhpun rambut disimpan panjang, ilmu pengetahuan tidak sejajar dengan penyerapan fesyen ini. Sungguhpun cara-cara liar Barat diserap dengan pantas, nilai dan cara yang memberi kekuatan kepada Barat tidak terdapat.

Sebenarnya pemikiran dan analisa tentang kesan penjajahan Barat ke atas Timur patut dibuat awal-awal lagi. Sudah tentu penyerapan tamaddun Barat juga sepatutnya telah lama disusun rapi. Tetapi walaupun lewat masa masih ada untuk memikir dan bertindak. Yang penting di saat ini ialah kesedaran. Apakah kesedaran sudah ada ataupun Timur masih berada di alam khayalan? Inilah soalan yang disoal dalam rencana ini. Apakah jawapannya?

MATERIALISME DAN KEROHANIAN

وَابْتَغِ فِيمَآ اٰتٰىكَ اللّٰهُ الدَّارَ الْاٰخِرَةَ وَلَا تَنْسَ
نَصِيْبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَاَحْسِنْ كَمَآ اَحْسَنَ اللّٰهُ
اِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِى الْاَرْضِ اِنَّ
اللّٰهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِيْنَ. - سورة القصص، الآية: ٧٧

Dan carilah dengan kekayaan yang diberikan Tuhan kepada engkau kebahagiaan kampung Akhirat, dan jangan engkau lupakan bahagian engkau di dunia ini. Dan buatlah kebaikan sebagaimana Tuhan telah membuat kebaikan kepada engkau, dan janganlah engkau membuat bencana di muka bumi. Sesungguhnya Tuhanmu tidak mencintai orang-orang yang membuat bencana. *- (AL-QASAS, Ayat 77)*

Zaman ini adalah zaman materialis. Ini tidak dapat dinafikan oleh sesiapa. Di segenap lapisan, kekayaan harta benda menjadi tumpuan perhatian dan perbincangan. Kesan daripada pandangan yang berat yang diberi kepada kekayaan harta benda ialah ciptaan berbagai ideologi politik dan amalan yang berasaskan semata-mata kepada materialisme dunia. Dan kadangkala ideologi-ideologi ini begitu menarik dan memikat jiwa sehingga ianya menggantikan agama-agama yang telah dianuti oleh manusia berkurun-kurun di dunia ini.

Di antara ideologi dan dasar-dasar yang berpunca daripada materialisme yang berjaya melemahkan pegangan agama ialah komunisme,sosialisme dan kapitalisme. Ketiga-tiga fahaman ini,

sungguhpun tidak begitu cocok antara satu dengan yang lain, tetapi semuanya adalah sama kalau dilihat dari kacamata kerohanian. Ketiga-tiga fahaman ini tidak menitik-beratkan kerohanian tetapi mendakwa bahawa manusia hidup dan bahagia kerana harta benda yang dimiliki oleh mereka.

Walau bagaimanapun kapitalisme tidak dibentuk sebagai ideologi. Ianya berasal dari perdagangan dan perniagaan yang tidak dapat tidak mesti wujud dalam masyarakat manusia. Pada mulanya perniagaan adalah satu cara mencari nafkah seperti lain-lain kerja juga. Tetapi orang yang pintar berniaga dapat mencari, bukan sahaja setakat cukup untuk sara hidup, tetapi kekayaan yang tidak terhad. Kedatangan revolusi perusahaan (Industrial Revolution) meruntuhkan semua sekatan terhadap rebutan kekayaan. Di waktu inilah wujud kapitalis moden yang tidak berperikemanusiaan dan bertuhankan kebendaan dan kekayaan semata-mata. Rebutan kekayaan dibuat tanpa menghiraukan penderitaan pekerja atau masyarakat atau pencemaran alam sekeliling. Timbangrasa dan perasaan kemanusiaan tidak ada dan semua ajaran-ajaran yang beransur agama dan kerohanian dibelakangkan.

Kekejaman kapitalis dan penindasan mereka ke atas pekerja-pekerja sudah sewajarnyalah menarik kecaman belas daripada masyarakat yang waras. Tetapi perkara yang tidak dapat dinafikan ialah perusahaan dan perniagaan oleh kapitalis mewujudkan berbagai peluang kerja untuk orang-orang yang tidak ada punca pendapatan lain. Lebih banyak perniagaan dan perusahaan, lebih banyaklah peluang mencari nafkah bagi orang-orang yang menganggur.

Jelaslah dari keterangan ini jika kapitalis dapat dikawal atau mereka dapat dibawa balik ke jalan yang benar kegiatan mereka boleh memberi manfaat kepada masyarakat. Malangnya kapitalis bukan sahaja kaya tetapi juga berkuasa. Kekayaan mereka dapat membendung kuasa. Bendungan ini adalah satu jenis rasuah dan masyarakat kapitalis menjadi lebih buruk kerana rasuah ini. Moral atau akhlak masyarakat kapitalis sudah tentu buruk kerana seluruh masyarakat tertaksub dengan kebendaan dan rasuah dan menolak kerohanian dan keagamaan.

Pengawalan kapitalisme menjadi bertambah sukar bukan sahaja kerana kapitalis dapat menggunakan kekayaan mereka untuk mendapat kuasa tetapi kerana sistem ini kembang dengan pesatnya dalam masyarakat bukan Islam yang awal-awal lagi tidak

mengutamakan kerohanian. Pengaruh agama dalam negara-negara barat telah merosot beberapa kurun sebelum Revolusi Perusahaan dan apa juga nilai yang baik yang ada dalam agama yang dianuti oleh orang Barat tidak dapat mempengaruhi sikap kapitalismereka.Kerohanian tidak mendapat tempat dan tidak terdaya menarik balik masyarakat itu ke jalan yang lurus dan benar.

Oleh kerana kerohanian lemah, maka perasaan tamak kepada kebendaan jugalah yang digunakan untuk mencuba mengawal kapitalisme. Konsep komunis dan sosialis yang dicipta untuk menentang kapitalisme tidak sedikit pun dipengaruhi oleh kerohanian dan keagamaan. Kedua-duanya menganggap kepunyaan harta benda dan kekayaan sahaja yang berkesan dalam menegakkan keadilan dan kebahagiaan manusia. Dari segi ini tidak ada perbezaan antara kapitalisme, komunisme dan sosialisme. Ketiga-tiganya menolak kerohanian dan bertuhankan kebendaan.

Penindasan majikan (kapitalis) terhadap pekerja menyebabkan pekerja-pekerja menyusun diri dalam kesatuan-kesatuan untuk mematahkan tekanan majikan. Buruh sedar bahawa kekayaan majikan bergantung kepada tenaga buruh. Oleh itu jika pekerja beramai-ramai tidak bekerja, maka harta kekayaan serta pendapatan yang lumayan pihak majikan tentu akan terancam dan merosot. Bagi kapitalis yang tamak, kejadian ini amatlah ditakuti. Tetapi tindakan mogok tidak begitu mudah dan tidak begitu berkesan kerana mogok juga memutuskan punca pendapatan buruh. Di antara buruh dan majikan, buruh lebih bergantung kepada upahan yang mereka terima. Keuntungan memang menjadi tujuan majikan mengadakan perusahaan, tetapi hidup mati majikan tidak begitu bergantung kepada keuntungan yang didapati. Pertarungan antara majikan kapitalis dengan pekerja-pekerja lebih menekan pekerja daripada majikan di waktu permulaan zaman perusahaan (industrial age).

Sebelum revolusi perusahaan, terutama dalam abad ketujuh belas, beberapa orang ahli falsafah dan saintis politik telah menganalisa hubungan antara individu dengan pemerintah dan juga masyarakat. Hasil dari kajian dan renungan ini beberapa orang dari mereka berpendapat bahawa pertamanya asas suka-duka manusia ialah pemilikan kekayaan dan keduanya kekayaan sesebuah negara adalah hak sekalian rakyat. Oleh itu, untuk mencapai keadilan dan mengurangkan kepincangan dalam masyarakat pembahagian harta mestilah secara sama rata. Supaya tercapai "Eco-

nomic order'' ini, pemerintah mesti mengambil-alih semua punca kekayaan dan membahagikannya kepada rakyat mengikut nisbah yang sama.

Falsafah ini tidak dapat diamalkan kerana sebelum revolusi perusahaan dan beberapa lama selepasnya golongan kaya berkuasa, sedangkan pekerja dan golongan miskin tidak ada senjata atau kekuatan untuk menjayakan falsafah ini. Apabila bilangan pekerja bertambah ramai kerana perkembangan perusahaan selepas revolusi perusahaan, para cerdik-pandai berpendapat bahawa tindakan mogok beramai-ramai boleh menumpul atau mematahkan kuasa majikan dan kapitalis.

Cerdik-pandai inilah yang menggubal ideologi sosialis dan komunis. Tidak ada perbezaan antara kedua-dua ini dari segi matlamat. Kedua-duanya mahu golongan pekerja sendiri menjadi pemerintah dan memiliki semua sumber kekayaan. Sementara sosialis mahukan pengambilan-alih kuasa pemerintahan dan sumber-sumber kekayaan dibuat secara beransur-ansur dengan menggunakan mogok dan pembentukan undang-undang baru, pihak komunis percaya perubahan cuma boleh dicapai melalui pemberontakan pekerja dan petani (golongan tidak berada) terhadap majikan dan kuncu-kuncu mereka (bourgeois). Dengan kehancuran kaum kapitalis dan bourgeois maka pemerintahan buruh (rakyat) akan wujud dan akan menguasai dan mengusahakan semua punca kekayaan negara.

Intelek sosialis nampaknya memikirkan bahawa sumber kekayaan dengan sendirinya menentukan kekayaan. Mereka tidak memberi nilai kepada kepintaran berniaga dan profit motive. Tetapi kalau dikaji, yang memberi kejayaan kepada teknologi perusahaan moden bukanlah pakar-pakar teknologi itu sendiri. Yang menjayakan teknologi ialah ahli perniagaan yang didorong oleh perasaan tamak yang sentiasa menguasai masyarakat materialis barat. Jika mereka tidak berusaha, tidak akan ada hasil dan kekayaan daripada apa juga sumber kekayaan, sama ada bijih atau minyak di dalam tanah, atau penggunaan sistem ''mass production'' ataupun perniagaan import-eksport dan perusahaan teknologi moden.

Sistem sosialis dikatakan bergantung kepada buruh. Tetapi jika analisa mendalam dibuat sebenarnya sistem ini bergantung kepada perasaan tamak manusia, perasaan yang selalu menguasai jiwa masyarakat yang mengutamakan kebendaan. Perasaan tamak

manusia adalah sama sahaja sama ada terdapat di hati buruh atau majikan, miskin atau kaya, raja atau rakyat. Falsafah hidup yang berasas kepada perasaan tamak kepada kekayaan tidak dapat memberi kebahagiaan kepada manusia, dan ini dapat dilihat di barat di mana kekayaan cuma membawa lebih banyak masalah dan tidak ada bukti bahawa masalah-masalah ini boleh diatasi.

Britain adalah sebuah negara yang cuba mengamalkan sistem sosialis melalui demokrasi berparlimen dengan kepercayaan bahawa sosialisme akan memberi keadilan. Demokrasi British bergantung kepada bilangan undi yang diberi kepada tiap-tiap orang. Intelek sosialis British berpendapat jika kaum buruh yang sudah tentu lebih ramai daripada majikan dapat disusun dalam sebuah parti, maka mereka tentu akan menang semua pilihanraya dan akan menguasai Kerajaan. Intelek sosialis ini menubuhkan Parti Buruh dan mengumpulkan sekalian pekerja dalam satu gabungan kesatuan sekerja, iaitu British Trade Union Congress. Yuran pekerja dalam kesatuan digunakan sebagai sumber kewangan Parti Buruh.

Sokongan kaum buruh kepada parti bergantung kepada janji parti bahawa Kerajaan yang didirikan oleh mereka akan memberi kekayaan (material) kepada buruh. Alat parti ialah undi buruh dan keupayaan buruh mengancam majikan dan masyarakat melalui tindakan mogok dan lain-lain tindakan perusahaan. Kerajaan Parti Buruh akan memilik-negarakan punca-punca kekayaan seperti perusahaan besi waja, perlombongan arang batu dan lain-lain. Keuntungan yang besar daripada perusahaan-perusahaan ini akan dapat ke tangan Kerajaan Buruh yang akan menggunakannya untuk kebajikan seluruh kaum buruh. Demikianlah teorinya.

Hasil dari usaha Parti Buruh, pekerja British sekarang menjadi golongan yang kuat dan kukuh dalam bidang politik dan mereka berjaya berkali-kali membentuk Kerajaan. Kerajaan Parti Buruh meluluskan berbagai undang-undang yang memberi keutamaan kepada kaum Buruh dan melipat-gandakan kuasa dan pendapatan mereka. Banyak perusahaan telah dimilik-negarakan. Tetapi harapan bahawa masyarakat yang lebih adil dan tenteram akan terbentuk masih merupakan satu khayalan.

Walaupun tuntutan buruh dilayan sepenuhnya mereka tidak puashati dan membuat tuntutan lagi dengan diiringi oleh ancaman mogok. Pendek kata sikap mereka terhadap memiliki harta ke-

kayaan tidak berbeza daripada majikan mereka dan kapitalis-kapitalis. Untuk menambah pendapatan mereka, mereka sanggup mengancam dan memburukkan keadaan masyarakat. Kepincangan dalam masyarakat sosialis tidak berputus-putus dan sehingga sekarang tidak ada bukti bahawa masalah masyarakat manusia boleh diatasi dengan terlaksananya konsep sosialis.

Majikan yang terdiri daripada kapitalis swasta adalah sama dengan majikan yang terdiri daripada Kerajaan (pemerintah) walaupun yang dipilih oleh buruh sendiri. Perusahaan yang dimilik-negarakan tidak sunyi daripada tuntutan dan ancaman mogok seperti yang didapati dalam perusahaan swasta. Harapan intelek sosialis bahawa perusahaan yang dimilik-negarakan akan mengatasi masalah eksploitasi oleh majikan tidak menjadi kebenaran. Perusahaan negara bukan sahaja dituduh tidak adil oleh pekerja tetapi mereka tidak juga sanggup memberi perkhidmatan yang lebih baik. Kesannya ialah perusahaan negara mengalami kerugian yang tidak pernah dialami oleh perusahaan itu di waktu diuruskan oleh pihak swasta. Kalau dahulu perusahaan-perusahaan swasta membayar cukai kepada Kerajaan, sekarang cukai Kerajaan dikehendaki membantu perusahaan yang telah dimilik-negarakan.

Semua kejadian ini disebabkan oleh kepercayaan bahawa sistem yang berasas kepada kebendaan dapat memberi kebahagiaan kepada masyarakat manusia. Sosialis berpendapat kononnya kalau sumber kekayaan yang dahulunya dikuasai oleh majikan kapitalis diberi kepada pekerja, maka pekerja akan puashati. Malangnya pekerja dalam masyarakat materialis juga manusia biasa yang boleh berperasaan tamak sama seperti majikan. Dalam masyarakat yang berpandu kepada kebendaan apa juga yang diberi tidak dapat memuaskan nafsu. Oleh sebab itu sosialisme tidak boleh memberi ketenangan dan kebahagiaan kepada masyarakat manusia. Sebenarnya kekacauan dan penindasan akan berterusan dalam masyarakat sosialis sama seperti terdapat dalam masyarakat kapitalis.

أَهُمْ يَقْسِمُونَ رَحْمَةَ رَبِّكَ نَحْنُ قَسَمْنَا بَيْنَهُمْ

مَعِيشَتَهُمْ فِي الْحَيٰوةِ الدُّنْيَا وَرَفَعْنَا بَعْضَهُمْ

فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجٰتٍ لِّيَتَّخِذَ بَعْضُهُمْ بَعْضًا سُخْرِيًّا وَرَحْمَتُ رَبِّكَ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُوْنَ.

– سورة الزخرف، الآية: ٣٢

Apakah mereka hendak membahagi-bahagikan kurnia Tuhan engkau itu, kamilah yang membahagi-bahagikan penghidupan di antara mereka dalam kehidupan di dunia ini, dan Kami tinggikan sebahagiannya dari yang lain dengan beberapa tingkat, supaya sebahagiannya dapat bekerja untuk yang lain, Rahmat Tuhan engkau itu lebih baik dari kekayaan yang kamu kumpulan.

- (AZ-ZUKHRUF 32)

Apabila sesuatu pendapat atau kepercayaan itu sudah menjadi popular, pendapat yang bertentangan tidak mudah ditonjolkan. Di zaman ini sosialisme memang popular kerana kepercayaan bahawa pembahagian rezeki dengan kadar sama rata adalah adil. Pendapat ini diterima, bukan sahaja oleh barat tetapi juga oleh hampir seluruh dunia. Oleh itu golongan-golongan lain bukan sahaja tidak berani mencabar konsep sama rata sosialis tetapi sebaliknya cuba menunjukkan bahawa mereka juga berpegang dan mengamalkan prinsip sosialisme ini atau setidak-tidaknya berbau sosialisme.

Sebab itu percubaan dibuat oleh sebilangan orang Islam untuk membuktikan bahawa Islam juga ada unsur-unsur sosialis. Mereka ini menyebut tentang ajaran bahawa seluruh umat Islam adalah setaraf dan sekaliannya bersaudara sebagai bukti bahawa prinsip sosialis sebenarnya memang ada dan sudah lama diamalkan oleh Islam. Oleh itu kata mereka, Islam dan sosialisme bukan sahaja tidak bertentangan tetapi Islam sebenarnya sosialisme asli.

Sepintas lalu pandangan ini mungkin dapat diterima. Tetapi kalau dikaji dengan mendalam, pendapat ini tidak berasas. Persamaan yang dituntut oleh sosialis adalah persamaan kebendaan. Seorang buruh dianggap sebagai brother (saudara) dan sama ke-

pada buruh yang lain kerana tugas mereka dan pendapatan mereka adalah lebih kurang sama. Pekerja bukan saudara kepada majikan walaupun majikan sebangsa dan seagama dengan mereka. Majikan tidak boleh dianggap sebagai saudara kerana pendapatan mereka (kekayaan harta bendanya) lebih daripada pekerja. Oleh kerana majikan bukan saudara, walaupun ianya seorang yang baik, bersimpati dan melayan kehendak buruh, ianya ditentang juga kerana ianya tidak dari golongan buruh atau pekerja. Pendek kata selagi ada majikan yang bukan Kerajaan, persamaan dan persaudaraan dalam masyarakat sosialis tidak boleh wujud. Mereka akan hidup berpuak-puak mengikut kelas masing-masing. Hasrat sosialis ialah supaya taraf kebendaan majikan diturunkan melalui rampasan harta oleh negara.

Merampas dianggap oleh semua manusia sebagai perbuatan yang tidak baik. Tetapi merampas hak orang kaya (majikan) dianggap oleh sosialis sebagai baik walaupun kekayaan itu didapati dengan cara yang halal dari segi agama dan tidak melanggar undang-undang manusia. Teori sosialis ialah harta yang dirampas oleh pemerintahan sosialis menjadi hak rakyat (buruh). Dengan perkataan lain memilik-negarakan harta orang kaya bermakna buruh akan mendapat kekayaan itu.

Oleh kerana itu, rampasan baginya dianggap tidak salah kerana tujuannya ialah untuk "keadilan". Tetapi apabila perusahaan lombong arang batu di Britain dimilik-negarakan, buruh masih juga mogok dan mengecam majikan, iaitu Kerajaan, walaupun Kerajaan itu adalah Kerajaan Parti Buruh pilihan pekerja sendiri. Ini berlaku kerana sosialisme, seperti kapitalisme, berasas kepada kebendaan, dan pekerja yang bertuhankan kebendaan tidak tahu membezakan antara gaji yang dibayar oleh swasta dengan gaji yang dibayar oleh Kerajaan. Mereka mahu tambahan kepada apa yang mereka sudah dapat kerana falsafah kebendaan menekan supaya perasaan tidak puashati dengan apa yang sudah tercapai terus ada dan perjuangan untuk menambah harta menjadi amalan yang berkekalan. Oleh itu kalau tuntutan mereka berhasil, ini tidak bermakna bahawa tuntutan tidak akan dibuat lagi. Apa juga layanan yang didapati, desakan untuk menambah pendapatan akan diteruskan.

Untuk memesat dan menggalakkan lagi tuntutan dan desakan kepada tambahan pendapatan, nafsu dan kelemahan semulajadi manusia diperalatkan. Walau apa sekalipun pendapatan pekerja

pemimpin mereka menunjuk kepada yang lebih dan menyuruh mereka tuntut lagi. Cogankata digubal untuk menimbul perasaan tidak puashati dan irihati. Sementara pendapatan pekerja meningkat, cogankata, "yang miskin menjadi lebih miskin dan yang kaya lebih kaya," dilaungkan. Perhitungan dan dalil-dalil dibuat untuk membuktikan bahawa cogankata ini mencerminkan yang benar.

Kenaikan harga barang-barang ditunjuk sebagai bukti kebenaran cogankata sosialis. Pendapatan yang tinggi tidak dapat membeli barang yang lebih kerana kenaikan harga. Jadi pada hakikatnya pendapatan sudah menjadi rendah. Walaupun sebenarnya keadaan ini berasas kepada taraf hidup dan nafsu yang sudah meningkat, hakikat ini sengaja dilupakan. Hasil dari kempen yang berasas kepada cogankata tadi ialah perasaan tamak yang melimpah. Kepuasan hati tidak pernah dicapai. Irihati, bahkan dengki bertambah. Tindakan berbagai jenis dibuat untuk nafsu yang tamak ini. Masyarakat tidak pernah tenteram. Sepanjang masa mogok, piket dan rusuhan berlaku kerana mahu lebih lagi. Bagaimanapun yang dituntut dipenuhi ada saja yang baru yang dikehendaki lagi, dengan alasan yang kaya kononnya menjadi lebih kaya dan yang miskin bertambah miskin.

Bahawa dalam masyarakat moden seperti di Malaysia yang kaya dikenakan cukai yang tinggi tidak diambilkira atau diperkecilkan oleh mereka yang berkepentingan. Kerajaan moden biasanya menjadi ejen untuk mengurang jarak kehidupan antara yang miskin dengan yang kaya. Oleh itu yang kaya dikenakan cukai yang tinggi ke atas pendapatan mereka, barang-barang yang diguna oleh mereka, harta si mati dari kalangan mereka dan berbagai perkara lain yang dilakukan oleh mereka. Hasil dari pungutan cukai inilah yang digunakan oleh Kerajaan untuk berbagai keperluan masyarakat yang diberi percuma seperti kemudahan pelajaran, kesihatan, agama, perhubungan, pembangunan, subsidi beraneka corak dan seribu satu lagi pembiayaan kepada kumpulan yang tidak dan kurang berada. Jika mengikut sistem pentadbiran feudal dan colonial yang kaya membiayai kemudahan mereka sahaja dan yang miskin terpaksa membantu diri sendiri untuk keperluan yang disebut di atas, maka akan benarlah cogankata "yang kaya lebih kaya dan yang miskin bertambah miskin". Masakan yang miskin dapat membina sekolah sendiri, hospital sen-

diri, jalan sendiri, biasiswa sendiri dan berbagai jenis rawatan yang sekarang ini didapati percuma dari Kerajaan.

Semua hakikat ini tidak pernah ditonjolkan oleh mereka-mereka yang suka menggunakan cogankata "yang miskin menjadi lebih miskin dan yang kaya lebih kaya." Mungkin ada situasi di setengah-setengah negara, dan di negara ini di zaman kolonial dan feudal dahulu dan sejurus selepas merdeka, yang memenuhi tafsiran cogankata tadi. Tetapi jenis pemerintahan demokrasi yang ada sekarang di Malaysia tidak mengizinkan kejadian ini.

Malangnya kenyataan bukan selalu diakui dan diterima, terutamanya di kalangan orang yang bertuhankan kebendaan. Kenyataan dengan mudahnya ditolak kerana kepentingan nafsu. Apa juga cara, walaupun yang tidak berasas kepada kebenaran, diterima dan ditonjolkan asalkan perasaan tamak kebendaan dapat dipenuhi. Benar atau tidak, dakwaan dibuat juga bahawa yang miskin kononnya menjadi lebih miskin dan yang kaya lebih kaya. Demikianlah sikap dan kelakuan masyarakat materialis.

Dorongan kebendaan seperti terdapat dalam masyarakat sosialis tidak ada dalam falsafah Islam. Persamaan harta benda bukan asas keadilan atau persaudaraan dalam Islam. Pemilikan harta benda memang tidak sama rata dalam masyarakat Islam dan tidak ada tuntutan supaya semua orang Islam memiliki harta yang sama nilainya. Islam menerima hakikat bahawa dalam mana-mana masyarakat akan ada yang kaya dan yang miskin, raja dan rakyat, pemimpin dan penganut.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ أَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُوا۟
ٱلرَّسُولَ وَأُو۟لِى ٱلْأَمْرِ مِنكُمْ ۖ فَإِن تَنَٰزَعْتُمْ
فِى شَىْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى ٱللَّهِ وَٱلرَّسُولِ إِن كُنتُمْ
تُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ ۚ ذَٰلِكَ

خَيْرٌ وَّاَحْسَنُ تَاْوِيْلًا. سورة النساء، اية: ٥٩

"Hai orang-orang yang beriman, ta'atilah Allah dan ta'atilah RasulNya, dan ulil-amri di antara kamu. Kemudian jika kamu berlainan pendapat tentang sesuatu, maka kembalikanlah ia kepada Allah (Al-Quran) dan Rasul (Sunnahnya), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya."

Bagi masyarakat Islam perhubungan antara semua golongan dan lapisan sudahpun ditentukan oleh agama dan penindasan tidak seharusnya berlaku. Jika penindasan berlaku, sebabnya bukan kerana ada golongan-golongan yang tidak sama kaya tetapi sebabnya ialah masyarakat itu atau ahlinya tidak mematuhi dan tidak mengamalkan ajaran dan nilai rohaniah Islam.

اِنَّمَا الْمُؤْمِنُوْنَ اِخْوَةٌ فَاَصْلِحُوْا بَيْنَ اَخَوَيْكُمْ
وَاتَّقُوا اللّٰهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُوْنَ.

- سورة الحجرات، الآية: ١٠

Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka hendaklah kamu damaikan (perbaikilah hubungan) antara dua saudaramu itu dan bertakwalah kepada Allah mudah-mudahan kamu mendapat rahmat.

- (AL - HUJURAT - Ayat: 10)

Dalam masyarakat yang kukuh keislamannya, persamaan dan persaudaraan memang wujud. Persamaan ini bukan persamaan harta benda tetapi persamaan di sisi agama. Semua orang Islam sama ada miskin atau kaya, raja atau rakyat adalah sama. Dalam ibadat dan di sisi Tuhan mereka sama. Persamaan inilah yang menjadikan seorang Islam saudara kepada orang Islam yang lain tanpa menghirau kedudukan ekonomi, taraf dan darjat, bangsa dan warna kulit. Asas persaudaraan ini bukan taraf pemilikan harta benda tetapi kerohanian yang wujud dari kepercayaan ke-

pada ajaran-ajaran Islam. Persaudaraan ini adalah persaudaraan yang benar datang dari hati yang suci, tanpa perasaan hasad dengki dan irihati.

وَاعْتَصِمُوْا بِحَبْلِ اللّٰهِ جَمِيْعًا وَلَا تَفَرَّقُوْا وَاذْكُرُوْا
نِعْمَتَ اللّٰهِ عَلَيْكُمْ اِذْ كُنْتُمْ اَعْدَاءً فَاَلَّفَ بَيْنَ
قُلُوْبِكُمْ فَاَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهٖ اِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلٰى
شَفَا حُفْرَةٍ مِّنَ النَّارِ فَاَنْقَذَكُمْ مِّنْهَا كَذٰلِكَ
يُبَيِّنُ اللّٰهُ لَكُمْ اٰيٰتِهٖ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُوْنَ.
لَعَلَّكُمْ

- سورة آل عمران، الآية: ١٠٣

Bersatulah kamu sekalian dalam ikatan tali Allah, dan jangan sekali-kali bercerai-berai. Kenangkan sejenak nikmat kurnia Allah kepadamu; ketika kamu bermusuh-musuhan lantas Allah mempertemu hati kamu kembali; sehingga dengan kurnia Allah itu kamu menjadi bersaudara kembali. Dan kamu yang sedang berada di tepi jurang neraka, lantas Allah melepaskan kamu daripadanya. Demikianlah caranya. Allah menghuraikan kepadamu ayat-ayatNya, semoga kamu dapat petunjuk.

- (ALI-IMRAN - 103)

Ayat ini membuktikan betapa kuat desakan Islam ke arah persaudaraan sehingga mereka yang bermusuh-musuhan sekalipun diseru supaya bersatu. Tidak ada seruan supaya orang-orang Islam mestilah bermusuh-musuh di antara sesama mereka sehingga persamaan harta benda dicapai.

Dari itu adalah jelas bahawa Islam bukan sosialisme dan sebarang usaha untuk membuktikan bahawa ada unsur sosialis dalam Islam atau asas Islam dalam sosialisme bukan sahaja tidak akan berjaya tetapi tidak seharusnya dibuat. Ianya akan menjatuhkan kedudukan Islam sebagai agama Tuhan kepada satu ideologi ciptaan manusia biasa. Islam dan sosialisme tidak sama. Sebenarnya Islam dan sosialisme adalah bertentangan. Sebab itu kita dapati apabila ideologi sosialis diamalkan di negara-negara Islam, lambat-laun pegangan kepada agama menjadi lemah dan peperangan saudara berlaku sepanjang masa.

Mungkin ada cerdik pandai dan ahli falsafah yang berpendapat bahawa sungguhpun Islam dan sosialisme tidak sama, tidak ada apa-apa kerugian jikalau persamaan kebendaan diterima dan ditambah tokok kepada persamaan rohaniah dan kepercayaan yang dituntut oleh Islam. Tidakkah masyarakat Islam yang kukuh persaudaraannya kerana pertalian rohani akan menjadi bertambah kukuh kalau perbezaan harta benda pula dihapuskan?

Dari segi lojiknya, penambahan persamaan kebendaan kepada persamaan kerohanian mungkin akan mengeratkan silatulrahim antara manusia. Malangnya persamaan kebendaan adalah mustahil kerana bertentangan dengan keadaan semulajadi. Tidak ada apa-apa di dunia ini dijadikan betul-betul sama serupa. Semuanya berlainan di antara satu dengan lain. Di antara 4,000 juta manusia di dunia ini tidak ada dua orang yang betul-betul sama serupa. Cap jari 4,000 juta manusia pun tidak ada yang sama.

Hakikat ini tidak dapat dinafikan dan sebarang percubaan untuk menyamakan antara satu dengan yang lain bukan sahaja tidak akan berjaya tetapi akan menimbulkan masalah pula yang mungkin buruk akibatnya. Apabila penduduk Paris memberontak dalam tahun 1789 - 1793 dan membunuh dengan kejam King Louis XIV dan Marie Antoinette serta para aristocrat Perancis, mereka mendakwa bahawa mereka akan menegakkan Liberty, Equality dan Fraternity (Kebebasan, Persamaan dan Persaudaraan). Tetapi selepas beribu orang dibunuh dan harta kekayaan mereka ini dirampas, persamaan (equality) tidak juga dicapai walaupun di kalangan pemberontak sendiri. Sebenarnya mereka sesama sendiri pula bertelagah kerana perbezaan yang timbul antara mereka sesama mereka.

Sejak Revolusi Perancis perjuangan untuk mencapai persamaan kekayaan harta benda tidak pernah berakhir. Teori demi teori dicipta dan berbagai cara diusahakan untuk mendapatkan persamaan di kalangan masyarakat manusia. Sosialis menggubal sistem politik yang boleh memberi kuasa pemerintahan kepada kaum buruh yang dikatakan tertindas supaya dengan kuasa ini dapat mereka mengambil-alih semua punca kekayaan dan membahagikan dengan cara sama rata. Semua rakyat akan dapat hak dan pendapatan yang sama dalam negara sosialis ini dan tidak akan ada orang yang lebih mulia daripada yang lain.

Jika peluang kerja tidak mencukupi, mereka yang menganggur akan diberi juga hak dan sara hidup oleh pemerintah. Sumber alam adalah hak bersama seluruh rakyat, dan perolehan daripadanya mestilah diberi kepada rakyat sama ada yang bekerja atau yang tidak bekerja.

Tetapi malangnya perasaan puas hati dan persaudaraan tidak wujud. Masalah masyarakat sebenarnya bertambah. Tiap-tiap tahun, tiap-tiap bulan, bahkan tiap-tiap hari rusuhan berlaku dan orang yang telah "disamakan" taraf dan kekayaan harta-benda bertelagah dan bermusuh sepanjang masa. Walau apa ukuran sekalipun digunakan, tiap-tiap seorang berpendapat bahawa dianya tidak dapat "persamaan" (equality) dengan orang lain.

Persamaan yang dituntut ialah persamaan dengan orang yang mendapat lebih. Di kalangan buruh, seperti di kalangan kapitalis, tidak ada tuntutan supaya disamakan dengan yang rendah pendapatan.

Dalam negara sosialis seperti Britain sekarang tuntutan kepada "persamaan" menjadikan negara yang kaya raya ini terkenal sebagai sebuah negara yang tidak pernah sunyi daripada berbagai masalah. Di zaman kapitalis dulu pekerja lombong arang batu adalah golongan yang teraniaya. Pekerjaan mereka merbahaya dan memendekkan nyawa, tetapi pendapatan mereka amatlah rendah.

Oleh kerana konsep persamaan yang diperjuangkan oleh sosialis British, pendapatan pekerja lombong yang diambil-alih oleh negara bukan sahaja bertambah tetapi bahaya perlombongan dikurangkan dengan menggunakan teknik-teknik baru. Pendapatan pekerja lombong sudah meningkat beratus kali ganda daripada pendapatan mereka pada penghujung abad ke-19. Cara

hidup mereka sudah menjadi sama, dan kerapkali lebih baik daripada cara hidup pekerja lain.

Tetapi pekerja lombong masih tidak puashati. Mereka membandingkan kerja mereka dengan kerja dalam pejabat dan mereka berpendapat bahawa tidak ada "persamaan" dan keadilan. Untuk mendapat kenaikan gaji, mereka mogok, terutama di musim sejuk. Di Britain pemogokan pekerja lombong bermakna banyak rumah yang tidak dapat api untuk memanaskan hawa dalam rumah.

Tindakan mereka mengancam kesihatan orang-orang yang tua dan yang tidak sihat terutama daripada golongan miskin. Ada di antara mereka yang menjadi lebih tenat dan ada yang mati kerana terlalu sejuk. Bagi mereka ini "persamaan" dan keadilan yang dituntut oleh pekerja lombong adalah satu kezaliman. Tetapi bilangan mereka kecil dan mereka tidak tersusun untuk menunjuk perasaan dan menuntut "persamaan" dan keadilan bagi diri mereka. Apa yang jelas daripada kejadian ini ialah tuntutan kepada "persamaan" (keadilan) boleh membawa kepada kepincangan dalam masyarakat manusia.

Peristiwa kezaliman akibat tuntutan kepada persamaan dan keadilan seperti ini berlaku sepanjang masa. Orang sakit menderita kerana jururawat dan doktor menuntut "keadilan". Pekerja-pekerja menganggur kerana pekerja lain menuntut keadilan. Pembangunan yang dituntut oleh buruh sendiri terjejas kerana tindakan oleh berbagai golongan pekerja untuk kepentingan diri.

Sementara sosialis bertindak dengan menggunakan undang-undang dan mogok, satu golongan lain pula menuntut persamaan dengan cara rampasan kuasa. Komunis berpendapat bahawa persamaan di antara manusia cuma boleh dicapai jika mereka dapat menghancurkan golongan aristokrat, kapitalis dan bourgeois dan merebut kuasa serta mendirikan pemerintahan diktator buruh.

Seperti dalam Revolusi Perancis, pembunuhan beramai-ramai yang kejam dilakukan di waktu rampasan kuasa di Russia dalam tahun 1917. Bukan sahaja aristokrat, kapitalis dan bourgeois yang dibunuh tetapi buruh dan petani yang sama setaraf juga dibunuh jika mereka tidak menerima ideologi komunis. Daripada semasa ke semasa pembunuhan dan pembuangan daerah dibuat supaya ideologi komunis yang kononnya akan menghancurkan

perbezaan dalam masyarakat manusia dapat mencapai matlamat-nya.

Tetapi masyarakat komunis tidak juga mencapai persamaan selain daripada gelaran "comrade" yang diberi kepada setiap orang. Dalam negara komunis yang sekalian rakyat dikatakan sama, terdapat juga golongan yang menggunakan motokar, tinggal di istana dan dapat pergi keluar negeri, sementara 90% daripada rakyat yang lain tidak dapat kemudahan-kemudahan apapun.

Pengaruh materialisme yang mendorong perjuangan untuk mencapai persamaan atau equality tidak terhad kepada sosialis dan komunis sahaja. Negara kapitalis juga menuntut berbagai jenis persamaan material. Bukan sahaja persamaan hak politik tetapi dalam konteks ekonomi bebas tiap-tiap warganegara menuntut persamaan hak mencari kekayaan dan kebebasan. Yang anehnya tiap-tiap kali "persamaan" dicapai keadilan dan kebahagiaan tidak wujud. Sebaliknya lebih banyak "perbezaan" menjadi nyata dan tuntutan kepada "persamaan" ini tidak berputus-putus dan menjadikan masyarakat tidak tenteram selama-lamanya.

Fenomena yang ganjil ini dapat dilihat daripada peristiwa-peristiwa berikut. Warna kulit yang tidak menjadi masalah kepada orang Islam menjadi masalah yang besar kepada pengamal Equality di barat. Bukan sahaja perbezaan hak dan kekayaan kulit putih dan kulit hitam yang menarik perhatian, tetapi percubaan dibuat untuk menyamakan rupa mereka yang berbeza ini. Yang kulit hitam meniru bahasa, agama, nilai dan cara hidup kulit putih dan yang kulit putih pula menyimpan rambut afro, meniru bahasa dan kebudayaan kulit hitam.

Semua usaha-usaha ini gagal mewujudkan persamaan kerana persamaan yang dituntut itu bukan persamaan jiwa rohaniah tetapi persamaan rupa bentuk sahaja. Walaupun agama, bahasa dan adat sama, hati dan jiwa kulit putih dan kulit hitam terus berbeza dan kepincangan terus berada.

Satu lagi persamaan yang dituntut oleh masyarakat barat ialah antara lelaki dan perempuan. Pada mulanya cuma hak mengundi yang sama sahaja dituntut oleh kaum wanita tetapi kini kian bertambah tuntutan "persamaan" itu. Kalau perempuan berambut panjang maka lelaki juga bersama berambut panjang. Sebaliknya kerana lelaki bercelana, perempuan turut bercelana. Tetapi masih juga tidak sama rupa mereka. Untuk mengurangkan

lagi perbezaan antara lelaki dan perempuan pakaian unisex dicipta. Tetapi lelaki masih juga lelaki dan perempuan masih perempuan dan persamaan masih tidak tercapai. Oleh itu perjuangan ganjil ini diteruskan.

Kalau lelaki dapat melihat tarian bogel perempuan, kenapakah perempuan tidak boleh melihat lelaki berbogel? Kalau perempuan menjadi pelacur kenapakah lelaki tidak boleh bekerja sebagai pelacur. Tentulah persamaan hak tidak ada selagi hak-hak seperti ini tidak sama antara lelaki dengan perempuan.

Perjuangan yang hampir tidak siuman ini belumpun tamat tetapi sudah timbul tuntutan lain. Apakah hak seluruh perempuan sama di kalangan mereka sendiri? Kenapakah pelacur mesti dipandang hina? Tidakkah ini juga merupakan satu perbezaan (hak?). Dan pelacur pun mengadakan tunjuk perasaan dan menyerang gereja-gereja sehingga padri-padri tidak lagi membezakan antara perempuan sundal dengan yang lain. Maka wakil pelacur pun hadir di perhimpunan wanita seluruh dunia dan diberi tepuk sorak kerana menuntut hak yang sama dan "keadilan".

Malangnya semua ini tidak juga berjaya menyamakan masyarakat barat. Kenapa cuma perempuan sahaja yang boleh kahwin lelaki? Apa salahnya jika lelaki kahwin lelaki dan perempuan kahwin perempuan? Apa salahnya kalau lelaki mencari kekasih lelaki dan perempuan berkasih-kasih dengan perempuan?

Tuntutan "persamaan" sudah tidak ada batasan lagi. Apa sahaja tuntutan yang dibuat atas nama equality dianggap adil dan lambat laun diizinkan. Dan akhlak barat pun merosot dengan tiap-tiap "persamaan" yang dicapai. Oleh kerana anak dan ibu bapa adalah sama, maka anak tidak perlu menghormati ibubapa. Oleh kerana murid dan guru sama-sama manusia, murid tidak payah patuh kepada guru. Oleh kerana pengikut dan pemimpin adalah sama, pengikut tidak semestinya mengikut pemimpin. Sebaliknya pemimpin juga mesti mengikut pengikut.

Masalahnya ialah bilakah pengikut patut mengikut pemimpin dan bila pula sebaliknya tidak dapat ditentukan. Maka berkucar-kacirlah masyarakat kerana pemimpin dan pengikut sama-sama berhak memimpin dan pendapat mereka tidak selalu secocok.

Sungguhpun jelas "persamaan" bukan sahaja merosakkan masyarakat tetapi sebenarnya tidak boleh dicapai, namun equality disanjung tinggi juga sebagai satu "keadilan" yang mesti diberi

kepada manusia. Orang Islam juga turut mengalu-alukan equality barat ini dan menerimanya sebagai sama tafsiran dengan "keadilan" Dengan penerimaan ini maka kepincangan yang berlaku dalam masyarakat barat terus menyerang masyarakat Islam.

Dalam masyarakat Islam tidak ada kelas. Memang ada orang miskin dan orang kaya tetapi pembahagian kepada kelas tidak berlaku. Orang Islam menghargai perhubungan kekeluargaan, walaupun perhubungannya sudah agak jauh. Keluarga orang Islam tidak terhad kepada ibubapa sahaja seperti orang barat. Dari nenek-moyang hingga ke cucu-cicit semuanya diikat dengan pertalian keluarga.

Keluarga yang begini besar tidak mungkin semuanya kaya atau semuanya miskin. Tiap-tiap extended family ini ada yang kaya dan ada yang miskin. Meskipun ada miskin atau kaya mereka masih dari satu keluarga. Ikatan ini tidak dapat diputuskan oleh perbezaan economic class.

Tetapi apabila orang Islam menerima konsep materialisme sosialis dan mula mengejarkan "persamaan" kebendaan maka perpaduan dan persaudaraan Islam tidak memikat hati lagi. Keluargaan juga dikebelakangkan. Sebaliknya kelas dan pemilikan harta diutamakan. Orang miskin mestilah bermusuh dengan orang kaya. Orang miskin mesti rampas hak dan harta orang kaya. Kekayaan (yang dirompak) mesti dibahagikan sama rata. Itu adalah "adil" kerana "keadilan" bermakna "persamaan".

Tidakkah agama menuntut keadilan? Jika perbezaan miskin dan kaya tidak adil, maka agama tentulah menentang perbezaan ini. Merampas ditegah oleh agama tetapi rampasan ini ialah untuk mencapai keadilan. Jika keadilan dituntut oleh agama maka merampas juga tentulah disuruh oleh agama!

Demikian aliran fikiran orang Islam yang sudah menerima fahaman materialis barat. Kerana tertaksub dengan equality, tafsiran agama juga diselaraskan supaya tidak ada pertentangan pendapat antara hak dan keadilan dalam Islam dengan hak dan keadilan materialisme barat.

Hari ini ada negara Islam yang sudah menjadi sosialis dan ada yang menggantikan Islam dengan ideologi komunis. Semua ini berlaku kerana kekeliruan dan salah faham tentang materialisme dan kerohanian.

Sebab itu tafsiran terhadap materialisme dan kerohanian perlu dijelaskan. Kekayaan bukan bermakna materialisme dan ke-

miskinan bukan bermakna teguh kerohanian. Kekayaan dan kemiskinan tidak ada kaitan yang tetap dengan materialisme atau kerohanian. Materialisme boleh wujud dalam kemiskinan dan kerohanian boleh kukuh dalam kekayaan.

Hakikat ini mesti difaham oleh orang Islam. Jika tidak maka ideologi ciptaan manusia mungkin dicampur aduk dengan agama Tuhan dan, mungkin juga, agama dipisahkan daripada orang Islam. Musuh Islam bergerak bukan sahaja di medan perang tetapi juga di dalam fikiran. Jika tidak diawasi Islam akan dipengaruhi oleh falsafah barat dan akhirnya tidak akan merupakan Islam lagi. Dengan itu maka akan hancurlan Islam.

Jika kepercayaan kepada Islam dan rohaniah hendak dikekalkan maka kenyataan mestilah mengukuhkan keyakinan bahawa kepercayaan itu benar. Bagi seorang yang menderita dan terpaksa melupakan kehormatan dirinya, amatlah sukar baginya untuk mempercayai bahawa ia sebenarnya hidup bahagia dan lebih beruntung serta bernasib baik daripada jirannya yang tidak beragama tetapi hidup senang-lenang. Baginya kenyataan amatlah bertentangan dengan kepercayaan. Akalnya tidak dapat menerima dakwaan apa yang nyata sebenarnya tidak benar.

Jika ia terpaksa merayu pertolongan atau bergantung kepada belas-kasihan jirannya yang atheis, pegangan kepada kepercayaannya akan menjadi lemah. Jika golongannya sendiri sama menderita dan tidak upaya menolongnya maka akan bertambah lemahlah pegangannya. Akhirnya jika dalam keadaan terumbang-ambing ini, kepercayaannya diserang oleh golongan materialis yang memberi pertolongan kepadanya, maka akan hancurlah kepercayaannya.

Apa yang boleh berlaku kepada seseorang boleh berlaku juga kepada sesuatu golongan, sesuatu masyarakat dan akhirnya sesuatu negara. Inilah yang kita lihat sekarang. Berdepan dengan kenyataan yang tidak dapat dinafi atau ditolak oleh "akal", kepercayaan kepada nilai-nilai rohaniah merosot. Usaha untuk memulihkan semula kepercayaan ini gagal kerana yang berusaha tidak dapat menunjukkan bukti yang jelas bahawa apa yang dipercayainya itu benar. Dalam kecemasan ini ada golongan yang cuba mencari persamaan antara agama dan kerohanian dengan ideologi-ideologi kebendaan barat. Ini mungkin mengurangkan keraguan terhadap kepercayaan kepada agama tetapi daripada kajian yang telah dibuat, cara ini cuma melewatkan sahaja proses

hilang kepercayaan. Akhirnya ideologi kebendaan menggantikan kerohanian juga.

Lain-lain golongan pula cuba memelihara kerohanian dengan cara menutup mata dan telinga kepada kenyataan. Semua yang mereka tafsir sebagai keduniaan ditolak dan mereka cuba mengasingkan diri daripada pengaruh luar. Untuk mengembalikan keyakinan kepada nilai-nilai kerohanian yang berkembang di zaman Rasulullah s.a.w. mereka cuba mengamalkan semula cara-cara hidup pada zaman itu.

Tetapi ini tidak mungkin. Keadaan dunia sudah jauh berubah sehingga tiada sesiapa dapat melindungi diri daripada pencerobohan dunia moden. Zaman dan cara yang telah lenyap tidak boleh dihidupkan semula. Usaha ke arah ini akan gagal dan kegagalan ini akan menambah ancaman terhadap nilai-nilai rohaniah yang hendak dipertahankan atau ditegakkan semula.

Ini terjadi oleh kerana mereka yang cuba mengamalkan cara zaman dulu sering bermusuh dengan orang lain yang seagama dengan mereka yang tidak sanggup menerima cara lama itu. Permusuhan ini yang sebenarnya bertentangan dengan kerohaniah juga akan memecahkan perpaduan di kalangan orang yang percaya kepada kerohanian. Ini sudah tentu akan melemahkan lagi golongan mereka. Akhirnya yang diperjuangkan tidak tercapai dan yang ada pada diri sendiri tercicir.

Peristiwa ini berlaku sekarang di Malaysia. Golongan yang mendakwa diri mereka sebagai penganut yang betul-betul mengikut ajaran agama dan nilai-nilai rohaniah menganggap sepi dan mengecam orang yang tidak beserta dengan mereka. Mereka melemparkan tuduhan terhadap orang yang mereka tafsir sebagai "golongan yang sesat" untuk membuktikan kebenaran sikap diri mereka. Kerohanian mereka tidak menghalang mereka daripada mengeluarkan kata-kata yang kesat dan tidak benar. Akibatnya ialah nilai-nilai rohaniah tidak wujud.

Jika cabaran zaman moden ini tidak dapat diatasi dengan cara mengasingkan diri, dan nilai-nilai kebendaan tidak pula dapat disesuaikan dengan kerohanian tanpa mengancam pegangan kepadanya, apakah caranya mempertahankan nilai-nilai rohaniah daripada dihapuskan oleh kebendaan zaman moden? Dengan lebih tepat lagi apakah sikap orang Islam yang berpegang kepada kerohanian Islam dalam menghadapi cabaran zaman moden?

Memandang bahawa kebendaan yang menjadi asas kehidupan moden barat boleh melemahkan dan mungkin menghancurkan kerohanian yang tidak kukuh, maka pentingnya menanam dan menguatkan pegangan kepada nilai-nilai rohaniah adalah nyata. Dalam menanam dan mengembang rohaniah, tafsiran tentang nilai-nilainya mestilah jelas dan tepat. Satu perkara yang kerap dikelirukan ialah hubungan kerohanian dengan taraf dan kedudukan seseorang. Kemiskinan tidak bermakna kukuh kerohanian dan kekayaan tidak bermakna lemah kerohanian. Sebab itu ''kelas'' tidak wujud dalam masyarakat yang berpandu kepada kerohanian. Oleh kerana kelas tidak wujud maka masalah perbezaan kelas yang menyebabkan sebahagian besar daripada kepincangan yang menyerang masyarakat sekarang ini tidak akan mengancam ketenangan dan kesejahteraan masyarakat yang berpegang kepada kerohanian.

Yang keduanya ialah tafsiran tentang kebendaan atau materialisme. Oleh kerana materialisme dan keduniaan selalu berada bersama-sama maka kedua-duanya kerapkali dikelirukan dan diberi tafsiran yang sama. Sebenarnya seperti yang telah diterangkan kebendaan tidak semestinya bermakna keduniaan. Orang yang memilik harta tidak bermakna bahawa ia menolak kerohanian dan sudah taksub dengan kebendaan. Jika ini benar maka sekalian orang yang mendakwa diri mereka sebagai pemegang nilai rohaniah sepatutnya menolak semua kekayaan melainkan yang perlu untuk hidup dan beribadat sahaja. Tetapi kita tahu bahawa orang yang diberi tugas mengembangkan fahaman rohaniah juga perlu diberi upah yang berpatutan dengan tugas mereka. Pemberian upah yang lebih tidak bermakna bahawa pegangan mereka kepada nilai-nilai rohaniah sudah hilang. Harta atau pendapatan yang dimiliki tidak ada kaitan yang tetap dengan kerohanian.

Oleh sebab itu tafsiran materialisme atau kebendaan patut diasingkan daripada pemilikan harta, kekayaan dan apa yang dikenal sebagai ''keduniaan''. Seseorang boleh bersikap positif terhadap keduniaan tanpa menyingkirkan pegangan kepada nilai-nilai rohaniah. Dengan perkataan lain imbangan boleh diadakan antara kerohanian dan keduniaan. Tetapi apa yang perlu ditegaskan ialah imbangan tidak boleh diadakan antara kerohanian dengan kebendaan atau materialisme.

Jika pemilikan harta tidak bermakna bahawa kerohanian mesti hilang maka sikap golongan yang berpegang kepada nilai-nilai rohaniah dapatlah ditentukan. Mereka tidak perlu menolak kekayaan atau usaha dan kerja yang membawa kepada kekayaan, atau menolak ilmu-ilmu yang boleh memelihara dan mempertahankan kedudukan mereka dalam dunia yang penuh dengan ancaman ini. Asalkan pegangan mereka kepada nilai-nilai rohani diasuh dari awal dan diperkukuhkan sepanjang masa, mereka boleh berusaha, bersaing dan bertanding dengan golongan lain untuk mencapai kekayaan dan menguasai semua ilmu-ilmu.

Bekerja kuat dan bertekun dalam sesuatu usaha dengan tidak mudah kecewa adalah cara mencapai kejayaan di dunia. Oleh kerana ini tidak bertentangan dengan ajaran Islam dan nilai-nilai rohaniah, tidak ada satu sebab yang orang Islam tidak patut bekerja kuat.

وَلَقَدْ كَتَبْنَا فِي الزَّبُورِ مِنْ بَعْدِ الذِّكْرِ أَنَّ الْأَرْضَ يَرِثُهَا عِبَادِيَ الصَّالِحُونَ.

- سورة الأنبياء، الآية: ١٠٥

Sesungguhnya telah kami tuliskan di dalam kitab ZABUR sesudah peringatan, bahawa bumi ini akan diwarisi oleh hamba-Ku yang Salleh.

- (AL-AMBIA - Ayat 105)

Yang jelas dari ini ialah bumi ini (dunia) adalah hak orang yang Saleh. Orang yang saleh tidak bermakna orang yang miskin atau kaya. Siapa juga dari kaum Muslimin yang mengamalkan ajaran-ajaran Islam dengan ikhlas dan jujur dan diterima oleh Allah akan termasuk dalam golongan orang yang saleh tanpa perbezaan antara yang mempunyai harta dan yang tidak. Jika perbezaan ini diambilkira, Al-Quran tentulah akan menyebutnya.

Alasan bahawa kerja yang membawa kepada kesenangan dan kemewahan merupakan satu manifestasi tamakkan kebendaan tidak patut menghalang penganut-penganut Islam asalkan ianya melakukan apa yang wajib padanya dan kekal dengan kerohaniannya. Bekerja kuat tidak bermakna melupakan kepada suruhan agama. Sebenarnya tenaga dan fikiran yang ditumpukan kepada kerja, mengurangkan kemungkinan menghabiskan masa dengan keluhan dan rintisan terhadap masalah hidup. Menghabiskan masa mengeluh inilah yang menoleh fikiran kepada kebendaan dan pembahagiannya di dunia.

Apabila seseorang merenung tentang nasibnya di dunia ini, tidak dapat tidak ia akan berasa kecewa. Ada sahaja kekurangan harta benda dan peluang baginya, dan kelebihan bagi orang lain. Orang yang disangkanya sudah bernasib baik pun memikirkan bahawa berbanding dengan orang yang lebih mewah, dianya ketinggalan di belakang. Jika semua anggota masyarakat menghabiskan masa dengan renungan seperti ini, bukan sahaja mereka tidak produktif tetapi suasana masyarakat akan menjadi buruk dengan kepincangan yang dicipta oleh fikiran manusia.

لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ.

- سورة ابراهيم، الآية: ٧

"Dan (ingatlah juga) tatkala Tuhanmu memaklumkan. Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmatku) maka sesungguhnya azabku sangat pedih.".

(*Surat Ibrahim, Ayat: 7*)

Ayat ini jelas menekankan betapa penting bagi seorang Muslim bersyukur dengan apa yang ada pada dirinya. Sebenarnya tidak ada manusia di dunia ini yang tidak bernasib baik jika ia

merenungkan nasibnya dengan waras dan jujur. Seorang yang beragama Islam sudahpun bernasib baik kerana menjadi penganut agama yang sebenar. Selain dari itu ada saja miliknya yang lebih dari orang lain, sama ada orang lain itu miskin atau kaya. Orang yang kaya tetapi tidak sihat, takut diserang orang, takut hilang harta benda dan terhad gerak-gerinya, tidak lebih bernasib baik dari si miskin yang terpelihara dari berbagai tekanan yang disebut itu. Dari sudut lain, terutama harta benda orang yang kaya tentu lebih bernasib baik dari yang miskin.

Bersyukur dengan keadaan yang ada tidak bermakna tidak harus usaha lagi untuk nikmat yang lebih. Tidak berusaha adalah satu manifestasi kurang kesyukuran terutama bagi mereka yang boleh berusaha. Orang yang sihat yang tidak menggunakan kesempatan yang terdapat padanya untuk berusaha menunjuk sikap tidak syukur terhadap kesihatannya. Orang yang dikurniakan Tuhan dengan kepandaian dan kecekapan, walau dalam apa bidang sekalipun, tentu tidak boleh dianggap sebagai bersyukur dengan kurniaan Tuhan jika ia tidak mengguna kepandaian dan kecekapannya,

Menggunakan kepandaian dan kecekapan tidak terhad kepada mendapat ganjaran dan pahala untuk akhirat bagi diri sendiri sahaja. Perbuatan mengharap orang lain menjaga sara hidup diri sendiri sementara dianya membuat apa yang dianggapnya sebagai "ibadat untuk menentukan tempatnya di akhirat" tentulah mencerminkan peribadi yang tamak. Agama Islam jelas menuntut lebih dari ini. Orang yang membayar zakat, yang bersedekah, yang berkhidmat untuk kebajikan, yang menambah pengetahuan manusia juga menjalankan hukum-hukum Islam. Semua perbuatan ini ada kaitannya dengan masyarakat dan dunia. Semua perbuatan ini membawa kebahagiaan bukan sahaja kepada dirinya sendiri di dunia dan di akhirat tetapi juga kepada orang lain dan kepada masyarakat. Penggunaan kurniaan Tuhan bukan sahaja untuk diri sendiri tetapi untuk makhluk yang lebih ramai mencermin nilaian yang tinggi terhadap kurnian Tuhan. Ianya tentu sesuai dengan ajaran Islam.

Kekecewaan, atau dengan perkataan modennya "frastrasi", yang kerap disuarakan oleh generasi moden adalah bertentangan dengan semangat dan jiwa Islam. Sedikit sebanyak kekecewaan merupakan satu manifestasi sikap tidak syukur. Seseorang itu dapat mengubah nasibnya jika dia berusaha. Dianya tidak disuruh

mengeluh sepanjang masa kerana nasib tidak beruntung. Dalam dunia beraneka cabaran tidak akan ada seorang yang tidak diserang oleh nasib yang buruk pada sesuatu masa. Ini adalah cabaran yang akan menguji pegangan seseorang kepada kepercayaan dan nilai-nilai rohaniah yang telah disemai di dalam hatinya.

إِنَّ اللّٰهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتّٰى يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ.

- سورة الرعد، الآية: ١١

Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum (bangsa) sehingga bangsa itu sendiri mengubah nasibnya.

— (AR-RA'D - Ayat 11)

Dalam perbualan dan berita di negara ini "frast" dan "sedih" tidak pernah jauh daripada bibir orang Melayu, termasuk mereka yang selalu menyebut tentang pentingnya nilai rohaniah dan buruknya kebendaan. Jika sesuatu perkara "dunia" berlaku tidak seperti kehendak hati maka "kesedihan" dan "frastrasi" disebut bertalu-talu. Dengan sendirinya ini membuktikan bahawa pegangan kepada nilai rohaniah tidak kukuh, kerana orang yang kukuh pegangannya tidak mudah kecewa.

Jika dikaji perjuangan Nabi Muhammad s.a.w. mengembangkan agama Islam, walaupun cabaran demi cabaran menguji kepercayaanNya, ianya tidak "frast" dan tidak "sedih" tentang nasibnya. Perjuangan-Nya diteruskan dan berbagai cara dan tindakan diambil untuk mengatasi cabaran yang menghalangnya.

Sejarah perkembangan Islam di seluruh dunia selepas wafat Nabi Muhammad s.a.w. juga mempamerkan berbagai cabaran yang diatasi oleh khalifah-khalifah Islam tanpa mengeluh dan "frast". Akhirnya pengislaman orang Melayu sendiri sudah tentu

merupakan satu cabaran yang besar bagi peniaga-peniaga Arab dan India di zaman Muzaffar Shah (abad lima belas masihi). Jika mereka ini mudah frast, maka hari ini orang Melayu mungkin tidak beragama Islam.

Dari ini adalah jelas iaitu jika cabaran dunia yang dihadapi oleh pemegang-pemegang nilai-nilai rohaniah hendak diatasi, tidak ada tempat bagi sikap "frast" dan "sedih". Masalah dunia di mana orang-orang yang berpegang kepada nilai-nilai kebendaan didapati lebih cekap dan lebih maju tidak patut menimbulkan sikap frast dan sedih. Begitu juga jika ada apa-apa yang terkurang bagi diri sendiri, sebagai orang yang berpegang kepada kerohanian, sikap frast dan sedih tidak boleh menyerang diri. Sebaliknya semua tenaga dan fikiran mestilah ditumpukan kepada usaha mengatasi halangan dan mencapai kejayaan.

Dengan kesedaran bahawa kekayaan dan kecekapan golongan materialis boleh mengancam pengekalan nilai-nilai rohaniah, maka sikap orang-orang yang menghargai nilai rohaniah terhadap kekayaan dan kecekapan "dunia" patutlah menjadi jelas. Apa juga cara yang halal untuk mendapat kekayaan dan menuntut ilmu-ilmu yang boleh memberi kuasa dan kekuatan bagi mereka yang mengutamakan rohaniah mestilah diusahakan oleh mereka. Pentingnya usaha ini menjadi lebih jelas dengan wujudnya cara-cara berperang yang moden.

Di zaman moden ini orang-orang Islam menghadapi kemungkinan besar negara dan masyarakat mereka ditawan dan dijajah oleh berbagai jenis penganut materialis. Sama ada mereka ini kapitalis, sosialis atau komunis, mereka semuanya ingin menghancurkan pegangan dan kepercayaan kepada nilai-nilai rohaniah.

Di negara-negara Islam yang telah ditawan dan diperintah oleh komunis di Asia Tengah agama Islam sudah hilang penganutnya.

Begitu juga nasib orang-orang Islam di Asia Timur dan Asia Tenggara. Agama yang tidak ada penganut tidak ada makna. Tekanan bahawa akhirat sahaja yang patut diberatkan tidak ada makna juga. Agama ada kerana penganutnya ada. Umat Islam tentulah bersalah kerana kebolehan mereka kurang dan beberapa negara-negara Islam telah ditawan dan rakyatnya yang Islam dibunuh, disiksa dan diserang dengan propaganda anti Islam sehingga luput kepercayaan dan tidak lagi ada orang yang menganut agama Islam.

Oleh itu penguasaan dan keupayaan bukan sahaja tentang penggunaan alat-alat perang moden, tetapi mengeluar dan merekabentuk alat-alat ini adalah satu kewajipan bagi orang Islam. Untuk persediaan pertahanan negara dan umat Islam, orang Islam mesti ada kekayaan yang cukup kerana pertahanan moden memerlukan peruntukkan wang yang banyak.

وَاَعِدُّوْا لَهُمْ مَّا اسْتَطَعْتُمْ مِّنْ قُوَّةٍ وَّمِنْ رِّبَاطِ
الْخَيْلِ تُرْهِبُوْنَ بِهٖ عَدُوَّ اللّٰهِ وَعَدُوَّكُمْ وَاٰخَرِيْنَ
مِنْ دُوْنِهِمْ لَا تَعْلَمُوْنَهُمْ اَللّٰهُ يَعْلَمُهُمْ وَمَا
تُنْفِقُوْا مِنْ شَيْءٍ فِيْ سَبِيْلِ اللّٰهِ يُوَفَّ اِلَيْكُمْ
وَاَنْتُمْ لَا تُظْلَمُوْنَ. - سورة الأنفال، الآية: ٦٠

"Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka kekuatan apa saja yang kamu sanggup dan dari kuda-kuda yang ditambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggentarkan musuh Allah, musuhmu dan orang-orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Apa saja yang kamu nafkahkan pada jalan Allah nescaya akan dibalas dengan cukup kepadamu dan kamu tidak akan dianiaya."

(Surah Al-Antal, Ayat: 60)

Di Asia Barat orang-orang Islam gagal sepanjang masa sehinggalah kekayaan daripada perusahaan minyak dapat mereka kuasai. Tetapi dari segi teknologi perang mereka masih terpaksa mengemis. Kedudukan orang Islam di sana masih terancam kerana kekayaan tanpa pengetahuan tidak berkesan. Dan lagi ke-

kayaan itu tidak akan kekal jika mereka tidak tahu bagaimana memelihara dan menggunakannya. Di sebuah negara Islam yang terkemuka semua alat pertahanan diserah kepada orang-orang Amerika yang tidak Islam.

Sebenarnya beberapa negara telahpun kehabisan wang minyak kerana perbelanjaan yang tidak dikawal dan tidak faham cara-cara perniagaan.

لَا يُقَامُ الدِّيْنَ إِلَّا بِالدَّرَاهِمِ وَالدَّنَانِيْرِ.

- الحديث.

Tidak akan dapat didirikan agama itu melainkan dengan harta benda dan kewangan. (Dinar dan Darham)

— (Al-Hadis)

Satu peristiwa yang menarik perhatian ialah tentang kelemahan orang yang tidak tahu menilai dan mentadbir kekayaan apabila dibanjiri dengan kekayaan yang tidak terhad. Kekayaan yang datang dari minyak umpamanya telah merosakkan ekonomi dan nilai-nilai hidup mereka yang berpegang kepada rohaniah. Sebab itu di waktu minyak tidak menjadi punca kekayaan, sarahidup penduduk negara-negara Asia Barat tidak begitu tinggi. Sekarang kesan dari kenaikan harga minyak ialah inflasi yang tidak dapat dikawal sehingga sukar bagi orang-orang Islam menunaikan fardhu haji. Di samping itu gerak-geri dan tingkah laku orang yang baru kaya ini memburukkan imej penganut dan agama Islam sendiri.

Dunia memang palsu bagi seseorang. Ia akhirnya akan mati dan kekayaan yang diperolehi di masa hidup tidak akan dapat dibawa ke kubur. Di zaman Firaun percubaan dibuat untuk membawa kekayaan dunia ke akhirat tetapi ini adalah satu khayalan yang tidak ada tempat dalam agama Islam. Sikap Islam dalam masalah ini jelas berasaskan kepada nilai rohaniah. Penganut Islam tidak boleh lupa bahawa tuntutan kepada kekayaan dunia ialah untuk dunia sahaja. Akhirnya yang akan memberi kebahagiaan ialah ibadat dan pegangan kepada ajaran agama, dan bagaimana dan untuk apa kekayaan itu digunakan.

Tetapi walaupun kekayaan dunia tidak akan menolongnya di-akhirat, kekayaan itu dapat menolong mengatasi bukan sahaja masalah hidup keluarganya sendiri, tetapi juga masyarakat Islam yang ditinggalkannya. Cuma orang tamak yang berpegang ke-pada kebendaan sahaja yang akan kesal kerana kekayaannya tidak boleh dibawa mati. Seorang yang berpegang teguh kepada nilai-nilai rohaniah tidak akan kesal kerana baginya kemewahan dunia memang sementara. Sebaliknya jiwanya akan merasa tenang ke-rana usahanya di dunia merupakan satu ibadat yang akan meno-long orang yang masih hidup dan boleh mendapat faedah dari-pada kekayaannya.

اَلْمَالُ وَالْبَنُوْنَ زِيْنَةُ الْحَيٰوةِ الدُّنْيَا وَالْبٰقِيٰتُ الصّٰلِحٰتُ خَيْرٌ عِنْدَ رَبِّكَ ثَوَابًا وَّخَيْرٌ اَمَلًا.

- سورة الكهف، الآية: ٤٦

Kekayaan dan anak-anak adalah perhiasan di dunia, dan pe-kerjaan yang baik yang kekal lebih baik pahalanya di sisi Tuhan engkau, dan pengharapan yang lebih elok.

- (AL-KAHFI - Ayat 46)

Dalam Islam menolong orang lain adalah satu kebajikan yang memang disuruh. Pembahagian harta si mati tidak jauh bezanya daripada zakat dan fitrah, bersedekah dan lain-lain kerja kebajikan yang dibuat di waktu hidup. Orang yang terang-terang sedar bahawa hartanya tidak boleh dibawa mati tetapi berusaha juga untuk mengumpulkan harta tentu tidak boleh dituduh sebagai orang tamak. Yang perlu ditimbangkan bukan usahanya mencari kekayaan tetapi sikapnya dan kepercayaannya. Jika dia seorang Islam yang berpegang kepada nilai-nilai rohaniah tetapi masih sanggup bekerja mencari kekayaan yang akhirnya akan difaraid-kan, ianya patut dihormati dan digalakkan.

Sebaliknya jika kerana tidak dapat dibawa mati, seorang itu tidak mahu bekerja mencari kekayaan dunia, dianya patut dipan-dang rendah. Ianya terlalu menghargai harta di dunia dan berusa-

ha semata-mata untuk diri sendiri sahaja dan bukan untuk masyarakat. Sikap ini adalah materialistik dan tidak sesuai dengan kerohanian.

Di zaman materialistik ini, orang-orang yang memegang kepada nilai-nilai rohaniah terpaksa menghadapi cabaran. Di beberapa negara Islam cabaran ini jelas tidak dapat diatasi. Dalam keadaan serba salah separuh menolak dan separuh lagi daripada orang Islam menerima nilai dan cara dunia materialis. Perbuatan menolak tanpa memahami khasiat yang ada dalam kekayaan telah menyebabkan golongan rohaniah ditewas. Sementara itu yang menerima nilai-nilai materialis dengan sendirinya membelakangkan nilai-nilai rohaniah. Hanya dengan fahaman yang mendalam terhadap materialisme zaman moden dan didikan rohaniah yang kukuh sahaja yang dapat menjamin keutuhan dan pengekalan kerohanian.

Rencana ini bukan fatwa. Ia adalah satu analisa menentukan supaya nilai rohaniah dan keagamaan dapat dikekalkan dengan tidak menyekat diri daripada menguasai dan menggunakan cara-cara moden yang boleh mempertahankan kedudukan dan keselamatan orang Islam. Nilai kebendaan tetap ditolak. Sistem kapitalis, sosialis atau komunis yang berpandu kepada kebendaan dunia tetap diakui salah.

Tetapi kekeliruan antara "keduniaan" dengan "kebendaan" mesti dihapuskan. Keduniaan tidak semestinya bermakna tamak kepada harta kekayaan. Kekayaan dunia dikurniakan Tuhan bukan untuk orang Islam sahaja. Menolaknya adalah satu perbuatan angkuh dan tidak syukur terhadap pemberian Tuhan. Yang perlu ialah penerimaan dan penghargaan terhadap pemberian ini tanpa melupakan bahawa bagi orang Islam ada tugas-tugas yang tertentu di dunia ini.

Apakah orang Islam dapat mengekalkan kerohanian mereka semasa memiliki harta kekayaan dan kepandaian dunia moden ini? Tidakkah mereka akan lupa daratan kerana asyik dengan kelazatan dan kemewahan dunia? Tidakkah pegangan kepada ajaran agama akan menjadi lemah kerana terlalu banyak masa dan tenaga ditumpukan kepada kerja-kerja keduniaan? Tidakkah apa yang telah berlaku kepada agama Kristian akan berlaku juga kepada agama Islam?

Kita telah lihat bagaimana kekayaan yang datang dengan mendadak akibat kenaikan harga minyak telah merosakkan eko-

nomi dan akhlak setengah-setengah orang Islam. Oleh itu tentulah ada bahaya nilai rohaniah dihancurkan jika diserang oleh kekayaan material. Tetapi jika orang-orang yang berpegang kepada kerohanian faham tentang perbezaan antara kebendaan dan keduniaan dan hubungan kedua-dua ini dengan kerohanian, pegangan mereka tidak akan mudah digugat atau dipisahkan.

Di kalangan orang Kristian, pegangan kepada nilai rohaniah telah hancur apabila mereka dihadapi dengan tekanan nilai kebendaan. Ini berlaku kepada mereka kerana mereka tidak menemui zaman kebendaan dengan kesedaran dan mata terbuka. Mereka tiba-tiba diserang oleh nilai-nilai secular yang lebih mudah difahami dan diterima. Tindakan mereka untuk memelihara nilai rohaniah ialah dengan memisahkan gereja (agama) dari kehidupan yang secular (yang spiritual dari yang temporal). Dengan ini keupayaan agama Kristian mempertahankan kedudukannya dari ancaman secularisme telah menjadi lemah dan dengan mudahnya nilai-nilai kebendaan ahli falsafah dan saintis politik menggantikan apa juga kerohanian yang ada pada agama Kristian.

Agama Islam tidak mengasingkan antara agama dan sekularisme. Di samping itu agama Islam, sekurang-kurangnya di negara ini masih tidak terpisah terus daripada kuasa politik Kerajaan. Islam masih boleh mempengaruhi dan, dalam beberapa jurusan yang penting, menguasai pentadbiran negara. Dengan kesedaran dan kekuatan yang ada ini, agama masih boleh menentukan bahawa pegangan kepada nilai-nilai rohaniah kekal dan kukuh dalam usaha mengatasi cabaran dunia moden.

Harapan masih ada bahawa kerohanian boleh dikekalkan walaupun kekayaan dan ilmu pengetahuan moden dituntut dan dikuasai oleh orang Islam. Hanya dengan melengkapkan penganut Islam dengan alat dan kecekapan dunia moden sahajalah dapat dipelihara pegangan umat Islam kepada nilai-nilai rohaniah yang boleh memberi kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Tanpa kekayaan dan kecekapan, orang Islam akan tertindas dan lambat laun nilai-nilai rohaniah juga akan luput. Demikianlah pertalian antara kerohanian dan kebendaan dan kesan kedua-dua nilaian ini kepada masyarakat manusia, khususnya masyarakat Islam.

ORANG-ORANG MELAYU DAN PENGARUH KOMUNIS

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّيْنِ حَنِيْفًا فِطْرَتَ اللّٰهِ
الَّتِيْ فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيْلَ لِخَلْقِ
اللّٰهِ ذٰلِكَ الدِّيْنُ الْقَيِّمُ وَلٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ
لَا يَعْلَمُوْنَ. مُنِيْبِيْنَ إِلَيْهِ وَاتَّقُوْهُ وَأَقِيْمُوا
الصَّلٰوةَ وَلَا تَكُوْنُوْا مِنَ الْمُشْرِكِيْنَ.

- سورة الروم، الآية: ٣٠:٣١

"Hadapkanlah muka engkau dengan betul kepada agama, ciptaan Tuhan yang dijadikan-Nya manusia sesuatu dengan agama itu. Tiada pertukaran bagi ciptaan Tuhan itu. Itulah agama yang betul, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui. Kembalilah kepada Tuhan dan takutlah kepada-Nya dan tetaplah mengerjakan sembahyang dan janganlah kamu masuk ke dalam golongan orang-orang yang mempersekutukan Tuhan." *(Al-Rum ayat 30-31).*

Rancangan Parti Komunis Malaya (PKM) untuk merebut kuasa di negara ini dengan serangan bersenjata di waktu darurat (Emergency) 1948-1960 dulu gagal disebabkan oleh terutamanya, keengganan orang Melayu menyertai atau menyokong gurila komunis. Meskipun ada pihak yang merasakan bahawa komunis telah dikalahkan semata-mata oleh pasukan bersenjata yang kebanyakannya terdiri dari angkatan tentera British dan lain-lain

negara Komanwel, tetapi, kita telah lihat bagaimana di Vietnam umpamanya, Tentera Amerika Syarikat yang begitu kuat pun akhirnya dikalahkan oleh Komunis. Kekalahan Amerika Syarikat di Vietnam ialah kerana rakyat Vietnam Selatan tidak semuanya menyokong Kerajaan Vietnam Selatan. Mereka tidak ada pendirian yang tegas menentang komunis. Agama mereka juga tidak mengharamkan fahaman atheist yang menjadi satu tiang ideologi komunis.

Di Malaysia ada orang Melayu yang berjuang di sebelah gurila komunis, tetapi bilangan mereka kecil sekali. Pada umumnya orang Melayu menentang komunis. Oleh sebab itu PKM selepas dikalahkan dalam tahun 1960 berazam dan merancang untuk menarik sokongan daripada orang Melayu apabila mereka melancarkan percubaan yang baru. Jika mereka berjaya mendapat sokongan ini maka besarlah kemungkinan mereka berjaya menawan Malaysia.

Pendirian orang Melayu terhadap komunis berasaskan kepada agama yang mereka anuti. Ajaran Agama Islam terang-terang bertentangan dengan konsep dan fahaman komunis. Komunis menafikan adanya Tuhan dan agama-Nya. Sebaliknya kepercayaan kepada Tuhan yang satu adalah asas bagi orang-orang Islam. Selain daripada itu Islam menentukan susunan masyarakat dan semua aspek kehidupan dan perhubungan umatnya. Semua ini bertentangan dengan fahaman komunis. Sebab itu kita masih percaya bahawa orang Melayu yang begitu kuat keislamannya tidak mungkin menyokong komunis atau menjadi pengikut komunis.

Tetapi kita tidak boleh begitu yakin lagi bahawa keislaman orang Melayu akan kekal sebagai benteng pertahanan terhadap komunis. Sungguhpun tidak ramai, tetapi ada juga orang Melayu yang sanggup menjadi komunis. Di Indonesia umpamanya ramai orang Islam telah menolak agama mereka dan pernah sanggup bermati-matian untuk menjayakan hasrat komunis. Di beberapa negeri Arab dan Albania ada orang Islam telah menolak Islam dan mendirikan pemerintahan yang berideologikan komunis atau separuh komunis. Di selatan Soviet Union, orang keturunan Islam sudah tidak lagi percaya kepada Islam hasil diaggah komunis setelah mereka menawan wilayah-wilayah ini.

Dan sebenarnya penyerapan fahaman komunis di kalangan orang Islam sudah tidak begitu ganjil atau sukar. Secara langsung penyerapan fahaman komunis oleh orang Islam tidak mudah ber-

laku. Tetapi secara tidak langsung penyerapan ini tidak begitu sukar. Dan di Malaysia tanda-tanda sudah pun timbul bahawa proses ini sudah lama berjalan dan memberi kesan kepada perjuangan komunis.

Dulu pihak komunis cuba mempengaruhi orang Melayu supaya menolak terus kepercayaan agama Islam dan menafikan adanya Tuhan. Satu daripada tanda-tanda penerimaan ideologi komunis yang digunakan oleh mereka ialah kesanggupan orang Islam memakan makanan yang haram. Apabila seorang Islam yang menyertai perjuangan komunis sudah sanggup makan daging babi misalnya maka barulah komunis menerima yang ianya sudah menolak Islam dan boleh dipercayai.

Bagi orang Melayu sama ada mengamalkan ajaran Islam atau tidak, memakan daging babi adalah satu perbuatan yang sukar benar untuk dilakukan. Sebab itu mereka tidak sanggup menerima cabaran komunis ini dan mereka menolak fahaman komunis. Selagi ada ujian yang begini keras serta dengan penolakan terus kepercayaan kepada Tuhan, selama itulah orang-orang Melayu akan sukar menerima fahaman komunis.

Oleh kerana komunis sekarang sudah faham tentang pendirian orang Melayu, mereka tidak lagi cuba menekan supaya orang Melayu menolak agama Islam dan menerima ideologi komunis. Sebaliknya mereka menumpukan perhatian dan tenaga mereka untuk memecah-belahkan orang Melayu. Dengan membuktikan bahawa perjuangan komunis dan perjuangan Islam tidak begitu berbeza, mereka dapat mengurangkan tentangan orang Melayu terhadap perjuangan mereka.

Perpaduan orang-orang Islam dituntut oleh agama Islam sendiri. Tiap-tiap orang Islam adalah saudara kepada orang Islam yang lain. Persaudaraan ini tidak bermakna bahawa sekalian orang Islam sama tarafnya atau terdiri dari satu golongan sahaja. Islam menerima hakikat yang sebenar iaitu dalam masyarakat manusia tentu ada yang miskin dan yang kaya, raja dan rakyat, pemimpin dan penganut, yang berkuasa dan yang tidak. Tetapi susunan dan perhubungan antara golongan-golongan ini sudah ditentukan oleh Islam dengan cara yang mewujudkan keadilan dan persaudaraan.

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ

وَاتَّقُوا اللّٰهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُوْنَ.

- سورة الحجرات، الآية: ١٠

"Hanya sesunguhnya orang-orang yang beriman itu bersaudara, maka hendaklah kamu lakukan kedamaian (Islah) di antara kamu. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah, mudah-mudahan kamu mendapat Rahmat."

(Al-Hujurat ayat 10).

Agama Islam juga menentukan cara-cara pengadilan dan hukum-hukum yang patut dikenakan berkenaan sesuatu kesalahan. Sikap dan taat-setia kepada pihak yang berkuasa juga ditetapkan. Pendek kata masyarakat Islam adalah masyarakat yang tersusun, tertib dan dilengkapkan dengan cara-cara menghadapi dan mengatasi masalah-masalah yang tidak dapat tidak akan timbul dalam mana-mana masyarakat.

"Apakah mereka yang membahagikan rahmat Tuhanmu? Kami telah menentukan antara mereka penghidupan mereka dalam kehidupan dunia, dan kami telah meninggikan sebahagian mereka atas bahagian yang lain beberapa darjat, agar sebahagian mereka dapat mempergunakan sebahagian yang lain. Dan rahmat Tuhanmu lebih baik dari apa yang mereka kumpulkan."

(Surah Az-Zukhruf, Ayat: 32)

Sungguhpun pangkat dan darjat boleh wujud dalam masyarakat Islam, sekalian umat Islam adalah sama. Orang-orang Islam sekaliannya sama bertaqwa kepada Tuhan dan tidak ada orang lain yang menjadi orang tengah antara Tuhan dan orang Islam. Agama lain ada golongan padri atau priests yang bertaraf tinggi dalam agama dan boleh merayu bagi pihak penganut biasa kepada Tuhannya. Islam tidak ada priest berbagai pangkat. Yang ada cuma orang yang alim dalam ajaran "agama" yang menjadi pentafsir

"agama". Pope and cardinal, bishop dan vicar tidak ada. Tidak ada wakil Tuhan atau wakil Rasul yang berasas kepada keturunan atau pemilihan dalam Islam seperti terdapat dalam beberapa agama lain. Perbezaan jika ada cuma berasas kepada taqwa kepada Tuhan dan Tuhan sahaja yang boleh mengetahui perbezaan ini.

لَا فَضْلَ عَرَبِيٍّ عَلَى اَعْجَمِيٍّ اِلَّا بِالتَّقْوٰى.

- الحديث.

Tidak ada lebihnya orang Arab daripada orang Ajam (Bukan Arab) melainkan dengan Taqwa — (Al-Hadis)

Adalah jelas daripada Hadis ini, jika ajaran Islam difaham dan diamalkan oleh penganutnya dengan penuh kesedaran, masyarakat itu tidak mudah dipecah atau ditembusi oleh kepercayaan-kepercayaan yang lain. Itulah sebabnya walaupun ramai orang Islam diperintah oleh kerajaan yang bukan Islam, biasanya mereka tidak dengan mudah dan sukarela meninggalkan Islam. Orang Melayu adalah di antara bangsa-bangsa yang berjaya mempertahankan kelslaman mereka, walaupun negeri-negeri Melayu biasa dijajah oleh penganut Budha dan Kristian.

Kita telah sebutkan bahawa komunis sudahpun sedar tentang peranan Islam sebagai penghalang kepada penyerapan fahaman komunis di kalangan orang Melayu. Dalam usaha mereka untuk memecah-belahkan orang Melayu dan mengurangkan penentangan mereka terhadap serangan komunis, mereka (komunis) menggunakan kumpulan-kumpulan yang bersimpati dengan mereka tetapi tidak begitu jelas penentangan mereka terhadap Islam. Fahaman yang digunakan ialah konsep atau ideologi sosialisme kerana sosialis tidak begitu melibatkan masalah keagamaan. Sosialis lebih memandang berat kepada sistem ekonomi dan perhubungan antara berbagai kelas dalam masyarakat manusia. Khususnya sosialis berpendapat bahawa sekalian orang kaya adalah penindas orang miskin, terutama kaum buruh. Oleh sebab itu pekerja dan orang miskin tidak boleh berbaik-baik dengan orang yang kaya. Mereka mesti bermusuh dan cuba menghapuskan kekayaan individu dengan cara pemerintah merampas kekayaannya.

Merampas harta dan kekayaan bukan cara atau asas, persamaan dan persaudaraan dalam Islam. Kekayaan tidak haram dalam Islam jika yang kaya mengikut hukum-hukum Islam berkenaan dengan zakat dan fitrah dan bersedekah. Oleh sebab ini sosialis terpaksa mengapikan perasaan dengan menarik perhatian kepada penderitaan kaum yang miskin dan membandingkannya dengan kemewahan yang kaya. Mereka menyalahkan perbezaan miskin dan kaya dan penderitaan golongan miskin kerana tekanan orang yang kaya. Ini memang mudah ditunjukkan kerana di kalangan kapitalis, kebanyakannya bukan Islam, dan mereka kerap menindas pekerja mereka. Akhirnya pendapat sosialis ini diterima khususnya di kalangan orang muda yang idealistik. Apabila tiba kepada peringkat ini fahaman Islam tentang susunan masyarakat dan hubungan antara golongan-golongan dalam masyarakat tidak lagi dipertahankan. Sama ada yang kaya menindas atau tidak, si miskin mesti menentang mereka. Dengan perkataan lain penentangan kelas dengan kelas tidak perlu berasas kepada penindasan tetapi semata-mata kerana ideologi. Penentangan ini pula tidak dibuat melalui saluran-saluran yang ditentukan oleh Islam tetapi mengikut cara-cara yang ditentukan oleh sosialis Barat.

Kesan daripada penentangan antara miskin dan kaya, pekerja dan majikan ialah keretakan perpaduan Islam. Dari peringkat ini dengan mudah sosialis menyamakan orang yang kaya dengan orang yang berkuaśa, iaitu pemimpin masyarakat yang memegang teraju pemerintahan. Pemerintahan boleh dituduh sebagai orang yang bersubahat dengan orang kaya. Oleh sebab itu, maka orang Islam yang miskin (pekerja, petani, nelayan) dihasut juga supaya menentang pemerintah. Dengan ini keretakan perpaduan dan persaudaraan dalam masyarakat Islam menjadi bertambah buruk.

Semua proses ini sudah pun berlaku di kalangan orang Melayu yang keseluruhannya Islam. Sungguhpun falsafah dan pendapat ini berasal dari sosialisme, ianya tidak lagi disebutkan sebagai sosialis. Ianya dipertahankan oleh beberapa kumpulan orang Melayu sebagai ajaran Islam. Tafsiran Quran dan Hadis disesuaikan dengan pendapat ini.

Apakah kesannya perubahan yang berlaku di kalangan orang Melayu ini dari segi perjuangan komunis di Malaysia? Kita telah tegaskan bahawa sebab PKM gagal dalam tahun-tahun 1948-1960 ialah kerana tidak mendapat sokongan daripada orang Melayu. Sekarang ini orang Melayu masih menolak komunis. Mereka

masih kukuh dengan kelslaman mereka. Bahkan kita boleh berkata dari bukti yang dapat dilihat bahawa orang Melayu sekarang lebih menumpukan perhatian mereka kepada Islam daripada masa lalu. Namun demikian perubahan yang penting dari segi perjuangan komunis sudah berlaku.

Perpaduan di kalangan orang Melayu sudah retak. Dan keretakan ini terjadi di tempat yang berkesan sekali, iaitu antara kebanyakan orang Melayu dengan pemimpin-pemimpin mereka yang berkuasa dalam Kerajaan. Dahulu cuma komunis sahaja yang menentang kerajaan (dengan sokongan daripada sebahagian daripada orang bukan Melayu). Tetapi sekarang orang Melayu sendiri menentang kerajaan dan menyerang pemimpin-pemimpin kerajaan dengan berbagai-bagai tuduhan.

Dari segi tektik peperangan, persahabatan antara pasukan-pasukan yang menyerang musuh yang sama tidak perlu. Yang berkesan ialah mereka sama serentak menyerang musuh itu. Komunis menentang kerajaan. Orang Melayu juga menentang kerajaan. Sungguhpun orang Melayu itu bersahabat dan tidak menyebelahi komunis, serangan mereka terhadap kerajaan di waktu kerajaan menghadapi serangan komunis sudah tentu akan menolong menjayakan rancangan komunis.

Kita dapat juga lihat peristiwa seperti ini berlaku di Vietnam Selatan dulu. Oleh kerana sebab-sebab yang tidak ada kaitan dengan komunis, penganut-penganut agama Budha menentang kerajaan-kerajaan Vietnam Selatan. Mereka disokong pula oleh penuntut-penuntut yang tidak puashati kerana perkara-perkara lain. Tunjuk perasaan sering diadakan. Oleh kerana berbagai tuduhan yang dilemparkan terhadap kerajaan, kerajaan dibenci. Tindakan kerajaan untuk mematahkan tentangan terhadapnya dengan menggunakan kuasa polis dan tentera, cuma mengurangkan tenaga dan tindakan memerangi komunis.

Perasaan benci yang bermula di kalangan orang yang menentang kerajaan semakin berkembang dan meningkat sehingga melibatkan pasukan bersenjata sendiri. Semangat askar menjadi lemah kerana tidak lagi begitu yakin kepada kerajaan. Diserang dari hadapan dan belakang, kemudian diabaikan pula oleh angkatan tentera yang tidak lagi taat-setia, akhirnya tewaslah kerajaan Vietnam Selatan.

Mungkin ada orang yang berpendapat bahawa kejatuhan kerajaan Vietnam Selatan adalah wajar kerana ianya korap dan ke-

jam. Tetapi kekalahan kerajaan Vietnam Selatan tidak bermakna kemenangan bagi pemimpin penganut-penganut Budha atau penuntut-penuntut. Yang menang ialah komunis. Sekarang bukan sahaja kebebasan menentang dan menunjuk perasaan tidak lagi ada, tetapi kebebasan beragama pun hilang. Apa juga yang diperjuangkan oleh penganut Budha dan penuntut bukan sahaja tidak tercapai tetapi apa yang ada pada mereka turut tercicir.

Begitu juga di Malaysia. Jika orang Melayu dengan kerana kononnya disuruh oleh Agama Islam bertindak supaya kerajaan yang ada sekarang diganggu dan kemudiannya menjadi lemah, kelemahan ini boleh melibatkan angkatan bersenjata. Dalam keadaan lemah pemerintahan dan pertahanan kemungkinan negara ini dikuasai dan diperintah oleh komunis bukanlah lagi sesuatu yang mustahil. Pemerintah komunis, tidak akan meletakkan Islam sebagai Agama Rasmi. Sebaliknya usaha menghancurkan agama Islam akan dijalankan.

اَلْفِتْنَةُ اَكْبَرُ مِنَ الْقَتْلِ وَلَا يَزَالُوْنَ يُقَاتِلُوْنَكُمْ
حَتّٰى يَرُدُّوْكُمْ عَنْ دِيْنِكُمْ اِنِ اسْتَطَاعُوْا.

- سورة البقرة، الآية: ٢١٧

"Fitnah itu lebih besar bahayanya daripada peperangan dan senantiasalah mereka memerangi kamu sehingga mereka dapat memalingkan kamu dari agamamu jika mereka berupaya."

(Al-Baqarah ayat 217).

Kemungkinan yang dilukiskan di atas bukan khayalan atau propaganda. Ianya sudah berlaku di beberapa buah negara Arab yang dahulu menjadi pusat perkembangan dan pelajaran Islam. Ianya telah berlaku di Albania. Ianya juga telah berlaku di beberapa wilayah dalam Soviet Union dan Asia Tenggara.

Orang-orang Melayu tidak lebih istimewa kelslaman mereka daripada orang-orang negara tersebut. Cuma kesedaran sahaja tentang kemungkinan ini yang boleh memelihara mereka dari bencana pengaruh komunis.

SISTEM NILAIAN DAN ORANG MELAYU

Wujudnya sesuatu masyarakat manusia ialah kerana sistem nilaian yang terbentuk atau dibentuknya sendiri. Manusia tanpa sistem nilaian tidak dapat hidup bersama dalam satu kumpulan kerana tanpa sistem nilaian, perhubungan antara anggota masyarakat tidak dapat ditentukan. Sama ada 'buruk' atau 'baik', sistem nilaian mesti ada dan diterima oleh sebilangan besar dari sesuatu masyarakat itu untuk mewujud dan mengekalkannya.

'Buruk' dan 'baik' adalah perkataan yang relatif. Tafsiran 'buruk' dan 'baik' bukan tafsiran semulajadi, tetapi sebenarnya adalah tafsiran yang dibuat dan diterima oleh sesuatu masyarakat. 'Buruk' dan 'baik' adalah asas sistem nilaian masyarakat, dan asas ini tidak sama di antara satu masyarakat dengan satu masyarakat lain, dan dari satu masa ke satu masa yang lain.

Dengan lebih jelas lagi kita boleh kata bahawa apa yang dianggap 'baik' oleh satu masyarakat boleh jadi 'tidak baik' bagi masyarakat lain, dan juga apa yang 'baik' bagi satu masyarakat pada satu masa boleh jadi tidak 'baik' bagi masyarakat itu juga pada masa yang lain.

Kesedaran tentang tidak kekalnya sistem nilaian dan berlainannya sistem nilaian antara satu-satu masyarakat dengan masyarakat yang lain adalah penting di zaman ini oleh kerana sistem nilaian semua masyarakat manusia bukan sahaja berubah sekarang tetapi ada kalanya sistem nilaian terbalik terus, iaitu yang 'baik' dikatakan 'buruk', dan yang 'buruk' itulah yang diterima sebagai 'baik' (perversion of values).

Contoh nilaian yang terbalik ini terdapat di merata dunia. Umpamanya manusia berbogel dahulunya dianggap 'buruk' oleh hampir semua masyarakat manusia di dunia. Tetapi sekarang bagi beberapa masyarakat di barat, berbogel dianggap 'biasa' (normal) dan 'baik' (healthy). Pandangan yang ringan terhadap streaking (lari berbogel di hadapan khalayak ramai) ialah disebabkan oleh perubahan nilai terhadap berbogel. Dan dalam masyarakat Barat berbogel di tepi laut sudah menjadi perkara biasa dan tidak lagi ditegah.

Tidak berapa lama dahulu menghisap ganja adalah perkara yang tidak baik dan diharamkan. Dalam tahun enam-puluhan ganja mula merebak di Amerika. Ia tidak begitu bahaya jika masyarakat menganggap ganja 'tidak baik' dan sanggup bertindak terhadap penghisap ganja. Tetapi orang yang waras dan tidak menghisap ganja telah bertanya diri mereka 'apakah menghisap ganja itu tidak baik?'

Kalau ganja menghilangkah fikiran, arak juga menghilangkan fikiran? Kalau arak boleh diminum tanpa larangan kenapa tidak ganja? Apabila orang yang waras sudah mula menyoalkan 'kepercayaan' mereka, iaitu nilai sesuatu yang diterima oleh masyarakat mereka, maka masyarakat itu akan hilang haluan. Dalam keadaan ini orang yang mencabul dan mencabar sekatan terhadap penghisapan ganja terus melakukan pencabulan dengan lebih terbuka dan terang. Mereka yang cuba menegakkan nilai yang lama akan dianggap sebagai orang yang kolot. Sebaliknya mereka yang menyoal nilai yang lama akan dianggap liberal dan progressive.

Masyarakat tidak boleh bertindak bila berhadapan dengan cabaran ini secara besar-besaran kerana kuasa masyarakat akhirnya bergantung kepada kehendak majoriti yang terbesar. Dengan adanya golongan yang liberal dan progressive ini, yang dibantu secara tidak langsung oleh mereka yang berkecuali, penganut nilai lama sudah tidak majoriti lagi. Dengan ini maka nilai masyarakat terhadap ganja sudahpun berubah.

Mereka yang berkecuali atau pasif ini memainkan peranan yang penting dan berkesan walaupun mereka sendiri tidak mengakui peranan yang mereka mainkan. Mereka sebenarnya menyokong pihak yang aktif dan aggresif. Nilai masyarakat berkesan jika majoriti mempertahankannya. Apabila majoriti berkecuali nilai ini tidak dipertahankan lagi dan tidak lagi menjadi nilai masyarakat itu. Inilah yang telah berlaku di Barat terhadap penghisapan ganja. Mereka tidak lagi menganggap hisap ganja sebagai satu keburukan.

Fahaman tentang peranan yang dimainkan oleh silent majority ini amatlah penting terutama dalam demokrasi. Bilangan yang besar ini boleh membisu jika sesuatu yang baik berlaku. Tetapi jika silent majority ini terus membisu apabila sesuatu yang buruk berlaku, maka mereka semua akan menerima akibat buruknya. Malangnya kadang-kadang baik buruk sesuatu tidak mudah di-

tentukan oleh kebanyakan orang. Dalam keadaan ini mereka yang bertanggungjawab mestilah sanggup menjelaskan keadaan yang sebenar.

Satu daripada kesukaran yang dihadapi oleh demokrasi ialah hak-hak yang terjamin bagi semua pihak. Demokrasi membenarkan bangkangan dan memelihara hak minoriti dan individu. Apakah corak bangkangan yang boleh dibenarkan dan bilakah kehendak minoriti patut dipertahankan adalah perkara yang tidak boleh ditentukan secara jelas dan terang.

Dalam keadaan ini apabila segolongan dari satu masyarakat menolak nilai masyarakat itu terhadap sesuatu, umpamanya larangan menghisap ganja, maka masyarakat itu tidak lagi dapat bertindak tegas. Tokoh-tokoh dari majoriti sendiri akan menyoal bukan tentang baik buruknya menghisap ganja tetapi tentang amalan demokrasi yang memberi hak kepada individu dan minoriti. Sama ada hak itu membawa kebaikan atau keburukan tidak di soal. Yang penting ialah hak individu dan hak minoriti mesti dipertahankan sebagai satu asas amalan demokrasi.

Tetapi apa yang harus diingat ialah penyelewengan minoriti boleh berjangkit dan sedikit demi sedikit bilangan minoriti ini akan meningkat. Apabila bilangannya sudah tinggi, yang majoriti tidak dapat mengawal mereka lagi walaupun yang majoriti cuba menggunakan cara yang tidak demokratik. Apabila sampai ke peringkat ini nilai lama sudah hilang dan nilai minoriti dahulu sudah meresap menjadi sebahagian daripada nilai masyarakat. Jelaslah dari fenomena ini bahawa kerana asyik menjaga hak minoriti dalam demokrasi, majoriti akhirnya menjadi mangsa.

Sekarang ini reversal (perversion) of values atau kejadian terbalik atau keruntuhan sistem nilaian masyarakat manusia menjadi-jadi di seluruh dunia. Dahulu aturan peraturan dan undang-undang dianggap mustahak dan baik dan dihormati. Sekarang aturan peraturan dan undang-undang dianggap sebagai penghalang kebebasan dan ini membawa kesan yang amat buruk terhadap nilai-nilai yang lain yang dijunjung tinggi oleh masyarakat.

Umpamanya di universiti-universiti barat peraturan yang melarang penuntut lelaki melawat bilik penuntut perempuan dianggap oleh mahasiswa sebagai sekatan terhadap kebebasan mereka. Akibat desakan mahasiswa, para pentadbir dan guru-guru memikirkan semula dan berpendapat 'betul juga' apa yang dikatakan oleh mahasiswa. Dan sekarang sudah ada 'asrama campur',

lelaki perempuan tinggal bersama dan boleh melawat bilik sesiapa tanpa sebarang sekatan.

Tetapi tentangan mahasiswa universiti di Amerika bukan sahaja ditujukan kepada soal melawat bilik. Semua aturan peraturan dianggap sebagai sekatan terhadap kebebasan mereka dan mereka terus menentangnya. Akibatnya ialah semua peraturan di ketepikan. Mahasiswa boleh buat apa saja. Dalam keadaan bebas tanpa had inilah pejabat sebuah universiti diambil alih oleh mahasiswa dan fail-fail, surat-surat dan alat pejabat dimusnahkan.

Oleh kerana mengambil alih pejabat juga satu kebebasan, kebinasaan yang dilakukan oleh penuntut tidak dianggap salah dan tindakan undang-undang tidak diambil. Mereka yang merobohkan pejabat tidak didakwa di hadapan mahkamah dan tidak ada ganti rugi atau apa-apa pun.

Yang jelas dari peristiwa ini ialah keruntuhan sistem nilaian. Dahulu peraturan-peraturan dan undang-undang dianggap baik dan berguna bagi masyarakat. Sekarang peraturan-peraturan dan undang-undang dianggap tidak baik dan rusuhan, mencabul dan memusnahkan harta benda, mengancam dan sebagainya dianggap sebagai perkara biasa yang tidak patut disekat atau diambil tindak-balas atau dikenakan hukuman mengikut undang-undang.

Penolakan peraturan-peraturan dan undang-undang bukanlah terhad kepada universiti saja. Di seluruh masyarakat Barat convention atau 'nilai biasa' dicabul. Kalau berpakaian cuci dan tertib dahulunya adalah 'amalan biasa masyarakat', sekarang pakaian yang buruk, koyak dan tidak tentu hala pula digunakan. Kalau masyarakat dahulu memerlukan rambut digunting dan disikat, maka rambut kini mesti dibiarkan panjang, kotor dan tidak disikat, sebagai tanda penghargaan yang tinggi kepada 'kebebasan' dalam sistem nilai masyarakat. Begitulah perubahan nilai yang sudah berlaku di Barat sehingga mereka yang berambut panjang yang tidak disikat, berjanggut, berpakaian tidak tentu hala dianggap 'segak', sementara yang berambut pendek tersikat, bercukur licin dan memakai kot dan necktai dikatakan 'hodoh'.

Di antara lelaki dan perempuan pula perbezaan apa saja ditolak. Apa yang boleh dibuat oleh lelaki mesti boleh dibuat oleh perempuan. Ia bermula cuma dengan menyamakan pakaian, iaitu kalau lelaki berseluar panjang, perempuan juga mesti berseluar panjang. Penolakan nilai lama akhirnya melibatkan pelacur-

an, iaitu kalau lelaki boleh mendapat pelacur perempuan maka perempuan pula boleh mendapat pelacur lelaki.

Nikah kahwin mengikut agama dan undang-undang awam ditolak dan bersekeduduk tanpa apa-apa peraturan diterima sebagai perkara biasa. Tidak cukup dengan ini lelaki 'berkahwin' dengan lelaki, perempuan dengan perempuan dan ada pula lelaki yang bersekeduduk dan 'berkasih' dengan seorang perempuan dan seorang lelaki.

Semua ini adalah penolakan sistem nilaian masyarakat 'biasa'. Oleh kerana penolakan ini ditumpukan kepada peraturan-peraturan dan undang-undang maka pihak yang diberi tugas untuk menguatkuasakan undang-undang dicela dan dihina. Polis dipanggil pig (babi) dan peranan polis menjaga keamanan ditafsirkan sebagai satu penindasan.

Apakah kaitan penolakan sistem nilaian barat dengan kita di Malaysia, khasnya dengan orang Melayu yang beragama Islam. Oleh sebab seseorang dan sesuatu masyarakat tidak boleh memulaukan dirinya, dan oleh sebab cara-cara perhubungan moden maka apa saja yang berlaku di lain tempat akan mempengaruhi kehidupan di tempat ini juga. Kalau Barat menolak sistem nilainya mereka dan membentuk nilai baru yang terbalik maka lambat laun masyarakat kita juga akan mengalami perubahan yang sama.

Sebenarnya ini sudahpun berlaku. Dalam bidang pakaian perubahan berlaku cepat sekali. Tetapi pakaian dengan sendirinya tidak begitu menjadi masalah. Pakaian menjadi masalah apabila ianya diikuti dengan penukaran lain-lain nilaian. Umpamanya kalau pakaian hippy digunakan maka penghisapan ganja, malas bekerja dan lain-lain lagi nilai hippy diamalkan bersama.

Bersekeduduk bukan berleluasa di kalangan orang Melayu tetapi ada bukti-bukti ia sudah terjadi. Di waktu ini pun sudah terdapat nilaian yang membenarkan dan menerima hubungan sex di luar kahwin di kalangan orang Melayu. Dan banyak lagi perbuatan yang dahulu ditegah atau dipandang buruk oleh masyarakat Melayu, sekarang dipandang ringan atau diterima sebagai perkara biasa.

Keruntuhan nilaian terhadap agama dan 'pandangan' masyarakat dapat dilihat dalam beberapa peristiwa. Seorang gadis Melayu yang pergi menuntut keluar negeri telah berkahwin dengan seorang dari bangsa lain. Mengikut cara lama perkahwinan seperti ini cuma dibuat apabila lelaki memeluk agama Islam dan

anak mereka dipelihara sebagai anak yang beragama Islam. Perkara ini memang dapat ditentukan pada zahirnya sahaja. Pada batinnya keislaman suami atau anak tidak boleh ditentukan. Tetapi keislaman orang-orang Islam tidak mudah ditentukan pada batinnya. Manusia tidak boleh membaca hati manusia lain. Cuma Tuhan sahaja yang mengetahui apa yang sebenar.

Apa yang terdapat pada perkahwinan gadis Melyu tadi ialah pertamanya si suami tidak memeluk agama Islam. Ini adalah kerana gadis Melayu itu sendiri berpendapat (mengikut 'kebebasan' ala Barat) bahawa dalam soal agama seseorang itu patutlah bebas. Kalau suaminya memeluk agama Islam sekalipun ini mungkin cuma pura-pura sahaja, satu perbuatan hipokrit untuk mengabui mata masyarakat. Sebagai seorang yang 'jujur' dia tidak suka berhipokrit.

Berlanjutan dengan kebebasan beragama ini maka apabila anak mereka dilahirkan ibunya tidak memelihara anak mengikut ajaran Islam. Katanya anaknya juga mesti bebas dan memilih agamanya sendiri. Sama ada dia akan menurut agama ibunya atau ayahnya adalah haknya.

Peristiwa ini menunjukkan dengan jelas perubahan nilaian yang boleh terjadi kepada orang Melayu sendiri. Ini mungkin satu contoh yang keterlaluan. Tetapi yang melampaui batas biasanya bermula dengan mencuit sedikit. Kita tidak dapat tahu bilakah perubahan nilai yang sedikit akan meningkat ke tingkat yang lebih sedikit dan akhirnya mencabul terus nilai lama seperti yang berlaku dalam contoh ini.

Perubahan nilai 'yang sedikit' dalam masyarakat Melayu sering berlaku. Tidak semua perubahan ini buruk. Banyak juga yang baik. Tetapi oleh kerana perubahan nilai di barat lebih banyak buruk dari baik dan yang buruk lebih mudah ditiru, maka masyarakat Melayu sudah menunjukkan bukti-bukti yang nilainya juga mirip kepada perubahan yang buruk.

Sebagai satu contoh lagi, orang Melayu biasanya menghormati kelebihan umur. Orang yang tua dianggap bijak dan disegani. Sudah tentu bukan semua yang tua bijak dan patut dihormati. Ada di antara mereka yang bodoh dan kolot fikirannya.

Prinsip menghormati sekalian orang tua mungkin tidak begitu betul. Tetapi tidak menghormati semua orang tua juga tidak betul kerana apa yang mesti diakui ialah orang tua ini dahulunya muda. Kalau di waktu muda mereka patut dihormati (kerana kita seka-

rang mengaku kebolehan orang muda) maka penambahan umur tidak akan mengurangkan kebolehan mereka dahulu. Malangnya di kalangan orang muda di masa ini semua yang tua dianggap buruk dan kotor dan tidak boleh dihormati.

Perubahan dari masyarakat yang menghormati umur kepada masyarakat yang menghina umur adalah satu keruntuhan terus sistem nilaian orang Melayu. Kalau dahulu bapa mengingatkan anak tentang bahaya sesuatu, maka sekarang anak dengan sombong dan angkuh mengatakan 'ingat-ingat' kepada bapa. Anak sekarang, terutama yang mendapat pelajaran tinggi, sering menulis kepada ibu bapa untuk memperingat mereka tentang apa yang harus dilakukan oleh mereka. Mereka mengarah ibu bapa mereka. Tetapi sebaliknya, apa juga arahan dan panduan yang diberi oleh ibu bapa diketepikan dengan alasan ibu bapa mereka tidak tahu.

Apakah perubahan nilai ini akan memperbaiki masyarakat? Dari sudut lojik, ini tidak mungkin berlaku. Yang muda akan jadi tua dan apabila tua dihinakan oleh yang muda walau apa sekalipun mereka buat dalam perjuangan mereka di waktu muda. Perpisahan antara tua dan muda akan diteruskan dan kebaikan ditimbang bukan atas merit tetapi atas source (punca). Kalau sesuatu itu dibuat oleh yang tua, maka perbuatan itu buruk. Dan kalau perbuatan yang sama dibuat oleh yang muda maka yang buruk menjadi baik.

Selain daripada soal tua-muda banyak lagi contoh terdapat yang menunjukkan bahawa nilai baik orang Melayu sudah diganti dengan nilai buruk dari Barat. Sebahagian daripada penyerapan nilai buruk Barat tidak begitu berkesan tetapi ada nilai-nilai yang akan menghancurkan masyarakat Melayu.

Masyarakat yang sihat tidak boleh wujud dan kekal tanpa undang-undang dan tatatertibnya. Undang-undang dan tatatertib bermakna sekatan terhadap kebebasan individu. Kebebasan dihadkan kerana kebebasan seseorang mungkin menyentuh hak orang lain atau ketenangan dan keselamatan masyarakat itu sendiri.

Umpamanya seseorang patut bebas menyuarakan pendapatnya tetapi kalau pendapatnya merupakan pencelaan terhadap pihak yang lain maka masyarakat tidak boleh membenarkan kebebasan ini. Begitu juga seseorang boleh bertindak untuk mendapat apa yang dipercayai sebagai haknya tetapi tindakannya

tidak boleh menyentuh hak orang lain dan hak masyarakat sendiri.

Supaya seorang anggota sesuatu masyarakat boleh mendapat haknya dengan tidak menyentuh hak anggota yang lain atau hak umum masyarakat itu sendiri, maka peraturan-peraturan disusun untuk mengawal kebebasan 'cara' menuntut hak. Peraturan-peraturan atau undang-undang tidak boleh berjalan dengan sendirinya. Oleh itu masyarakat terpaksa mengadakan satu badan untuk menguatkuasakan undang-undang, dan semua anggota masyarakat dikehendaki mematuhi arahan badan ini.

Di sini terdapat satu dilemma. Jikalau badan ini mendapat kuasa tanpa batasan, ada kemungkinan yang kuasa ini disalah-gunakan. Untuk mengawal kemungkinan ini peraturan-peraturan dibentuk untuk mencegah badan ini dari menyalah-gunakan kuasanya dan badan yang lain pula diberi kuasa bertindak jika terdapat penyelewengan dalam penggunaan kuasa.

Badan pengawal yang ditubuhkan dipanggil 'polis'. Kuasa yang diberi kepada polis tertakluk kepada undang-undang. Kerja mereka mustahak bagi masyarakat. Kalau mereka menyalah-gunakan kuasa, ada caranya untuk perbuatan ini ditamatkan. Walau bagaimanapun dalam usaha mereka menjaga kepentingan umum masyarakat maka tentulah ada pihak yang akan berasa tekanan undang-undang yang dikuatkuasakan oleh mereka. Pihak ini tentu akan anggap tekanan undang-undang ini sebagai satu jenis 'penindasan'. Selagi mereka sahaja yang menganggap tindakan polis sebagai penindasan, ini tidak mengapa. Tetapi kalau masyarakat turut bersimpati dengan mereka maka akan timbullah masalah.

Kalau oleh sebab polis menjalankan tugas yang diberi kepada mereka oleh masyarakat maka masyarakat sendiri mengecam polis maka akhirnya keamanan masyarakat akan tergendala. Kalau polis dipanggil 'babi' atau 'pig' mengikut fesyen penuntut Amerika, maka undang-undang yang memelihara keamanan masyarakat tidak boleh dikuatkuasakan. Dan undang-undang yang tidak boleh dikuatkuasakan adalah lebih buruk daripada tidak ada undang-undang. Masyarakat itu akan musnah kalau tidak ada undang-undang yang boleh dikuatkuasakan. Yang akan wujud ialah anarchy, keadaan masyarakat yang tidak tersusun dan tidak aman, masyarakat yang dikuasai oleh yang ganas dan bengis di antaranya.

Jelas dari ini bahawa sikap terhadap polis yang wujud di kalangan pemuda Barat tidak sihat. Sistem nilaian orang Melayu memberi tempat yang tinggi kepada pentadbir kerana sistem nilaian ini mengiktiraf pangkat, darjat dan kuasa-kuasa yang bersangkut dengannya. Polis adalah sebahagian dari pentadbir dan di Malaysia belum ada bukti yang polis bermaharajalela dan bertindak luar batasan. Kerajaan yang dipilih oleh rakyat berkuasa ke atas polis. Polis di negara-negara lain yang tidak tersusun sistemnya mungkin mengganas dan rakyat boleh memandang polis sebagai penindas. Di negara-negara seperti ini kalau polis dipanggil 'babi' maka ini mungkin wajar. Tetapi di Malaysia 'penindasan' ini bertujuan memelihara kepentingan rakyat yang lebih ramai yang tidak mahu ditindas oleh orang yang bertujuan memecahkan keamanan.

Menganggap polis amnya sebagai 'babi' dan penindas merupakan satu jenis keruntuhan sistem nilaian. Apa yang patut dihormati dikeji dan yang patut dikeji dihormatkan. Kalau nilaian baru ini dibenarkan merebak dan menjadi nilaian masyarakat umum, maka dua perkara boleh berlaku. Yang pertama polis akan betul-betul menindas untuk mengekalkan kuasa mereka. Ini boleh berlaku secara mengejut (coup de etat) atau beransur-ansur. Tetapi hasilnya adalah sama - iaitu Police State.

Yang kedua polis mungkin menjadi lemah dan tidak dapat menjaga keamanan. Kuasa yang diberi kepada mereka tidak boleh digunakan takut dituduh menindas. Akhirnya mereka tidak lagi effective dan undang-undang masyarakat boleh dipecah dengan sewenang-wenangnya. Kesannya ialah keruntuhan semua nilaian masyarakat dan kehancuran masyarakat itu sendiri.

Bahawa sistem nilaian masyarakat manusia seluruh dunia sudah runtuh adalah jelas dari contoh-contoh yang disebutkan. Cuma satu peristiwa lagi patut digunakan sebagai contoh keruntuhan nilaian.

Di England baru-baru ini seorang pemuda telah ditangkap kerana cuba meletupkan bom 'gas ketawa' (laughing gas) di dalam mahkamah. Perjalanan sebuah mahkamah biasanya satu peristiwa yang serious dan sebarang gangguan dianggap sebagai pencabulan dan boleh dikenakan hukuman yang berat.

Dalam peristiwa ini apabila pemuda itu didakwa ke hadapan hakim maka hakim memutuskan bahawa kalau polis boleh menggunakan gas pemedih mata dalam tugas mereka, maka pemuda itu

tidaklah boleh disalahkan kalau dia menggunakan 'gas ketawa'.

Keputusan ini merupakan 'nilaian terbalik'. Apa yang buruk sudah ditafsirkan sebagai baik. Kalau lojik keputusan hakim tadi diteruskan, maka siapa juga boleh menggunakan alat-alat yang digunakan oleh polis mengikut kehendak masing-masing. Gas pemedih mata, kereta perisai, senjata api dan lain-lain tidak boleh diharamkan bagi sesiapa. Apakah yang akan jadi kepada keamanan masyarakat tentulah jelas.

Setakat ini contoh-contoh dan perbincangan telah ditumpukan kepada akibat buruk daripada perubahan sistem nilaian. Tetapi tidak semua perubahan nilai memburukkan masyarakat. Sebenarnya kebaikan yang terdapat dalam masyarakat manusia sekarang wujud kerana perubahan nilaian yang telah berlaku; iaitu dari penghargaan kepada perbuatan yang tidak baik kepada yang baik.

Agama Islam adalah di antara pengaruh yang terkuat dalam mengubah nilai yang buruk kepada yang baik. Pembunuhan anak perempuan di zaman jahiliah dianggap perkara biasa tetapi Islam meletakkan perbuatan ini sebagai satu kesalahan yang besar. Masyarakat Arab yang menerima Islam menerima nilai yang baru ini dan masyarakat mereka tidak lagi membenarkan perbuatan membunuh anak perempuan. Jika percubaan dibuat, masyarakat sanggup bertindak keras terhadap pengamal nilai lama ini dan ini membuktikan bahawa perubahan yang baik telah berlaku dalam sistem nilaian orang Arab. Kebaikan yang berlaku kepada masyarakat Arab kerana perubahan sistem nilaian selepas penerimaan agama Islam menunjukkan bahawa perubahan nilai tidak semestinya membawa keburukan. Masalahnya ialah kelemahan manusia dalam memeriksa, mengkaji dan memperhitungkan kesan dan akibat apabila dihadapi dengan percubaan mengubah sesuatu nilai.

Di zaman moden ini nilai yang sering diutamakan ialah Hak Asasi Manusia atau 'Basic Human Rights'. Pada mulanya konsep hak bagi tiap-tiap seorang manusia mudah diterima. Manusia tidak seharusnya ditindas. Penindasan manusia ke atas manusia lain, jika dilihat dari segi 'lojik' amatlah tidak adil. ('lojik' di dalam konteks ini menjadi 'lojik' kerana sistem nilaian yang diamalkan oleh kita sekarang. Kalau sistem ini berubah yang lojik ini mungkin tidak lojik lagi).

Pada peringkat pertama pendapat ini memang berasas. Hamba abdi di zaman dahulu tidak berhak dan taraf mereka sama-

lah dengan binatang yang digunakan oleh manusia untuk berbagai jenis kerja (Beast of burden). Sistem nilaian di zaman adanya hamba abdi menerima kedudukan dan taraf rendah bagi hamba abdi sebagai perkara biasa dan tidak buruk dan tidak mencabul keadilan.

Tetapi dalam tiap-tiap masyarakat memang ada orang yang lebih bertimbangrasa dan mereka ini tidak senang melihat manusia disamakan dengan binatang. Mereka sedih melihat kekejaman yang dilakukan kepada hamba abdi. Pada mulanya manusia yang berpendapat seperti ini tidak ramai tetapi bilangan mereka bertambah. Pendapat mereka pula menjadi semakin kuat. Akhirnya mereka sanggup berjuang untuk membebaskan hamba abdi. Di peringkat ini pendapat masyarakat mungkin berubah dan masyarakat akan menerima bahawa menjadikan seorang manusia hamba adalah satu perbuatan yang buruk. Dengan perkataan lain nilai lama terhadap hamba diganti dengan nilai baru yang lebih berperikemanusiaan. Sekarang sikap mengkeji pengabdian manusia sudah menjadi perkara biasa. Dan tidak ada siapa yang boleh berkata bahawa perubahan nilai ini tidak baik.

Pembebasan hamba abdi merupakan satu langkah yang radikal yang pada ketika perbuatan ini berlaku dipandang sebagai tindakan terakhir yang menyelesaikan soal hamba abdi dan penindasan manusia ke atas manusia. Masyarakat dunia percaya bahawa dengan pembebasan hamba maka manusia sudah menghormati nilai yang dikatakan 'berperikemanusiaan' secukup-cukupnya.

Tetapi setelah sekian lama amalan menyimpan hamba tamat, perasaan puashati dengan tindakan ini telah pudar. Hamba abdi yang dibebaskan dan keturunan mereka, walaupun sudah bebas, tetapi masih tidak sama taraf dengan bekas tuanpunya mereka atau keturunan tuanpunya ini. Oleh kerana persamaan tidak tercapai maka ini dianggap sebagai satu jenis penindasan. Perjuangan dibuat sehingga masyarakat menerima dan mengamalkan konsep persamaan antara bekas atau keturunan hamba abdi dan bekas atau keturunan tuanpunya mereka. Sekali lagi nilaian masyarakat telah berubah.

Buat beberapa ketika perubahan nilai ini memuaskan hati semua pihak. Tetapi perasaan ini tidak kekal. Persamaan sahaja tidak cukup. Keturunan hamba abdi sepatutnya berpeluang menjadi pemimpin dan pengetua kepada keturunan tuanpunya me-

reka. Dan usaha mengubah nilai masyarakat pun diteruskan dan akan berterusan selama-lamanya.

Tetapi perubahan nilai bersabit dengan penindasan manusia ke atas manusia tidak tamat dengan pengharaman menyimpan hamba abdi. Walaupun hamba abdi tidak ada, lain-lain penindasan masih ada. Umpamanya penjajahan oleh satu bangsa ke atas bangsa yang lain juga merupakan satu jenis penindasan. Perjuangan dilakukan untuk membasmikan imperialisme. Kehancuran penjajahan hasil perjuangan ini adalah satu lagi perubahan nilai yang baik.

Sungguhpun penjajahan sesuatu bangsa ke atas bangsa lain tidak lagi berleluasa, penindasan manusia ke atas manusia juga berlaku. Kerajaan sesuatu negara yang terdiri dari bangsa negara itu sendiri boleh dan biasa menindas rakyat sebangsa. Masalahnya ialah sukatan 'penindasan' ini. Apakah kebebasan yang patut diberi kepada seorang rakyat, dan siapakah yang akan menentukan sukatan kebebasan ini?

Dalam demokrasi majoriti rakyat boleh menentukan sukatan kebebasan yang patut diberi. Tetapi mereka tidak dapat menentukan pendapat mereka bagi tiap-tiap satu 'kezaliman' yang dikatakan berlaku. Oleh sebab itu mereka membentuk Kerajaan yang diberi hak menentukan kebebasan apa yang boleh dibenarkan dan yang mana yang tidak boleh dibenarkan. Juga dalam sistem demokrasi hak minoriti dijamin. Tetapi siapakah yang akan memutuskan apabila pendapat Kerajaan yang mewakili majoriti bertentangan dengan pendapat minoriti atau individu.

Jika seorang rakyat ingin membuat sesuatu yang dilarang oleh undang-undang, tidakkah ini merupakan penindasan majoriti manusia ke atas minoriti manusia? Ahli falsafah, secara objektif dan berkecuali, akan berkata bahawa dari segi tafsiran, sekatan undang-undang terhadap kehendak hati individu adalah 'penindasan'. Oleh kerena masyarakat menghargai kebebasan dan hak asasi manusia dan mengutuk penindasan, maka masyarakat tidak boleh menghalang kehendak individu.

Begitu juga kalau 'adat' sesuatu masyarakat melarang sesuatu perbuatan, tetapi ada orang yang ingin melakukan perbuatan itu, masyarakat tidak boleh menghalang orang itu jika tidak mahu dituduh menindas dan mencabul hak asasi manusia.

Jika diteliti apa yang terjadi sekarang ialah perubahan nilai sudah meningkat sehingga kebebasan dari sebarang 'penindasan'

mendapat tempat utama dan membelakangkan penghargaan terhadap undang-undang dan adat. Perubahan ini adalah lanjutan atau ekoran daripada perjuangan membebaskan hamba tadi, yang memang merupakan perubahan yang baik. Apakah keutamaan yang begitu tinggi yang diberi kepada kebebasan daripada semua jenis 'penindasan' juga baik seperti pembebasan hamba? Untuk memahami dan menjawab soalan ini kita perlu kaji berbagai jenis amalan dan tafsiran tentang hak asasi manusia dan melihat kesannya terhadap masyarakat.

Di Eropah, seperti di lain-lain tempat, perhubungan jenis antara lelaki dengan lelaki diharamkan dan dikutuk oleh masyarakat. Tetapi ada orang yang suka melakukan keganjilan ini. Bagi mereka adat dan undang-undang masyarakat adalah satu jenis 'penindasan'. Dalam tahun-tahun yang lewat ini satu gerakan diadakan untuk memperjuangkan 'hak asasi' orang-orang yang bertabiat ganjil ini. Pada mulanya masyarakat berpegang teguh kepada sikap asal mereka. Tetapi apabila soal hak dan penindasan majoriti ke atas minoriti ditonjolkan, orang yang kononnya 'waras' mula merasai ragu-ragu tentang sikap masyarakat. Jika masyarakat betul-betul menghargai hak asasi manusia dan menolak sebarang jenis penindasan, adakah masyarakat itu jujur kalau undang-undang dan adat dibenarkan menghalang kehendak satu kumpulan manusia. Persoalan ini membingungkan masyarakat. Akhirnya kerana taksub kepada kedaulatan hak asasi manusia, adat dan undang-undang dimansuh atau diketepikan supaya 'penindasan' terhadap mereka yang berkelakuan ganjil dan tidak seperti insan ini dibiarkan. Demikian aliran lojik yang bermula dari pembebasan hamba abdi. Kerana kononnya ingin berperikemanusiaan, manusia sudah berkelakuan sama seperti haiwan.

Tetapi masyarakat masih banyak undang-undang dan adat. Semua undang-undang dan adat akan menghalang mereka yang tidak suka kepada undang-undang dan adat tertentu. Ini bermakna selagi ada undang-undang dan adat selama itulah penindasan majoriti ke atas minoriti atau individu akan berlaku. Oleh kerana dalam sistem manusia moden kebebasan dari segala jenis penindasan diberi penghargaan yang tertinggi sekali, maka adat dan undang-undang boleh dicabul dengan sewenang-wenangnya oleh sesiapa tanpa hukuman apa-apa daripada mana-mana pihak.

Dalam keadaan ini peraturan-peraturan dan adat seperti ketertipan pakaian, kesopanan kelakuan, kehormatan kepada amalan-amalan seperti beragama, nikah kahwin, berfamili, bekerja, hormat-menghormati antara satu sama lain, beramanah dan seribu satu lagi nilai lain, tidak lagi mendapat tempat dalam masyarakat manusia. Yang diutamakan, yang dijunjung tinggi dan didewa-dewakan ialah 'hak asasi'. Apa juga yang ditafsir sebagai 'hak asasi' oleh sesiapa mesti dibenarkan tanpa menghirau kesan dan akibatnya.

Yang pelik dan ganjil ialah jika diteliti sebenarnya 'hak asasi' dan 'kebebasan dari penindasan' adalah satu jenis penindasan juga, iaitu penindasan minoriti atau individu ke atas majoriti. Dalam sistem demokrasi umpamanya pekerja diberi hak mogok supaya penindasan oleh majikan tidak berlaku. Pada mulanya mogok memang memelihara hak pekerja kerana kezaliman majikan boleh dibalas dengan kerugian akibat mogok. Tetapi perkembangan kesatuan sekerja telah menjadikan kesan mogok tidak lagi terhad kepada majikan, tetapi juga kepada masyarakat seluruhnya. Sekarang apabila pekerja mogok orang ramai yang tidak salah akan menderita. Dengan itu mogok menjadi senjata yang terlalu kuat dan pekerja yang berhak mogok terlalu berkuasa. Dan kuasa yang sebegini kuat mudah disalahguna.

Apabila pekerja lombong arang batu di Britain mogok, bukan sahaja hampir semua rakyat British akan menderita kerana sejuk, tetapi ada pesakit dan orang tua yang mati kerana kesejukan. Apabila jururawat atau doktor mogok pesakit-pesakit yang lebih ramai dari mereka menerima akibat yang buruk. Apabila pekerja kilang membuat enjin kereta mogok, pekerja di kilang-kilang lain yang menggunakan enjin hak mogok yang pada mulanya dibentuk gur. Demikian akibat hak mogok yang pada mulanya dibentuk untuk memelihara pekerja dari kezaliman tetapi sekarang menjadi senjata yang menindas orang lain.

Di Amerika Syarikat dalam sebuah 'housing estate' yang diduduki oleh keluarga-keluarga biasa dalam keadaan aman dan tenteram, seorang pengusaha telah membina sebuah panggung wayang untuk menayangkan gambar lucah. Seluruh masyarakat 'housing estate' itu menanggap perbuatan ini sebagai perbuatan yang buruk yang akan merosakkan akhlak dan ketenteraman tempat itu. Tetapi mahkamah berpendapat bahawa 'hak' tuanpunya panggung wayang tidak boleh dihalang. Hak penduduk

housing estate yang lebih ramai untuk memelihara diri mereka daripada kesan buruk gambar lucah tidak mendapat pertimbangan. Dengan perkataan lain 'hak asasi seorang manusia' telah berjaya menidakkan hak asasi orang yang lebih ramai.

Dari peristiwa-peristiwa ini dapat dilihat bagaimana 'hak asasi manusia' dan 'kebebasan dari penindasan' walaupun dijunjung kerana asas dan tujuannya adalah baik, tetapi jika ditafsir secara keterlaluan boleh menjadi satu jenis ketidak-adilan dan penindasan.

Demikian evolusi perubahan nilai berkenaan dengan 'hak asasi' manusia. Pada mulanya perubahan nilai membawa kepada kebaikan tetapi sedikit demi sedikit perubahan nilai ini berubah sehingga ianya terbalik, iaitu dari minoriti ditindas oleh majoriti kepada majoriti ditindas oleh minoriti dan individu. Namun demikian pegangan kepada nilai baru, iaitu sanctity 'hak dan kebebasan individu' masih begitu kuat sehingga penindasan yang berlaku terhadap majoriti tidak mendapat perhatian dan tidak diberi pertimbangan yang wajar. Biar pesakit dan orang tua mati, biar anak isteri hilang akhlak, biar ekonomi negara hancur asalkan 'hak asasi' menusia dipertahankan.

Sejarah perubahan nilai yang diceritakan di sini perlu diberi perhatian oleh orang Melayu kerana sistem nilaian manusia sedunia tidak lagi mudah dipisah-pisahkan. Serangan sistem nilaian barat ke atas sistem nilaian orang Melayu berlaku semenjak perhubungan antara negeri-negeri Melayu dengan Barat berlaku. Hasil serangan ini bukan semuanya buruk. Ada nilaian-nilaian orang Melayu yang kolot yang telah hilang dan digantikan dengan nilaian 'barat' yang agak membena. Tetapi banyak nilaian-nilaian barat yang tidak baik yang meresap ke dalam sistem nilaian orang Melayu.

Di zaman instant communication ini orang Melayu tidak dapat memulaukan diri dari sistem-sistem lain. Tetapi tiap-tiap bangsa yang percaya kepada dirinya boleh menapis segala tekanan yang menyerangnya. Tekanan nilai hidup masyarakat lain tidak semestinya merebak tanpa sekatan. Terpulanglah kepada sesuatu masyarakat itu menentukan had terhadap kesan sistem lain.

Pada permulaan rencana ini telah ditegaskan bahawa wujudnya masyarakat manusia ialah oleh kerana sistem nilaian yang terbentuk atau dibentuknya sendiri. Rencana ini menekankan bahawa keadaan sesuatu masyarakat, iaitu maju-mundurnya, ditentu-

kan oleh sistem nilaiannya. Oleh kerana sistem nilaian begitu berkesan dalam menentukan nasib sesuatu masyarakat, maka perubahan dalam sistem nilaian bermakna perubahan keadaan masyarakat itu.

Oleh sebab berkesannya sistem nilaian, sesuatu masyarakat mestilah mengawasi dan berhati-hati tentang sistem nilaiannya dan perubahan atau ancaman perubahan yang berlaku bila-bila saja. Ini bermakna perubahannya tidak boleh dibenarkan berlaku secara sambilan. Mereka yang terlatih dan bertanggungjawab dalam masyarakat mesti memainkan peranan yang penting dalam memilih atau membentuk nilai baru dan menggantikan nilai yang lama. Dalam keadaan siapa saja boleh menganjurkan perubahan mengikut sesuka hatinya kesannya ialah keburukan.

Dalam masyarakat Melayu, seperti masyarakat lain, sistem nilaian memainkan peranan yang utama dalam menentukan nasibnya. Sekarang ini perubahan sistem nilaian mereka sedang berlaku tanpa kajian sistematis dan tanpa pimpinan. Siapa juga boleh menyerang sistem yang ada dan membentuk nilai yang baru. Akibatnya ialah konflik dan kucar-kacir tanpa apa-apa faedah. Masa sudahlah tiba bagi orang Melayu menyedari tentang hakikat ini dan berfikir tentang tindakan yang patut diambil untuk menentukan bahawa alat yang begitu penting dan berkesan seperti sistem nilaian digunakan secara yang berfaedah dan baik bagi masyarakat mereka.

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّيْنِ الْقَيِّمِ مِنْ قَبْلِ اَنْ يَأْتِيَ
يَوْمٌ لَا مَرَدَّ لَهٗ مِنَ اللّٰهِ يَوْمَئِذٍ يَصَّدَّعُوْنَ.
مَنْ كَفَرَ فَعَلَيْهِ كُفْرُهٗ وَمَنْ عَمِلَ صَالِحًا
فَلِاَنْفُسِهِمْ يَمْهَدُوْنَ. لِيَجْزِيَ الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا
وَعَمِلُوا الصّٰلِحٰتِ مِنْ فَضْلِهٖ اِنَّهٗ لَا يُحِبُّ
الْكٰفِرِيْنَ. - سورة الروم، الآية: ٤٣-٤٥

Dan hadapkanlah muka engkau kepada agama yang betul, sebelum datang dari Tuhan hari yang tiada dapat ditolak. Pada hari itu mereka terbahagi. Siapa yang engkar maka hanya untuknya sahaja bahaya keingkaran itu, dan siapa yang mengerjakan perbuatan baik mereka menyediakan tempat duduk untuk dirinya. Kerana Tuhan hendak memberikan balasan kepada orang-orang yang beriman dan mengerjakan perbuatan-perbuatan yang baik dari kurniaNya. Sesungguhnya Tuhan itu tidak menyukai orang-orang yang engkar. (Kafir: yang menolak keimanan)

(Al.Rum Ayat: 43-44-45)

Ayat ini jelas mendesak supaya orang yang beriman (orang Islam) mengerjakan pekerjaan yang baik dan tidak engkar terhadap suruhan Tuhan. Masalah yang timbul ialah tentang perbezaan tafsiran yang dibuat oleh pemimpin dan pentafsir ajaran Islam. Sungguhpun pada umumnya semua bersetujui bahawa cuma yang baik sahaja yang mesti dilakukan tetapi dalam sesuatu perkara tertentu perbezaan pendapat berlaku tentang apakah yang baik dan apakah yang tidak. Dan perbezaan ini adalah begitu

ketara sehingga timbul permusuhan yang ketat antara golongan orang Islam dengan orang Islam.

Sebab itu sungguhpun orang Islam disuruh bersaudara tetapi hakikatnya ialah bukan sahaja negara Islam sanggup berperang dengan negara Islam yang lain (dengan bantuan daripada orang-orang yang bukan Islam) tetapi di dalam negara-negara Islam sendiri kumpulan-kumpulan orang Islam berpecah, dan berusaha untuk menghancurkan satu sama lain.

Di Mesir umpamanya Kerajaan yang direstui oleh sebilangan yang besar dari orang Islam Mesir ditentang oleh satu golongan kecil yang berpendapat bahawa mereka sahaja merupakan penganut Islam yang sebenar dan berhak menentukan corak Kerajaan Mesir. Untuk mencapai matlamat ini golongan ini bukan sahaja sanggup membunuh pemimpin Islam yang menyokong Kerajaan tetapi mereka cuba melemahkan Mesir dengan menyuruh orang Islam dalam tentera dan lain-lain pegawai Kerajaan supaya tidak mematuhi arahan Kerajaan. Dalam keadaan Mesir menghadapi serangan dari Yahudi, percubaan ini jika berjaya, tetap akan memberi kemenangan kepada Yahudi. Tetapi walaupun ini tentu nyata kepada kumpulan kecil ini, mereka terus berpendapat bahawa apa yang dilakukan oleh mereka adalah baik dan secucuk dengan ajaran Islam.

Demikianlah sesuatu yang jelas buruk boleh ditafsir sebagai baik oleh orang Islam jika ada pemimpin yang sanggup membezakan diri dari yang biasa. Dan demikian akibatnya. Agama Islam tidak salah tetapi pemimpin-pemimpin Islam tidak terkecuali dari kesalahan dan dorongan nafsu. Jika tafsiran yang dibuat oleh pemimpin Islam semuanya sama, maka perpecahan tidak akan berlaku. Dan lagi dalam keadaan semua tafsiran adalah sama, penganut yang kurang arif dalam agama tidak perlu membuat pilihan antara tafsiran dan antara pemimpin. Tetapi oleh kerana mereka-mereka yang alim tidak secocok maka yang tidak mengkhusus dalam agama terpaksa membuat pilihan berasas kepada pengetahuan yang cetek. Demikianlah dilemma yang dihadapi oleh orang Melayu (yang semuanya Islam) di negara Malaysia. Demikianlah kekeliruan yang terdapat dalam tafsiran "rohaniah" di kalangan orang Melayu sekarang apabila mereka mencari panduan dari pemimpin-pemimpin mereka. Dalam demokrasi yang mahu tiap-tiap orang membuat pilihannya sendiri, konflik antara hakikat, lojik dan kepercayaan amat membingungkan. Hasil dari

kebingungan ini ialah pemilihan yang bukan sahaja tidak bijak tetapi merbahaya kepada diri dan kepada masyarakat.

Betapa materialisme tidak dapat memberi manusia kebahagiaan telah dibincangkan dalam rencana bertajuk "Materialisme dan Kerohanian." Apakah masyarakat yang berpegang kepada nilai-nilai kerohanian dapat mencapai kebahagiaan di zaman moden ini?

Di zaman purba oleh kerana sesuatu masyarakat manusia boleh mengasingkan diri dalam satu kawasan dan memutuskan perhubungan samasekali dengan masyarakat lain dan dunia luar, amalan falsafah kerohanian mudah memberi kebahagiaan kepada masyarakat itu. Tetapi di zaman moden tidak ada masyarakat yang dapat memutuskan perhubungan dengan dunia luar. Sama ada disukai atau tidak, pencerobohan dunia luar ke atas satu-satu masyarakat tidak boleh dielak atau disekat.

Semakin mudah perhubungan antara sesuatu kumpulan manusia dengan kumpulan-kumpulan yang lain, semakin sukar bagi kumpulan itu mengelak dari pencerobohan. Oleh sebab bukan semua masyarakat mengamalkan nilai-nilai rohaniah maka masyarakat yang menghargai kerohanian terpaksa menghadapi pengaruh materialis. Kesannya ialah nilai-nilai dan falsafah kerohanian akan tercemar dengan tamak kepada kebendaan yang menjadi asas falsafah masyarakat materialis moden.

Di sini patut ditegaskan bahawa "keduniaan" tidak semestinya bermakna materialisme. Manusia tidak dapat mengelak daripada mempunyai harta. Pengemis pun memiliki harta, walaupun ia mempunyai sehelai kain di pinggang. Ia mesti hargai dan sayang kepada hartanya ini. Tetapi ini tidak bermakna dia tamak kepada kebendaan ataupun dianya materialistik.

Pengemis pun akan cuba menambah hartanya. Begitu juga seorang yang sudah pun ada harta akan cuba menambah lagi harta itu. Percubaan untuk menambah kekayaan belum menjadikan seseorang itu orang yang materialistik.

Tetapi pengemis atau jutawan menjadi seorang materialis apabila ianya sanggup membuat apa sahaja untuk menambah harta dan kekayaan dan kehidupannya dikuasai oleh fikiran dan usaha merebut kekayaan semata-mata. Orang seperti ini tidak akan memulangkan balik kepada masyarakat sebahagian daripada kekayaannya, sama ada secara sukarela atau tidak, untuk menolong golongan yang tidak bernasib baik. Mereka akan cuba

mengelak daripada sebarang tanggungjawab terhadap masyarakat kerana tamak.

Apa yang jelas daripada keterangan ini ialah memiliki harta atau mencari kekayaan tidak menjadikan seseorang itu materialis jika dianya tidak tertaksub dengan kekayaan sehingga lupa dan tidak mempunyai perasaan bertanggungjawab kepada masyarakat di sekelilingnya. Dengan perkataan lain ia tidak mempunyai perasaan "kemanusiaan". Fahaman ini penting kerana adalah mudah bagi masyarakat dikelirukan dengan anggapan dan tafsiran bahawa kemiskinan bermakna kukuh kerohanian dan kekayaan di dunia adalah sama dengan materialisme.

Dari sejarah Islam kita tahu bahawa miskin dan kaya tidak ada pertalian yang tetap dengan kerohanian dan kebendaan. Sudah tentu miskin dan kaya tidak menentukan aqidah dan iman. Pemimpin-pemimpin Islam ramai yang kaya tetapi pegangan mereka kepada ajaran Islam yang mengutamakan nilai-nilai rohaniah tidak dapat dinafikan. Saidina Usman, umpamanya adalah orang yang kaya. Begitu juga Siti Khadijah yang menjadi isteri yang pertama kepada Nabi Muhammad s.a.w. adalah seorang peniaga yang kaya. Walaupun mereka hartawan mereka tidak tertaksub dengan materialisme. Sebaliknya kekayaan mereka dan lain-lain para sahabat dan pemimpin-pemimpin Islam di zaman Khulafur Rashidin dan berikutnya jelas menolong mengembangkan Islam ke seluruh dunia. Jika orang Melayu hari ini menjadi penganut agama Islam,sedikit sebanyak ianya ialah hasil dari kekayaan saudagar-saudagar Arab dan India yang belayar begitu jauh dalam urusan perniagaan mereka, urusan yang ada kaitan secara langsung dengan mencari kekayaan harta-benda.

اَلَمْ يَجِدْكَ يَتِيْمًا فَاٰوٰى. وَوَجَدَكَ ضَآلًّا فَهَدٰى. وَوَجَدَكَ عَآئِلًا فَاَغْنٰى.

– سورة الضحى، الآية: ٦-٨

Bukankah Tuhan telah menjumpai engkau seorang yang yatim piatu, lalu dilindungi-Nya. Dan dijumpai-Nya engkau seorang yang miskin, lalu diberi-Nya kekayaan.

(adh. Dhuha: 6-8)

Islam tidak pernah menuntut supaya kekayaan dunia digugurkan. Di antara "dunia" dengan "akhirat" mesti ada imbangan. Sebab itu orang Islam didesak bekerja seolah-olah akan hidup selama-lamanya tetapi beramal ibadat seolah-olah akan mati keesokan harinya.

اِعْمَلْ لِدُنْيَاكَ كَاَنَّكَ تَعِيْشُ اَبَدًا

وَاعْمَلْ لِاٰخِرَتِكَ كَاَنَّكَ تَمُوْتُ غَدًا

- الحديث.

Ertinya:

Bekerjalah untuk duniamu seakan-akan kamu akan hidup selama-lamanya, dan beramallah untuk akhiratmu seakan-akan kamu akan mati besoknya. (Al Hadis)

Firman Tuhan yang berikut juga memberi penghargaan kepada urusan keduniaan.

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلٰوةُ فَانْتَشِرُوْا فِى
الْاَرْضِ وَابْتَغُوْا مِنْ فَضْلِ اللّٰهِ
وَاذْكُرُوا اللّٰهَ كَثِيْرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ.

- سورة الجمعة: ١٠

Apabila telah ditunaikan sembahyang maka bertaburanlah kamu di muka bumi; dan carilah kurnia Allah dan ingatlah Allah banyak-banyak supaya kamu beruntung.

(Surah Al - Jumu'ah Ayat: 10)

Pandangan Islam terhadap dunia tidak pernah melampau seperti dalam agama-agama lain. Sistem monastery dan nunnery; tegahan beristeri, dan betapa di atas gunung tidak dituntut oleh Islam. Sebaliknya amalan rejection of worldliness banyak terdapat dalam agama Kristian umpamanya. Padri dalam mazhab Roman Katholik tidak boleh beristeri. Terdapat pula berbagai Religious orders dalam agama lain yang mana ahlinya mengasingkan diri daripada masyarakat luar, menolak "keduniaan" sepanjang hayat mereka dan mereka semata-mata membuat "ibadat". Sungguhpun pada masa-masa yang lewat ini ahli-ahli Religious Orders agama-agama bukan Islam tidak lagi begitu rigid sikap mereka, tetapi konsep menolak "dunia" masih ada di kalangan orang Kristian Katholik. Bagi mereka menolak dunia (yang dijadikan oleh Tuhan) merupakan satu ibadat yang memberi merit (pahala) kepada mereka.

Dalam Islam tidak ada golongan orang "bertapa" dan Religious Orders yang menolak dunia. Sebabnya ialah penolakan dunia dengan kekayaannya tidak semestinya bermakna pegangan kepada nilai-nilai rohaniah tetap tercapai, ataupun menjadi lebih tinggi lagi. Sungguhpun tinjauan dibuat oleh ahli-ahli Sufi untuk mencapai nilai rohaniah yang tinggi, Sufisme tidak menjadi satu Religious Order yang menolak semua "keduniaan".

Tidak ada tempat dalam Islam bagi pendapat dan amalan yang terlampau. Ini ternyata dari firman Tuhan dalam Surah Al-Baqarah ayat 190.

وَقٰتِلُوْا فِيْ سَبِيْلِ اللّٰهِ الَّذِيْنَ يُقٰتِلُوْنَكُمْ وَلَا
تَعْتَدُوْا اِنَّ اللّٰهَ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِيْنَ.

- سورة البقرة، الآية: ١٩٠

Dan perangilah di jalan Allah orang-orang yang memerangi kamu, (tetapi) janganlah kamu melampaui batas, kerana sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas.

Dan firman Tuhan dalam Surah Al-Maida - 90

يَاأَيُّهَا الَّذِيْنَ اٰمَنُوْا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ
وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوْهُ
لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُوْنَ. - سورة المائدة، الآية: ٩٠

Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya (meminum khamar, berjudi (berkorban untuk) berhala, mengundi nasib dengan panah adalah perbuatan keji termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu dapat keberuntungan.

Apa yang dituntut oleh Islam bukan penolakan dunia tetapi kesedaran dan kemanusiaan. Amalan sembahyang mengingatkan sekalian orang Islam bahawa walaupun kaya, atau berkuasa, atau pandai, masih ada kuasa yang lebih besar, lebih tinggi dan lebih kaya daripada mereka. Sembahyang juga mengingatkan bahawa sebenarnya kaya atau miskin, raja atau rakyat, pemimpin atau penganut adalah sama. Dengan ini perasaan sombong dan bongkak yang mudah menguasai jiwa orang yang terlalu pandai atau terlalu berkuasa atau terlalu kaya dihindarkan. Masyarakat menjadi lebih adil dan tenteram dan bahagia kerana tidak terdapat perasaan sombong dan bongkak yang membawa kepada salah faham dan kebencian antara satu sama lain dalam masyarakat manusia.

Puasa yang diwajibkan kepada seluruh orang Islam menyedarkan mereka tentang keazaban orang yang diserang oleh kelaparan (iaitu orang miskin). Di dalam bulan puasa bukan sahaja seorang Islam merasai tekanan kelaparan tetapi ianya dikehendaki menyingkirkan fikiran, niat dan perbuatan-perbuatan yang tidak

baik yang dilarang oleh agama dan masyarakat. Ini adalah suatu latihan jiwa yang kuat dan berkesan. Dalam keadaan haus dan lapar dia dikehendaki mengawal perasaan-perasaan lain yang liar yang boleh merosakkan dirinya dan masyarakat. Sudah tentu latihan ini akan menambah keupayaan orang Islam menghadapi cabaran hidup dengan jayanya dan menjadikan masyarakat mereka lebih tertib dan aman. Di samping itu penghargaan terhadap makan dan minum "biasa" akan bertambah dan kesyukuran akan mengganti perasaan sombong dan angkuh yang menguasai orang mewah yang tidak tahu penderitaan.

Ibadat zakat pula menolong mengurangkan perbezaan golongan-golongan dalam masyarakat supaya ketenangan dan permusuhan tidak berlaku. Zakat membentuk dan menyuburkan perasaan tanggungjawab dan timbangrasa di kalangan orang Islam, yang akan mengurangkan hasad dengki yang biasanya membawa kecelakaan dalam masyarakat.

Akhirnya fardu Haji menggolongkan semua latihan-latihan ini supaya lebih berkesan dan menyedarkan tentang persaudaraan umat Islam yang tidak membezakan kulit dan bangsa atau kelas ataupun lain-lain perbezaan yang wujud di kalangan manusia.

Apa yang jelas daripada ibadah yang diwajibkan dalam Islam ialah amalannya akan menyedarkan tiap-tiap orang Islam tentang sikap dan tanggungjawab kepada masyarakat dan kepada Tuhan. Sikap dan tanggungjawab ini cuma berkesan jika seseorang itu memainkan peranannya yang penuh dalam masyarakat. Jika ia menarik diri daripada masyarakat, bertapa dan beribadat seorang diri maka sudah tentu ianya tidak boleh memainkan peranan apa-apa. Dengan perkataan lain seorang Islam tidak dituntut supaya menolak terus semua yang berunsur keduniaan dan mengasingkan diri daripada masyarakat. Apa yang dikehendaki ialah supaya keduniaan tidak membolot semua fikiran dan masanya sehingga sikapnya kepada orang lain tidak bertimbangrasa, tidak bertanggungjawab dan tidak berperikemanusiaan.

Ibadat dalam Islam berbeza daripada ibadat dalam agama lain. Ibadat riadah dalam agama lain diamalkan kerana dikatakan memberi kebahagiaan kepada pengamal itu sendiri yang akan menjadi orang yang salleh dan lebih diredai oleh Tuhan. Oleh sebab itu maka wujudlah golongan-golongan yang cuba beribadat sepanjang masa dan menolak dunia dengan tujuan meningkat ke

taraf keagamaan yang tinggi yang mungkin mendapat anugerah saint.

Orang yang menolak dunia menolak juga masyarakat. Ibadat ialah untuk dirinya sendiri sahaja. Jika semua orang berbuat demikian maka keadaan masyarakat akan menjadi buruk dan masyarakat mungkin lenyap terus. Umpamanya jika sekalian orang lelaki dalam satu masyarakat menjadi monks dan tidak berkahwin, dan semua orang perempuan pula menjadi nuns, sungguhpun semua mungkin menjadi orang yang salleh, masyarakat itu sendiri akan lenyap. Dengan lenyapnya masyarakat maka agama juga akan lenyap, kerana agama tanpa penganut yang hidup tidak ada makna samasekali. Agama kekal bila penganutnya kekal.

Pengekalan kumpulan-kumpulan orang yang "salleh" ini bergantung kepada orang yang tidak "salleh", yang tidak menolak keduniaan. Tanpa usaha dan kerja "keduniaan" yang diusahakan oleh orang "biasa" kumpulan-kumpulan atau seseorang yang cuba mendapat kebahagiaan bagi diri sendiri sahaja tidak mungkin berjaya dalam usaha mereka. Ini sekali lagi menunjukkan betapa pentingnya "keduniaan" walaupun bagi orang yang menolaknya.

Jika keduniaan adalah perlu dan penting bagi beribadat dan pegangan kepada nilai-nilai rohaniah, sejauh manakah keduniaan patut dituntut? Tidakkah mencukupi jika kekayaan dunia dituntut cuma setakat membolehkan seseorang membuat ibadat? Apakah gunanya kekayaan yang berlebihan jika kekayaan ini tidak boleh menolong menambah ibadat seseorang?

Jika kekayaan ditinjau semata-mata dari segi seorang yang kaya, kekayaan yang berlebihan tentulah tidak berguna kepada dirinya sendiri jika ia benar berpegang kepada nilai-nilai rohaniah. Tetapi dari segi masyarakat, kekayaan berlebihan seseorang boleh mendatangkan faedah. Jika cukai yang tinggi dikenakan ke atas perolehannya semasa ia hidup dan terhadap harta pusakanya apabila ia mati, kekayaannya dapat menyempurnakan kehidupan orang lain yang tidak kaya dalam masyarakat. Tanpa orang yang kaya, cukai untuk membiayai pentadbiran masyarakat akan dibebankan ke atas orang yang miskin. Beban seperti ini tentu tidak akan menjadikan masyarakat itu lebih bahagia.

Sebab itu dalam Islam sudah pun ditentukan peranan orang yang kaya dalam pengeluaran zakat. Zakat tidak akan mempunyai makna jika tidak ada orang yang kaya dalam masyarakat

Islam. Tujuan zakat dan fitrah ialah supaya sebahagian daripada kekayaan yang dikumpulkan oleh seseorang dapat menolong mereka yang kurang bernasib baik. Pembahagian harta-pesaka pula ditentukan supaya kekayaan tidak dapat dikekalkan bagi satu keturunan sahaja. Pembahagian harta mengikut hukum Islam meresapkan kekayaan itu dan secara langsung dan tidak langsung menolong mengatasi tanggungjawab masyarakat terhadap ahli-ahlinya. Sedikit sebanyak perbezaan antara miskin dan kaya dikurangkan setelah harta pusaka difaraidkan.

Peranan kekayaan seseorang atau sesuatu golongan dalam mana-mana masyarakat tidak terhad kepada menolong pembangunan masyarakat itu dan membantu mengatasi masalah kemiskinan. Kekayaan juga adalah satu jenis kuasa yang cukup berkesan. Melalui saluran ekonomi dan politik, secara haram atau halal, kekayaan boleh membentuk fikiran dan sikap masyarakat. Pemerintah juga tidak terkecuali daripada pengaruh kekayaan.

Sebenarnya ideologi politik dari Barat berasas, secara langsung atau tidak langsung, kepada kekayaan. Sistem kapitalisme bebas adalah sistem yang terbentuk kerana kekayaan berjaya menakluk seluruh fikiran masyarakat. Sebaliknya sistem sosialis dan komunis adalah disebabkan oleh reaksi dan irihati terhadap kekayaan yang dibolot oleh segelintir manusia. Ini bermakna perbezaan tidak timbul antara ketiga-tiga sistem atau ideologi jika dipandang dari segi asas - ketiga-tiganya berasas kepada tamak kebendaan.

Memandang kepada peranan yang dimainkan oleh kekayaan kebendaan dalam pembentukan keperibadian masyarakat, masalah siapa atau golongan mana yang kaya dalam satu-satu masyarakat menjadi soal yang penting. Jika golongan yang bertuhankan kebendaan, iaitu berpandu semata-mata kepada nilai-nilai materialis, membolot kekayaan, lambat laun masyarakat itu akan menjadi kapitalis, sosialis atau komunis. Apabila masyarakat berubah menjadi kapitalis, sosialis atau komunis, golongan yang tidak berpandu kepada materialisme, iaitu golongan yang berpegang kepada nilai-nilai rohaniah, terpaksa turut menjadi kapitalis, sosialis atau komunis.

Perubahan ini dapat dilihat di beberapa negeri Arab yang sudah menolak agama Islam. Kekayaan yang telah dibolotkan oleh golongan materialis telah menimbul irihati di kalangan golongan yang miskin. Dengan hasutan daripada luar, ideologi sosialis dan

komunis telah diterima. Oleh kerana ideologi ini berasas materialisme, maka Islam dan kerohanian telah disingkir. Hari ini di beberapa buah negara yang dahulunya negara Islam, agama dan kerohanian tidak ada tempat lagi. Seluruh anggota masyarakat menumpukan perhatian kepada "keadilan" dalam pembahagian harta semata-mata.

Jika kekayaan golongan yang bertuhankan kebendaan membawa kepada kecelakaan masyarakat, apakah kekayaan golongan yang berpegang kepada nilai-nilai rohaniah tidak akan memberi kesan yang sama? Tidakkah kekayaan akan mengubah sikap dan falsafah hidup golongan ini juga?

Kita tidak dapat mempastikan bahawa pegangan rohaniah tidak akan terlucut kerana pengaruh kekayaan terhadap perasaan tamak manusia yang semula jadi. Tetapi jika latihan rohaniah kukuh dan masyarakat dikuasai oleh nilai-nilai kerohanian, kemungkinan perasaan tamak menguasai jiwa tidaklah begitu sangat. Semakin kuat latihan rohaniah, semakin kurang kemungkinan pengaruh kebendaan menyingkir kerohanian.

Walau bagaimanapun pemilihan bagi golongan yang berpegang kepada kerohanian bukanlah antara menolak atau menerima keduniaan dengan kekayaannya. Dunia dengan kekayaannya dan seribu kegiatan masyarakat akan berada walau apa pun falsafah hidup/mati yang menguasai fikiran manusia. Pemilihan bagi golongan rohaniah sebenarnya ialah antara membiarkan golongan yang tamak kepada kebendaan, iaitu golongan materialis, memiliki semua kekayaan dunia dan kuasa yang datang daripadanya, atau mereka sendiri memiliki kekayaan itu. Jika golongan materialis memiliki kekayaan, kehancuran golongan rohaniah tidak dapat dielakkan. Sebaliknya jika golongan rohaniah memiliki kekayaan, masih ada harapan bahawa bencana kehancuran akhlak dapat dielak atau disingkirkan.

Pemilihan ini tidak dapat dielakkan kerana tidak ada masyarakat moden yang dipenuhi dengan cuma satu jenis manusia sahaja. Semua masyarakat mempunyai golongan yang tertaksub dengan kebendaan dan golongan yang berpegang kepada kerohanian. Pertandingan antara dua golongan ini terpaksa berlaku dan golongan materialis tetap akan cuba menindas golongan lain. Pemilihan ini menjadi lebih penting kerana pengaruh dunia luar di atas mana-mana kumpulan manusia juga tidak dapat dielak di zaman moden ini. Dan dunia luar tidak mungkin dikuasai oleh

mana-mana masyarakat yang ingin meneruskan pegangan kepada nilai-nilai rohaniah. Sebaliknya kenyataan ialah apa yang dikenal sebagai "dunia luar" oleh orang Islam, tidak lagi mempunyai pengaruh agama dan tertaksub dengan kebendaan semata-mata.

Tanah suci di Mekah sekalipun terpaksa merasai kesan pemikiran, tindak-tanduk dan kegelisahan dunia di luar daripada tanah suci itu. Tidak siapa dapat menafikan bahawa communication explosion umpamanya telah mengubah keadaan di Mekah dan sekitarnya. Bilangan jemaah haji meningkat sehingga masalah seperti penempatan mereka dan kesempurnaan mereka di waktu menunaikan fardu haji memerlukan berbagai tindakan dan kemudahan baru untuk menentukan supaya ibadat haji tidak terganggu atau terancam. Tekanan inflasi dunia dirasai di Mekah sama seperti di tempat lain, dan akibatnya terhadap menunai fardu haji amatlah jelas.

Jika Tanah Haram di Mekah terpaksa menghadapi tekanan apa yang dikatakan "keduniaan" apatah lagi lain-lain tempat di mana terdapat manusia yang berpegang kepada nilai-nilai rohaniah. Keadaan di Asia Barat adalah contoh yang jelas. Orang-orang Arab seramai 70 juta, yang kebanyakannya Islam, tidak mempunyai kekayaan (harta dan kebolehan) dan tidak dapat mempertahankan diri mereka tanpa pertolongan daripada orang Komunis dan kapitalis. Sekarang kekayaan (hasil dari pengeluaran minyak) sudah ada tetapi kebolehan dan kecekapan keduniaan (kerana tidak menuntut ilmu "dunia" secukupnya) masih tidak ada. Serangan daripada dua juta orang Israel masih mengancam dunia Arab dan mereka masih bergantung kepada orang Amerika (kapitalis) atau orang Russia (komunis) untuk mempertahankan diri.

Dalam keadaan terancam ini persaudaraan Islam juga menjadi lemah. Untuk menyelamatkan diri sendiri saudara yang tertindas dilupakan. Secara langsung atau tidak langsung tekanan masalah dunia menyebabkan pegangan rohaniah merosot. Besar kemungkinan jika tekanan keduniaan berlanjutan dan menjadi lebih buruk, pegangan kepada agama juga akan menjadi lemah. Sekali lagi patut diingat bahawa di beberapa negara Arab, Islam sudah hilang penganutnya dan Islam tidak lagi menjadi agama bagi majoriti penduduk dan agama rasmi negara.

Sebaliknya jika golongan yang tegas berpegang kepada nilai-nilai rohaniah Islam adalah kaya, berkebolehan dan cekap dalam

semua ilmu "keduniaan" (bukan kebendaan), dengan nikmat yang diberi Tuhan kepada negara-negara Arab, bukan sahaja mereka akan terpelihara daripada ancaman Israel tetapi mungkin Israel tidak wujud sama sekali. Adalah satu perkara yang ganjil dan aib apabila 70 juta manusia yang kaya tidak dapat mempertahankan diri dari 2 juta manusia yang tidak mempunyai sumber kekayaan.

Semua ini adalah kenyataan. Mungkin ada orang-orang yang akan berkata bahawa ada sesuatu khasiat/hikmat daripada apa yang berlaku di Asia Barat sekarang. Kita tidak perlu khuatir dan tidak perlu menjadikan peristiwa-peristiwa ini sebagai satu pelajaran! Kita tidak perlu mengubah sikap dan usaha supaya apa yang terjadi di Asia Barat tidak menimpa ke atas semua penganut Islam yang menjunjung tinggi nilai-nilai rohaniah! Mereka mungkin berkata walaupun kekayaan dan kekuatan Barat jauh melebihi negara-negara Islam, tetapi negara-negara Islam masih kekal dan Agama Islam masih kukuh di hati umatnya.

Sekali lagi kenyataan adalah bertentangan dengan pendapat ini. Beberapa negara Islam di Asia Tengah telah jatuh ke tangan komunis dan sekarang generasi muda di negara-negara ini sudah tidak lagi beragama Islam dan sudah tentu tidak berpegang kepada nilai-nilai rohaniah. Sebagai komunis mereka percaya kebahagiaan manusia datang daripada dictatorship of the proletariat dan pembahagian harta sama rata. Agama adalah khayalan bagi mereka ini. Oleh itu mereka merobohkan masjid-masjid atau menjadikan masjid sebagai muzium tempat pameran kebudayaan dan tamaddun yang telah luput.

Di beberapa negara Arab juga sosialisme dan komunisme telah menyingkirkan Islam dan nilai-nilai rohaniah. Masjid dan madrassah sudah dikurangkan dan nama Allah tidak disebut lagi. Keturunan orang-orang yang dahulunya menyebarkan ajaran Islam ke seluruh dunia, sekarang bukan sahaja tidak berbuat demikian tetapi tidak lagi berpegang kepada ajaran Islam. Sebaliknya mereka bergiat mengembangkan ideologi yang bertentangan terus dengan agama Islam.

Semua ini berlaku kerana apa yang diperkatakan oleh "pemimpin" Islam didapati bertentangan dengan kenyataan. Oleh kerana dalam zaman moden ini umat Islam tidak dapat tidak akan terdedah kepada kemajuan dan kekayaan material golongan lain, dakwaan sahaja bahawa Islam dan kerohanian memberi kebaha-

giaan tidak mudah diterima oleh orang Islam yang kurang kukuh semangat (iman). Dakwaan mestilah dibantu oleh kenyataan bahawa pegangan kepada nilai-nilai rohaniah boleh mempertahankan golongan rohaniah dari golongan materialis dan memberi kebahagiaan kepada mereka.

Hakikat yang tidak dapat dinafikan sekarang ialah orang-orang Islam sendiri terpaksa tunduk kepada golongan materialis, terpaksa mengemis dan berlindung di belakang mereka. Berhadapan dengan hakikat ini, dakwaan bahawa kerohanian membawa kebahagiaan sukar diterima. Orang-orang pelarian Palestin yang diserang, dikejar, dipindah dan dibunuh oleh orang Yahudi dan orang Islam sukar menerima kebahagiaan nilai rohaniah. Yang mereka tahu ialah penindasan golongan yang berpegang kepada materialisme dan keengganan dan kelemahan mereka yang mendakwa kebahagiaan rohaniah memberi pertolongan yang berkesan.

Desakan supaya nilai-nilai rohaniah dikekalkan dan materialisme ditolak atau dihapus sering disuarakan di waktu ini. Nilai-nilai rohaniah memang diakui baik oleh semua pihak. Tetapi pengetahuan tentang tafsiran dan peranan rohaniah dan kebendaan masih kabur. Juga fahaman tentang apakah sebenarnya cabaran yang dihadapi oleh kerohanian di zaman ini. Dalam keadaan samar-samar ini, tindakan dan sikap yang berkesan tidak mudah ditentukan.

Oleh itu kita dapati berbagai jenis sikap dan tindakan oleh berbagai golongan untuk mempertahan dan menegak kerohanian. Ada yang menjadikan pakaian dan warna, televisyen dan kereta dan lain-lain kemudahan moden sebagai simbol kebendaan (keduniaan) dan memerangi habis-habisan simbol rekaan ini. Ada yang cuba mengasingkan diri dan mengecam orang lain yang tidak menyertai "perjuangan" mereka. Dan ada yang sanggup membunuh dan menyiksa orang Islam lain (pembunuhan Menteri Wakaf Mesir) kerana kononnya mereka berjuang untuk menegak Islam dan nilai-nilai moral yang tulen.

Manusia, sebagai makhluk yang berakal, tentu akan binasa jika perasaan dan nafsu menentukan tindak-tanduknya. Manusia sebagai makhluk yang berakal, perlu kaji dan selidik dengan tenteram masalah-masalah yang dihadapinya.

Cabaran yang dihadapi oleh nilai-nilai rohaniah di zaman moden ini memang nyata. Cabaran ini memang boleh dihadapi.

Sejarah menunjuk bagaimana di zaman Jahiliah nafsu begitu kuat menguasai tabiat masyarakat. Sejarah juga menunjuk bagaimana Islam, dalam jangkamasa 23 tahun dapat membendung nafsu dan membawa masyarakat Jahiliah ke jalan yang benar. Sejarah juga menunjuk bagaimana dalam abad-abad yang berikut Islam terus berkembang dan memusnahkan nilai-nilai yang buruk dihampir dua pertiga dari dunia yang diketahui pada zaman itu.

Jika di zaman ini kerohanian sekali lagi tercabar, pertahanan dan penegakkannya perlu diasaskan kepada analisa dan tindakan yang waras. Peperangan simbolik tidak bermakna dan tidak akan memberi kejayaan. Begitu juga usaha mengasingkan diri dan memecahbelahkan orang-orang yang beragama Islam yang sudah meminati nilai-nilai rohaniah.

Musuh kepada nilai-nilai rohaniah bukan sahaja terdiri dari golongan materialis. Musuh yang lebih berkesan ialah nafsu dan pengetahuan yang cetek di kalangan orang yang meminati rohaniah terhadap apa sebenarnya yang mencabar dan melemahkan kerohanian. Rohaniah bukan sahaja dicabar oleh nilai-nilai kebendaan. Rohaniah juga dicabar oleh kecetekan pengetahuan dan keangkuhan mereka yang berpegang kepada nilai rohaniah sendiri. Selagi kebenaran ini tidak diakui selama itulah usaha mempertahankan nilai-nilai rohaniah sukar mencapai kejayaan.

PRESSURE GROUP DALAM DEMOKRASI

Tiap-tiap sistem pemerintahan ada kumpulan-kumpulan tertentu cuba menjayakan pendapat mereka melalui Kerajaan yang berkuasa. Kumpulan-kumpulan ini dikenal sebagai pressure group kerana mereka cuba memajukan pendapat mereka ke atas Kerajaan dengan berbagai cara, sama ada teratur atau tidak teratur. Kebanyakan daripada pressure group ini tidak bahaya dan mungkin berfaedah. Tetapi kerapkali terdapat pressure group yang boleh membawa kepada kerosakan bagi Kerajaan atau negara.

Pressure group seperti ini banyak sekali terdapat dalam sistem demokrasi dan oleh kerana kerapkali mereka bergiat di tempat rehat di dewan-dewan undangan, kerja mereka dikenal sebagai lobbying (lobby - tempat rehat dewan). Bolehlah dikatakan bahawa lobbying adalah sebahagian daripada kegiatan sistem demokrasi.

Tetapi di waktu yang lewat ini ada pressure group yang tidak puashati dengan lobbying sebagai cara mereka bertindak. Mereka mahu supaya pendapat mereka diterima oleh wakil-wakil rakyat dan Kerajaan sama ada wakil-wakil itu atau Kerajaan bersetuju atau tidak dengan pendapat mereka.

Demokrasi berpandu kepada pendapat dan persetujuan majoriti. Pressure group adalah kumpulan menoriti. Nyatalah pressure group tidak effective di luar lobby dewan melainkan mereka menggunakan senjata yang tidak demokratik.

Baru-baru ini senjata yang dianggap effective ialah demonstrasi atau tunjuk perasaan. Pada mulanya demonstrasi adalah cara yang aman. Dengan kebenaran pihak yang berkuasa perarakan dibuat dengan sepanduk-sepanduk dan teriakan peserta tentang sesuatu. Di Jepun penuntut mengadakan snake-dance iaitu berderet empat-lima baris dan menari seperti ular berjalan.

Kadang-kadang Kerajaan sendiri menggunakan demonstrasi untuk membuktikan sokongan ramai terhadap polisinya. Sukarno sering mengadakan demonstrasi menyokong polisi konfrantasinya. Kadang-kadang demonstrasi Sukarno meluap sehingga me-

libatkan kebakaran kedutaan-kedutaan asing di Jakarta.

Di Amerika Syarikat demonstrasi menjadi alat untuk penuntut-penuntut dan pemuda-pemuda menjauhkan diri dari menjadi mangsa Perang Vietnam. Amerika Syarikat biasanya menang perang dalam jangka masa yang pendek. Tetapi selepas beberapa tahun terlibat di Vietnam maka nyatalah bahawa kemenangan tidak boleh dicapai dan kematian, kecederaan dan tawanan terhadap anak muda Amerika akan sia-sia sahaja.

Pemuda-pemuda Amerika tidak dapat berterus-terang tentang kebaculan mereka menghadapi perang. Dalam demonstrasi mereka, mereka cuba mengutarakan kononnya perasaan kesian-belas mereka terhadap orang Vietnam yang dianiaya oleh kuasa perang Amerika. Puncak kepada tunjuk perasaan mereka ialah membakar "draft-card" supaya mereka tidak payah mendaftar diri sebagai askar lagi. Inilah tujuan mereka yang sebenar. Akhirnya perjuangan mereka berjaya memaksakan Amerika Syarikat mengurangkan peranannya dalam perang di Vietnam sehinggalah kalah Vietnam Selatan.

Orang-orang di Vietnam masih menderita kerana perang tetapi pemuda Amerika tidak lagi ada interest. Mereka sudah mencapai matlamat mereka dan sekarang ini mereka giat belajar untuk menentukan masa depan yang baik bagi diri mereka dan negara mereka. Nyatalah sekarang bahawa bukan perasaan kesian-belas yang mendorong tunjuk perasaan mereka dulu, tetapi sebenarnya kepentingan diri.

Tetapi sungguhpun di Amerika Syarikat student power tidak lagi digunakan, penuntut sebagai pressure group sudah diterima sebagai satu "kenyataan" dan ditiru dan diamalkan oleh penuntut di lain-lain negeri. Di Perancis dan lain-lain negeri di Eropah penuntut tidak berhenti-henti memainkan peranan sebagai pressure group. Tetapi matlamat mereka biasanya terhad dan tidak termasuk rebutan kuasa politik secara terus-menerus atau menggulingkan Kerajaan semasa.

Di Timur kesan pressure group nampaknya terbukti apabila Sukarno jatuh di Indonesia dan Thanom Kittikachorn jatuh di Thailand. Kejayaan penuntut Indonesia dan Thailand ini menggalakkan penggunaan pressure group dengan demonstrasinya sebagai alat politik penuntut.

Dalam satu negara yang pemerintah sudah menjadi korap dan begitu buruk sehingga membinasakan rakyat dan negara, cara

demonstrasi mungkin ada tempatnya. Tetapi tinjauan yang waras akan menunjukkan bahawa walaupun Kerajaan dapat ditukar melalui demonstrasi, korapsi dan Kerajaan yang tidak cekap tidak dapat dimusnahkan dengan begitu mudah.

Sebaliknya dalam negara yang keadaannya jauh daripada menjadi buruk dan korap, penggunaan demonstrasi sebagai alat pressure group cuma akan membawa kepada keadaan yang lebih buruk. Sama ada demonstrasi itu dibenarkan oleh undang-undang atau tidak, kesannya adalah sama, iaitu memusnahkan pentadbiran melalui undang-undang dan mewujudkan anarchy.

Ini boleh dibuktikan kalau sejarah tunjuk perasaan penuntut di Malaysia dikaji dari mula dan diturut sehingga ke logical coursenya yang akhir. Bermula dari forum dan dialog dengan pensyarah jemputan dikecam oleh penuntut yang hadir, tunjuk perasaan telah melarat kepada sudut pidato untuk membakar hati, membakar patung, sepanduk yang mencela tokoh-tokoh tertentu, perarakan, rapat umum dalam kampus, rapat umum luar kampus, menentang polis, mengguna kekerasan dan mengganggu keamanan.

Alasan untuk mengadakan tunjuk perasaan tidak menjadi masalah. Ia dapat dicetuskan dari pemilihan Naib-Canselor, tapak universiti, kegagalan pemimpin penuntut dalam peperiksaan, taraf universiti, tangga-gaji apabila masuk kerja kemudian hari dan lain-lain masalah universiti. Selepas itu alasan berubah dan melarat kepada "Kematian kerana kebuluran". Dari kematian kerana "kebuluran" telah melarat kepada jawatan Menteri Besar, Duta, kemiskinan, memilik-negarakan perniagaan, rasuah, dan lain-lain. Apabila Kerajaan bertindak maka sebab tunjuk perasaan berubah kepada tindakan polis, tangkapan pemimpin dan tuduhan yang dibuat terhadap penuntut.

Tunjuk perasaan juga diadakan kerana FRU digunakan. Kalau FRU ditukar kepada polis hutan, juga boleh dijadikan sebab. Kalau polis masuk kampus ini adalah sebab tunjuk perasaan. Kalau polis berada di luar kampus tunjuk perasaan diteruskan juga. Nyatalah apa saja boleh digunakan sebagai alasan mengadakan tunjuk perasaan. Bukan cause atau asas yang penting, tetapi keinginan menonjolkan kuasa yang menyebabkan tunjuk perasaan diadakan.

Apakah tunjuk perasaan tidak akan ada lagi jika Kerajaan tidak begitu tegas? Jawabnya ialah apabila Kerajaan melayan

tuntutan tunjuk perasaan, lain kali tunjuk perasaan menjadi lebih besar. Kerana tuntutan tentang Naib-Canselor dilayan, yang berikut ialah demonstrasi kerana Bangi, demo kerana taraf universiti bagi ITM, demo kerana tangga gaji penuntut yang belum pun lulus, demo "kebuluran", dan demo rambut panjang.

Tidaklah syak bahawa kalau demo "kebuluran" berjaya, penuntut akan mengadakan demo yang lebih besar. Penglibatan orang kampung di Kuala Lumpur dan Kedah telah menunjukkan betapa sukar bagi polis mengawal tunjuk perasaan itu. Dalam tunjuk perasaan di Kedah, kedai-kedai di gelidah dan senjata digunakan. Bendera negeri dicabul, rumah dan pejabat pegawai diserang dan dapur pegawai pun digelidah.

Penggunaan kanak-kanak sebagai barisan hadapan demo menambah kesukaran bagi polis mengawal keamanan. Kalau kanak-kanak diserang maka perasaan marah akan bertambah. Kalau tidak diserang maka keganasan di belakang kanak-kanak akan bertambah buruk.

Sekali orang ramai berpendapat bahawa melalui tunjuk perasaan mereka boleh melakukan kerja jenayah sambil mendapat layanan dari yang berkenaan, maka kumpulan lain pula akan mengadakan tunjuk perasaan. Pekerja, buruh, nelayan, petani, penganggur, pemohon tanah peserta rancangan, penduduk kampung, penduduk bandar, pengayuh beca, penjaja, persatuan sekerja dan parti politik adalah di antara kumpulan-kumpulan lain yang boleh mengadakan tunjuk perasaan kerana kepentingan masing-masing. Mungkin pula tunjuk perasaan beberapa kumpulan berlaku serentak yang akan melemahkan lagi kebolehan polis untuk mengawal.

Tunjuk perasaan pula tidak akan terhad kepada orang preman sahaja. Di beberapa buah negara polis dan tentera juga mengadakan tunjuk perasaan. Apabila ini berlaku kawalan tidak akan ada sama sekali. Negara yang tidak ada kawalan akan hilang keamanan dan akan wujudlah anarki (anarchy). Dalam anarki keselamatan sesiapapun tidak terjamin. Masing-masing kenalah menjaga keselamatan diri sendiri.

Kita di Malaysia selalu memikirkan bahawa apa yang terjadi di lain negara tidak mungkin jadi di sini. Sepuluh tahun dahulu tunjuk perasaan penuntut seperti yang berlaku baru-baru ini tidak difikirkan sebagai satu kemungkinan. Sepuluh tahun dahulu penghisapan dadah, kebudayaan hippy, penggunaan Islam se-

bagai alat perjuangan komunis dan lain-lain lagi juga difikir tidak mungkin. Tetapi semua ini sudah berlaku dan tidak sesiapapun dapat berkata bahawa keruntuhan pentadbiran secara undang-undang dan wujudnya anarki tidak boleh berlaku di negara ini.

Oleh sebab itu maka kegiatan pressure group dalam negara kita mestilah diawasi oleh Kerajaan dan yang lebih mustahak dan berkesan ialah kewaspadaan rakyat. Jatuh atau naik sesuatu kerajaan adalah perkara yang melibatkan sekumpulan kecil manusia. Tetapi kalau pressure group dibiarkan bertindak sehingga undang-undang dan alat kuasa pemerintah diketepikan dan anarki wujud maka yang akan menganggung beban ialah sekalian rakyat. Daripada anarki tidak ada jalan balik kepada kehidupan teratur dan aman. Rebutan kuasa demi rebutan kuasa akan berlaku. Apabila ini sudah berlaku, agak terlalu lewat untuk mengenang-kan ketenangan lama.

Pressure Group memang ada peranannya tetapi seperti lain-lain senjata ada bahaya dalam penggunaannya.

MEMILIK NEGARA PERUSAHAAN ASING

Satu tindakan yang sering dilakukan oleh negara-negara yang baru merdeka ialah memilik-negarakan perusahaan dan harta orang asing. Ini dibuat kerana ingin membuktikan kemerdekaan dan kebebasan yang telah dicapai adalah benar dan tiada siapa yang boleh menghalang negara yang baru merdeka itu. Mungkin juga ini dilakukan kerana benar-benar ingin membebaskan ekonomi daripada dikongkong oleh orang lain. Pada pendapat umum keuntungan dari perusahaan asing akan didapati terus oleh negara apabila perusahaan itu dimilik-negarakan.

Tidaklah dapat dinafikan bahawa langkah ini adalah satu langkah yang popular dan kerajaan yang berbuat demikian dijulang tinggi oleh rakyat yang sedang gembira dengan kemerdekaan yang baru dicapai itu.

Di dalam suasana gembira dengan kemerdekaan dan gembira dengan pengambilan-alih harta dan perusahaan penjajah, soal buruk-baik tindakan memilik-negarakan itu jarang diteliti atau dibincangkan. Siapa-siapa yang menarik perhatian kepada kemungkinan kerugian berlaku tetap dianggap sebagai suara sumbang dan akan dihadapi dengan kecaman yang hebat. Oleh itu jarang-kali ada sesiapa yang berani menentang perbuatan pengambil-alih perniagaan dan perusahaan asing.

Selain daripada sesuainya kemerdekaan dan kedaulatan negara dengan menguasai semua perusahaan asing dalam negara sendiri, konsep memilik-negarakan perusahaan adalah satu konsep sosialis yang diagung-agungkan yang sering dilakukan bukan sahaja di negara-negara yang baru merdeka tetapi juga di negara-negara yang tidak pernah dijajah. Parti Buruh British apabila menjadi Kerajaan telah memilik-negarakan perusahaan keretapi, lombong arang batu dan perusahaan besi waja yang dipunyai oleh Syarikat-syarikat swasta kepunyaan warganegara British sendiri. Perbuatan ini dilakukan kerana ia menjadi satu rukun sosialis ke arah perimbangan pendapatan dan "keadilan".

Sungguhpun di Malaysia yang merdeka pemilik-negaraan tidak menjadi dasar dan hasrat Kerajaan, perkara ini sering di-

sebut dan belum pernah ianya tidak menarik sokongan berbagai kumpulan orangramai. Kebanyakan rakyat berpendapat bahawa dengan mengambil-alih perusahaan asing maka keuntungannya akan terpulang kepada negara. Tidak kurang pula orang-orang yang berpendapat bahawa memilik-negara sesuatu perusahaan bermakna perusahaan itu menjadi hartapunya pekerja perusahaan itu dan mereka akan mendapat kekayaan yang dahulunya diperolehi oleh majikan asing.

Baru-baru ini soal memilik-negarakan perusahaan asing dibangkitkan semula. Ada golongan-golongan yang begitu tertarik dengan perkara ini sehingga mereka sanggup bekerjasama dengan orang-orang yang menjadi front kepada komunis. Mereka menolak dakwaan bahawa tindakan itu boleh merosakkan ekonomi sesebuah negara yang membangun dan kerosakan ini akan membawa suasana politik yang boleh menjayakan perjuangan komunis. Mereka begitu tertaksub dengan angan-angan mendapat kekayaan dari rampasan harta sehingga kegagalan cara ini di lain negara tidak dititik-beratkan. Mereka membutakan mata kerana terpikat dengan cara yang nampaknya begitu mudah. Oleh kerana soal milik-negara adalah satu perkara yang mempunyai berbagai kesan kepada semua rakyat, perkara ini patutlah dikaji dan dianalisa secara terbuka. Rakyat mesti tahu baik-buruknya tindakan ini supaya rakyat dapat menentukan sikap terhadapnya.

Perusahaan perniagaan tidak menjadi perusahaan semata-mata kerana modal atau rancangan. Umpamanya kalau seorang itu ada modal dan membuka kedai runcit di sebuah kampung, keuntungan dari usaha ini belum boleh ditentukan. Ramai orang-orang yang telah membuka kedai runcit boleh menjadi saksi tentang benar atau tidak dakwaan ini. Kemajuan cuma boleh dicapai kalau pekedai itu tahu selok-belok perniagaan kedai runcit dan cekap dalam soal perhitungan, membekal dan menjual. Pendek kata kemajuan sesuatu perniagaan bergantung lebih kepada kepintaran berniaga.

Perniagaan yang lebih kompleks, seperti kilang perusahaan, import-eksport, agensi pengedaran, pasaran luar negeri dan lain-lain memerlu lebih banyak kepintaran, know-how dan peribadi yang sesuai. Tanpa kepintaran dan know-how, perniagaan tidak akan mendatangkan keuntungan. Dalam perdagangan bukan sahaja keuntungan tetapi kerugian juga boleh bertambah dengan

bertambahnya penjualan. Tidak semestinya penjualan bermakna keuntungan.

Contoh yang berlaku di negara lain boleh dikaji untuk membuktikan kebenaran ini. Perusahaan melombong arang batu dan pengeluaran besi waja adalah di antara perusahaan British yang memberi keuntungan lumayan kepada pemegang-pemegang saham syarikat-syarikat ini sebelum Perang Dunia II. Perusahaan-perusahaan ini telah melahirkan ramai jutawan British dan menjadikan Britain sebuah negara industrial yang mewah dan terkenal.

Memandang kepada keuntungan yang didapati oleh pengusaha-pengusaha, Kerajaan Buruh British telah memilik-negarakan perusahaan-perusahaan ini dengan sokongan penuh khasnya dari pekerja-pekerja perusahaan tersebut. Kerajaan dan pekerja percaya bahawa dengan memilik-negarakan perusahaan ini maka keuntungan akan dibolot oleh negara dan digunakan untuk kebajikan pekerja dan rakyat.

Sejarah menunjukkan bahawa dalam sekejap masa sahaja perusahaan-perusahaan ini telah mendapat kerugian yang besar. Tetapi yang lebih aneh lagi ialah pekerja-pekerja yang begitu suka dengan pengambilan-alih oleh Kerajaan tidak pula menganggap Kerajaan sebagai majikan yang baik. Sikap mereka terhadap Kerajaan sebagai majikan adalah lebih buruk daripada sikap mereka terhadap majikan kapitalis.

Tiap-tiap tahun mogok berlaku dan perniagaan tidak pernah memberi keuntungan. Sama ada Kerajaan itu Buruh atau Conservative mogok tetap diadakan. Dan mogok pula diadakan di waktu genting. Umpamanya di musim sejuk pekerja lombong arang batu sering mogok supaya lebih ramai orang yang tidak bersalah terancam dan tuntutan mereka lebih cepat disetujui.

Kalau dahulu kerajaan memperolehi cukai yang banyak daripada keuntungan perusahaan itu, sekarang cukai tidak dapat dipungut samasekali kerana ia rugi. Sebaliknya Kerajaan terpaksa menanggung subsidi untuk perusahaan-perusahaan ini supaya ianya dapat berjalan. Walaupun rugi, kerajaan tidak dapat menamatkan perusahaan-perusahaan ini kerana kesannya adalah lebih buruk. Jika ditamatkan, bukan sahaja arang batu dan besi akan berkurangan dan menghalang perusahaan lain, tetapi pekerja akan menganggur dan menjadi beban juga kepada Kerajaan. Oleh sebab itu kerajaan terpaksa memberi subsidi daripada cukai

yang dipungut daripada perusahaan lain yang belum dimilik-negarakan.

Di Britain bantuan masih boleh diberi oleh kerajaan kepada perusahaan milik-negara kerana masih ada perusahaan swasta yang maju yang membayar cukai. Jika semua perusahaan dimilik-negarakan dan tidak mendapat untung, sudah tentu kerajaan tidak akan mendapat cukai yang mencukupi dan tidak akan ada wang untuk memberi bantuan.

Selain daripada kemungkinan semua perusahaan yang dimilik-negarakan menghadapi kerugian, pemilik-negaraan perusahaan secara menyeluruh dengan sendirinya boleh menyekat kemajuan perniagaan. Umpamanya, jika Kerajaan memilik-negarakan semua perusahaan membuat kemeja, mengikut kehendak ideologi sosialis, harga kemeja yang dikeluarkan akan melambung tinggi kerana tujuan memilik-negarakan perusahaan ialah supaya pekerja mendapat faedah. Walaupun Kerajaan mungkin tidak ingin menaikkan gaji, pekerja akan memaksanya melalu mogok tiap-tiap tahun.

Oleh kerana di negeri yang sosialis sepenuh sepatutnya tidak ada orang yang kaya, kemeja yang dikeluarkan mestilah jenis yang boleh dibeli oleh rakyat taraf pekerja sahaja. Oleh itu harga jualan mestilah murah. Tetapi jikalau kos pengeluarannya tinggi dan harga jualan rendah, keuntungan daripada perusahaan membuat kemeja ini tentulah kurang ataupun tidak ada samasekali. Keuntungan dari perniagaan adalah perlu bukan sahaja untuk memewahkan peniaga. Keuntungan biasanya diguna untuk membayar cukai dan melabur untuk membesarkan perniagaan yang sama atau lain-lain perniagaan. Cukai perlu bagi Kerajaan untuk membiayai pentadbiran dan berbagai urusan lain. Pelaburan dalam pembesaran perniagaan adalah penting kerana demand kepada bahan yang dikeluar tetap meningkat sepanjang masa. Kerajaan sebagai pemilik tidak dapat elak daripada penambahan pengeluaran kerana selain dari demand ada pula masalah peluang kerja yang mesti ditambah. Jika semua perusahaan telah dimilik-negarakan dan semuanya menghadapi masalah yang sama, beban yang diserahkan kepada Kerajaan mungkin tidak dapat dipikul. Antara gaji pekerja yang tinggi, untung yang rendah, keperluan membesar dan menambah perusahaan dan cukai atau pembahagian keuntungan kepada Kerajaan sebagai tuanpunya guna untuk membiayai berbagai kemudahan sosial seperti pelajar-

an, kesihatan, keselamatan, perhubungan dan seribu satu keperluan negara. Kerajaan sudah tentu tidak akan terdaya memelihara dan mentadbir negara.

Untuk mengatasi masalah kekurangan wang untuk pentadbiran, Kerajaan boleh mengenakan cukai pendapatan. Sekali lagi jika tidak ada lagi perniagaan dan perusahaan persendirian, pengusaha dan peniaga yang kaya tidak akan ada dan orang yang tinggal untuk membayar cukai ialah pekerja sahaja. Jika pekerja terpaksa membayar cukai pendapatan selain dari menjadi satu kelucuan, bayaran gaji yang tinggi oleh Kerajaan kepada pekerjanya sendiri tidak bermakna, kerana separuh daripada gaji ini akan diambil balik oleh Kerajaan. Inilah yang berlaku di Britain sekarang ini. Pekerja mogok supaya dapat tambahan gaji, yang kemudiannya diambil balik separuh (60%) oleh Kerajaan melalui bermacam-macam cukai. Adalah lebih baik dan lebih mudah jika Kerajaan membayar gaji yang rendah dan tidak mengutip cukai kerana kesannya adalah sama, iaitu keuntungan yang disimpan oleh Kerajaan samalah dengan cukai yang dipungut dari gaji yang tinggi yang diberi kepada pekerja. Gaji yang tinggi sebenarnya tidak tinggi kerana cukai yang terpaksa dibayar. Apa maknanya bermogok untuk gaji yang tinggi, lepas itu membayar cukai sehingga balik ke paras gaji yang asal.

Ideologi sosialis tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya di mana-mana juga kerana kenyataan bahawa pemilik-negaraan semua perusahaan dan perniagaan bukan sahaja akan menjatuhkan taraf ekonomi negara tetapi akan menjejaskan usaha membentuk dan mengeluarkan berbagai jenis barang keperluan. Pemilik-negaraan boleh dibuat jika cuma tertumpu kepada beberapa jenis perusahaan dan perniagaan yang penting. Dalam negara sosialis sebahagian besar perusahaan dan perdagangan mestilah diusahakan oleh pihak swasta supaya keuntungan yang mereka dapat boleh dijadikan punca cukai yang akan digunakan untuk membantu perusahaan negara. Dengan perkataan lain prinsip-prinsip sosialis cuma boleh diamalkan jika free enterprise ada bersama. Sosialisme yang bergantung kepada kapitalisme adalah "hypocritical."

Perusahaan negara tiada selalunya rugi. Perusahaan minyak yang dimilik-negarakan memberi keuntungan yang besar kepada negara-negara yang berkenaan. Tetapi ini ialah kerana adanya negara-negara lain yang mengamalkan kapitalisme bebas yang

perlu menggunakan minyak yang banyak. Jika minyak itu lebih dari yang diperlukan iaitu jika supply lebih daripada demand, situasi ini tidak akan berlaku. Negara pengeluar minyak tidak akan kaya jika pasarannya cuma di negeri sendiri. Kekayaan negara yang mengeluarkan minyak secara perusahaan milik-negara bergantung kepada pasaran minyak ini di negara yang tidak mengamalkan prinsip sosialis. Sekali lagi sosialisme dan pemilik-negaraan cuma boleh dilakukan kalau ada kapitalisme. Yang jelas ialah memilik-negaraan kerana prinsip atau ideologi tanpa mengkaji kesan terlebih dahulu tidak ada faedah samasekali.

Contoh-contoh ini mungkin akan menimbulkan teguran bahawa di negara komunis semua perusahaan dimilik-negarakan, tetapi Soviet Union umpamanya, masih kukuh sebagai sebuah negara, dan boleh menjadi kuasa dunia yang boleh memberi bantuan kepada lain-lain negeri. Begitu juga Republik Rakyat China.

Kebolehan sistem pemerintahan komunis memilik-negarakan perusahaan dengan tidak menjejas ekonomi negara tidak dapat dinafikan. Tetapi kejayaan komunis bukan bergantung kepada tindakan memilik-negara tetapi kepada pemerintahan yang dictatorial yang tidak membenarkan mogok atau sebarang bangkangan.

Melalui kuasa pemerintah yang tidak terhad, pekerja dibayar gaji yang rendah dan tidak dapat menikmati kekayaan negara. Kekayaan negara dan hasil usaha pekerja dibolot oleh pemerintah untuk jentera yang mengawal kebebasan rakyat, dan untuk tentera. Sama ada rakyat suka atau tidak sukakan pemerintah, dan sama ada pemerintah adil atau tidak adil, rakyat tidak berhak menentang atau menukar pemerintah.

Dalam sistem ini yang merupa affluent elite ialah pemimpin parti yang memerintah dan sebilangan kecil dari rakyat yang menjadi ahli parti komunis. Ini bermakna bahawa satu minoriti dapat menguasai majoriti rakyat. Jika majoriti rakyat suka diri mereka diperhambakan, pemilik-negaraan semua perusahaan mungkin berhasil. Tetapi rakyat tidak mungkin dapat kedua-dua, kemewahan bagi diri sendiri dan pemiliknegaraan.

Memilik-negarakan perusahaan mungkin berjaya tanpa komunisme kalau semua pekerja sanggup bekerja dengan gaji rendah, tidak boleh mogok, tidak ada kebebasan menukar kerja, tidak boleh menyoal majikan (iaitu pemerintah), tidak boleh boros belanja, tidak boleh membeli barang-barang yang tidak perlu seperti motosikal, televisyen, motokar, baju berwarna-warni, tidak

boleh menjadi ahli atau menyokong lain-lain parti melainkan parti pemerintah sahaja dan lain-lain lagi.

Jika sistem ini dijalankan di Malaysia, ini bermakna pekerja akan dibayar gaji rendah, tidak boleh mogok dan tidak boleh menuntut apa-apa. Dalam politik cuma satu parti sahaja yang dihalalkan dan dalam pilihanraya 99% undi akan diberi kepada parti ini. Pemimpin parti yang memegang jawatan tinggi dalam Kerajaan akan hidup mewah. Kekayaan hasil titik peluh pekerja akan digunakan mengikut kehendak pemerintah dan sebahagian besarnya akan digunakan untuk menguatkan bahagian-bahagian yang akan menentukan pemerintah akan kekal. Dengan perkataan lain jika Malaysia ingin memilik-negara semua perusahaan, sistem politiknya mestilah berubah kepada sistem diktator.

Tetapi kalau sistem diktator dan sistem komunis tidak diingini, memilik-negara perusahaan terutama di Malaysia tetap akan membawa kepada kemerosotan ekonomi. Sebabnya mudah. Perusahaan getah, bijih timah dan kayu bukan bahan yang begitu penting seperti minyak. Kalau harga pasaran dunia merosot seperti kerap terjadi maka perusahaan juga mesti merosot. Sebaliknya jika pengeluaran kurang dan harga melambung naik, bahan ganti akan diguna oleh negara pengguna (yang semuanya negara kapitalis) dan harga terpaksa diturunkan. Dengan itu maka akan merosotlah ekonomi Malaysia.

Perusahaan-perusahaan yang bukan perusahaan utama (primary) pula berkehendakkan kepada teknikal know-how. Barang elektronik, jentera, kain, dan berbagai kilang semuanya bukan direka-bentuk di Malaysia. Teknikal know-how dari luar negeri khususnya dari negara kapitalis dikehendaki. Teknikal know-how boleh dibeli walaupun dengan harga yang tinggi, tetapi cara, sistem dan reka-bentuk berubah dan menjadi lebih moden setiap masa. Teknikal know-how tidak berguna jika ketinggalan masa atau out-of-date. Oleh itu perusahaan yang dimilik-negarakan terpaksa menambah modal tidak berhenti-henti untuk menjayakan perusahaan. Ini tidak mungkin dibuat kerana perusahaan yang dimiliki negara tidak boleh dapat keuntungan yang tinggi seperti diterangan tadi.

Di Malaysia, berbagai jenis perniagaan telah dimilik-negarakan. Perusahaan keretapi, MAS, Lembaga Letrik, Pernas, Petronas, Perusahaan-perusahaan di bawah beberapa Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri, MARA, FIMA, FAMA,

FELDA dan lain-lain adalah state enterprises. Dalam state enterprises ini modalnya cukup dan jenis perusahaan bukan sahaja baik tetapi kadang-kadang merupakan monopoli. Tetapi kita jarang mendengar tentang keuntungan yang baik dan pembayaran cukai yang besar. Yang kita tahu ialah keretapi, perusahaan nenas tin dan lain-lain rugi berjuta tiap-tiap tahun. Kita syak yang pengurusan tidak pintar dalam perniagaan. Walau apa pun sebabnya yang jelas ialah pemiliknegaraan perniagaan di Malaysia tidak akan mendatang faedah. Sebaliknya ada kemungkinan besar ekonomi akan terus merosot.

Akhir sekali motivation. Perniagaan maju kerana dorongan keuntungan. Perusahaan yang dimilik-negarakan tidak ada profit motive bagi pengurus. Untung atau rugi, pendapatan mereka yang mengurus perniagaan tidak akan berubah. Dan dianya tidak boleh berubah kerana pemilikan negara adalah cara sosialis untuk menyamakan pendapatan pekerja. Pemilikan oleh negara tidak akan bermakna jika pengurus-pengurus mendapat pendapatan yang jauh berbeza dengan pekerja lain. Dengan ini insentif tidak wujud dan perniagaan tidak boleh maju kerananya. Tanpa insentif dan motivation yang kuat perniagaan tetap akan gagal.

Semua yang disebut di atas menunjukkan bahawa memilik-negarakan perusahaan tidak sebegitu mudah dan kemungkinan tidak mendatangkan faedah adalah besar. Tetapi gambaran ini tidak 100% tepat. Ada perusahaan yang patut dimilik-negarakan. Minyak adalah bahan yang penting di zaman ini dan know-how, modal dan management skill boleh didapati walaupun perusahaan separuh dimilik-negarakan. Begitu juga perusahaan seperti perhubungan telekom, eletrik, keretapi dan penerbangan yang boleh dimonopoli. Dalam perusahaan ini bukan keuntungan yang patut diutamakan tetapi kepentingan negara, terutama dalam masa-masa yang cemas seperti peperangan.

Dari segi praktik kalau kita memilik-negarakan mana-mana ejensi seperti pengurusan ladang, import-eksport dan pembahagi dan ejen kepada berbagai jenis barang import serta wakil pembeli kepada perniagaan luar negeri, masalah pertama ialah mempelajari dan memahami semua bidang perniagaan yang terlibat. Pegawai kerajaan biasanya tidak mencukupi dan badan-badan berkanun sering 'mencuri' pegawai masing-masing. Oleh itu jawatan-jawatan yang penting dalam perusahaan yang dimilik-negara tidak mungkin dipenuhi. Kalaupun dapat kita mengisikan jawatan-

jawatan ini kemajuan masih tidak dapat dijamin. Kalau badan-badan berkanun yang sudah berada bertahun-tahun belum dapat mengeluar keuntungan yang banyak dan membayar cukai kepada kerajaan, kemungkinan kita mengekalkan keuntungan perniagaan yang telah dimilik-negarakan, terutama yang terdiri dari jenis-jenis yang rumit untuk diuruskan, tidak boleh diramalkan. Pengalaman kita menunjuk bahawa biasanya perniagaan itu akan merosot dan terus rugi.

Ada segolongan orang yang memikirkan bahawa memilik-negara bermakna mengambil alih tanpa ganti rugi kepada syarikat-syarikat yang mempunyainya. Ini adalah khayalan. Kalau ganti rugi tidak dibayar, syarikat yang dipunyai oleh orang asing boleh menekan kerajaan melalui kerajaan mereka dan perhubungan perdagangan mereka. Kesan tekanan ini boleh menghancurkan perniagaan yang terlibat terutama perniagaan bahan utama yang mempunyai bahan ganti dan tidak begitu diperlukan.

Tiap-tiap tahun kerajaan Malaysia mesti berbelanja 5,000 hingga 6,000 juta ringgit untuk pentadbiran dan pembangunan. Sebahagian yang terbesar dari wang ini datang dari cukai ke atas perniagaan dan perusahaan. Sudah tentu kalau perniagaan dan perusahaan yang dimilik-negarakan mengalami kerugian, bukan sahaja Kerajaan tidak boleh mengadakan belanjawan biasa tetapi ganti-rugi tidak akan dapat dibayar dan apa sahaja cukai yang dipungut mesti digunakan untuk memulihkan semula perniagaan dan perusahaan yang merosot atau gagal.

Kalau dalam keadaan tidak maju ini pekerja pula menuntut kenaikan gaji dan mogok kerana tuntutan mereka tidak dapat dilayan, maka masalah akan bertambah. Perusahaan negara seperti keretapi, MAS dan Lembaga Elektrik Negara telah berkali-kali menghadapi mogok pekerja dan tidak ada satu sebab yang pekerja tidak akan mogok dalam lain-lain perusahaan yang dimilik-negarakan. Kerugian bukan alasan bagi pekerja tidak menuntut gaji lebih dan mogok.

Semua masalah-masalah ini telah dihadapi oleh semua negara demokratik yang telah mengambil langkah memilik-negarakan perusahaan dan perniagaan. Kesan dari tindakan popular dan emosional ini boleh disaksikan dengan mata oleh sesiapa juga yang ingin melihatnya. Mungkin ada yang berpendapat bahawa kita patut sanggup mengalami ekonomi yang merosot kerana 'keadilan' dan ingin puashati. Tetapi tidak ada puashati kalau

negara yang bertindak berasaskan emosi akhirnya terpaksa menghantar Perdana Menterinya keluar negeri tiap-tiap tahun untuk mendapat bantuan dari negara capitalist free enterprise yang dibenci. Inilah yang sekarang dilakukan oleh beberapa negara membangun yang dengan bangganya telah memilik-negarakan perniagaan dan perusahaan asing apabila mencapai Kemerdekaan. Sebab itu kita lihat beberapa buah negara yang berbangga dengan sosialismenya dan tindakan mengambil alih perusahaan asing sekarang ini cuma boleh berbangga dengan bangunan-bangunan yang diderma oleh negara lain. Tanpa belas-kesian kuasa asing yang berkepentingan tidak ada satupun yang boleh ditunjukkan oleh negara-negara ini sebagai tanda kejayaan pengambil-alih perusahaan-perusahaan asing.

Tetapi yang lebih bahaya ialah kemerosotan ekonomi akan membawa kepada kemiskinan dan penderitaan di kalangan majoriti rakyat. Dalam suasana ini adalah mudah bagi siapa sahaja menghasut rakyat dan menimbulkan kekacauan. Peluang bagi komunis merebut kuasa tetap akan bertambah baik. Sama ada mereka berjaya atau tidak, rakyat dan negara akan mengalami keadaan yang kucar-kacir dan gelap. Bagi kebanyakan rakyat bukan sahaja taraf hidup sama rata tidak tercapai tetapi keselamatan mereka akan terancam dan mungkin mereka ditindas oleh pemimpin mereka sendiri.

Analisa ini dibuat oleh kerana desakan memilik-negarakan perusahaan asing sering menarik sokongan orang ramai. Emosi yang dibangkitkan oleh seruan ini mudah menewaskan fikiran yang waras. Sebelum seruan ini disambut oleh orang ramai di Malaysia yang masih kukuh ekonominya kalau dibandingkan dengan beberapa buah negara non-free enterprise, adalah perlu soal dan kesan memilik-negara perusahaan difaham dengan teliti oleh rakyat.

ORGANISASI DAN DISIPLIN

Dari abad kelima belas, dengan pelayaran Vasco da Gama ke Timur Jauh, hingga ke awal abad kedua puluh, sejarah Asia dipenuhi dengan serangan dan penaklukan wilayah-wilayah oleh negara-negara barat. Hampir semua negara Asia telah ditawan dan dijajah melainkan Siam, China dan Jepun. Ketiga-tiga buah negara ini pun terpaksa tunduk kepada kuasa barat sedikit sebanyak.

Memang benar bahawa pada abad-abad tersebut imperialisme barat berkembang di seluruh dunia dan mereka menakluk juga benua Afrika, Amerika Utara dan Selatan. Tetapi Afrika dan Amerika diduduki oleh orang-orang yang agak primitif (melainkan orang Incas) sedangkan negara-negara Asia diduduki oleh bangsa-bangsa yang bukan sahaja lebih tua daripada bangsa-bangsa Eropah dari segi kebudayaan dan kemajuan dan juga peradaban atau tamaddun tetapi kebanyakannya adalah lebih besar dan lebih ramai penduduknya.

Yang lebih aneh ialah angkatan barat yang menyerang dan menawan negara-negara Asia amatlah kecil bilangan anggotanya jika dibandingkan dengan tentera-tentera yang mempertahankan negara-negara Asia. Mungkin penggunaan senjata yang lebih baik oleh tentera barat amat berkesan, tetapi sebenarnya, jika dikaji dan diselidik, yang lebih berkesan ialah organisasi dan disiplin angkatan tentera barat.

Sekadar yang dapat diketahui walaupun tentera-tentera timur mempunyai susunan yang tertentu, susunan ini tidaklah begitu kemas dan tetap seperti pasukan bersenjata barat. Dalam angkatan tentera yang mempertahankan Melaka dari Portugis umpamanya, sungguhpun panglimanya ada, tetapi di antara panglima dengan hulubalang tidak ada "line of command" yang tetap. Tentera Asia nampaknya ada jeneral tetapi tidak ada kapten, leftenan dan sarjan untuk menentukan segala arahan disampaikan kepada pasukan-pasukan secara tepat dan berkesan.

Arahan terus daripada panglima kepada hulubalang mungkin dapat dibuat jika pasukan itu kecil tetapi jika angkatan tentera itu besar, mustahil arahan yang tepat dan berkesan dapat diberi dalam jangkamasa yang dikehendaki. Sistem perhubungan antara pasukan-pasukan juga tidak kemas sehingga masing-masing terpaksa bertindak bersendirian dan tidak serentak. Angkatan yang besar tidak akan berkesan melainkan ada koordinasi antara semua pasukan.

Kalaupun ada aneka jenis pegawai dalam tentera-tentera Asia, jawatan, gelaran dan tanggungjawab mereka tidak jelas dan tidak tetap. Jawatan dan pangkat adalah berlainan antara satu tempat dengan tempat yang lain. Kerajaan Melaka waktu diserang oleh Portugis tidak ada panglima perang yang tetap. Sultan, Bendahara dan Temenggung semuanya berkuasa ke atas tentera. Di samping itu putera-putera Sultan juga berkuasa mengarahkan tentera walaupun jawatan meraka tidak begitu jelas.

Di dalam angkatan bersenjata pula tidak ada askar yang tetap atau regular. Kebanyakan daripada askar adalah orang kerahan yang diarah oleh raja untuk menolong mempertahankan negara. Mereka bukan sahaja tidak terlatih sebagai satu angkatan perang tetapi tidak tahu kedudukan mereka dalam tentera. Tidak ada pakaian seragam yang digunakan dan sebenarnya cara mereka berjuang dalam tentera tidak berubah daripada cara berlawan secara individu.

Dari cerita-cerita tentang peperangan dahulu nampaknya panduan yang diberi kepada askar atau hulubalang lebih merupakan tauladan daripada arahan tetap. Jika panglima ternampak mara ke hadapan, maka yang lain turut mengikut. Dan jika ianya undur ke belakang maka hulubalang juga turut undur. Dalam keadaan seperti ini kematian panglima tetap akan mengalahkan tentera walaupun mereka masih ramai dan boleh meneruskan perjuangan.

Di Bali kematian raja di waktu melawan Belanda diikuti dengan langkah membunuh diri beramai-ramai (puputan) oleh seluruh anggota tentera yang tinggal walaupun keupayaan mereka meneruskan peperangan masih ada dan keberanian masing-masing tidak boleh disangsi.

Sebaliknya pasukan-pasukan negara barat yang melanggar dan menyerang negeri-negeri timur, sungguhpun kecil, semuanya tersusun rapi. Tentera-tentera barat biasanya terbahagi kepada

kumpulan-kumpulan kecil yang diperintah oleh pegawai rendah, dan kumpulan-kumpulan ini diletakkan di bawah satu pegawai yang lebih tinggi sebagai satu pasukan. Beberapa pasukan ini dikumpulkan di dalam satu kumpulan yang lebih besar dengan satu panglima. Akhirnya semua panglima-panglima dengan kumpulan-kumpulan mereka diletak di bawah satu pentadbir tentera yang menentukan supaya semua gerakan perang dibuat bersama dan serentak dalam satu rancangan perang yang sudah dicipta mengikut maklumat yang diperolehi terlebih dahulu melalui bahagian penyelidik rahsia musuh (military intelligence).

Nama atau gelaran semua pegawai tentera bukan sahaja tetap tetapi tugas dan tanggungjawab masing-masing adalah tepat dalam angkatan tentera Barat. Selain daripada itu biasanya semua askar adalah askar sepenuh masa. Mereka bukan dikerah buat sementara. Mereka pula dilatih bergerak sebagai pasukan dan bukan sebagai individu. Cara-cara berperang pun disusun rapi dan latihan berperang diwajibkan kepada semua peringkat. Bukan sahaja ada pegawai yang tetap untuk memberi arahan tetapi perintah dibuat dengan menggunakan perkataan dan isyarat yang tertentu supaya salah faham tidak akan berlaku dan kekeliruan tidak wujud dalam masa perang. Ketertipan dan susunan inilah yang memberi kejayaan kepada pasukan-pasukan perang yang kecil dari barat itu. Dengan perkataan lain organisasi dalam angkatan tentera barat memainkan peranan yang berkesan dalam kejayaan mereka.

Selain daripada susunan yang begitu kemas, disiplin yang ketat dikuatkuasakan dalam tentera-tentera barat. Pangkat dan peringkat ditentukan bukan sahaja supaya masing-masing tahu tugas sendiri tetapi supaya yang berjawatan rendah menerima dan mematuhi arahan yang diberi oleh pegawai yang berpangkat lebih tinggi daripadanya.

Askar tidak dikehendaki menurut tauladan ketua tetapi mesti mengikut arahan ketua. Soal berani atau tidak berani ketua yang mengepalai angkatan tentera dalam perang tidak timbul. Dianya mesti selamat supaya arahan darinya tidak terputus. Walaupun demikian kematiannya tidak akan bermakna kekalahan bagi angkatan di bawah pimpinannya. Penggantinya sudahpun ditentukan dan tetap akan meneruskan peperangan. Disiplin menentukan bahawa tidak ada siapa yang akan menyoal haknya menggantikan ketua yang sudah jatuh di medan perang.

Peranan disiplin dalam angkatan perang barat amatlah berkesan. Dalam peristiwa The Charge of the Light Brigade dalam mana satu pasukan kecil British menghadapi pasukan meriam Russia yang besar, arahan diberi supaya pasukan British mara ke hadapan dan menyerang. Walaupun arahan ini bermakna maut bagi kebanyakan askar British, arahan dipatuhi dengan tegas dan sebenarnya banyak yang mati dan pasukan British dikalahkan. Tetapi peristiwa itu diingati kerana musuh British tidak lagi boleh mengharapkan kemenangan yang mudah jika pasukan British agak kecil. Mungkin oleh sebab ini pasukan British yang lain terselamat kerana musuh tidak berani menyerang.

Sebaliknya kalaulah disiplin lemah dan apabila arahan diberi untuk mara dan menyerang, sebahagian patuh dan sebahagian tinggal teragak-agak atau terus tidak menghiraukan arahan, bukan sahaja pasukan Light Brigade itu akan kalah, tetapi arahan seperti ini kepada lain pasukan di lain masa akan mengelirukan semata-mata tanpa memberi kesan apa-apa. Dalam keadaan tidak tentu arah musuh dengan mudah boleh menewaskan pasukan British.

Disiplin pasukan-pasukan barat memainkan peranan yang tetap dalam kejayaan mereka menakluki negara-negara Asia. Angkatan tentera yang kecil dari barat menewaskan tentera-tentera negeri Asia yang besar hampir tiap-tiap kali kerana susunan dan pelaksanaan serangan dibuat secara teratur dan kemas. Penyelewengan jarang berlaku. Pasukan barat lebih merupakan satu jentera perang (war machine) sedangkan tentera Asia berperang secara individu dengan tidak ada koordinasi dan sistem. Perintah kepada askar barat tetap dipatuhi, tetapi bagi angkatan Asia bukan sahaja tidak ada cara dan tidak ada pegawai pengarah yang tetap, tetapi arahan tidak dipatuhi secara cergas dan berkesan atau tidak dihiraukan sama sekali.

Bagi orang Melayu khasnya dan orang Asia amnya pelajaran yang dibawa oleh barat ialah organisasi dan disiplin adalah penting dan berkesan dalam sesuatu tindakan. Organisasi dan disiplin juga boleh memberi kekuatan kepada yang lemah dan yang kecil. Peranan organisasi dan disiplin tidak terhad kepada tentera dan peperangan, walaupun bagi tentera dan peperangan organisasi dan disiplin memainkan peranan yang utama. Dalam lain-lain lapangan juga organisasi dan disiplin memainkan peranan yang penting yang boleh menjamin kejayaan.

Bangsa yang pertama mengenali organisasi dan disiplin sebagai asas kejayaan barat ialah Jepun. memang benar Jepun sudahpun ada asas-asas disiplin di waktu mereka bertembung dengan orang barat tetapi disiplin mereka tidak mempunyai susunan dan sistem yang berkesan. Dengan asas yang sudah ada, mereka menyerapkan organisasi dan disiplin barat ke dalam semua lapangan hidup masyarakat mereka. Dalam sekejap masa sahaja organisasi dan disiplin cara barat berhasil menjadikan Jepun sebagai satu kuasa dunia. Memandang bahawa negeri Jepun tidak mempunyai apa-apa sumber alam yang boleh membantu proses pemodanannya, peranan organisasi dan disiplin dalam pembangunan Jepun adalah lebih penting. Tetapi begitulah berkesannya sistem dan ketertipan barat, maka kemiskinan sumber alat tidak menjadi masalah atau halangan.

Perjuangan untuk kemerdekaan negara Asia dari penjajahan barat juga berjaya kerana organisasi dan disiplin. Di India, Ghandhi menyusun Parti Kongress sebagai satu organisasi mengikut cara barat dan oleh kerana kesanggupan ahli-ahli parti mematuhi arahan, iaitu menerima disiplin parti, walaupun Indian National Kongress tidak mempunyai apa-apa senjata, Ghandhi berjaya melemahkan pentadbiran British India melalui hartal yang tidak menggunakan kekerasan. Kekuatan tentera, pentadbiran dan kekayaan British tidak dapat menewaskan serangan Non-violence yang tertip dan teratur di bawah arahan Ghandhi. Di negeri-negeri Melayu Semenanjung kejayaan orang Melayu melawan Malayan Union dan perjuangan kemerdekaan berasas kepada kesanggupan orang Melayu menyertai satu organisasi politik dan mematuhi arahan yang dikeluarkan oleh pemimpin parti itu. Sebenarnya Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) yang disusun untuk menentang Malayan Union amatlah lemah dari segi kewangan, kepimpinan yang terpelajar dan lain-lain sifat. Tetapi oleh kerana ahlinya lebih tersusun daripada masa-masa yang lepas dan sanggup mematuhi arahan pemimpin, maka pemerintah British tidak dapat menolak tuntutan-tuntutan yang dibuat oleh UMNO.

Kejayaan orang Melayu melepaskan diri daripada dijajah tidak bermakna bahawa pelajaran tentang organisasi dan disiplin tidak payah diamalkan lagi. Orang Melayu masih merupakan golongan yang kecil dan mundur dalam negeri sendiri. Oleh kerana organisasi dan disiplin boleh memberi kekuatan kepada yang le-

mah, maka ianya masih perlu diamalkan oleh orang Melayu. Amalannya pula tidak patut terhad ke bidang politik. Oleh kerana orang Melayu juga lemah dalam lain-lain bidang seperti perniagaan dan pelajaran, organisasi dan disiplin mesti diadakan dalam lapangan-lapangan ini juga.

Dalam bidang perniagaan moden umpamanya organisasi amatlah penting. Organisasi bukan bermakna susunan pegawai dan pekerja sahaja tetapi juga susunan kerja-kerja supaya tiap-tiap sesuatu yang berlaku berjalan mengikut rencana dan diketahui oleh peniaga. Mengadakan kira-kira yang lengkap bagi peniaga seorang diripun adalah penyusunan kerja yang sama pentingnya dengan kira-kira yang diperlukan bagi syarikat raksaksa. Begitu juga penentuan tanggungjawab kakitangan adalah sebahagian yang penting bagi organisasi perniagaan. Tanpa penyusunan ini perniagaan bergantung kepada "agak-agak" dan mungkin khayalan yang tidak berasas dan kerugian boleh berlaku dengan tidak disedari.

Begitu juga disiplin dalam perniagaan, walaupun perniagaan perseorangan. Peniaga yang menutup gerainya tidak tentu masa akan hilang pelanggannya. Dalam perniagaan yang menggunakan kakitangan bergaji, keengganan pekerja mematuhi arahan tetap akan menghancurkan perniagaan. Sebuah kedai makan bergantung kepada layanan dan jika pelayan tidak menjalankan tugas seperti yang diarahkan, pelanggan sudah tentu tidak akan datang dua kali walau bagaimana sedap makanan yang dihidangkan. Ratusan contoh dapat disebut untuk membuktikan betapa pentingnya disiplin dalam perniagaan. Tidaklah keterlaluan jika dikatakan sebahagian besar daripada kegagalan orang Melayu dalam bidang perniagaan ialah kerana kurang disiplin peniaga dan pekerja.

Peranan organisasi dan disiplin dalam bidang pelajaran dan lain-lain tidak perlu diterangkan lagi. Tetapi sungguhpun organisasi dan disiplin umumnya baik, ada kemungkinan sifat-sifat ini boleh memusnahkan pengamalnya. Jikalau satu kumpulan manusia disusun di dalam sebuah organisasi yang kukuh dan disiplinnya diamal dengan tegas, kepimpinan yang salah akan melibatkan kumpulan itu dalam kesalahan yang sama buruknya. Disiplin dan organisasi dalam negara Jerman di bawah Hitler dan negara Jepun di bawah Kerajaan tentera Tojo jelas membuktikan kesan buruk dari pimpinan yang salah. Oleh sebab disiplin yang ketat,

kesalahan pemimpin bukan sahaja tidak boleh ditentang tetapi kesalahan tidak begitu mudah dikenali di waktu sesuatu itu berlaku.

Di waktu Hitler mula menyusun semula negara Jerman selepas kekalahan negara itu dalam Perang Dunia Pertama, kebanyakan orang Jerman tidak dapat menafikan bahawa tindakan dan caranya telah berjaya memulihkan kekayaan dan kekuatan Jerman dengan cepat. Kekecewaan orang Jerman kerana kalah dalam Perang Dunia Pertama telah diganti dengan semangat baru dan kepercayaan semula kepada diri sendiri. Oleh sebab itu mereka sanggup menerima pemerintahan Hitler dengan penuh disiplin dan menyokong rancangannya untuk menguasai dunia. Mereka yang merasa ragu ketika itu tidak berani menyuarakan keraguan mereka. Jika mereka menyuarakan sekalipun mereka akan menjadi kumpulan minoriti dan teguran mereka bukan sahaja tidak akan diindahkan tetapi mereka mungkin dihukum kerana memecahkan disiplin.

Setelah Perang Dunia bermula dengan pencerobohan yang dilancarkan oleh Wehrmacht (jentera perang) Jerman yang mendapat kejayaan luar biasa, tidak ada orang Jerman, atau penganut parti Nazi ataupun pemimpinnya yang dapat berkata bahawa organisasi dan disiplin Jerman telah disalah-gunakan oleh Hitler. Peperangan telah berjalan di bawah arahan Hitler sendiri walaupun dia bukan panglima perang yang terlatih. Tetapi oleh kerana disiplin, dia tidak ditentang walaupun sejarah menunjukkan bahawa tektik dan strategi perang Hitler akhirnya membinasakan Jerman.

Walau bagaimanapun semakin lama semakin jelas bahawa kepimpinan Hitler membawa Jerman ke arah kekalahan dan kehancuran. Namun demikian disiplin menyekat mereka yang semakin sedar daripada menegur atau menentang Hitler. Cuma apabila kekalahan sudah menjadi begitu nyata dan jelas baharulah disiplin dipecahkan dan Hitler dikecam malah oleh pengikutnya. Pada ketika itu adalah terlalu lewat untuk menyelamatkan negara Jerman. Selepas berjuta orang Jerman mati dan cedera, mereka menerima kecelakaan yang luar biasa.

Dari peristiwa ini dapat dilihat bagaimana disiplin (dan organisasi) boleh mendatangkan kecelakaan kepada sesuatu pihak. Tetapi contoh ini tidak boleh dijadikan panduan kerana banyak lagi bukti yang menunjukkan bahawa disiplin dan organisasi adalah baik. The exception cannot prove (or disprove) the rule. Sesuatu

yang terkecuali tidak menidahkan keutuhan sesuatu prinsip. Dan sebenarnya, sungguhpun disiplin menyeret orang Jerman ke lembah kehinaan, mereka tidak juga menyingkirkan disiplin. Sebaliknya mereka mengamalkan disiplin ini untuk memulihkan negara mereka. Sekarang walaupun negara Jerman dikerat dua, Jerman Barat balik semula menjadi negara yang maju dan jaya, yang secara tidak langsung menewas dan menguasai negara-negara seperti Britain yang telah menang dalam Perang Dunia Kedua. Britain sekarang dikenali sebagai negara yang tidak lagi berdisiplin seperti di zaman keagungannya.

Organisasi dan disiplin memang ada bahayanya, tetapi organisasi dan disiplin mempunyai jauh lebih banyak faedah daripada bahayanya. Oleh itu amalan yang begitu berkesan dan berfaedah kepada masyarakat manusia masih patut diteruskan atau, jika belum ada patut diadakan. Mengenepikan organisasi dan disiplin tetap menghalang kejayaan, tetapi menerimanya, walaupun tidak menjamin kejayaan seratus-peratus, sekurang-kurangnya tidak menghalang kejayaan, bahkan besar kemungkinan yang kejayaan akan dicapai.

Setakat ini organisasi dan disiplin dilihat dari kacamata keduniaan. Apakah keagamaan dan kerohanian tidak ada kaitan dengan organisasi dan disiplin? Jawabnya mudah sekali. Kejayaan perkembangan Islam seluruh dunia berasaskan kepada susunan dan disiplin masyarakat Islam berbanding dengan masyarakat jahiliah sebelumnya dan kesanggupan umat Islam mematuhi susunan ini. Ibadat dalam Islam juga disusun rapi. Sebenarnya tidak ada sesuatu yang lebih tersusun dan tertib daripada ibadat dalam Islam. Pada waktu sembahyang, terutama sembahyang Jumaat, berjuta umat Islam menatap sauf dan mengadap Baitullah, dari sedekat-dekatnya sehingga ke beribu batu jauhnya, dan menunai arahan yang dibawa oleh pemimpin agung Islam hampir 1400 tahun dahulu. Sesiapa yang melibat sembahyang berjumaah di Masjidil Haram dapat menggambarkan bagaimana Baitullah dikelilingi oleh barisan demi barisan yang tersusun dengan tertib bukan sahaja di dalam masjid itu dan di kawasan sekelilingnya tetapi di seluruh dunia sehingga Baitullah menjadi benar-benar pusat tumpuan Islam.

Ibadat ini menunjukkan secara fizikal susunan (organisasi) dan ketertipan (disiplin) dalam Islam. Tetapi Islam, lebih daripada agama-agama lain, menentukan semua aspek kehidupan di-

susun dengan cara yang tertib dengan peraturan-peraturan dan undang-undang yang tetap. Aturan-peraturan dan undang-undang agama, seperti aturan-peraturan dan undang-undang lain, cuma berkesan dan bermakna jika penganut atau masyarakat mematuhi aturan-peraturan dan undang-undang itu. Ini bermakna organisasi dan disiplin mesti ada untuk menjadikan Islam satu agama yang sebenar.

Satu lagi contoh yang patut disebut ialah kesan kepada orang Islam bila aturan-peraturan tidak diindahkan. Dalam Perang Uhud arahan Nabi Muhammad s.a.w. kepada satu pasukan pemanah supaya mengawasi serangan musuh dari belakang mula-mula dipatuhi. Apabila musuh nampaknya sudah kalah, mereka ini meninggalkan tempat mereka dan mara ke tempat pertempuran untuk mendapat sebahagian daripada "al Anfal" atau harta tawanan perang. Dengan itu musuh dapat menyerang dari belakang dan tentera Islam telah mengalami kecederaan yang teruk termasuk kematian Saidina Hamzah.

Demikian kesan kurang disiplin dalam sejarah pertahanan Islam. Begitu juga dalam perang Huneyn, tentera Islam yang begitu besar dan kuat tidak menyusun langkah yang tertib di waktu melalui lembah Huneyn. Akibatnya ialah kemalangan yang besar kepada angkatan Islam.

Dengan contoh-contoh positif dan negatif ini memadailah untuk menunjukkan betapa tinggi nilainya organisasi dan disiplin dalam Islam. Sebenarnya tidak ada satu ibadat dalam Islam ataupun satu hukum yang tidak berkehendakkan kepada organisasi dan disiplin.

Manusia biasanya hidup bermasyarakat. Masyarakat manusia tidak boleh wujud melainkan ianya mempunyai susunan dan disiplin. Walau bagaimana primitif sekalipun masyarakat manusia, sekurang-kurangnya ia terbahagi kepada ketua dan pengikut-pengikut. Semakin besar dan semakin tinggi tamaddun sesuatu masyarakat semakin kompleks susunannya. Kekal atau tidak masyarakat manusia bergantung kepada organisasi ini dan kesanggupan ahli-ahli masyarakat mematuhi arahan dan sekatan yang ditetapkan oleh masyarakat. Dengan perkataan lain keselamatan masyarakat memerlukan susunan dan disiplin.

Displin dalam konteks ini bermakna pembendungan kehendak dan kepentingan diri kerana mengutama kepentinan masyarakat. Tafsiran antara apa dianya kepentingan diri dan kepenting-

an masyarakat mungkin berbeza antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Tetapi apa juga tafsiran dan nilaian yang dibuat, tujuan perbendungan kepentingan diri ialah supaya masyarakat terpelihara.

Bagi tiap-tiap anggota masyarakat, walaupun dalam jangka pendek, pengawalan terhadap dirinya mungkin mengecewakannya, tetapi keselamatan masyarakat akhirnya akan memberi keuntungan kepadanya.

Hakikat ini dapat dilihat dari jenis masyarakat yang terbentuk di waktu penerokaan wilayah barat Amerika Syarikat. Masyarakat itu merupakan masyarakat anarkis yang tertakluk kepada "lynch law" dan "mob law". Seorang yang dituduh membunuh dibicara secara kasar oleh orang ramai dan selepas itu digantung oleh orang-orang yang membicarakannya. Jika benar ia membunuh, tindakan ini boleh dianggap adil. Tetapi kemungkinan tuduhan dibuat kerana irihati dan sebagainya adalah besar dan dalam pembicaraan yang tidak tertib, hukuman bunuh mungkin dijatuhkan ke atas seorang yang tidak bersalah.

Dalam masyarakat yang disusun rapi jika yang dituduh tidak bersalah, sungguhpun ia ditangkap oleh polis, proses pembicaraan yang tertib menjamin ia tidak teraniaya dengan sewenang-wenangnya. Yang terdapat dalam peristiwa ini ialah kesanggupan menunduk kepada susunan masyarakat, walaupun pada mulanya merupakan satu jenis penindasan tetapi akhirnya memberi keuntungan kepada anggota masyarakat yang terlibat. Sebaliknya jika susunan ini tidak ada, pembunuh mungkin bebas dan akan melakukan lebih banyak jenayah.

Keadaan masyarakat tersusun dan berdisiplin cuma ditentang oleh golongan anarkis yang percaya kononnya manusia tidak harus dibendung oleh apa-apa jenis susunan dan tatatertib masyarakat. Teory yang dibawa oleh anarkis seperti Proudhon, Bakunin dan Kropotkin ialah hati kecil manusia (concience) akan menentukan ketenangan dan keadilan masyarakat manusia. Oleh itu Kerajaan (pentadbiran) tidak penting kerana masyarakat manusia akan terbahagi kepada kumpulan-kumpulan kecil yang wujud tanpa susunan dan tidak ditakluk oleh apa-apa kuasa pusat.

Yang anehnya ialah mereka yang tidak percaya kepada masyarakat yang tersusun terpaksa menyusunkan diri mereka dalam berbagai pertubuhan untuk menjayakan perjuangan mereka. Dari

gerakan inilah wujud syndicalisma, gerakan-gerakan buruh dan sosialisme dan akhirnya komunisme.

Sepertimana kita tahu semua percubaan membentuk masyarakat anarkis gagal tiap-tiap kali. Jika ada masyarakat yang hampir-hampir anarkis di dunia, ianya ialah masyarakat sosialis seperti terdapat di Britain sekarang. Di Britain bukan sahaja Kerajaan tidak dapat menguasai sikap mementingkan diri di kalangan setengah-setengah pekerja, tetapi pemimpin-pemimpin pekerja sendiri tidak dihiraukan. Dengan itu maka seluruh masyarakat terancam sepanjang masa dengan perkhidmatan dan pembekalan barang yang tidak boleh diharap. Harga barang melambung tinggi, kenderaan darat, laut dan udara tidak tentu perjalanannya, rawatan perubatan tidak boleh didapati dengan mudah dan berbagai keganasan dan jenis penindasan berlaku dengan sewenang-wenang kerana tidak ada kuasa yang boleh menentukan kepentingan masyarakat seluruhnya diberi keutamaan yang wajar. Teory anarkis bahawa masyarakat yang tidak berkerajaan dan tertakluk kepada undang-undang akan memberi manfaat kepada seluruh anggota masyarakat tidak terbukti dalam keadaan anarki yang wujud dalam masyarakat sosialis. Apa yang boleh dipercayai atau diduga ialah masyarakat yang benar-benar anarkis akan lebih kucar-kacir dan terancam dengan berbagai jenis penindasan daripada yang terdapat dalam masyarakat sosialis di Britain.

Dari apa juga sudut diperiksa sesuatu yang tidak dapat dinafikan ialah masyarakat manusia tidak dapat elak daripada mempunyai susunan dan kawalan. Mereka yang percayai kepada anarki juga merancang satu jenis organisasi dan kawalan. Soalnya bukan terhadap ada atau tidaknya organisasi atau disiplin, tetapi apakah peringkat atau jenisnya organisasi dan disiplin. Apakah ianya lebih baik dilonggarkan seperti dituntut oleh anarkis atau pun diketatkan sungguh-sungguh seperti dalam sistem diktator.

Jawabnya mungkin sesuatu kedudukan di antara kedua ekstrim ini. Tetapi jarak antara dua ini adalah luas dan perbezaan antara peringkat-peringkat yang sederhana yang baik untuk masyarakat tidak mudah ditentukan. Sosialisme ala Britain mungkin ditafsir sebagai sederhana tetapi ianya lebih dekat dengan anarki dan membawa keburukan anarki. Komunisme ala Yugoslavia mungkin juga dianggap sederhana tetapi lebih mirip kepada

pemerintahan diktator. Di antra kedua ini berbagai jenis kesederhanaan wujud yang tiap-tiap satunya ada keburukan. Jika eleman organisasi dan disiplin kukuh ia mungkin ada unsur-unsur pemerintahan diktator. Sebaliknya jika susunan dan kawalan longgar, unsur-unsur anarki akan menggugat masyarakat.

Inilah dilemma masyarakat manusia di mana-mana sahaja. Tetapi yang perlu dititik-beratkan memandang masyarakat terpaksa disusun dan dikawal ialah sikap dan fahaman masyarakat terhadap jenis organisasi dan disiplin yang diamalkan olehnya. Jika tiap-tiap anggota masyarakat faham akan pentingnya organisasi dan disiplin dan memainkan peranan masing-masing kerana perasaan bertanggungjawab, maka kestabilan dan kemajuan masyarakat itu akan tercapai. Tetapi jika ramai atau semua anggota masyarakat tidak sanggup mematuhi susunan dan kawalan masyarakat dan bertindak di luar saluran yang ditetapkan yang ditetapkan maka kucar-kacir tetap akan berlaku dengan kesan yang buruk kepada semua pihak dan seluruh masyarakat.

RASUAH

Tidak ada sesuatu yang dianggap buruk dan ditegah oleh masyarakat melainkan ada sebabnya. Begitu juga dengan apa yang dianggap baik oleh masyarakat. Biasanya kedua-dua nilai ini ditentukan oleh masyarakat mengikut pengalaman yang sudah lama dan tua. Manusia sebagai makhluk Allah yang boleh berfikir dan boleh memindahkan pengetahuan dari satu generasi kepada satu generasi tidak perlu menentukan tiap-tiap sesuatu melalui pengalaman sendiri. Pengalaman yang lama yang telah membentuk fikiran dan nilai-nilai bukan sahaja dikembangkan ke seluruh masyarakat pada ketika pengalaman itu berlaku bahkan juga kepada generasi-generasi yang berikut. Nilai-nilai ini biasanya diterima dan diserapkan oleh generasi yang berikut sebagai sebahagian daripada tradisi atau kebudayaan. Tetapi kadangkala generasi baru menyoal nilai lama dan hasilnya mungkin pembentukan nilai yang baru.

Konsep buruk dan baik mana-mana kumpulan manusia adalah di antara nilai-nilai yang dikekalkan dari generasi ke generasi sebagai sebahagian daripada tradisi dan kebudayaan kumpulan itu. Umpamanya pada satu masa dulu orang Arab menanam hidup-hidup anak perempuan. Perbuatan ini bukan diamalkan bagi satu generasi sahaja tetapi menjadi amalan bagi beberapa generasi orang Arab zaman Jahiliah. Di zaman sekarang perbuatan seperti ini amat mengerikan dan tidak dapat diterima oleh akal. Ianya begitu kejam, tidak "berperikemanusiaan" dan tidak adil sama sekali. Kita sudah tentu tidak payah diajar tentang perkara ini. Perbuatan ini nyata sekali buruk. Sebenarnya semua perasaan ini, sama ada disedari atau tidak, adalah berasas kepada sistem nilaian sekarang yang memberi nilaian yang buruk kepada perbuatan membunuh lebih-lebih lagi membunuh anak sendiri.

Tetapi kalaulah kita hidup di tanah Arab di zaman Jahiliah, kita juga akan melakukan perbuatan yang kejam ini. Kita akan melakukannya kerana perbuatan ini tidak dianggap buruk oleh masyarakat di sekeliling. Perasaan yang disebut sebagai "ber-

perikemanusiaan'' tidak akan mengganggu fikiran kita kerana pada zaman itu membunuh anak perempuan tidak dianggap sebagai tidak ''berperikemanusiaan.''

Mungkin kita fikir bahawa seribu empat ratus tahun dahulu manusia tidak seperti manusia sekarang. Mereka boleh melakukan perbuatan yang kejam ini tanpa apa-apa perasaan. Tetapi kita harus ingat bahawa di Benua China, tidak sampai seratus tahun lalu anak perempuan dicekik sampai mati oleh ibunya sendiri. Dan amalan ''sathi'' iaitu membakar hidup-hidup isteri si mati di India, sungguhpun sudah diharamkan, telah dilakukan secara rahsia beberapa kali hanya beberapa tahun lalu. Hari ini pun ada kumpulan-kumpulan di India yang sanggup berbuat demikian jika tidak diawasi oleh polis.

Jika nilai hidup cuma dibentuk oleh sesuatu masyarakat pada sesuatu masa mengikut pengalamannya sendiri sahaja, mungkin perbuatan yang kejam seperti membunuh anak atau membakar isteri tidak akan berpanjangan. Tetapi oleh kerana nilai-nilai yang menentukan buruk baik sesuatu biasanya dipindahkan dari generasi ke generasi sebagai ethical code tradisi sahaja, dengan tidak dihuraikan sebab-sebabnya, nilai yang membenarkan pembunuhan anak dan isteri dapat diterima dan dikekalkan amalannya begitu lama.

Rasuah adalah satu daripada amalan yang dianggap buruk oleh hampir semua masyarakat di dunia. Keburukan rasuah ditentukan sebenarnya oleh tradisi dan bukan kerana kajian dan pengalaman. Di mana-mana juga dan sesiapa juga mengecam perbuatan rasuah sebagai satu jenayah. Tetapi sungguhpun rasuah dikecam hebat oleh semua orang, ini tidak bermakna bahawa semua pihak menerima tafsiran yang sama berkenaan dengan apa yang dikatakan ''rasuah'' ataupun benar-benar tahu apakah kesan buruk yang berpunca daripada rasuah.

Rasuah lebih terkenal sebagai satu amalan yang memboleh-kan seseorang mendapat upah secara tidak sah. Umpamanya seorang pegawai yang diberi upah yang tetap (gaji) untuk menjalankan sesuatu tugas, mungkin menerima saguhati daripada sesiapa lain untuk menjalankan tugas biasanya. Perbuatan ini walaupun boleh ditafsir sebagai rasuah, tetapi pada mulanya mungkin tidak membawa apa-apa kesan buruk. Pihak yang memberi mungkin memberi dengan rela hati dan pegawai yang menerima akan terus

menjalankan tanggungjawabnya kepada yang tidak memberi saguhati juga.

Tetapi sekali saguhati diberi, kali yang lain keutamaan tentulah diberikan kepada yang biasa memberi saguhati. Ini bermakna orang yang tidak memberi saguhati akan dibelakangkan. Sehingga ke peringkat ini yang akan merasai kerugian cuma mereka yang memerlukan perkhidmatan dari pegawai tersebut sahaja. Orang ramai dan negara belum terlibat secara langsung. Oleh kerana tidak merasai kesan rasuah, masyarakat tidak begitu sanggup bertindak dan mungkin menganggap perbuatan itu sebagai perkara yang ringan terutama jika upah biasa (gaji) pegawai dianggap rendah.

Tetapi bagi pegawai lain yang tugas mereka tidak ada hubungan secara terus dengan mereka yang boleh menghulurkan saguhati, perasaan irihati akan timbul terhadap rakan yang mendapat saguhati. Untuk mendapat sebahagian daripada saguhati rakan mereka, pegawai lain mungkin akan sengaja menghalang kerja pegawai yang 'bernasib baik'. Dengan ini rasuah sampailah kepada peringkat aktif; tindakan positif diambil untuk memajukan rasuah.

Peristiwa ini dapat dilihat daripada perkembangan sistem 'tip'. Pada mulanya saguhati diberi kepada, umpamanya, pelayan di restoran yang melayan pelanggan secara langsung. Banyak mana 'tip' diberi bergantung kepada kemampuan pelanggan dan layanan yang diterima. Pada mulanya 'tip' yang diterima dianggap sebagai sesuatu yang luar biasa dan layanan diberi sama ada 'tip' diterima atau tidak. Tetapi tidak berapa lama lepas itu sikap pelayan pun berubah, iaitu layanan tidak diberi atau layanan yang buruk diberi jika tidak ada tip. Di peringkat ini tujuan 'tip' sudah berubah. Kalau pada mulanya tip diberi untuk mendapat layanan yang baik, sekarang layanan yang baik diberi kerana tip.

Daripada peringkat ini amalan tip berpindah kepada peringkat tetap dan kadar yang tertentu. Pelanggan tidak lagi berhak memberi mengikut kehendak hati tetapi terpaksa memberi mengikut nisbah yang tetap; biasanya sepuluh atau lima belas peratus.

Tetapi pemberian tip yang terhad kepada pelayan yang ada perhubungan secara terus dengan pelanggan menimbulkan irihati di kalangan mereka yang tidak ada perhubungan secara langsung tetapi masih terlibat dengan layanan kepada pelanggan. Tukang masak umpamanya menentukan kelazatan hidangan tanpa

mendapat apa-apa tip. Begitu juga semua pekerja, tinggi dan rendah, di sesebuah restoran terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan melayan pelanggan tetapi tidak diberi tip.

Perasaan irihati mereka ini akan diikuti dengan tindakan negatif supaya pelanggan merasai kesan irihati mereka. Apabila ini berlaku maka satu cara terpaksa diadakan supaya semua pihak merasai nikmat dari tip. Tindakan ini adalah perasmian tip sebagai bayaran yang ditambah kepada harga hidangan mengikut nisbah tetap. Kutipan ini dijumlah semuanya dan dibahagi di antara semua pihak yang ada kaitan dengan layanan yang diberi kepada pelanggan.

Dua perkara timbul sekarang. Yang pertamanya, tip yang dikumpul secara rasmi dibahagikan kepada tiap-tiap kakitangan hotel atau restoran mengikut paras gaji masing-masing. Ini bermakna mereka yang bergaji besar mendapat lebih banyak daripada yang bergaji kecil sedangkan yang bergaji kecil lebih memerlukan tambahan perolehan ini. Yang kedua mereka yang ada hubungan secara dekat dengan pelanggan masih boleh menggunakan cara-cara untuk mendapat saguhati tambahan.

Dengan perkataan lain, setelah tip dirasmikan tip yang tidak rasmi masih dapat diadakan dan yang lebih buruk lagi, masih boleh menimbulkan perasaan irihati di kalangan pekerja yang tidak ada hubungan terus dengan pelanggan. Dengan ini suasana asal kembali semula (back to square one) dan perniagaan diancam dengan tindakan yang boleh merugikan peniaga. Akhirnya pelanggan sekali lagi didenda dengan dikenakan nisbah tip yang meningkat.

Bagi pemerintahan sesebuah negara, kesan rasuah tetap lebih dan boleh membawa kepada keruntuhan Kerajaan serta huru-hara. Jika pegawai yang memunggut anika jenis cukai melakukan rasuah, Kerajaan tidak akan dapat kutipan yang cukup. Kerana tidak cukup hasil negara maka pembayaran gaji yang saksama tidak dapat dibuat. Dan oleh kerana gaji yang memadai tidak dapat dibayar, rasuah diteruskan oleh pegawai.

Amalan rasuah ini boleh menjadi satu tabiat yang akhirnya tidak akan ada kaitan dengan perolehan yang halal. Kehendak hati manusia tidak ada had. Mereka yang dapat perolehan yang rendah mungkin berkata bahawa jika gaji dinaikkan maka mereka akan puashati. Tetapi kita harus ingat bahawa sudahpun ada orang-orang yang mendapat gaji yang diidami oleh pegawai ren-

dah. Apakah mereka yang dapat gaji tinggi ini sudah puashati dan tidak terpengaruh dengan rasuah? Jawabnya ialah mereka yang bergaji tinggi bukan sahaja tidak puashati, tetapi bagi mereka paras rasuah juga dituntut lebih tinggi iaitu seimbang dengan paras gaji mereka.

Oleh sebab ini kenaikan gaji tidak akan memberi kesan tetap dalam mengecah rasuah. Di sebuah negara yang rasuah sudah menjadi amalan biasa kenaikan gaji tiga kali ganda cuma menaikkan paras rasuah tiga kali ganda. Dengan perkataan lain apabila rasuah menjadi amalan biasa kenaikan perolehan bukan sahaja tidak berkesan mencegah rasuah tetapi sebenarnya menambah rasuah.

Rasuah berlaku di mana-mana juga. Tidak ada negara atau bangsa yang tidak terlibat dengan rasuah. Pencegahan rasuah seratus-peratus adalah mustahil. Walaupun demikian kesan rasuah boleh dikurangkan jika ianya tidak sampai kepada dua peringkat yang kritikal.

Peringkat pertama yang kritikal ialah semasa rasuah masih dirahsiakan tetapi hubungan sudah wujud antara pegawai yang rendah dengan pegawai tinggi. Di peringkat ini pegawai rendah menerima rasuah yang kemudiannya dibahagikan di antaranya dan pegawai yang lebih tinggi ataupun sebaliknya. Apabila ini berlaku tiap-tiap pegawai akan mempertahankan pegawai yang lain sama ada tinggi atau rendah. Keadaan ini mungkin melibatkan pegawai yang setinggi-tingginya, termasuk menteri dan lain-lain ahli politik, serta juga mereka yang bertugas mendukung undang-undang.

Kesan peringkat rasuah seperti ini adalah jelas. Aduan dari pihak yang teraniaya tidak akan memberi kesan. Yang lebih buruk lagi ialah walaupun rakyat ingin membersihkan keadaan, tidak ada sesiapa yang boleh bertindak kerana semua sudah terlibat dengan rasuah. Menteri dan pegawai mungkin bertukar tetapi mereka yang menggantikannya dalam sekelip mata akan terlibat juga dengan rasuah. Jika mereka tidak mahu terlibat tindakan mereka tidak akan berkesan juga kerana kakitangan yang mereka arah tidak akan mematuhi arahan. Pembuangan dan penggantian semua kakitangan Kerajaan adalah mustahil. Jika ini dicuba juga, nescaya mencetuskan huru-hara dan akan membawa lebih banyak keburukan.

Peringkat yang kedua dalam amalan rasuah wujud apabila rasuah tidak lagi disembunyikan dan diterima sebagai perkara biasa oleh masyarakat. Kadang-kadang gaji yang tidak mencukupi disebut sebagai sebab mengapa saguhati mesti diberi. Jika ini benar, maka mereka yang bergaji tinggi seperti pegawai-pegawai tinggi dan menteri tentu tidak akan menerima rasuah. Sebenarnya yang bergaji tinggi menerima rasuah yang lebih tinggi walau berapa tinggi sekalipun gaji yang dibayar. Tidak ada had bagi tamak manusia.

Dalam keadaan rasuah menjadi amalan terbuka dan pada hakikatnya tidak lagi haram, kesannya kepada negara amatlah buruk. Yang pertama pemerintah menjadi lemah kerana tiap-tiap kali rasuah diterima pemerintah kehilangan hasil atau tergelincir dari tindakan yang sepatutnya. Umpamanya jika cukai atas sesuatu sudah ditentukan, maka pemberian rasuah bermakna bukan pemberi yang mengeluarkan wang tetapi wang cukai yang patut dikutip yang dibahagikan antara pegawai dan pemberi rasuah. Jikalau amalan ini berlaku tiap-tiap kali cukai hendak dikutip, maka pemerintah tidak akan dapat mengumpulkan wang untuk mentadbirkan negara. Ini akan menghalang pembayaran gaji yang berpatutan. Untuk mengatasi gaji yang rendah ini pegawai akan mengumpan wang rasuah. Oleh kerana tamak manusia tidak terhad dan perbuatan rasuah dianggap ringan, semakin lama semakin banyak rasuah diterima, dan semakin kurang hasil negara. Kesan-kesan yang berikut darinya tidak perlu dijelaskan.

Kalau pemerintah kekurangan wang, khidmat-khidmat masyarakat seperti pelajaran, kesihatan, kemudahan awam, dan lain-lain perkhidmatan tidak dapat diadakan. Dengan ini negara bukan sahaja tidak akan mencapai kemajuan tetapi jurang perbezaan antara yang miskin dengan yang kaya akan bertambah. Ini disebabkan kemudahan awam yang disediakan oleh Kerajaan biasanya menolong golongan yang miskin mengurangkan perbelanjaan mereka.

Dalam keadaan si miskin bertambah miskin, amalan rasuah memburukkan lagi nasib si miskin kerana ianya tidak dapat memberi apa-apa saguhati dan tidak akan mendapat apa-apa khidmat daripada pegawai. Keadaan ini cuma boleh menjadi bertambah buruk setiap masa. Keadilan akan hilang maknanya dan majoriti rakyat akan putus asa.

Tamak manusia, seperti disebutkan tadi tidak ada hadnya. Walaupun keadaan ekonomi negara menjadi rosak akibat rasuah, pegawai dan orang lain yang terlibat dengan rasuah akan teruskan juga tabiat mereka. Akhirnya rasuah tidak lagi dapat memberi nikmat kepada mereka. Dalam negara yang penduduknya mewah, kekayaan mudah dicari, kerana pengguna mampu membeli barang-barang. Tetapi apabila ekonomi negara merosot (kerana rasuah) pengguna akan hilang pendapatan dan perniagaan akan bertambah merosot. Jika perniagaan merosot, peniaga juga tidak boleh memberi saguhati kepada pegawai dan pegawai pun turut menderita. Di negara-negara di mana rasuah sudah menjadi amalan biasa dan terbuka walaupun pegawai dibiayai dengan berbagai jenis rasuah, kebanyakan mereka tidak hidup sempurna.

Pengenalan dua peringkat rasuah yang dianggap kritikal ini adalah penting kerana apabila rasuah sudah sampai ke peringkat ini pencegahannya tidak mungkin lagi. Orangramai dan kumpulan-kumpulan tertentu dalam masyarakat akan mengecam rasuah, akan mendesak dan memprotes amalannya, akan mengugut pegawai dan pemerintah supaya rasuah dihapuskan. Tetapi semua usaha akan sia-sia sahaja. Walaupun pegawai dan pemerintah diganti, pemulihan cuma tercapai sekejap sahaja. Penyakit rasuah akan terjangkit kepada pengganti-pengganti. Walaupun mereka terdiri dari pengkritik-pengkritik rasuah dahulu, dalam sekejap masa rasuah akan merebak semula. Bezanya cuma mereka yang mendapat faedah adalah orang lain. Bagi orang biasa dan negara tidak ada perbezaan dari penggantian pegawai atau pemerintah.

Peristiwa ini dapat dilihat di mana sahaja rasuah sudah meningkat ke peringkat yang kritikal tadi. Kita lihat pemerintah diganti bukan sahaja oleh orang baru tetapi juga ideology baru. Tetapi dalam sekejap masa pemerintah baru ini dituduh terlibat dengan rasuah. Pengakuan demi pengakuan dibuat untuk membasmi rasuah. Kempen-kempen diadakan. Tetapi rasuah diteruskan juga. Kadang-kadang pemerintah ditukar sekali lagi dan ditukar pula. Tetapi rasuah masih juga berterusan.

Sebabnya rasuah tidak mungkin dikikis apabila sampai ke peringkat ini ialah oleh kerana rasuah sudah tidak lagi merupakan satu jenis jenayah tetapi merupakan "a way of life" bagi masyarakat. Mereka yang mengecam perbuatan jenayah berbuat demikian cuma kerana mereka tidak berpeluang. Jika mereka ber-

peluang dan berkeupayaan, mereka juga akan mengamalkan rasuah. Kaedahnya samalah dengan orang yang mengecam perbuatan "pilih-kasih" dan nepotisme, tetapi apabila dianya dapati ada "orang atas" yang dikenalinya, maka dengan pantas ia meminta pertimbangan khas bagi dirinya. Biasanya alasan yang diberi kenapa ia perlu diberi layanan istimewa ialah kerana orang lain diberi layanan istimewa. Dengan perkataan lain, oleh kerana orang lain melakukan jenayah, maka ianya juga berhak melakukan jenayah yang sama. Ini bermakna oleh kerana orang lain mengamalkan rasuah maka siapa juga, jika berpeluang, berhak mengamalkan rasuah. Dalam keadaan pemikiran rakyat seperti ini, penghapusan rasuah dalam masyarakat adalah mustahil. Yang boleh dilakukan ialah pemindahan amalan rasuah dari satu orang kepada orang yang lain, atau dari satu kumpulan kepada kumpulan yang lain.

Pada permulaan rencana ini kenyataan dibuat bahawa tidak ada sesuatu yang dianggap buruk oleh masyarakat melainkan ada sebabnya. Dari apa yang disebut di atas rasuah cuma buruk kepada mereka yang tidak berpeluang atau berkeupayaan mencari nikmat darinya. Bagi mereka yang berpeluang, kesan buruk rasuah tidak dirasai. Dalam keadaan yang mana sebahagian besar dari anggota masyarakat terlibat dengan rasuah, dan mendapat nikmat daripadanya, keburukan rasuah tidak mudah diperkatakan. Jika sebahagian besar dari masyarakat mendapat nikmat dari rasuah, bagaimanakah rasuah dapat ditafsir sebagai satu jenayah yang buruk?

Di negara China di bawah pemerintahan beraja rasuah tidak ditafsir sebagai rasuah. Semua pegawai mesti dibayar saguhati untuk mendapat khidmat dari mereka. Pembayaran saguhati ini adalah secara terbuka. Kerapkali untuk pemerintahan sesebuah bandar umpamanya penduduk bandar memungut wang untuk bayaran saguhati ini sebagai satu perkara biasa.

Semua kakitangan pemerintah terlibat dengan amalan ini. Bahagian-bahagian masing-masing adalah tetap. Sebenarnya pungutan wang saguhati tidak lagi berbeza dari pungutan cukai. Perbezaan cuma terdapat dari segi pentadbiran wang yang dipungut. Jika wang cukai diserah sepenuhnya kepada pemerintah dan selepas itu diedar kepada pegawai dan kakitangan sebagai upah (gaji); wang rasuah yang dikutip dipotong bahagian masing-masing sepanjang jalan, iaitu pengutip mengambil bahagiannya

sebelum menyerah kepada pegawai atasnya, dan pegawai ini pula mengambil bahagiannya sebelum menyerah kepada ketuanya; yang membuat demikian juga dan seterusnya.

Dalam peristiwa ini pegawai mendapat nikmat dalam bentuk upahan yang ditambah kepada gaji yang biasanya amatlah rendah, dan orang awam mendapat nikmat dalam bentuk khidmat yang berkesan. Oleh kerana semua pihak mendapat faedah, keburukan rasuah jenis ini tidak begitu ketara. Sebenarnya rasuah ini tidak pun dipanggil rasuah tetapi diberi nama-nama samaran yang tidak begitu buruk.

Tetapi dalam keadaan ini pun, keburukan rasuah dapat dilihat jika kajian dibuat. Di negara China pada zaman yang sama, bukan sahaja pegawai mesti diberi saguhati tetapi ketua-ketua penjenayah juga menuntut saguhati. Persatuan Pengemis-pengemis, kumpulan-kumpulan triad (secret society) dan perompak, semuanya mesti dibayar saguhati secara tetap jika tindakan ganas mereka mahu dielak.

Dalam keadaan berbagai jenis kumpulan menekan anggota-anggota masyarakat yang ingin kesempurnaan, kemajuan masyarakat terhindar. Tidak sesiapa yang ingin berusaha lebih kerana hasil usahanya diperkuasa oleh pegawai dan penjenayah. Kebanyakan anggota masyarakat akan mencari setakat yang minima sahaja kerana jika lebih dari itu, faedahnya akan pergi kepada pemeras-pemeras. Selain dari ini kehidupan masyarakat sentiasa diancam dan berada dalam keadaan ketakutan. Keadilan tidak mungkin dinikmati oleh orang yang lurus kerana keadilan tidak wujud dalam masyarakat yang menerima rasuah sebagai amalan.

Selain daripada ini pembayaran saguhati kepada pegawai biasanya dibuat untuk mengurangkan bayaran cukai yang halal kepada pemerintahan. Ini bermakna pemerintahan tidak akan dapat cukai dengan sepenuh. Tanpa pembiayaan dari cukai pemerintah tidak mungkin menyediakan kemudahan-kemudahan awam. Ini akan termasuk peruntukan pertahanan dari rasuah. Negara tentu menjadi lemah dan mungkin ditewas dan ditawan dan penduduk diperhambakan.

Amalan rasuah dan kelemahan negara biasa menjadikan negeri-negeri Melayu tanah takluk bagi hampir siapa sahaja yang ada di sekeliling mereka. Kadang-kadang penaklukan dibuat melalui ancaman, tetapi kadang-kadang sudah cukup dengan berjanji memberi pertolongan.

Contoh yang jelas boleh didapati dari sejarah negeri-negeri Melayu sendiri. Dalam abad kesembilan belas bangsa-bangsa lain mula menumpukan perhatian kepada negeri-negeri Melayu. Potensi kekayaan negeri-negeri ini adalah jelas tetapi pemerintah serta penduduk tidak ada minat dan tidak ada kebolehan untuk mengeluarkan faedah daripada potensi ini, terutama potensi perlombongan.

Cadangan dibuat oleh pihak-pihak asing kepada pembesar-pembesar tempatan supaya penerokaan sumber alam diberikan kepada orang asing dengan pembayaran saguhati secara tetap kepada pembesar. Dalam jangkamasa yang pendek pembesar-pembesar tempatan telah mendapat faedah yang luarbiasa untuk diri mereka sendiri melalui kerjasama yang dianjurkan oleh orang asing ini. Sudah tentu perolehan yang didapati oleh pembesar tidak dianggap sebagai cukai untuk negeri, walaupun tanah-tanah lombong bukan sebenarnya milik pembesar.

Bermula dengan perlombongan, cara kerjasama ini diperluaskan kepada pemberian tanah untuk lain-lain tujuan, monopoli perjudian, monopoli penjualan candu, bahkan monopoli mengutip cukai. Pendapatan pembesar dari kerjasama mereka dengan orang-orang asing melebihi perolehan dari kutipan hasil daripada rakyat, secara biasa dan dengan itu tanggungjawab pembesar terhadap rakyat pun merosot. Mereka mengutamakan kehendak pedagang asing.

Apabila tiba ke peringkat ini perasaan irihati pun timbul di kalangan semua pihak. Orang asing yang belum dapat peluang mula menghasut supaya pembesar yang sudah kaya digulingkan oleh sesiapa yang sanggup bertindak untuk mendapat upahan bagi dirinya. Kesan dari kegiatan ini ialah permusuhan antara pembesar-pembesar tempatan dan juga antara kumpulan-kumpulan orang asing sehingga pertempuran sengit berlaku berkali-kali. Berikutan dengan ini maka satu demi satu daripada negeri-negeri Melayu Semenanjung telah jatuh ke tangan British melalui ikatan janji untuk "menolong".

Peristiwa kejatuhan negeri Melayu ke tangan British mungkin dianggap sebagai contoh yang agak keterlaluan untuk membuktikan kesan rasuah, tetapi tidaklah dapat dinafikan bahawa rasuah boleh dan biasa meningkat sehingga ke peringkat ini. Jika diperakukan bahawa rasuah tidak mungkin dikikis bersih, dan se-

baliknya rasuah boleh menghancurkan sesuatu masyarakat manusia, apakah pendirian dan tindakan yang mungkin diambil?

Adanya rasuah, seperti adanya jenayah lain tidak bermakna bahawa masyarakat itu sudah menerima amalan rasuah sebagai satu amalan biasa. Tetapi amalan rasuah, tidak seperti jenayah lain, jika dibiarkan boleh diterima sebagai amalan biasa yang dilakukan secara terbuka. Seperti telah diterangkan di atas, apabila rasuah menjadi amalan biasa dan terbuka, bukan sahaja ianya sukar dikikis tetapi akibatnya amatlah bahaya kepada semua pihak. Dengan ini adalah jelas bahawa walaupun masyarakat terpaksa menerima hakikat bahawa rasuah tidak mungkin dikikis habis; masyarakrat tidak boleh membiarkan sehingga amalan rasuah dianggap perkara biasa yang tidak perlu dirahsiakan. Apa juga hakikat yang sebenar tentang wujudnya rasuah, ianya tetap sebagai satu jenayah yang tidak boleh dipandang ringan.

Jika masyarakat jelas menganggap rasuah tetap sebagai satu jenayah; kecaman hebat terhadap rasuah tidak dengan sendirinya berkesan. Yang lebih penting dan berkesan ialah masyarakat, secara langsung atau tidak langsung membersihkan diri dari rasuah. Untuk menentukan pembersihan berlaku, tafsiran rasuah mestilah difahami oleh semua pihak.

Umumnya rasuah ditafsirkan sebagai pemberian saguhati kepada seseorang yang berkuasa supaya menyalahgunakan kuasa dan memilih kasih dalam tindakannya. Rasuah jelas berlaku apabila di antara beberapa pemohon lesen umpamanya, pemohon yang memberi saguhati kepada pengeluar lesen, diberi lesen sungguhpun ianya kurang layak. Tetapi kalau yang berjaya ini orang yang layak dan saguhati diberi di waktu hari kebesaran di waktu mana orang lain juga memberi hadiah, apakah rasuah berlaku? Dianya berjaya kerana layak dan saguhatinya diberi kerana "keadilan" pengeluaran lesen - apakah ini rasuah!!

Oleh itu maka pemberian hadiah di waktu hari-hari raya sepatut dianggap sebagai sejenis rasuah. Tetapi tidaklah menjadi satu perkara yang mudah untuk menolak semua hadiah atau gifts. Pemberian hadiah dari pembesar negara asing mungkin kerana tanda persahabatan atau mungkin sebagai satu jenis rasuah supaya memberi layanan yang baik kepada dasar ataupun kepada warganegara negara berkenaan! Apakah pendapat orang ramai tentang hadiah yang diberi pada hari-hari kebesaran!!

Penyalah-gunaan wang Kerajaan "sudah tentu" patut dianggap sebagai rasuah sama seperti penyalah-gunaan kuasa. Jika seorang pegawai diberi hak menuntut balik perbelanjaan yang ianya belanjakan kerana urusan kerjanya, tetapi ia menuntut lebih daripada apa yang dibelanjakan, itu tetap rasuah. Jika seorang pegawai mengeluarkan perbelanjaan Kerajaan supaya faedahnya terdapat kepada dirinya seperti pembinaan jalan Kerajaan ke arah rumah sendiri, itu juga rasuah. Jikalau seorang Menteri menggunakan kuasanya untuk mendapat peruntukan wang bagi mengadakan kemudahan bagi dirinya, atau keluarganya atau penyokong-penyokongnya, ini juga rasuah! Jika seorang penuntut mendapat biasiswa kerana janjinya untuk belajar, tetapi menggunakan peluangnya untuk tujuan lain, ini pun rasuah juga!

Sepintas lalu semua yang telah disebutkan mungkin jelas rasuah. Tetapi jika diteliti dengan mendalam, yang jelas menjadi kabur dan kadang-kadang terbalik terus: iaitu yang jelas rasuah nampaknya bukan rasuah. Seorang Menteri yang menentukan pengikut-pengikutnya mendapat kemudahan, mungkin membuatnya kerana bantuan itu patut diberi kalau ditimbang secara adil. Mungkin pula mereka ini dahulunya teraniaya kerana pegawai atau lain-lain pihak sengaja tidak melayan mereka. Tidakkah menjadi tugas menteri membetulkan yang salah? Apakah seorang menteri patut menolak sesuatu tuntutan yang adil semata-mata kerana ingin menjaga nama baik diri sendiri. Apakah semua mereka yang ada hubungan dengan menteri patut menjadi mangsa kerana menteri lebih mengutamakan kebersihan imejnya? Begitu juga dengan semua pegawai yang berkuasa. Sesiapa juga yang mereka layan tentu ada perhubungan dengan mereka. Mungkin layanan itu merupakan pilih kasih, mungkin tidak.

Apa yang jelas ialah tiap-tiap satu kurniaan, sama ada lesen atau biasiswa atau kemudahan apa-apa, yang memohon adalah ramai bilangannya dan bagi tiap-tiap seorang yang berjaya, tentu ramai lagi yang tidak berjaya dan tidak puashati. Pilihan sudah dibuat oleh pegawai tetapi dapatkah ditentukan dengan mudah pemilihan itu "pilik kasih" atau tidak. Mereka yang tidak dapat tentu akan berkata "pilih kasih". Tetapi mereka juga, jika berjaya akan menganggap pemilihan yang dibuat oleh pegawai adalah adil. Dan yang lebih buruk lagi ialah jika mereka yang gagal berpeluang berhubung dengan pegawai untuk mendapat layanan istimewa mereka juga tidak akan teragak-agak melakukannya.

Dari diskusi di atas yang jelas ialah tafsiran rasuah, sungguhpun mudah dengan kes yang jelas, tidaklah begitu mudah dengan kebanyakan kes-kes yang menarik tuduhan. Apabila seseorang kecewa kerana ianya sendiri tidak mendapat sesuatu, tuduhannya tidak boleh dianggap tepat. Tetapi jika tuduhan tidak dibuat oleh pihak yang terlibat, siapakah yang akan membuat tuduhan. Sudah tentu orang yang tidak terlibat tidak akan kenal pahit maung kekecewaan dan semua butir-butir yang berkait dengan peristiwa yang dipersoalkan.

Dalam pencegahan rasuah juga ada dilemma. Bukan sahaja tidak semua yang dituduh sebagai rasuah tidak sebenarnya rasuah, tetapi dalam usaha mencegah rasuah, kuasa terpaksa diberi kepada pihak-pihak tertentu. Kuasa ini besar dan seperti kuasa-kuasa lain juga, boleh disalah-gunakan. Dengan perkataan lain pencegah rasuah juga menghadapi cubaan rasuah. Dari pegawai yang sekecil-kecilnya sehingga ke pegawai yang tertinggi percubaan akan dihadapi dan, sama ada mereka bersih atau tidak, tuduhan akan dibuat terhadap mereka. Dengan tuduhan ini, sama ada berasas atau tidak, kegiatan mencegah rasuah akan menjadi lemah. Tetapi sebaliknya tuduhan mungkin berasas, dan jika tidak dibuat mungkin jentera mencegah rasuah akan menjelma menjadi jentera menggalakkan rasuah. Ini adalah dilemma rasuah - tidak ada satu sistem yang boleh digunakan untuk mencegah rasuah tanpa ianya sendiri terdedah kepada tekanan rasuah.

Dalam dilemma ini cara mengatasinya bukan ditentukan oleh cara atau alat pencegah rasuah. Yang penting dan berkesan ialah sistem nilaian masyarakat yang berkenaan. Memang semua pihak mengaku bahawa rasuah adalah satu jenis jenayah yang tidak patut diamalkan. Tiada siapa yang akan berkata bahawa dia menganggap rasuah sebagai perkara ringan atau tidak merupakan satu penyakit yang buruk bagi masyarakat. Tetapi di antara apa yang disebut dan apa yang dilakukan apabila timbul peluang memperalatkan rasuah, amatlah jauh jurang perbezaannya.

Di negara demokrasi umpamanya peluang rasuah bagi rakyat biasa wujud dengan meluas terutama tiap-tiap kali pilihanraya diadakan. Sepatutnya pilihanraya digunakan untuk memilih pemimpin yang berkebolehan, layak dan jujur. Soal yang patut diutamakan ialah adakah calon dan partinya dapat mentadbir negara dengan sempurna atau tidak? Apakah negara dan masyarakat akan menjadi lebih maju dan aman jika seseorang itu dipilih? Apakah

kedudukan yang buruk di dalam kawasan pilihanraya dapat dibaiki atau tidak? Apakah keadilan akan wujud dalam pembahagian tenaga dan bantuan Kerajaan di kalangan rakyat? Pendekata apa yang patut menentukan calon mana yang dipilih ialah kesan pemilihan itu terhadap kebahagian dan kemajuan negara dari semua sudut.

Tetapi dalam pilihanraya biasanya yang diutamakan oleh kebanyakan pengundi ialah apakah kelebihan yang akan didapati oleh diri mereka jika calon yang merayu undi dari mereka menang. Kelebihan tidak lagi bermakna keadilan. Ia lebih merupakan saguhati secara langsung kepada pengundi. Lebih banyak janji untuk memberi (sehingga tidak adil kepada pihak lain) lebih kuat sokongan kepada calon.

Pada mulanya calon berjanji akan melayan tuntutan pengundi sama ada adil atau tidak. Mungkin calon terpaksa berjanji juga bahawa orang yang tidak disukai oleh pengundi-pengundi tersebut tidak akan dilayan walaupun perbuatan ini jelas tidak adil. Sepertimana seorang yang memohon lesen, umpamanya, terpaksa melayan kehendak pegawai; calon yang merayu undi juga terpaksa berjanji akan melayan kehendak bakal pengundi-pengundinya.

Setelah menang, calon yang dipilih terpaksa berusaha memenuhkan janjinya terutama jika dia terdiri dari parti yang membentuk Kerajaan. Keadilan tidak ada tempat dalam menunaikan janji-janji ini. Tetapi bukan ini sahaja yang dilakukan. Oleh kerana ianya sedar bahawa undi boleh didapati dengan melayankan kehendak pengundi, maka bagi pilihanraya yang akan datang usaha mesti diadakan untuk memberi layanan terlebih dahulu. Bagi calon dari parti Kerajaan tanah merah dan lain-lain diberi apabila dekat dengan pilihanraya. Ini sudah tentu menjadi satu jenis korapsi. Kalau pada mulanya undi diberi kerana janji layanan, sekarang layanan diberi kerana undi.

Tetapi bukan sahaja calon parti Kerajaan yang melakukan perbuatan ini. Calon lain juga melakukan perkara-perkara yang tidak jauh berbeza daripada perbuatan ini. Mereka melawat kawasan untuk memberi berbagai khidmat bakti, hadir Majlis kenduri, sembahyang di masjid-masjid kampung, menolong dengan wang ringgit ala kadar dan lain-lain perbuatan yang tidak mungkin dilakukannya jika tidak ada keinginan menjadi calon.

Perbuatan ini jelas tidak jujur kerana khidmat ditamatkan jika tidak ada keinginan lagi untuk menjadi calon.

Jika masyarakat tidak suka kepada rasuah, masyarakat tidak seharusnya mengadakan suatu iklim yang begitu sesuai untuk rasuah. Undi yang ada pada pengundi adalah sama dengan kuasa yang ada pada pegaawai. Undi itu dapat menentukan nasib seseorang sehingga ke peringkat menjadi Perdana Menteri. Adakalanya satu undi sudah cukup untuk menentukan nasib seorang Perdana Menteri. Ini bermakna bahawa kuasa yang ada pada tangan pengundi amatlah besar. Power corrupts and absolute power corrupts absolutely. Kuasa seorang pengundi mungkin menjadi kuasa yang muktamad (absolute) dan kuasa yang muktamad ini mendorong kepada korapsi.

Masyarakat yang diberi kuasa begini besar mudah menjadi korap dan tanda-tanda sudah pun ada yang menunjukkan bahawa sungguhpun semua pihak mengecam rasuah, sejenis rasuah yang dilakukan sendiri telah dikecualikan. Jika masyarakat ingin menyingkirkan rasuah, masyarakat tidak boleh mengamalkan rasuah secara langsung atau tidak langsung, di waktu pilihanraya. Jika rasuah undi dibuat maka besar kemungkinan pemimpin yang akan dipilih akan terdiri dari mereka yang mudah menggunakan rasuah untuk menjadi calon dan memenangi pilihanraya. Dan pemimpin yang mudah menggunakan rasuah akan mudah terpengaruh dengan rasuah.

Masalah ini patut difikirkan dengan teliti. Tiap-tiap calon dan tiap-tiap parti terpaksa membelanja wang berjuta ringgit untuk pertandingan dalam pilihanraya. Pada satu ketika perbelanjaan yang banyak ini tidak perlu kerana ramai yang sanggup berkhidmat percuma kerana percaya kepada prinsip perjuangan parti atau individu atau kerana semangat. Sekarang individu yang miskin tidak dapat bertanding lagi melainkan ianya dicalonkan oleh parti yang kaya.

Dalam keadaan ini keputusan yang tidak bijak mudah dibuat oleh pengundi. Jika kekayaan parti disamakan dengan rasuah tanpa menghirau faktor-faktor yang lain, dengan mudah pengundi memutuskan untuk menyokong calon yang miskin sebagai satu protes. Sikap ini adalah negatif kerana calon yang miskin mungkin tidak baik dan tidak dapat melakukan apa-apa yang berfaedah termasuklah menentang rasuah. Sikap seperti ini oleh

masyarakat sebenarnya membuktikan ketidak-sanggupan ahli masyarakat menghadapi masalah secara berdepan.

Penyakit yang menyerang masyarakat ialah rasuah yang dilakukan oleh masyarakat sendiri. Ubatnya ialah pengikisan rasuah dari masyarakat dan bukan penolakan apa yang ditonjolkan sebagai simbul rasuah iaitu kekayaan calon atau parti. Untuk memusnahkan kesan rasuah dan rasuah, tiap-tiap ahli masyarakat ataupun sebilangan besar daripadanya mestilah menjauhkan diri dari semua amalan rasuah. Dalam konteks pilihanraya, pemilihan mestilah berasas kepada kecekapan dan kejujuran calon dan bukan janji untuk memberi itu dan ini kepada pengundi atau kepada kampungnya. Juga mereka yang ingin melihat calon yang baik mendapat kemenangan mestilah sanggup bekerja sukarela, tanpa meminta saguhati atau janji untuk sesuatu nikmat.

Kita telah lihat bagaimana demokrasi di Amerika Syarikat telah dihancurkan oleh aneka jenis rasuah yang telah didedah dalam kes Watergate. Sebenarnya bukan Nixon sahaja yang mengamalkan sistem ini tetapi semua calon-calon Presiden, dan Presiden-presiden sebelum Nixon. Perkara ini berlaku kerana pengundi memaksa perbelanjaan yang cukup tinggi untuk pertandingan memilih Presiden tetapi penyokong dan pengundi biasa tidak sanggup memberi bantuan secara ikhlas untuk maksud ini. Dalam kesukaran perbelanjaan yang dihadapi oleh calon-calon dan parti mereka, bantuan dari mereka yang mempunyai kepentingan diri (dan kaya) terpaksa diterima. Bantuan ini mungkin tidak bersyarat tetapi sekurang-kurangnya penerima merasai terhutang budi. Masyarakat bertindak menyingkirkan Presiden tetapi penyakit yang sebenar, iaitu amalan rasuah yang dilakukan ataupun digalakkan oleh masyarakat kekal tidak berubah. Ini terbukti apabila didapati bahawa Presiden Carter, juga terlibat dengan skandal rasuah Bert Lance, penasihat kewangannya.

Rasuah bukan penyakit baru. Ianya penyakit lama yang dikenal sebagai sebahagian daripada sistem nilaian dan kebudayaan mana-mana masyarakat. Seperti lain-lain nilai yang menjadi sebahagian daripada kebudayaan pengakuan terhadap buruk baiknya tidak bermakna pengertian yang mendalam. Bukan sahaja tafsiran dan kesan rasuah tidak begitu difahami tetapi tiap-tiap seorang mempunyai satu tafsiran dan nilai untuk dirinya sendiri dan tafsiran dan nilai yang lain untuk pihak orang lain. Sebab itu orang

yang mengecam pilih kasih tidak segan-segan meminta jasa baik pula jika ianya berpeluang.

Rencana seperti ini tidak mudah ditulis kerana reaksi terhadap penulisannya ialah percubaan untuk membuktikan amalan ini terdapat juga di sisi penulis. Dari tafsiran rasuah yang luas ini sudah tentu siapa pun tidak dapat berbangga dengan kebersihannya. Tulisan seperti ini oleh seorang ahli politik sudah tentu akan menjamin kegagalannya di masa akan datang. Sesiapa yang menolongnya akan merasai curiga yang dia mungkin dituduh menolong kerana rasuah atau pun pertolongan yang diberi tidak ada faedah kepada pihak yang menolong. Namun demikian rasuah mesti dikenal bukan sahaja sebagai sebahagian dari kebudayaan tetapi sebagai satu penyakit yang jelas kesannya.

Penghapusan rasuah bergantung kepada kejujuran. Sesiapa yang cuba mengguna rencana ini untuk kepentingan politik diri, atau parti bukan sahaja tidak jujur tetapi akan melakukan sejenis rasuah, iaitu penyalah-gunaan kuasa yang datang dari pengetahuan. Rasuah yang menghalang penghapusan rasuah adalah rasuah yang terburuk sekali.

UMNO DAN PERPADUAN

United bermakna bersatu. Sejarah UMNO adalah penuh dengan usaha menyatu-padukan orang Melayu dalam satu organisasi nasional. Perpaduan menjadi tema perjuangan. Kongres pertubuhan-pertubuhan Melayu di Sultan Sulaiman Club, Kampung Bahru, pada Mei tahun 1946 mewujudkan perpaduan Melayu dalam UMNO. Hari ini perhubungan UMNO-PAS sekali lagi membuktikan perjuangan UMNO untuk perpaduan Melayu.

Bersatu Teguh, Bercerai Roboh. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, atau Perkembar, tetap akan tercatit dalam sejarah sebagai satu force untuk perpaduan.

Perpaduan di kalangan orang Melayu bukanlah satu perkara yang mudah. Sejarah membuktikan bahawa bangsa Melayu di Semenanjung dan Gugusan Pulau-pulau Melayu lebih mudah berpecah-belah dari bersatu-padu.

Sistem politik Melayu memang mengutamakan perpecahan. Seluruh Semenanjung dan Pulau-pulau diduduki oleh ethnic Malays yang mempunyai bahasa dan kebudayaan yang lebih-kurang sama. Keadaan seperti ini biasanya mewujudkan satu bangsa di bawah satu pemerintahan.

Di Eropah umpamanya negara-negara yang besar dan gagah wujud kerana persamaan bahasa, kebudayaan dan kawasan. Itali, Britain, Jerman dan lain-lain negara Eropah mempunyai ketua-ketua daerah yang turun temurun tetapi masing-masing mengiktiraf satu raja dan satu panji-panji. China yang lebih besar dan mempunyai bahasa yang cuma sama asasnya tetapi berlainan dialect juga dapat menjadi satu negara. Jepun, Korea dan Parsi juga begitu.

Tetapi di kalangan ethnic Malays di Semenanjung dan Gugusan pulau-pulau, bahasa dan kebudayaan yang sama tidak mewujudkan satu negara. Sistem politik bangsa Melayu menggalakkan negeri-negeri yang kecil, yang antononous. Acheh di Sumatera berpecah menjadi lebih dari 300 negeri-negeri kecil, masing-masing dengan rajanya sendiri di waktu Belanda melanggar dan menakluknya.

Di Semenanjung, bilangan negeri-negeri Melayu tidak begitu jelas sebelum dijajah oleh British. Sungai Ujung, pada satu masa adalah sebuah negeri. Begitu juga Naning. Dan di Kedah, Perlis dijadikan sebuah negeri asing, dan daerah Kubang Pasu juga hampir jadi sebuah negeri yang beraja sendiri.

Pecah-pecah di kalangan negeri-negeri Melayu bertambah apabila kuasa asing dari jauh dan dekat menyerang. Ada saja raja-raja yang sanggup menolong kuasa luar untuk kepentingan diri. Singapura wujud kerana ada raja yang sanggup menyerahkan tanah jajahan Johore. Perpisahan Johore-Riau berasal dari kejadian yang hampir sama, iaitu ada raja yang sanggup menerima penjajahan Belanda.

Sehingga tamat Perang Dunia Kedua bangsa Melayu di Semenanjung masih dalam keadaan parochial dengan masing-masing bertaat-setia kepada negeri-negeri dan raja-raja masing-masing. State nationality ditafsirkan dalam beberapa perlembagaan sebagai satu kerakyatan sebuah negeri. Kerakyatan yang sama bagi negeri-negeri Semenanjung tidak ada.

Dan kerakyatan ini bukanlah satu formality sahaja. Rakyat satu-satu negeri tidak ada hak di negeri yang lain. Biasiswa negeri Kedah dihadkan kepada "rakyat Kedah" sahaja. Jawatan di Kedah juga begitu, iaitu jawatan cuma terbuka untuk anak Kedah. Jika tidak ada orang Kedah, orang British ataupun orang India boleh diterima. Tetapi orang Melayu dari negeri Melayu yang lain tidak boleh mendapat biasiswa atau jawatan di Kedah.

Jelas dari sejarah bangsa Melayu bahawa pemecahan dan perpisahan adalah sebahagian dari adat. Perpaduan tidak dapat galakan dan bukan adat. Sistem bangsa Melayu di Semenanjung dan di gugusan pulau-pulau Melayu berasas kepada fragmentation, iaitu perpecahan kepada unit yang kecil dan bertambah kecil.

Amalan ini dipecahkan dalam tahun 1946 apabila Kongres pertubuhan-pertubuhan Melayu di Semenanjung menubuhkan satu badan politik yang bernama United Malays National Organisation. Nama ini dipilih kerana dunia pada masa itu menaruh penuh kepercayaan kepada United Nations Organisation sebagai alat untuk mencegah peperangan dan membina dunia baru - dunia yang bersatu-padu dan tidak berpecah-belah.

Kalau negara-negara dunia percaya kepada perpaduan maka bangsa Melayu juga mesti berharap kepada perpaduan untuk

mengelak dari ancaman British untuk menjadi negeri-negeri Melayu. Tanah yang ditakluk terus oleh mereka. Dan wujudlah UMNO atau Perkembar, badan yang menyatu-padukan tenaga Melayu. Bersatu - Teguh. Dan di dalam Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, bangsa Melayu mencapai persatuan - Melayu Bersatu - Melayu Teguh. Dan "Hiduplah Melayu" sebagai satu bangsa - tidak sebagai rakyat negeri-negeri kecil yang lemah.

"Hidup Melayu" menjadi slogan dan Bersatu menjadi amalan pertubuhan UMNO. Tetapi sungguhpun semangat perpaduan adalah kuat, perasaan kedaerahan dan taat-setia yang sempit kepada pertubuhan-pertubuhan yang terkumpul di Kelab Sultan Sulaiman tidak mudah dimusnahkan. UMNO adalah gabungan pertubuhan-pertubuhan Melayu - United tidak bertafsiran Union tetapi Federation, iaitu di dalam UMNO ada badan-badan yang berasingan yang cuma sanggup bekerjasama. Tiap-tiap sebuah negeri Melayu ada pertubuhannya dan ada pula badan-badan separuh politik yang bebas dari pertubuhan politik negeri yang juga bergabung dalam UMNO.

Di Kedah ada Kesatuan Melayu Kedah yang merupakan national political party bagi Kedah. Tetapi "Seberkas" adalah sebuah lagi pertubuhan yang tidak seratus-peratus politik yang menjadi "ahli" dalam UMNO. Di lain-lain negeri keadaan adalah sama, iaitu beberapa pertubuhan mewakili orang Melayu negeri itu dalam UMNO.

Perjuangan menentang Malayan Union dilakukan oleh UMNO yang masih mengamalkan "perpaduan" yang bebas yang tidak sampai kepada taraf dan takrif "persatuan". Kejayaan UMNO dalam usaha pertama ini menunjukkan dengan terang kebaikan "bersatu" daripada "bersendirian" dalam perjuangan politik, bukan sahaja orang-orang Melayu tetapi sebenarnya perjuangan politik negeri-negeri Melayu.

Jika negeri-negeri Melayu bertindak berasingan dalam menentang Malayan Union, pihak British tidak akan tunduk kepada bangkangan mereka. Tetapi perpaduan yang nyata dalam UMNO adalah satu kuasa yang tidak boleh diketepikan oleh British (Yang pada masa itu adalah satu kuasa dunia yang diakui).

Selepas Malayan Union ditewaskan, UMNO kehilangan tujuan dan matlamat perpaduan tidak begitu menarik perhatian. Tetapi selepas suatu krisis pimpinan, usaha ke arah perpaduan bermula semula. Hasil dari usaha ini ialah pertubuhan-pertubuh-

an yang dahulunya cuma bergabung dalam UMNO, berjaya menyatukan diri terus dalam satu UMNO negeri yang mewakili semua orang Melayu yang percaya kepada perjuangan UMNO dalam negeri itu.

Kesatuan Melayu Kedah, Perak Malay League, Kesatuan Melayu Singapura dan lain-lain pertubuhan hilang dan digantikan oleh UMNO Kedah, UMNO Perak, UMNO Singapura dan seterusnya. Pertubuhan yang kekal sebagai badan bukan UMNO yang bergabung dalam UMNO ialah Seberkas, Kedah. Akhirnya Seberkas pun dibubarkan juga.

Tetapi usaha menyatu-padukan UMNO belum selesai dengan hilangnya pertubuhan-pertubuhan yang bergabung. UMNO Negeri merupakan badan yang kuat otonominya dan kerap-kali bertindak secara yang tidak secocok dengan UMNO pusat. Federalisme masih ada dalam bentuk ini. Federalisme ini ditamatkan apabila semua bahagian-bahagian berhubung terus dengan pusat dan pertubuhan dalam negeri adalah badan perhubungan sahaja.

Dengan langkah yang penghabisan ini maka UMNO merupakan "persatuan" yang sebenar. Tiap-tiap tindakan dan polisi UMNO di tentukan di pusat oleh badan yang diakui sebagai mewakili semua ahli. Majlis Tertinggi UMNO ialah badan yang berkuasa ke atas semua pihak dan ianya tertakluk kepada Perhimpunan Agung yang merupakan badan yang terbesar sekali bagi membuktikan perpaduan ahli dalam pertubuhan UMNO.

Tetapi UMNO tidak wujud kerana UMNO. UMNO wujud kerana orang Melayu. Penyatuan yang dikehendaki ialah penyatuan orang Melayu. Penyatuan ahli UMNO belum bermakna penyatuan orang Melayu. "Perkembar" ialah untuk "Melayu Bersatu" tetapi orang Melayu masih terbahagi kepada beberapa pertubuhan politik yang bertentangan di antara satu dengan yang lain.

Sungguhpun kita telah lihat bagaimana perpaduan dicapai berperingkat-peringkat di dalam UMNO, kita terpaksa mengaku bahawa Kongres Pertubuhan-pertubuhan Melayu tahun 1946 tidak dapat meyakinkan sebuah partai politik Melayu yang besar, iaitu Partai Nasionalis Melayu dengan konsep perpaduan UMNO. MNP tidak bersetuju dengan perpaduan tanpa ideologi. Oleh kerana pegangan ideologi lebih kuat dari kepercayaan kepada perpaduan kebangsaan MNP tidak menyertai gabungan yang dinama-

kan UMNO walaupun pada ketika itu pertubuhan yang bergabung masih boleh mengekalkan identitinya.

Lepas itu orang-orang Melayu ditarik pula dengan beberapa parti yang muncul oleh kerana beberapa sebab. Independence of Malaya Parti, Parti Negara, Parti Islam adalah di antara parti-parti yang menarik penganut di kalangan orang Melayu. Akhirnya cuma PAS sahaja yang tinggal sebagai parti yang besar yang berjaya dapat sokongan yang bermakna di kalangan orang-orang Melayu.

Walau apa sekalipun janji yang dibuat oleh UMNO, ianya tidak dapat menarik semua orang Melayu masuk ke dalam UMNO. Sebahagian dari orang Melayu masih juga menyokong PAS. Penyatuan orang Melayu tidak dapat dicapai. Perkembar tidak dapat mencapai tujuan utamanya menyatu-padukan orang Melayu.

Kenyataan ini akhirnya diterima oleh pemimpin UMNO. Apabila kesedaran datang bahawa penyatuan orang-orang Melayu tidak semestinya bermakna penyatuan dalam UMNO; apabila disedari semula UMNO tidak wujud kerana UMNO tetapi kerana orang Melayu; maka sikap pun bertukar. Penukaran sikap inilah yang membolehkan kerjasama di antara UMNO dengan PAS, iaitu di antara orang Melayu dengan orang Melayu. Penyatuan di dalam UMNO tidak tercapai, tetapi perpaduan di kalangan orang Melayu sudah tercapai.

Dan dengan tercapainya perpaduan ini, negara kita berubah. Di dalam jangka masa dua tahun apa yang mustahil bagi orang Melayu dahulu nampaknya sudah tidak mustahil lagi. Masa depan orang Melayu nampaknya sudah jadi lebih cerah kerana mereka bersatu. Parti-parti politik adalah alat. Yang penting ialah perpaduan. Perpaduanlah yang mendatangkan kejayaan.

UMNO sudah mencapai tujuan asalnya - Perpaduan atau penyatuan orang-orang Melayu. Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu sudah memenuhi satu lagi dari hasrat penubuhannya. Dari mula UMNO telah berjuang untuk perpaduan. Tetapi kerana amalan demokrasi dan pilihanraya perpaduan telah diketepikan. Peristiwa Mei 1969 mengejutkan dan menyedarkan. Dari kesedaran ini perjuangan untuk perpaduan orang Melayu dihidupkan semula dan Kerjasama PAS-UMNO adalah hasilnya. Kerjasama ini menjadi puncak kepada perjuangan UMNO di bawah pimpinan Presidennya yang ketiga, Tun Razak.

Tetapi tabiat dan adat tidak mudah disingkirkan. Sementara orang Melayu yang berfikiran waras, iaitu majoriti daripada mereka, gembira dengan perpaduan orang Melayu melalui kerjasama PAS-UMNO, beberapa kumpulan yang lain melihat kejayaan ini dengan perasaan iri hati. Dalam perpaduan ini mereka tidak memainkan peranan apa-apa dan tidak menarik perhatian daripada masyarakat. Seperti raja-raja yang tidak bertakhta dahulu sanggup mengkhianati bangsa kerana tamak kepada kuasa, mereka ini sanggup menggunakan apa saja cara untuk memecahkan balik perpaduan orang Melayu demi untuk memuaskan nafsu mereka. Bahasa, bangsa, agama dan lain-lain diperalatkan untuk tujuan ini.

Perpaduan orang Melayu terancam semula, sedangkan keselamatan mereka belum terjamin. Dapatkah UMNO menghadapi cabaran baru ini? Dapatkah UMNO meneruskan perjuangannya untuk mengekalkan perpaduan? Atau apakah orang Melayu yang biasa dijajah 400 tahun sekali lagi akan ditewas dan diperhambakan kerana perpaduan bukan adat bagi mereka!

KE MANA MALAYSIA

Kemenangan Parti Perikatan dalam Pilihanraya Umum tahun 1955 memberi peluang kepada YTM Tunku Abdul Rahman Putra menjadi Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu. Ini diikuti dengan satu rombongan ke United Kingdom yang diketuai oleh-nya sendiri untuk merundingkan kemerdekaan Negeri-Negeri Melayu dengan Kerajaan British.

Rombongan itu telah bertolak ke Sri Lanka dengan kapal laut dan dari sana ke Eropah dengan kapalterbang dengan mandat rakyat dan Raja-raja Melayu untuk menuntut kemerdekaan mulai tahun 1959. Walaupun tarikh ini ditentukan oleh UMNO, YTM Tunku telah didesak dengan kuatnya oleh Pemuda UMNO supaya kemerdekaan dicapai dua tahun lebih awal, iaitu dalam tahun 1957.

Setibanya balik rombongan merdeka ini, dalam satu upacara sambutan yang bersejarah di Melaka, Tunku Abdul Rahman telah mengumumkan bahawa pihak British telah bersetuju memberi kemerdekaan kepada Semenanjung Tanah Melayu dalam 1959, tetapi tambahnya, mengikut desakan Pemuda UMNO, kemerdekaan 'jika boleh' (if possible) akan diberi pada tahun 1957. Sungguhpun kemerdekaan sebenarnya dicapai dalam tahun 1957, penggunaan perkataan 'if possible' oleh Tunku itu jelas mencerminkan keraguan beberapa golongan termasuk para pemimpin Melayu masa itu terhadap kemerdekaan bagi Negeri-Negeri Melayu. Sebenarnya ada pertubuhan-pertubuhan politik orang Melayu yang terang-terang menentang kemerdekaan dan telah menjadikan sikap ini sebagai platform mereka dalam pilihanraya 1955.

Keraguan itu sukar difahami oleh generasi sekarang yang telah dewasa dalam zaman Malaysia merdeka. Tetapi keraguan tentang kemampuan Persekutuan Tanah Melayu kekal dan stabil setelah merdeka memang menjadi satu kenyataan di waktu kemerdekaan dituntut. Asas keraguan ini ialah perkembangan politik d Semenanjung sejak tamat Perang Dunia Kedua dan kedudukan kaum dan ekonomi yang terdapat di masa itu.

Sejarah penjajahan British di "Malaya" dipenuhi dengan eksploitasi ekonomi. Ramai "kuli-kuli" dari India dan China dibawa masuk untuk 'membuka' ladang dan lombong. Dasar imigrasi yang luas telah menarik orang asing sehingga kaum mendatang melebihi bilangan orang Melayu sendiri. Apabila Jepun menakluki Semenanjung Tanah Melayu dalam tahun 1942 penduduknya sudahpun terbahagi secara kekal kepada tiga kaum yang besar, iaitu Melayu, Cina dan India. Di antara ketiga-tiga kaum ini bukan sahaja tidak ada perpaduan tetapi hubungan adalah begitu lemah sehingga permusuhan mudah berlaku. Pemerintahan Jepun cuma menambah jurang perpisahan antara kaum.

Kekalahan Jepun dan kelewatan pihak British menghantar pasukan tentera untuk mengambil-alih kuasa dalam Negeri-Negeri Melayu telah memberi kesempatan kepada gurila-gurila komunis yang terdiri hampir 100% dari orang Cina, melakukan beberapa perbuatan kejam terhadap penduduk-penduduk berbagai kaum. Bagi orang Melayu kekejaman gurila-gurila ini menambah perasaan benci mereka terhadap kaum Cina. Perasaan ini juga terdapat di kalangan orang Cina terhadap orang Melayu. Beberapa peristiwa berdarah telah berlaku di antara orang Melayu dan orang Cina. Sementara itu pula orang keturunan India lebih asyik dengan perjuangan kemerdekaan di India sehingga mereka terkeluar dari arus politik Tanah Melayu seolah-olah mereka tidak berada di Malaya. Dalam keadaan seperti ini cadangan British untuk memberi taraf sama rata kepada semua kaum dalam suatu jajahan takluk British yang dinamakan Malayan Union ciptaan Whitehall, London cuma menambah jarak perpisahan dan ketegangan antara kaum di Semenanjung. Keadaan menjadi bertambah buruk apabila komunis yang terdiri hampir seratus peratus dari kaum Cina melancarkan serangan gurila secara besar-besaran dalam tahun 1948 untuk merebut kuasa daripada British.

Di dalam suasana yang tegang dan pemerintahan dijalankan di bawah undang-undang darurat, Negeri-negeri Melayu terpaksa pula memulihkan semula perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan awam yang telah rosak atau musnah akibat lebih tiga tahun pemerintahan Jepun dan Siam. Pegawai-pegawai British ditambah menjadi lebih ramai daripada sebelum perang. Akibatnya ialah semua urusan pentadbiran yang penting dimiliki oleh pegawai asing. Pegawai tempatan tidak berpeluang mendapat latihan dan memperlihatkan kecekapan mereka.

Jelaslah daripada apa yang telah disebutkan bahawa keadaan di dalam negeri-negeri Melayu Semenanjung dalam tahun-tahun selepas perang tidak tenteram dan banyak masalah yang menyerangnya. Di waktu tuntutan kemerdekaan dibuat masalah-masalah ini telah menjadi buruk sekali. Semua masalah-masalah ini ada kaitan antara satu dengan yang lain tetapi boleh dibahagikan kepada empat jenis. Pertamanya semangat perkauman amatlah kuat dan perhubungan antara kaum amatlah tegang. Yang keduanya gurila masih terlalu aktif dan peperangan yang berlaku bukan sahaja memerlu kepimpinan yang tegas dan cekap tetapi menelan belanja dan tenaga yang banyak walaupun bantuan British masih ada. Kebanyakan daerah yang jauh sedikit dari bandar-bandar besar terpaksa ditadbir sebagai 'kawasan hitam', iaitu kebebasan bergerak dan berusaha adalah terbatas.

Yang ketiga ekonomi negara belum pulih dan sukar dibangunkan oleh kerana keadaan kurang aman. Bukan sahaja perusahaan kilang hampir tidak ada, perusahaan tradisi seperti melombong bijih dan ladang getah belum pulih sepenuhnya. Perusahaan import-eksport dan lain-lain perdagangan baharu sahaja dimulakan dan tidak banyak hasil dan cukai yang didapati oleh Kerajaan.

Akhir sekali kakitangan Kerajaan yang terdiri dari orang tempatan tidak ramai dan tidak diberi peluang memegang jawatan yang penting. Semua jawatan dipegang oleh pegawai British yang bertanggungjawab semata-mata kepada pemerintah kolonial dan tidak kepada rakyat. Jika pegawai-pegawai British berundur, pemerintahan sudah tentu akan terus lumpuh.

Dengan adanya masalah-masalah yang besar ini tidaklah hairan keyakinan terhadap kemerdekaan tidak begitu kuat di kalangan hampir semua pihak melainkan Pemuda UMNO. Pegawai-pegawai British dan ahli-ahli peniaga mereka, dan sebilangan yang besar daripada penduduk Semenanjung sendiri yakin dan percaya Persekutuan Tanah Melayu akan mengalami zaman yang gelap dan mungkin hancur terus jika kemerdekaan dicapai. Khususnya mereka menjangka peperangan kaum akan berlaku dan semua kegiatan perniagaan dan perusahaan akan tergendala. Dalam keadaan kucar-kacir ini jentera Kerajaan di bawah pimpinan pegawai-pegawai tempatan, khususnya pegawai Melayu, tentu akan menjadi lemah dan korap sehingga pemerintahan tidak akan mempunyai kesan dan kehormatan lagi seperti yang kononnya

terdapat dalam Kerajaan Kolonial British dengan 'backing' dari Whitehall, London.

Sangkaan bahawa Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka akan hancur bukanlah khayalan. Contoh-contoh sudahpun ada yang menunjukkan bahawa kemerdekaan negara-negara yang telah dijajah oleh Barat biasanya diikuti dengan satu situasi kecemasan. Kerajaan negara yang telah merdeka tidak cekap memerintah atau terus menjadi Kerajaan diktator yang zalim. Ekonomi pula merosot dan kedudukan rakyat menjadi lebih buruk daripada zaman penjajah. Ini berlaku walaupun tidak ada masalah-masalah yang disebutkan tadi yang dihadapi oleh Persekutuan Tanah Melayu di waktu merdeka dituntut.

Seolah-olah masalah yang empat tadi tidak cukup, pihak British memaksa penerimaan sistem Kerajaan demokrasi sebagai syarat untuk kemerdekaan. Demokrasi bukanlah cara pemerintahan yang terkenal di rantau ini dan bakal pemimpin Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka tidak ada pengalaman dalam selok-beloknya. Pemerintahan British Malaya sendiri tidak demokratik dan tidak boleh dijadikan contoh bagi pemimpin Malaya. Pemerintahan yang terpaksa melayan pendapat yang berlainan di kalangan rakyat tidak semudah seperti pemerintahan secara authoritarian yang berjalan di zaman British. Namun demikian syarat ini bukan sahaja dikenakan tetapi demokrasi sepenuh seperti di negara-negara Eropah yang telah berkurun-kurun memerintah sendiri dimaktubkan di dalam perlembagaan yang tertulis bagi Persekutuan Tanah Melayu. Perlembagaan ini mengikat pemimpin-pemimpin PTM yang merdeka lebih daripada Britain sendiri yang tidak mempunyai perlembagaan yang tertulis.

Tetapi walaupun masalah-masalah yang besar-besar ini dibebankan ke atas Persekutuan Tanah Melayu, kemerdekaan tidak membawa akibat yang buruk seperti yang diramalkan. Sebenarnya bukan sahaja pertempuran antara kaum tidak berlaku serangan gurila komunis juga ditumpul dan dipatahkan tiga tahun selepas merdeka. Kejayaan memerangi sehingga komunis ditewas adalah satu kejayaan yang luar biasa. Di Vietnam dan lain-lain negeri kejayaan tidak dapat dicapai walaupun pertolongan yang tidak terhad diberi oleh Amerika Syarikat kuasa dunia yang gagah sekali. Kejayaan menewaskan komunis bukan semata-mata disebabkan oleh adanya tentera British dan Komonwel tetapi ber-

asas kepada kemampuan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka membentuk sikap dan mengembeling tenaga dengan berkesan.

Setelah "darurat" tamat, minat dan tenaga Kerajaan ditumpukan pula kepada pembangunan dalam ertikata yang seluas-luasnya. Di luar bandar, buat kali pertama, perhatian ditumpukan kepada persediaan kemudahan moden seperti jalan, bekalan air dan elektrik, sekolah dan klinik dan lain-lain lagi. Di bandar perusahaan dan perniagaan diberi galakan secara positif dengan diadakan bermacam-macam insentif. Kerajaan sendiri menyediakan modal dan memasuki bidang perniagaan dan perusahaan. Dengan ini maka kilang-kilang pun tumbuh seperti cendawan dan ekonomi berkembang dengan pesat. Di samping itu orang Melayu yang dahulunya tidak ada sebuah gerai pun di dalam bandar-bandar telah diberi peluang dan bantuan sehingga kejayaan mereka yang mengambil peluang-peluang ini menimbulkan iri hati di kalangan orang Melayu sendiri.

Tetapi kejayaan yang jarangkali diberi nilai atau menarik perhatian ialah pentadbiran sebuah negara di bawah sistem demokrasi yang kompleks oleh pegawai-pegawai tempatan. Keruntuhan jentera pentadbiran bukan sahaja tidak berlaku seperti dijangka tetapi jentera pentadbiran menjadi lebih besar dan lebih sophisticated setelah pegawai-pegawai British direntikan. Pegawai-pegawai Kerajaan sekarang bukan sahaja terpaksa menitikberatkan kehendak rakyat yang dikemukakan oleh wakil-wakil yang dipilih oleh rakyat tetapi terpaksa menghadapi cabaran dari kakitangan di bawah jagaan mereka melalui kesatuan sekerja yang tumbuh dan maju apabila merdeka.

Semua yang disebut di atas perlu dicatit kerana bukan sahaja ingatan manusia biasanya lemah tetapi negara ini telah merdeka dua puluh tahun. Dalam masa dua puluh tahun ramai yang telah dewasa yang sebelum merdeka mereka adalah terlalu kecil untuk menyedari pergolakan di sekeliling mereka. Mereka tidak merasai pahit-maung, pedih-perit hidup dijajah. Mereka juga tidak sedar tentang keraguan yang terdapat dahulu terhadap kemerdekaan. Bagi mereka penjajahan oleh lain bangsa tidak ada makna dan mereka tidak dapat membuat bandingan antara hidup diperintah oleh bangsa sendiri dengan hidup diperintah oleh penjajah. Oleh kerana tidak dapat membuat bandingan maka sukar bagi mereka menghargai apa yang ada pada mereka sekarang. Bandingan

yang dapat dibuat oleh mereka ialah antara keadaan sekarang dengan apa yang dikehendaki oleh hati mereka. Oleh kerana manusia tidak mungkin dapat memuaskan kehendak hati sendiri maka bandingan ini sudah tentu mengeciwakan.

Kekecewaan inilah yang menyebabkan jurang perbezaan antara generasi (generation gap) menjadi begitu jauh. Dari perpisahan ini telah wujud salah-faham dan pendapat yang bertentangan. Semakin luas jurang ini semakin kuat tentangan antara kedua-dua generasi. Hasil dari tentangan atau konfrantasi yang berasas salah-faham ini sudah tentu banyak buruk dari baik. Bagi generasi tua, mereka bertanggungjawab melatih dan membentuk golongan muda yang akan mengambil alih daripada mereka. Bagi golongan muda pula usaha golongan tua disangka penindasan dan mereka akan 'berperang' untuk menghancurkan golongan yang sudah usang dalam pandangan mereka.

Di bawah pimpinan orang tempatan yang majoritinya Melayu, negeri-negeri Melayu di Semenanjung, bersama-sama Sabah dan Sarawak telah mencapai kemajuan yang luar dugaan. Pendapat umum di dalam dan di luar negeri ialah Malaysia mempunyai potensi dan keupayaan terus maju dan kukuh jika ianya kekal dengan kestabilan yang terdapat sekarang. Soalnya ialah apakah salah-faham dan perpisahan antara golongan tua dan muda akan melemahkan negeri-negeri Melayu Semenanjung? Apakah pendapat kiri dan kanan di kalangan generasi muda akan menghancurkan organisasi yang sekian lama telah berjaya mengawal kemerdekaan dan keutuhan Malaysia? Dengan perkataan lain ke mana Malaysia sekarang?

Masalah-masalah yang disebut tadi, walaupun tidak menjejas kejayaan Malaysia yang merdeka, tetapi tidak hilang terus. Semua gejala-gejala yang menyerang Malaysia masih ada. Apa yang berlaku ialah kesannya dapat dikurang atau dibendung supaya tidak menghalang kemajuan. Tetapi gejala-gejala ini terus ada.

Soal kaum masih mengancam ketenteraman. Tindakan sesuka hati oleh mana-mana kaum boleh mencetuskan rusuhan. Kerajaan terpaksa berhati-hati dalam mengawal tindakan yang ada kaitan dengan kaum. Kawalan yang terlalu ketat boleh menyalakan bara perkauman sama seperti kawalan yang terlalu longgar. Kesederhanaan memang jelas dikehendaki tetapi apakah yang boleh dianggap sederhana. Keserdehanaan oleh Kerajaan terhadap

sesuatu kaum boleh dianggap sebagai keterlaluan oleh kaum itu tetapi terlalu longgar oleh kaum lain.

Kegiatan komunis juga masih mengancam negara. Kalau dahulu Malaysia boleh mendapat bantuan dari British untuk memerangi gurila komunis, sekarang bukan sahaja bantuan tidak ada tetapi kawasan yang perlu dipertahankan oleh angkatan tentera Malaysia sudah berlipat ganda. Gurila komunis tidak lagi terdiri dari orang yang hampir buta huruf tetapi mereka lebih terpelajar. Mereka boleh merancang gerakan mereka dengan tertip, membuat senjata-senjata sendiri, mengguna senjata-senjata moden dan menyeludup di segenap lapisan masyarakat. Kecekapan dan keupayaan Kerajaan mematah sebarang usaha dan rancangan gurila komunis menjadi lebih penting dari dahulu. Apakah kecekapan dan keupayaan ini ada dan dapat meningkat lebih cepat dari tektik gurila?

Dalam bidang ekonomi pula masalah semakin bertambah serta lebih kompleks. Bilangan mereka yang keluar sekolah untuk mencari kerja bertambah dengan pesat tiap-tiap tahun. Untuk menampung keadaan ini perusahaan dan perniagaan perlu bertambah. Tetapi perusahaan dan perniagaan perlu dikawal kerana dasar mengimbangkan perkembangan ekonomi antara kaum serta menentukan peruntukan perusahaan tidak dimonopoli oleh orang-orang asing. Di samping itu tindakan persatuan sekerja terpaksa dikawal untuk menghilangkan keraguan terhadap pelaburan yang baru. Jika dahulu soal ekonomi terhad kepada pemulihan perusahaan getah dan bijih, sekarang ini bermacam-macam bidang lain sudah terlibat secara langsung dan tidak langsung. Di antara keperluan mengembangkan kegiatan ekonomi untuk menambah peluang kerja dan hasil negara di satu pihak, dan pencapaian Dasar Ekonomi Baru di satu pihak, pentadbiran ekonomi negara telah menjadi lebih rumit daripada yang terdapat di negara negara yang telah maju. Sebaliknya negara Malaysia tidak dapat tidak terpaksa bersaing dengan negara yang sudah maju ini.

Disebabkan oleh masalah-masalah yang disebut di atas menjadi bertambah kompleks dan rumit, pentadbiran yang lebih cekap dan licin menjadi amat penting. Bukan sahaja anggota-anggota pentadbiran terpaksa ditambah dengan ramainya tetapi bidangnya juga terpaksa diperluaskan. Di samping itu badan-badan separa-Kerajaan yang dibentuk untuk menjayakan dasar ekonomi/politik diberi peranan yang lebih dan luas yang tidak

biasa dimainkan oleh badan-badan seperti ini. Jika di zaman dahulu pentadbiran terasing dari rakyat, sekarang ini pentadbir-pentadbir dikehendaki berdamping rapat dengan rakyat, melayan kehendak mereka dan menerima berbagai teguran dari semua sudut.

Adalah nyata bahawa masalah dan kerumitan yang menyerang Malaysia sekarang sudah berlipat-ganda berbanding dengan keadaan di tahun-tahun awal merdeka. Di seluruh dunia, negara-negara yang telah mencapai kemerdekaan bersama dengan Malaysia sudah pecah-belah atau bertukar corak. Ada yang terbahagi dua, ada yang tidak lagi merupakan sebuah negara dan ada yang menjadi alat kepada kuasa asing. Hampir semua daripada negara-negara baru ini sudah menolak atau tidak mengamalkan lagi bentuk demokrasi yang mereka mewarisi dan memilih di waktu kemerdekaan dicapai.

Apakah Malaysia juga akan turut aliran ini? Apakah Kerajaan secara demokratik akan menjadi terlalu lemah untuk mengatasi masalah-masalah yang disebut tadi dan akan diganti oleh sejenis Kerajaan diktator? Atau apakah Malaysia akan beransur-ansur lumpuh dan hancur kerana tidak dapat mengatasi masalah-masalahnya? Atau, apakah kesedaran akan menyebabkan rakyat dan pemimpin Malaysia berganding bahu untuk memelihara keutuhan dan kedaulatan Malaysia dan sifat-sifat yang sehingga sekarang telah berjaya menjadikan Malaysia sebuah negara berbilang kaum yang berjaya dan maju dalam ertikata yang bermakna.

Ke mana Malaysia!!

Dalam masyarakat Islam tidak ada kelas. Memang ada orang miskin dan orang kaya tetapi pembahagian kepada kelas tidak berlaku. Orang Islam menghargai perhubungan kekeluargaan, walaupun perhubungannya sudah agak jauh. Keluarga orang Islam tidak terhad kepada ibu-bapa dan anak sahaja seperti orang Barat. Dari nenek-moyang hingga ke cucu-cicit semuanya diikat dengan pertalian keluarga.



Keluarga yang begini besar tidak mungkin semuanya kaya atau semuanya miskin. Tiap-tiap *extended family* ini ada yang kaya dan ada yang miskin. Meskipun ada miskin atau kaya mereka masih dari satu keluarga. Ikatan ini tidak dapat diputuskan oleh perbezaan *economic class* —

Dunia memang palsu bagi seseorang. Ia akhirnya akan mati dan kekayaan yang diperolehi di masa hidup tidak akan dapat dibawa ke kubur. Di zaman Firaun percubaan dibuat untuk membawa kekayaan dunia ke akhirat tetapi ini adalah satu khayalan yang tidak ada tempat dalam agama Islam. Sikap Islam dalam masalah ini jelas berasaskan kepada kekayaan dunia ialah untuk dunia sahaja. Akhirnya yang akan memberi kebahagiaan ialah amal dan ibadat serta pegangan kepada ajaran agama, dan bagaimana kekayaan itu digunakan.